BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Laporan Tahunan
2023



BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Keperluan Berkanun

Mengikut seksyen 13 Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bank Negara Malaysia dengan ini menerbitkan dan telah mengemukakan kepada Menteri Kewangan satu naskhah Laporan Tahunan 2023 ini berserta dengan satu salinan Penyata Kewangan Tahunannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, yang telah diperiksa dan disahkan oleh Ketua Audit Negara. Penyata Kewangan Tahunan ini akan juga diterbitkan di dalam Warta.

Bagi maksud seksyen 115 Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002, laporan tahunan berhubung dengan pentadbiran Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan perkara lain yang berkaitan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023 dimasukkan ke dalam Laporan Tahunan 2023.



Abdul Rasheed Ghaffour
Pengerusi
Lembaga Pengarah
20 Mac 2024



Kandungan

Prakata

Peranan Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Kestabilan Monetari 9

Rencana: Di Sebalik Tabir Perumusan Dasar Monetari Bank Negara Malaysia *15*

Rencana: Menggalakkan Penyelesaian dalam Mata Wang Tempatan Rentas Sempadan *24*

Menggalakkan Kestabilan Kewangan 28

Rencana: Memperibadikan Perkhidmatan Kewangan: Menggalakkan Layanan Adil Terhadap Pengguna Mudah Terjejas *36*

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif 39

Rencana: iTEKAD: Pendekatan Ekosistem dalam Memperluas Kewangan Sosial *54*

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif 59

Rencana: Merealisasikan Visi Pengantaraan Berasaskan Nilai: Lima Tahun Selepas Pengenalan *69*

Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap 73

Rencana: DuitNow QR: Menggalakkan Pembayaran Digital yang Inklusif *77*

Pengeluaran Mata Wang 87

Mengekalkan Intergriti Kewangan 95

Rencana: Pendekatan Penguatkuasaan BNM dan Penzahiran Tindakan Penguatkuasaan *102*

Pengurusan Bank Negara Malaysia

Warga Bank Negara Malaysia 106

Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari 113

Rencana: Menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam Peralihan Hijau *124*

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman 130

Menyantuni Rakyat Malaysia 137

Libat Urus Antarabangsa 146

Tadbir Urus

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Struktur Organisasi dan Jawatankuasa Berkanun Bank Negara Malaysia 154

Kewangan Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 181

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 182

Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 183



Abdul Rasheed Ghaffour
Gabenor, Bank Negara Malaysia

Prakata

Tahun 2023 telah memperlihatkan pertembungan cabaran pada peringkat global. Ancaman tekanan inflasi yang berterusan, kegagalan bank global berprofil tinggi, ketegangan geopolitik dan gangguan dalam perdagangan global adalah antara faktor yang terus menguji daya tahan ekonomi global. Berlatarkan ketidakpastian yang ketara dalam ekonomi utama, pasaran kewangan global juga kekal tidak menentu. Di Malaysia, Kerajaan yang baru dibentuk telah mula merangka perancangan untuk memastikan pertumbuhan Malaysia selepas pandemik sambil merintis jalan bagi pembaharuan struktur.

Dalam menelusuri perkembangan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) kekal fokus terhadap mandat utamanya, iaitu menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan yang kondusif untuk pertumbuhan yang mampan serta kestabilan harga. Kami terus menggunakan alat dasar untuk menguruskan dengan teliti keseimbangan (*trade-off*) dasar yang rumit, serta saling kebergantungan antara Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), inflasi, pertumbuhan dan ringgit. Tindakan proaktif yang diambil sejak tahun 2022 untuk mengembalikan dasar monetari ke paras wajar secara beransur-ansur sejajar dengan peningkatan kegiatan ekonomi telah membantu membendung peningkatan tekanan inflasi tanpa menjejaskan pertumbuhan. Sehubungan dengan persekitaran yang mencabar untuk ringgit, kami juga terus memastikan mudah tunai yang mencukupi dan fungsi pasaran kewangan yang teratur supaya keperluan mata wang asing bagi perniagaan terus dapat dipenuhi. Meskipun demikian, faktor luaran terus mempengaruhi mata wang bagi pasaran sedang pesat membangun termasuk ringgit. BNM bertekad untuk mengekalkan keyakinan terhadap ringgit, dan untuk tujuan itu kami telah mengambil tindakan terselaras dan mempertingkatkan libat urus dengan pihak berkepentingan utama untuk menggalakkan aliran masuk bagi mengurangkan tekanan jangka pendek terhadap ringgit.

Pada masa yang sama, kami terus mendorong pembaharuan struktur yang sangat penting untuk memperkukuh prospek pertumbuhan negara dan menggalakkan pelaburan, bagi memberikan sokongan yang lebih berkekalan pada ringgit.

Setakat saya menggarap prakata ini, beberapa usaha pembaharuan peringkat nasional telah dilancarkan, dengan beberapa kemajuan besar dicatatkan pada tahun lalu. Pada tahun 2023, Malaysia telah memulakan beberapa dasar dan pelan induk utama, termasuk Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara, sebagai asas bagi pertumbuhan yang mampan dan berjangka panjang. Pelaksanaan yang tepat pada masanya dan berkesan bagi semua inisiatif ini adalah amat penting. Selaku penasihat ekonomi kepada Kerajaan, BNM akan terus memberikan analisis dan cadangan untuk membangunkan dasar-dasar pada peringkat nasional, terutamanya berhubung dengan pembaharuan yang sangat penting seperti rasionalisasi subsidi dan langkah konsolidasi fiskal. Penyelarasan dasar fiskal, monetari dan kewangan yang berkesan adalah penting untuk mencapai hasil yang optimum untuk ekonomi.

Sebagai tunjang kepada ekonomi Malaysia, sektor kewangan yang kukuh terus memberikan sokongan yang amat penting kepada aspirasi ekonomi negara. Langkah-langkah terus diambil untuk memastikan bahawa sistem kewangan berada pada kedudukan yang baik bukan sahaja untuk membiayai keperluan ekonomi hari ini, tetapi juga untuk menyokong persediaan dan peralihan untuk masa hadapan. Hal ini termasuk membantu isi rumah dan perniagaan melaksanakan amalan lestari dan menerapkan pendigitalan. Kami telah mempertingkatkan dan sedang memperhalus ciri-ciri dana khas, seperti Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau, Kemudahan Agromakanan, serta Kemudahan Automasi dan Digital Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), bagi meningkatkan lagi akses PKS kepada pembiayaan dan membantu mereka membuat penyesuaian dengan jayanya dalam sektor pertumbuhan baharu. Usaha juga sedang dijalankan untuk memajukan pengantaraan berasaskan nilai (value-based intermediation) dan menggalakkan penawaran oleh industri kewangan Islam di Malaysia untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi kewangan hijau dan lestari. Bidang ini mempunyai prospek dan potensi yang besar, bukan sahaja untuk Malaysia dalam usaha untuk memenuhi komitmen Sifar Bersih (Net Zero), tetapi juga untuk ekonomi lain di rantau ini dan seluruh dunia.

BNM kekal komited untuk menyediakan persekitaran yang menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab dalam sektor kewangan. Tindakan ini membolehkan lebih banyak perkhidmatan kewangan dapat diakses dan disampaikan melalui saluran digital, termasuk kepada segmen masyarakat yang sebelum ini kurang mendapat akses kepada perkhidmatan kewangan. Sehingga kini, tiga daripada lima pemohon yang berjaya mendapatkan lesen bank digital telah memulakan operasi. Pada tahun ini, kami akan memuktamadkan rangka kerja pelesenan dan pengawalseliaan bagi penanggung insurans dan pengendali takaful digital. Kami juga sedang menggandakan usaha untuk memerangi penipuan kewangan dalam talian, sambil bekerjasama rapat dengan industri kewangan dan agensi penguatkuasaan undang-undang melalui Pusat Respons Scam Kebangsaan untuk menambah baik proses pengesanan wang dan mengekang aliran dana yang melibatkan penipuan kewangan.

Rangka Kerja Rangkuman Kewangan 2023–26 yang telah dilancarkan pada tahun 2023 akan meningkatkan lagi agenda rangkuman kewangan dengan penetapan strategi untuk merapatkan jurang yang masih ada dari segi akses kepada perkhidmatan kewangan yang berkualiti dan berpatutan untuk semua. Satu bidang yang memiliki potensi besar ialah kewangan sosial. Bidang ini bukan hanya terkait dengan rangkuman kewangan dan kelestarian, tetapi juga kewangan Islam, yang kesemuanya dekat di hati saya. Kami yakin penyelesaian kewangan sosial yang inovatif boleh dibangunkan secara meluas bagi menghasilkan impak yang bermakna dalam kehidupan rakyat Malaysia. Kami menjangkakan perkara ini akan mencapai kemajuan ketara apabila lebih banyak institusi kewangan Islam menerapkan struktur kewangan yang inovatif, seperti kewangan campuran (*blended finance*) dan sumber pembiayaan alternatif yang lain, yang mengintegrasikan kewangan sosial dalam produk kewangan Islam.

Tahun 2024 menandakan titik tengah Pelan Sektor Kewangan (PSK) 2022–26, dan oleh itu, keutamaan sektor kewangan juga adalah untuk menilai kemajuan yang dicapai setakat ini. Langkah ini bukan sahaja untuk mempertingkatkan usaha

menyempurnakan pelaksanaan strategi PSK yang telah ditetapkan pada tahun 2022, malah untuk mempertimbangkan implikasi perkembangan terkini, seperti kemajuan dalam kecerdasan buatan, terhadap kewangan dan ekonomi. Sektor kewangan akan terus memainkan peranan yang sangat penting sebagai daya kitaran berbalas (*counter-cyclical force*) semasa tempoh tekanan dan juga sebagai pemangkin kepada pembaharuan dalam ekonomi.

Hal ini hanya mampu dilaksanakan kerana kekukuhan dan daya tahan sistem kewangan, yang merupakan hasil pembaharuan selama beberapa dekad. Penampan kewangan yang teguh yang dibina sejak sekian lama dan peningkatan amalan pengurusan risiko telah memastikan sektor kewangan terus dapat menyokong ekonomi dalam situasi yang baik dan sebaliknya, lantas menyediakan asas kestabilan pada waktu yang mencabar. Walaupun bank-bank di Malaysia terlindung daripada kegawatan perbankan global pada awal tahun 2023, kami mengambil peluang untuk menjadikan peristiwa ini iktibar bagi Malaysia untuk terus memperkukuh sistem kewangan.

Dengan pandemik kini telah berlalu sepenuhnya, program kerja pengawalan dan penyeliaan BNM kini bergerak pada tahap maksimum. Inisiatif pengawalan dan penyeliaan yang penting, seperti usaha memperkukuh kedudukan modal dan mudah tunai bank, penanggung insurans dan pengendali takaful, sedang dijalankan untuk terus memantapkan penampan yang telah membantu melindungi Malaysia berdepan dengan kejutan seperti pandemik. Kami juga sedang mempertingkatkan kesiapsiagaan sektor kewangan untuk menghadapi krisis melalui perancangan pemulihan dan penyelesaian serta latihan simulasi. Kami juga terus mencapai kemajuan dalam menyepadukan risiko berkaitan iklim dalam aspek pengawalan berhemat dan penyeliaan. Pemerkasaan daya tahan iklim sektor kewangan akan terus menjadi keutamaan BNM pada tahun-tahun mendatang. Hal ini penting untuk memastikan kestabilan kewangan serta membolehkan sektor kewangan menyokong peralihan Malaysia yang teratur kepada ekonomi yang lebih lestari.

Bagi tahun 2024 dan seterusnya, ekonomi Malaysia dijangka kekal berdaya tahan meskipun berdepan rintangan, terutamanya berkaitan faktor luaran. Pada tahun 2024, pertumbuhan diunjurkan lebih tinggi, manakala inflasi kekal sederhana. Tahun ini memberikan peluang kepada Malaysia untuk mempercepat pelaksanaan pembaharuan struktur. Pembaharuan ini adalah sangat penting untuk memperteguh daya tahan ekonomi sambil meningkatkan prospeknya, yang penting bagi Malaysia untuk menangani cabaran masa hadapan. Pada masa yang sama, pembaharuan struktur ini hendaklah dilaksanakan dengan langkah-langkah sokongan yang sewajarnya bagi membantu segmen yang lebih mudah terjejas. Setiap pihak mempunyai peranan yang perlu dimainkan dalam usaha pembaharuan ini. Kerajaan, perniagaan, isi rumah dan individu perlu bekerjasama untuk memastikan semua usaha ini membuahkan hasil yang positif kepada negara.

Misi BNM sebagai bank pusat kekal mencabar seperti sebelum ini. Dalam melaksanakan usaha ini, saya sentiasa disokong rakan seperjuangan yang tidak jemu memberikan komitmen terbaik mereka ke arah menunaikan mandat BNM. Kami akan terus melaksanakan transformasi dan pembaharuan dalam menghadapi cabaran yang sentiasa berubah. Terdapat banyak inisiatif yang dilaksanakan untuk memperkukuh organisasi ini supaya BNM sentiasa kekal menjadi sebuah institusi awam yang dipercayai demi rakyat dan negara. Inisiatif ini diterajui oleh transformasi budaya BNM yang sedang dilaksanakan. Transformasi budaya ini melibatkan usaha untuk memupuk norma dan amalan yang penting bagi melaksanakan mandat BNM dengan berkesan, khususnya berkaitan kerjasama, ketulusan dan akauntabiliti. Di samping itu, kami terus mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran kami seiring dengan perubahan cabaran dasar, di samping memodenkan BNM untuk bersedia menghadapi masa hadapan. Sambil mempersiap sistem kewangan Malaysia untuk menjadi lebih mampan dan berdaya tahan dari segi iklim, kami juga sedang berusaha untuk mengurangkan jejak karbon BNM berkaitan aktiviti pelaburan, operasi mata wang, perjalanan dan penggunaan tenaga.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Gabenor Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus atas sumbangan dan khidmat bakti beliau yang tidak ternilai kepada BNM dan negara. Sesungguhnya, beliau telah menetapkan asas dan menggerakkan beberapa inisiatif yang meletakkan BNM pada tahap yang lebih mantap, sekali gus membolehkan kami berada pada kedudukan yang baik untuk menangani pelbagai cabaran yang melanda pada hari ini.

Terima kasih yang setulusnya juga saya ucapkan kepada semua warga BNM atas dedikasi dan komitmen mereka yang teguh. Saya turut berterima kasih kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan mereka yang tidak berbelah bahagi. Kami akan terus menunaikan mandat yang diamanahkan kepada kami tanpa kompromi terhadap standard profesionalisme dan integriti.



Abdul Rasheed Ghaffour

Peranan Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Kestabilan Monetari 9

Rencana: Di Sebalik Tabir Perumusan Dasar Monetari Bank Negara Malaysia *15*

Rencana: Menggalakkan Penyelesaian dalam Mata Wang Tempatan Rentas Sempadan *24*

Menggalakkan Kestabilan Kewangan 28

Rencana: Memperibadikan Perkhidmatan Kewangan: Menggalakkan Layanan Adil Terhadap Pengguna Mudah Terjejas *36*

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif 39

Rencana: iTEKAD: Pendekatan Ekosistem dalam Memperluas Kewangan Sosial *54*

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif 59

Rencana: Merealisasikan Visi Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI): Lima Tahun Selepas Pengenalan *69*

Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap 73

Rencana: DuitNow QR: Menggalakkan Pembayaran Digital yang Inklusif *77*

Pengeluaran Mata Wang 87

Mengekalkan Intergriti Kewangan 95

Rencana: Pendekatan Penguatkuasaan BNM dan Penzahiran Tindakan Penguatkuasaan *102*

Peranan Bank Negara Malaysia



Peranan Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan bank pusat Malaysia. Matlamat utama BNM adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Mandat dan kuasa BNM diberikan menurut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang ditadbirnya.[1]

Dalam melaksanakan usaha untuk mendorong kestabilan monetari, BNM merumus dan mengendalikan dasar monetari supaya inflasi kekal rendah dan stabil, selain memastikan dasar monetari menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan. BNM juga diberi mandat untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara.

Bagi menggalakkan kestabilan kewangan, BNM mengawal dan menyelia institusi kewangan bagi memelihara keselamatan dan kekukuhan institusi-institusi tersebut. BNM mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing untuk mengekalkan integriti pasaran dan memastikannya berfungsi dengan teratur. Sistem pembayaran juga berada di bawah pengawasan BNM agar sistem pembayaran dan instrumen pembayaran kekal selamat, cekap dan diyakini. Selain itu, BNM juga mengawal selia amalan dalam kalangan institusi kewangan dan syarikat perantara yang terlibat bagi menyediakan perlindungan yang sewajarnya kepada pengguna kewangan.

BNM memainkan peranan penting dalam mendorong sistem kewangan yang progresif dan inklusif. Usaha ini dilaksanakan dengan mengambil kira keperluan ekonomi dan rakyat Malaysia yang berubah-ubah serta peranan utama kewangan dalam kemajuan sosioekonomi negara. Langkah BNM untuk membangunkan dan memperdalam sistem kewangan konvensional dan kewangan Islam dilaksanakan dengan mengakui bahawa sistem kewangan yang lebih maju ialah sistem yang dapat membantu menyerap kejutan, dan seterusnya menyumbang kepada daya tahan negara.

Selain itu, BNM juga melaksanakan beberapa fungsi penting lain. Antaranya ialah pengeluaran mata wang serta pemegangan dan pengurusan rizab antarabangsa negara. BNM juga merupakan penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan. Bersama-sama dengan agensi kerajaan dan penguatkuasaan undang-undang lain, BNM memainkan peranan dalam membantu mencegah jenayah penyalahgunaan perkhidmatan kewangan. Di samping itu, BNM telah bertindak balas terhadap risiko iklim. Pertama, melalui pengawalan dan penyeliaan institusi kewangan yang bersesuaian bagi menyokong peralihan yang teratur ke arah ekonomi rendah karbon. Kedua, melalui penerapan amalan kelestarian dalam operasi BNM.

Semua peranan dan tindakan yang diambil oleh BNM ini adalah demi menjaga kepentingan negara.

[1] Perundangan utama yang lain antaranya termasuk Akta Perkhidmatan Kewangan 2013; Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013; Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002; Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001; Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011; dan Akta Mata Wang 2020.

Menggalakkan Kestabilan Monetari

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) BNM menetapkan dasar monetari untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan perhatian yang sewajarnya kepada perkembangan ekonomi di Malaysia. Bagi mencapai matlamat ini, MPC memutuskan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) berdasarkan penilaiannya terhadap prospek inflasi dalam negeri dan pertumbuhan ekonomi.

Dasar Monetari pada Tahun 2023

Pada tahun 2023, ekonomi global terus menghadapi pelbagai cabaran. Kadar faedah yang tinggi, inflasi yang tinggi, perdagangan global yang semakin perlahan dan ketegangan geopolitik mewujudkan tahap ketidakpastian yang tinggi dan menjejaskan pertumbuhan global pada tahun itu. Walaupun pada mulanya terdapat tanda-tanda positif pada awal tahun berikutan pembukaan semula ekonomi China selepas COVID-19, namun sikap optimis dan momentum pemulihan China tidak kekal lama. Selain itu, kitaran penurunan teknologi global, peralihan dalam perbelanjaan pengguna daripada barangan kepada perkhidmatan serta sekatan perdagangan yang berterusan telah menjejaskan aktiviti perdagangan global.

Meskipun inflasi menurun daripada paras tertingginya pada tahun 2022 bagi kebanyakan negara, namun inflasi masih kekal pada paras yang tinggi. Keadaan ini mendorong banyak bank pusat untuk mengekalkan pendirian dasar monetari yang ketat, dan ada dalam kalangan bank pusat yang terus menaikkan kadar dasar mereka. Keadaan kewangan global menjadi semakin ketat sepanjang tahun 2023. Jangkaan kadar faedah tinggi yang berpanjangan di Amerika Syarikat (AS) juga menyebabkan dolar AS terus kukuh pada tahun 2023. Dolar AS yang kukuh disokong pula oleh aliran mata wang selamat berikutan kebimbangan mengenai tekanan sektor perbankan dalam ekonomi maju dan ketegangan geopolitik yang semakin meruncing. Kekukuhan dolar AS yang berterusan memberikan kesan kepada mata wang pasaran utama dan ekonomi sedang pesat membangun lain, termasuk ringgit.

Meskipun keadaan global mencabar, ekonomi Malaysia terus berkembang sebanyak 3.7% pada tahun 2023 (2022: 8.7%). Pertumbuhan yang lebih sederhana juga mencerminkan keadaan yang kembali normal berikutan pemulihan ekonomi pada tahun 2022 yang disokong oleh pembukaan semula ekonomi dan langkah-langkah dasar yang agak besar.[1] Pada tahun 2023, ekonomi Malaysia disokong oleh permintaan dalam negeri yang berdaya tahan dan pemulihan selanjutnya dalam aktiviti pelancongan. Keadaan pasaran pekerja pada tahun itu bertambah baik dengan kadar pengangguran menurun kepada tahap sebelum pandemik. Guna tenaga terus meningkat berikutan pengembangan ekonomi yang berterusan. Keadaan yang bertambah baik ini, seiring dengan langkah-langkah dasar seperti bantuan wang tunai bersasar telah mendorong perbelanjaan isi rumah di Malaysia. Peningkatan ketibaan pelancong turut merangsang sektor pelancongan di Malaysia dan menyokong perniagaan tempatan. Kemajuan berterusan dalam projek pelaburan besar sepanjang tahun menyumbang selanjutnya kepada pertumbuhan dalam negeri.

Seperti negara lain di rantau ini, permintaan global yang lebih perlahan menjejaskan aktiviti eksport Malaysia. Walau bagaimanapun, produk dan destinasi eksport Malaysia yang pelbagai membantu mengurangi sebahagian daripada kesan kejutan luaran. Walaupun pasaran kewangan dan pertukaran asing global tidak menentu, sistem kewangan Malaysia yang kukuh menjadi penampan terhadap kejutan luaran. Perkara ini membantu memastikan keadaan kewangan domestik kekal kondusif untuk pengantaraan kewangan dan pertumbuhan kredit yang berterusan, lantas menyokong ekonomi.

[1] Langkah-langkah dasar ini termasuk bantuan wang tunai, langkah-langkah berkaitan dengan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan pelaksanaan gaji minimum yang lebih tinggi, yang menyokong perbelanjaan isi rumah pada tahun 2022.

Setelah mencapai paras tertingginya pada separuh kedua tahun 2022, inflasi keseluruhan menunjukkan trend menurun dan berpurata pada 2.5% pada tahun 2023 (2022: 3.3%). Walaupun dolar AS yang terus kukuh berbanding ringgit menyebabkan kos bahan import yang lebih tinggi untuk pengeluaran dalam negeri, tekanan kos keseluruhan berkurang pada tahun 2023. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh harga komoditi global yang lebih rendah dan keadaan rantaian bekalan global yang bertambah baik. Kawalan harga dalam negeri dan subsidi bahan api dan barangan makanan utama (contohnya, telur segar) yang sedia ada juga membantu membendung sebahagian daripada tekanan kenaikan harga. Selain itu, permintaan dalam negeri menjadi lebih stabil pada tahun 2023 berikutan permintaan yang meningkat sejak pembukaan semula ekonomi pada tahun 2022.

Sementara itu, inflasi asas seperti yang diukur oleh inflasi teras,[2] juga menunjukkan trend menurun pada separuh kedua tahun 2023 dan berpurata pada 3% pada tahun itu (2022: 3%). Kadar penurunan inflasi teras pada tahun 2023 adalah lebih beransur-ansur, sebahagiannya mencerminkan tekanan permintaan yang berlarutan, terutamanya pada separuh pertama tahun 2023.

Selepas empat kenaikan OPR berturut-turut pada tahun 2022, MPC[3] membuat keputusan untuk mengekalkan OPR pada 2.75% pada mesyuarat bulan Januari dan bulan Mac 2023. Keputusan ini membolehkan MPC mengkaji semula kesan kumulatif kenaikan OPR pada tahun 2022 terhadap ekonomi Malaysia. Hal ini kerana perubahan dasar monetari mengambil masa untuk mempengaruhi aktiviti ekonomi sepenuhnya. Penilaian menunjukkan tiada tanda-tanda berlaku pengetatan yang berlebihan dalam ekonomi. Sebaliknya, ekonomi dalam negeri terus berkembang, dengan pengangguran yang menurun dan peningkatan perbelanjaan isi rumah yang berterusan. Dengan mengambil kira semua perkembangan ini dan prospek pertumbuhan dalam negeri yang berdaya tahan pada tahun 2023, MPC memutuskan untuk mengembalikan lagi OPR ke paras wajar, dengan meningkatkan OPR sebanyak 25 mata asas pada mesyuarat bulan Mei. Oleh itu, OPR telah kembali ke paras sebelum pandemik iaitu 3.00%. Melalui tindakan itu, MPC telah mengakhiri sepenuhnya rangsangan dasar monetari yang diberikan semasa krisis COVID-19 untuk menyokong pemulihan ekonomi.

Adalah penting bagi MPC untuk memastikan dasar monetari selaras dengan keadaan ekonomi di Malaysia. Walaupun inflasi dalam negeri telah menurun pada tahun 2023, masih terdapat kebimbangan mengenai potensi tekanan kenaikan harga, terutamanya daripada permintaan dalam negeri yang berdaya tahan. Sehubungan dengan itu, kenaikan OPR juga bertujuan sebagai langkah awalan untuk melindungi daripada risiko inflasi menjadi lebih tinggi. Inflasi yang tinggi, jika tidak dibendung, akan menjejaskan kebajikan semua rakyat Malaysia, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah.[4] Sebaliknya, membiarkan OPR yang terlalu rendah dalam keadaan ekonomi yang semakin kukuh boleh menyebabkan perbelanjaan dan pinjaman yang berlebihan oleh isi rumah dan perniagaan. Hal ini bukan sahaja akan meningkatkan inflasi, tetapi juga boleh menimbulkan risiko kewangan bagi isi rumah dan perniagaan pada masa hadapan.

Gambar Rajah 1: Angka-angka Utama Dalam Negeri bagi Tahun 2023 secara Sepintas Lalu



Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) Benar berkembang sebanyak

3.7%

(2022: 8.7%)

Inflasi keseluruhan berpurata pada

2.5%

(2022: 3.3%)





Kadar Dasar Semalaman (OPR) dinaikkan kepada

3.00%

kembali ke paras sebelum pandemik

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Inflasi teras dikira dengan mengecualikan barangan yang harganya tidak menentu (contohnya, daging segar, sayur-sayuran dan telur) dan barangan yang harganya ditadbir (contohnya, elektrik, tol jalan raya dan gula).

[3] MPC bermesyuarat enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai dasar monetari. Maklumat lanjut mengenai dasar monetari Malaysia dan MPC boleh didapati dalam bahagian 'Tadbir Urus' laporan ini dan dalam bahagian 'Kestabilan Monetari' melalui laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability).

[4] Inflasi yang tinggi menghakis kuasa membeli dan simpanan orang ramai, terutamanya golongan berpendapatan rendah. Inflasi yang tinggi juga menjejaskan perniagaan kerana mereka menghadapi kos yang meningkat untuk menghasilkan barangan dan menyediakan perkhidmatan, atau jualan yang lebih rendah disebabkan oleh permintaan yang berkurang. Keadaan ini akan menyebabkan kegiatan ekonomi dan pertumbuhan menjadi lebih perlahan.

Susulan pelarasan OPR secara kumulatif sejak bulan Mei 2022,[5] kadar pinjaman meningkat secara amnya selaras dengan kenaikan OPR. Bagi peminjam, kesan OPR yang lebih tinggi terhadap bayaran balik pinjaman bergantung pada jenis pinjaman. Pinjaman kadar tetap yang sedia ada, seperti kebanyakan pinjaman kereta, kekal tidak berubah. Sementara itu, peminjam dengan pinjaman kadar terapung, terutamanya pinjaman perumahan, menghadapi peningkatan ansuran bulanan. Walau bagaimanapun, bantuan bersasar seperti penstrukturan semula pinjaman dan khidmat nasihat terus tersedia untuk peminjam yang masih mengalami kesukaran kewangan. Bagi pinjaman baharu, kenaikan kadar faedah juga secara amnya selaras dengan pelarasan OPR. Pulangan kepada pendeposit, terutamanya deposit tetap, juga menunjukkan trend yang lebih tinggi.

Sepanjang tahun 2023, operasi monetari BNM terus tertumpu pada usaha memastikan mudah tunai mencukupi dalam sistem perbankan.[6] Hal ini membolehkan pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan berfungsi dengan teratur dalam ekonomi.

Kadar Pertukaran Ringgit

Pada tahun 2023, ringgit terus menghadapi tekanan penurunan nilai berbanding dengan dolar AS dan rakan perdagangan utama yang lain. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh perkembangan global. Pelabur lebih menggemari aset dalam denominasi dolar AS berikutan jangkaan kadar faedah tinggi yang berlanjutan di AS, iaitu lebih tinggi berbanding dengan kadar faedah semasa di Malaysia. Konflik geopolitik yang berterusan menyebabkan peserta pasaran kewangan memilih untuk memegang dolar AS sebagai aset selamat. Ketidakpastian mengenai prospek pertumbuhan ekonomi China turut menjejaskan sentimen pelabur di rantau ini.

Pergerakan kadar pertukaran ringgit tidak mencerminkan asas-asas ekonomi Malaysia yang kukuh pada tahun 2023 meskipun persekitaran global mencabar. Walau bagaimanapun, faktor luaran ini bersifat jangka pendek. Apabila keadaan kewangan global bertambah baik dan ketidaktentuan reda pada masa hadapan, tekanan terhadap ringgit akan berkurang.

Operasi pertukaran asing BNM juga menyediakan sokongan yang diperlukan untuk meredakan volatiliti yang berlebihan dalam pergerakan kadar pertukaran ringgit.[7] BNM berbuat demikian dengan membeli dan menjual ringgit dalam pasaran pertukaran ringgit apabila perlu. Langkah ini memastikan mudah tunai dua hala adalah mencukupi dalam pasaran kadar pertukaran ringgit. BNM juga terus memperdalam pasaran pertukaran asing melalui usaha yang berterusan oleh Jawatankuasa Pasaran Kewangan BNM dan bank-bank yang beroperasi di Malaysia, sekali gus membolehkan perniagaan memenuhi keperluan pembiayaan mereka dengan lebih berkesan. BNM juga terus menggalakkan akses kepada instrumen lindung nilai untuk perniagaan menguruskan risiko pertukaran asing mereka dengan lebih baik.[8]

Pada tahun 2023, BNM terus mengadakan perbincangan dan interaksi dengan pelabur dan syarikat besar, termasuk pengeksport, berhubung dengan aktiviti pertukaran asing mereka. BNM turut memantau rapi pertukaran hasil eksport kepada ringgit oleh pengeksport tempatan besar. Baru-baru ini, Kerajaan dan BNM juga telah mengambil langkah-langkah yang terselaras untuk menggalakkan Syarikat Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Companies, GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (Government-Linked Investment Companies, GLIC) untuk membawa balik dan menukarkan pendapatan pelaburan asing yang diperoleh kepada ringgit dengan lebih konsisten. Langkah-langkah ini secara kolektif akan menyumbang kepada aliran masuk yang lebih besar dan berterusan lantas memberikan sokongan untuk nilai ringgit yang lebih kukuh. Sementara itu, pembaharuan struktur yang sedang dilaksanakan seharusnya menyebabkan lebih banyak aliran pelaburan masuk ke Malaysia sekali gus memberikan sokongan yang lebih bertahan kepada ringgit untuk tempoh jangka panjang.

Analisis dan Penyelidikan

Analisis ekonomi dan penyelidikan dasar BNM pada tahun 2023 memberikan tumpuan pada penilaian daya tahan ekonomi Malaysia terutamanya dalam keadaan cabaran luaran serta memahami dengan lebih lanjut pendorong inflasi dalam negeri. Melalui analisis senario, BNM menilai bagaimana kekukuhan pemulihan ekonomi

[5] OPR dinaikkan sebanyak 125 mata asas secara keseluruhan melalui lima pelarasan sebanyak 25 mata asas.

[6] BNM mengendalikan operasi monetari dengan menggunakan pelbagai instrumen. Maklumat lanjut mengenai pelbagai instrumen yang digunakan boleh didapati dalam bahagian 'Operasi Monetari' melalui laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/web/guest/overview).

[7] Maklumat lanjut mengenai ringgit boleh didapati pada bahagian 'Dasar Kadar Pertukaran Ringgit' melalui laman sesawang BNM (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability/ringgit).

[8] Maklumat lanjut mengenai inisiatif perkembangan pasaran kewangan boleh didapati pada bahagian 'Inisiatif Pembangunan Pasaran' melalui laman sesawang BNM (http://www.bnm.gov.my/committees/fmc#devt).

China boleh memberikan kesan pada pertumbuhan KDNK Malaysia berikutan hubungan perdagangan yang rapat. BNM juga mengkaji bagaimana Malaysia boleh terjejas akibat tekanan sektor perbankan dalam ekonomi maju dan pertumbuhan global yang lebih perlahan dalam jangka sederhana. Di samping itu, BNM membuat analisis tentang daya tahan ekonomi Malaysia selepas pandemik, termasuk pemulihan dalam sektor ekonomi dan pasaran pekerja serta daya tahan eksport.[9] Dari segi inflasi, BNM mengkaji dengan lebih mendalam sama ada perubahan harga di Malaysia didorong oleh faktor seluruh ekonomi atau faktor khusus mengikut sektor,[10] serta pendekatan yang berbeza untuk mengukur inflasi asas.[11] Penyelidikan BNM juga mengkaji bagaimana syarikat menentukan harga dan upah dalam keadaan inflasi yang tinggi dan pergerakan kadar pertukaran ringgit.

Sepanjang tahun 2023, BNM terus memantau dengan teliti kesan perubahan OPR sebelum ini terhadap ekonomi yang lebih luas. Khususnya, BNM memantau dengan teliti tanda-tanda pengetatan yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi dalam negeri. Penilaian ini merangkumi kesan terhadap aktiviti kredit, pembiayaan dan penggunaan. Bagi mengukuhkan lagi pengawasan dan penyelidikan analisis, BNM terus menyepadukan pandangan peringkat lapangan daripada pejabat wilayah BNM. Pandangan daripada peserta industri termasuk perniagaan ini sangat penting untuk membantu BNM memahami ekonomi dengan lebih baik termasuk bagaimana perkembangan yang berubah-ubah dan dasar dalam negeri memberikan kesan kepada sektor ekonomi yang berbeza. BNM juga menambah baik alat pengawasan ekonomi sepanjang tahun 2023, termasuk memperhalusi kaedah untuk mengukur jurang keluaran ekonomi, membangunkan penunjuk untuk menilai keadaan kadar faedah dengan lebih baik serta mewujudkan indeks untuk mengukur sentimen dalam pasaran kewangan domestik.

Sebagai penasihat kewangan dan ekonomi kepada Kerajaan, BNM terus menyumbang secara aktif kepada beberapa kumpulan dasar yang memberikan tumpuan pada keutamaan ekonomi. Perkara ini termasuk dasar yang berkaitan dengan kos sara hidup, pelaburan, pekerja, kewangan awam dan perlindungan sosial. BNM memberikan nasihat dasar mengenai rancangan rasionalisasi subsidi Kerajaan daripada perspektif ekonomi makro, termasuk potensi kesan terhadap inflasi dan pertumbuhan dalam negeri. BNM juga memberikan input yang turut meliputi strategi yang berpotensi untuk melaksanakan rasionalisasi subsidi, serta langkah-langkah yang berpotensi untuk meminimumkan kesannya terhadap isi rumah dan perniagaan. BNM turut menyumbang kepada pembentukan Akta Kewangan Awam dan Tanggungjawab Fiskal 2023 yang diluluskan oleh Dewan Negara pada bulan November 2023. Akta ini penting untuk meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan kewangan awam. Langkah ini akhirnya akan memelihara kestabilan ekonomi makro dan melindungi kebajikan rakyat Malaysia.

BNM juga menyokong dasar-dasar yang akan membantu peralihan negara kepada negara berpendapatan tinggi. Ini termasuk menggalakkan pendekatan berasaskan misi bagi perancangan perindustrian dan kerjasama rentas industri dalam pembentukan Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (New Industrial Master Plan, NIMP 2030).[12] BNM juga menyokong inisiatif untuk memantapkan amalan hubungan pelabur di Malaysia yang bertujuan untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi perniagaan dan pelaburan. BNM terus menggalakkan sistem perlindungan sosial yang lebih menyeluruh dan cekap di Malaysia bagi memastikan kesejahteraan rakyat untuk jangka panjang. Usaha ini termasuk memperkemas program bantuan sosial bagi memastikan mereka yang memerlukan sokongan akan menerimanya. BNM juga menggalakkan liputan skim simpanan persaraan swasta Malaysia diluaskan kepada semua individu, termasuk pekerja dalam sektor tidak formal (contohnya, individu yang bekerja sendiri). BNM turut menyokong pembaharuan struktur yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan isi rumah terutamanya berikutan isu kos sara hidup yang semakin meningkat. Hal ini termasuk mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi melalui pelaburan yang berkualiti dalam bidang pertumbuhan baharu dan menyokong inisiatif yang menambah baik pertumbuhan gaji melalui peningkatan kemahiran dan produktiviti pekerja yang bertambah baik.

[9] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rencana Buletin Suku Tahunan BNM S3 2023 bertajuk 'Daya Tahan Ekonomi Malaysia: Analisis Pascapandemik'.

[10] Maklumat lanjut boleh didapati dalam Rencana Buletin Suku Tahunan BNM S2 2023 bertajuk 'Memahami Pendorong Inflasi: Membezakan antara Dinamik Sepunya dengan Dinamik Idiosinkratik di Malaysia'.

[11] Perbincangan lanjut mengenai inflasi asas boleh didapati dalam Rencana Tinjauan Ekonomi dan Monetari BNM 2023 bertajuk 'Inflasi Asas pada Terasnya'.

[12] NIMP 2030 dilancarkan pada 1 September 2023.

Komunikasi dan Jangkauan

Sepanjang tahun 2023, BNM terus berkongsi maklumat terperinci mengenai keputusan dasar monetari dan perkembangan terkini mengenai inflasi dan ringgit. Melalui langkah ini, BNM berhasrat untuk meningkatkan pemahaman orang ramai dan menangani kebimbangan berhubung dengan perkara ini. Berikutan isu-isu ekonomi dan banyak faktor yang saling mempengaruhi, BNM berusaha untuk berkomunikasi dengan lebih mudah dan lebih menarik kepada khalayak yang lebih luas. Sebagai contoh, BNM telah menyiarkan penerangan bagi menangani salah tanggapan umum mengenai OPR, serta video pendek yang menerangkan cara OPR beroperasi melalui platform media sosial BNM (lihat Gambar Rajah 2). BNM juga aktif meneruskan libat urus dengan orang ramai, penganalisis, pelabur, media dan wakil Kerajaan pada tahun 2023.[13]

BNM turut mengekalkan kerjasama yang berterusan dengan ahli akademik melalui pelbagai inisiatif. Inisiatif ini termasuk program Felo Penyelidik Tamu (Visiting Research Fellowship, VRF)[14] dan Inisiatif Sokongan Penyelidikan (Research Support Initiative, RSI).[15] Melalui program RSI, BNM menyediakan sokongan kepada ahli akademik dalam penyelidikan mereka berhubung dengan bidang yang berkaitan dengan BNM. Program VRF juga membantu mengembangkan penyelidikan BNM mengenai ekonomi monetari dan kewangan dengan kajian bersama yang berterusan dalam bidang seperti pasaran pekerja, inflasi dan pelaburan. Akhir sekali, kerjasama ini bertujuan untuk menggabungkan perspektif yang pelbagai bagi meningkatkan pemahaman BNM tentang isu-isu ekonomi yang kompleks untuk membuat dasar berasas maklumat yang mencukupi.

Gambar Rajah 2: Petikan Maklumat yang Pernah Dikongsikan melalui Media Sosial



Sumber: Bank Negara Malaysia

[13] Maklumat lanjut mengenai interaksi BNM dengan orang ramai sepanjang tahun boleh didapati melalui bab 'Menyantuni Rakyat Malaysia' dalam laporan ini.

[14] VRF dilancarkan pada bulan Oktober 2020. Program ini bertujuan untuk menghasilkan penerbitan penyelidikan bersama antara ahli akademik dengan kakitangan BNM. Maklumat lanjut boleh didapati melalui laman web BNM (https://www.bnm.gov.my/research/vrf).

[15] RSI dilancarkan pada bulan Oktober 2020. Program ini dirangka untuk calon lepasan ijazah dan kedoktoran yang khusus dalam bidang ekonometrik, ekonomi makro, ekonomi monetari dan kewangan, pembelajaran mesin (*machine learning*), dan sains data. Maklumat lanjut boleh didapati melalui laman web BNM (https://www.bnm.gov.my/research/rsi).

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2024, ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang. Selain perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, pertumbuhan global yang mampan dan pemulihan aktiviti perdagangan akan memberikan manfaat kepada eksport negara. Keadaan ini akan menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia. Pada masa yang sama, inflasi juga dijangka kekal sederhana. Keadaan ekonomi yang menggalakkan pada tahun 2024 memberikan peluang untuk melaksanakan pembaharuan struktur seperti yang diumumkan oleh Kerajaan. Pelaksanaan pembaharuan ini, seperti rasionalisasi subsidi, diperlukan untuk mengukuhkan ekonomi selepas krisis, yang akhirnya memberikan manfaat kepada Malaysia dalam jangka panjang.

Memandangkan dasar dalam negeri berkaitan subsidi dan kawalan harga dikaji semula dan kemungkinan adanya pelarasan, keadaan ini boleh memberikan kesan pada hala tuju inflasi pada masa hadapan.

Selain dasar dalam negeri, kemungkinan terdapat juga rintangan global dan cabaran baru muncul yang boleh memberikan risiko kepada prospek ekonomi Malaysia. Oleh itu, BNM sentiasa berwaspada terhadap perkembangan semasa dalam negeri dan global. BNM akan memastikan pendirian dasar monetari kekal kondusif untuk pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang mampan untuk jangka panjang dalam keadaan harga yang stabil. Operasi pertukaran asing dan monetari juga akan terus memastikan mudah tunai mencukupi dalam pasaran pertukaran asing, wang dan bon Kerajaan. Kesemua ini akan melengkapkan dasar BNM lain bagi memastikan pasaran kewangan domestik dan pengantaraan kewangan berfungsi dengan lancar. BNM komited untuk bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan mengenai langkah-langkah dasar yang berkaitan, terutamanya pembaharuan struktur. Usaha-usaha ini bukan sahaja akan menangani cabaran ekonomi pada masa terdekat, malah turut meningkatkan daya tahan ekonomi Malaysia pada tahun-tahun akan datang.

Di Sebalik Tabir Perumusan Dasar Monetari Bank Negara Malaysia



[The Star] ***'Bank Negara raises OPR by 25bps to 2.75%'*** –3 Nov 2022

[Sinar Harian] ***'Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan dasar semalaman (OPR) meningkat dua puluh lima perpuluhan kepada tiga peratus'*** –3 Mei 2023

[Harian Metro] ***'OPR tidak naik, masih 3.0%'*** –7 Sep 2023

[Malay Mail] ***'Bank Negara Malaysia maintains OPR at 3pct'*** –24 Jan 2024



Anda mungkin pernah terbaca tajuk berita sebegini semasa membaca berita atau melayari media sosial. Topik yang sama juga mungkin timbul dalam perbualan anda dengan keluarga dan rakan-rakan. Anda mungkin terfikir tentang siapakah dan apakah 'MPC'? Mengapa MPC yang membuat keputusan ini? Mengapa MPC menaikkan kadar faedah dalam keadaan kos sara hidup yang sudah tinggi? Semua soalan ini patut ditanya dan rencana ini bertujuan untuk menjawab soalan-soalan ini serta isu yang berkaitan. Secara khususnya, rencana ini akan membincangkan tentang Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) Bank Negara Malaysia (BNM) dan tugas mereka serta mengulas 'di sebalik tabir' persiapan mesyuarat MPC.

Bahagian I: MPC – Apakah MPC dan tugas mereka?

Mari kita mulakan dengan gambaran yang menyeluruh. BNM mempunyai tanggungjawab untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kewangan, serta memupuk sektor kewangan yang kukuh dan progresif bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan. Secara ringkas, kestabilan monetari bermaksud mengawal kenaikan harga supaya ekonomi boleh berkembang secara berterusan dalam jangka panjang. Harga yang stabil mewujudkan persekitaran yang boleh dipercayai untuk pelaburan dan perbelanjaan. Hal ini sangat penting untuk pertumbuhan jangka panjang dan penciptaan pekerjaan. Walau bagaimanapun, meskipun harga yang stabil adalah penting, hal ini hanyalah satu faktor ke arah ekonomi yang kukuh. Bagi BNM, sebuah jawatankuasa yang berdedikasi dipertanggungjawabkan dengan mandat untuk menggalakkan kestabilan monetari ini, iaitu Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC). MPC menetapkan dasar monetari[1] dengan membuat pelarasan terhadap Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR).[2] Rencana ulang kaji pendek di bawah memperincikan kepentingan kestabilan harga serta kesan yang berlaku apabila OPR berubah.

[1] Dasar monetari ialah tindakan yang diambil oleh BNM untuk mempengaruhi kadar faedah dalam ekonomi.
[2] OPR ialah kadar faedah dasar BNM yang mempengaruhi, antara lainnya, kadar pinjaman dan pembiayaan bank-bank, serta kadar deposit. Hal ini bermakna walaupun anda tidak mempunyai pinjaman, perubahan dalam OPR masih boleh memberikan kesan terhadap anda melalui perubahan dalam pulangan untuk deposit dan simpanan, antara lain. Perubahan dalam OPR mempengaruhi aktiviti ekonomi dan perubahan tahap harga keseluruhan, biasanya dengan mempengaruhi kadar faedah dalam ekonomi.

ri kita kaji beberapa konsep utama dasar monetari.

Mengapakah kestabilan harga penting?



- Apabila inflasi rendah dan stabil, perubahan tahap harga keseluruhan juga adalah stabil dan boleh dijangka. Hal ini penting kerana jika harga sentiasa berubah dan sukar dijangka, isi rumah dan perniagaan akan sukar untuk merancang jumlah perbelanjaan, simpanan atau pelaburan. Hal ini seterusnya akan memberikan kesan terhadap kegiatan dan pertumbuhan ekonomi.
- Apabila harga meningkat dengan cepat atau ketara, kuasa beli pengguna akan terjejas. Inflasi yang tinggi dan tidak menentu memberikan kesan terhadap semua pengguna dan yang paling terjejas ialah isi rumah berpendapatan rendah. Berbanding dengan kumpulan berpendapatan lebih tinggi, sebahagian besar daripada perbelanjaan mereka adalah untuk pembelian keperluan seperti makanan dan perumahan.
- Inflasi yang tinggi juga menyukarkan perniagaan yang mungkin berhadapan dengan kos yang lebih tinggi untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan, atau jualan yang lebih rendah kerana harga yang tinggi menjejaskan permintaan pengguna. Keadaan ini seterusnya boleh memberi kesan kepada jualan dan keuntungan perniagaan. Apabila harga kerap berubah, perniagaan juga sukar untuk merancang dan melabur untuk masa hadapan. Bagi penabung dan pesara, inflasi yang tinggi juga menjejaskan simpanan mereka. Kenaikan harga yang mendadak akan mengurangkan kuasa beli simpanan dengan cepat.
- Sebaliknya, jika harga keseluruhan jatuh dalam tempoh yang lama juga tidak bagus. Keadaan ini dikenali sebagai deflasi, iaitu keadaan yang teruk disebabkan oleh permintaan yang berkurang dengan ketara. Apabila keadaan ini berlaku, banyak individu akan kehilangan pekerjaan serta wujud lebih banyak ketidaktentuan dan tekanan kewangan. Akibatnya, pelaburan dan perbelanjaan akan menjadi lebih rendah. Perniagaan perlu menurunkan harga untuk menarik pengguna tetapi orang ramai tidak akan berbelanja berikutan keadaan kewangan yang tidak menentu dan mereka menunggu untuk harga terus turun. Sama seperti inflasi yang tinggi, deflasi juga menjejaskan ekonomi.

Apakah yang berlaku apabila MPC melaraskan OPR?



- Apabila MPC membuat keputusan untuk menaikkan OPR, kadar faedah yang lebih tinggi bagi simpanan dan pinjaman akan mempengaruhi orang ramai untuk lebih menyimpan dan kurang berbelanja. Sebagai contoh, apabila permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dalam ekonomi melebihi bekalan yang tersedia, harga akan terus meningkat. OPR yang lebih tinggi akan membantu untuk memperlahankan permintaan. Hal ini menyebabkan permintaan lebih setara dengan bekalan dan harga akan meningkat dengan lebih perlahan.
- Keadaan sebaliknya berlaku apabila MPC memutuskan untuk mengurangkan OPR. Kadar faedah yang lebih rendah bagi pinjaman dan simpanan akan menyebabkan orang ramai kurang menyimpan dan lebih banyak berbelanja. Hal ini meningkatkan kegiatan ekonomi dan mengelakkan tahap harga keseluruhan dari jatuh disebabkan oleh permintaan yang lemah, yang jika tidak dibendung akan menjejaskan ekonomi.
- Penting untuk difahami bahawa OPR merupakan 'alat tumpul' (alat dasar yang memberikan kesan meluas). Walaupun MPC cuba mengekalkan harga yang stabil dan memastikan ekonomi berkembang dengan baik mengikut masa, tindakannya tidak menjejaskan semua individu dengan cara yang sama. Dasar monetari tidak boleh menyasarkan sebahagian tertentu ekonomi dengan tepat, tetapi ia diperlukan untuk menetapkan keadaan kadar faedah keseluruhan.

Sumber: Diadaptasi daripada Soalan Lazim Dasar Monetari BNM (https://www.bnm.gov.my/monetary-stability#mpfaq)



MPC dipengerusikan oleh Gabenor dan ahli-ahlinya terdiri daripada Timbalan-timbalan Gabenor dan tidak lebih daripada tujuh ahli lain. Komposisi keahlian MPC bertujuan untuk memastikan pelbagai kepakaran teknikal dan perspektif yang meluas dalam perbincangan dasar monetari dan bukannya mewakili kumpulan berkepentingan tertentu. Sejak tahun 2015, individu luar BNM juga telah menganggotai MPC, yang dikenali sebagai ahli luar MPC. Penyertaan ahli luar sangat bermanfaat kerana mereka dapat memberikan pandangan dari pelbagai perspektif, mempunyai pengetahuan khusus serta menyumbangkan pemahaman tambahan dalam mesyuarat ketika membuat keputusan tentang dasar monetari. Hal ini memberikan pemahaman yang lebih menyeluruh dan mencukupi tentang pelbagai isu yang melengkapi kepakaran ahli MPC dalaman.

Bahagian II: Apakah yang dipertimbangkan dalam keputusan OPR?

Bagi memahami cara keputusan OPR dilakukan, hal ini boleh difahami melalui dua bahagian penting: i) **analisis** – bidang yang dianalisis dan diunjurkan oleh MPC dan ii) **proses** – proses langkah demi langkah daripada pengumpulan maklumat sehingga keputusan dasar yang muktamad.

Analisis

Pada asasnya, soalan lazim yang dipertimbangkan oleh MPC untuk setiap mesyuarat ialah:

Bagaimana keadaan ekonomi?	Ke mana arah ekonomi?	Bagaimana dasar monetari harus bertindak?
		
Perkembagan pertumbuhan dan inflasi	***Tinjauan pertumbuhan dan inflasi***	***Strategi dasar monetari***

Dalam usaha untuk mengekalkan harga yang rendah dan stabil sambil memupuk ekonomi yang semakin berkembang dalam jangka panjang, panduan MPC dari segi pemboleh ubah ekonomi ialah pertumbuhan dan inflasi. Yang penting, MPC sentiasa berpandangan ke masa hadapan apabila menetapkan dasar monetari kerana kesan pelarasan OPR terhadap kegiatan ekonomi dan inflasi tidak berlaku dalam sekelip mata. Menurut beberapa anggaran, dasar monetari boleh mengambil masa hingga dua tahun untuk menunjukkan kesan yang paling ketara terhadap ekonomi.[3] Oleh itu, penting bagi MPC untuk memahami prospek pertumbuhan dan inflasi.

[3] Sebagai contoh, European Central Bank menyatakan bahawa dasar monetari yang lebih ketat boleh mengambil masa hampir dua tahun untuk memberikan kesan yang paling ketara terhadap inflasi, iaitu keadaan yang sama bagi Malaysia.

MPC sentiasa berpandangan ke masa hadapan apabila menetapkan dasar monetari kerana kesan pelarasan OPR terhadap kegiatan ekonomi dan inflasi tidak berlaku dalam sekelip mata

Bahagian penting dalam menilai prospek adalah memahami prestasi ekonomi semasa. MPC mempertimbangkan bidang yang merangkumi perkembangan dan prospek ekonomi, monetari dan pasaran kewangan terkini. MPC memanfaatkan pelbagai maklumat dan pandangan yang meliputi data dan maklumat dalaman, kepakaran kakitangan BNM, maklumat daripada libat urus dengan pelbagai peserta ekonomi, seperti isi rumah, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS), dan syarikat korporat besar, serta hasil penyelidikan akademik. Sumber-sumber ini digunakan seiring dengan data dan maklumat daripada agensi Kerajaan seperti Jabatan Perangkaan Malaysia, selain analisis dan unjuran daripada bank pusat lain, institusi antarabangsa dan pakar ekonomi dari sektor swasta.

Gambar Rajah 1 memberikan gambaran yang menyeluruh tentang bidang pengawasan yang diselia oleh kakitangan BNM.[4] Penilaian pertumbuhan ekonomi bermula dengan ekonomi global. Penilaian ini penting kerana Malaysia ialah sebuah ekonomi kecil dan terbuka serta dipengaruhi oleh perkembangan di luar sempadan negara. Bagi ekonomi dalam negeri, kakitangan BNM akan meneliti bidang yang merangkumi penggunaan, pelaburan dan perdagangan, antara lain.

Inflasi, iaitu kenaikan paras harga keseluruhan barangan dan perkhidmatan, merupakan satu lagi aspek penting untuk dinilai. Memahami dinamik inflasi sangat penting kerana inflasi mempengaruhi kuasa beli secara langsung dan cara pengguna membelanjakan wang. Bagi perniagaan, inflasi akan menentukan jumlah kos untuk menghasilkan barangan dan perkhidmatan. Di bawah pengawasan BNM, pelbagai penunjuk yang meluas dipantau termasuk ukuran harga utama seperti Indeks Harga Pengguna dan Indeks Harga Pengeluar, faktor yang mempengaruhi permintaan dan penawaran, serta jangkaan inflasi yang diukur melalui Kaji Selidik Sentimen Pengguna (Consumer Sentiment Survey, CSS) BNM.[5]

Gambar Rajah 1: Gambaran Keseluruhan Bidang Pemantauan Utama dan Penunjuk Utama Terpilih



Nota: Senarai ini tidak menyeluruh

Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Kakitangan khususnya daripada jabatan yang memberikan tumpuan terhadap dasar monetari, ekonomi dan operasi pelaburan dan pasaran kewangan di BNM.

[5] CSS, yang bermula pada tahun 2013, menggambarkan pendapat isi rumah tentang pertumbuhan ekonomi, inflasi, upah dan kos pinjaman. Hal ini penting kerana jangkaan mungkin mempengaruhi keputusan perbelanjaan orang ramai, dan seterusnya memberikan kesan kepada ekonomi.

Penilaian pasaran kewangan juga diambil kira kerana pasaran dan institusi kewangan merupakan saluran penting untuk dasar monetari mempengaruhi ekonomi. Prestasi pasaran dan institusi kewangan berkait rapat dengan trend dan keadaan ekonomi global, serta mempengaruhi mudah tunai, kadar faedah dan ketersediaan kredit yang merupakan faktor penting untuk perniagaan dan pengguna. Kakitangan BNM juga menilai keadaan pembiayaan domestik termasuk kadar pinjaman, ketersediaan kredit untuk peminjam dan kewujudan ketidakseimbangan kewangan.

Walaupun perkembangan ini memberikan maklumat tentang keadaan ekonomi semasa, ia juga menyumbang kepada penyelesaian bagi persoalan tentang arah ekonomi melalui latihan unjuran. Unjuran ini, dibangunkan oleh kakitangan dengan bantuan model teknikal dan pertimbangan kakitangan BNM, menjangkakan prestasi ekonomi pada masa hadapan. Sebagai contoh, terdapat angka-angka yang menunjukkan inflasi dan pertumbuhan ekonomi yang dianggarkan dalam beberapa suku atau tahun akan datang. Walau bagaimanapun, unjuran tidak semestinya sentiasa tepat. Unjuran ini kerap dikemas kini untuk mencerminkan maklumat baharu, terutamanya apabila terdapat banyak ketidakpastian. Namun, walaupun tidak tepat 100%, unjuran memberikan panduan yang baik untuk ahli MPC membentuk pandangan mereka tentang tindakan dasar monetari yang sesuai.



Penilaian utama sememangnya berdasarkan data dan model. Walau bagaimanapun, integrasi pemahaman peringkat lapangan adalah penting untuk mendapatkan pemahaman awal dan lebih baik tentang prospek ekonomi. Pandangan ini diperoleh daripada pasukan Pengawasan Ekonomi Wilayah BNM. Pasukan ini ditempatkan di hab ekonomi utama di seluruh negara,[6] meliputi pengawasan di kawasan sekitar. Pegawai perhubungan ekonomi BNM kerap melakukan libat urus dengan peserta industri dan perniagaan untuk meneliti prospek ekonomi dan inflasi, sentimen dan strategi perniagaan mereka. Pengawasan ini membolehkan MPC memahami cara perkembangan pembangunan dan dasar dalam negeri memberikan kesan terhadap pelbagai sektor ekonomi. Pergantungan kepada pemahaman secara langsung sebegini merupakan titik kaitan penting yang menghubungkan MPC dengan maklumat tepat pada masanya, berpandangan ke hadapan dan kualitatif yang menjadi pelengkap kepada bahagian yang tidak diliputi oleh statistik.[7]

Akhir sekali, kakitangan BNM mengumpulkan maklumat yang berkaitan untuk memaklumkan strategi dasar monetari. Hal ini melibatkan penilaian imbangan risiko terhadap pertumbuhan dan inflasi serta menjalankan analisis senario. Kakitangan BNM juga menggariskan aspek strategi komunikasi dasar monetari.

Yang penting, setiap bidang penilaian ini berfungsi sebagai sebahagian daripada gambaran yang menyeluruh tentang landskap ekonomi Malaysia dan arah tujunya, serta cara dasar monetari perlu bertindak balas. Bergantung pada keadaan, sesetengah mesyuarat MPC mungkin meneliti isu atau penyelidikan tertentu.

Selepas mengambil kira semua maklumat, MPC akan membuat keputusan secara autonomi. Walaupun proses ini jauh lebih mendalam dan terperinci, hal yang paling penting adalah keseimbangan risiko terhadap pertumbuhan dalam negeri dan inflasi.

Jawatankuasa Dasar Monetari membuat keputusan tentang dasar monetari secara autonomi

Seperti yang dinyatakan sebelum ini, MPC didorong oleh matlamatnya untuk mengekalkan harga yang stabil dan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Jika inflasi berkemungkinan menjadi terlalu tinggi untuk jangka masa yang panjang manakala tanda-tanda menunjukkan pertumbuhan yang kukuh, MPC lazimnya akan mengetatkan dasar

[6] Johor Bahru, Kuala Terengganu, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching.
[7] Untuk butiran lanjut, rujuk rencana dalam Laporan Tahunan 2013 yang bertajuk 'Memperluas Pengawasan Ekonomi Melalui Pejabat Wilayah Bank Negara Malaysia' (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830798/cp01_002_rencana.pdf).

monetari dengan meningkatkan OPR. Dalam menilai prospek inflasi, pendorong inflasi merupakan perkara yang penting bagi MPC, sama ada unjuran inflasi yang lebih tinggi berpunca daripada permintaan pengguna yang lebih tinggi atau disebabkan oleh kos pembuatan barangan yang telah meningkat. Pemahaman terhadap asal isu tersebut adalah penting kerana dasar monetari merupakan cara paling berkesan dalam menangani inflasi yang didorong oleh permintaan.[8] Sementara itu, dasar monetari yang lebih longgar (iaitu kadar dasar yang lebih rendah) diperlukan dalam keadaan pertumbuhan yang lemah dan inflasi yang rendah. Ini akan membantu merangsang pertumbuhan dan mengelakkan deflasi yang tidak diingini. Terdapat juga risiko jika OPR dikekalkan terlalu rendah pada masa yang terlalu lama. Tindakan sebegini ketika ekonomi sedang kukuh boleh menyebabkan inflasi yang lebih tinggi. Keadaan ini boleh menggalakkan peminjaman yang berlebihan oleh individu dan perniagaan yang berpotensi untuk menyebabkan ketidakseimbangan kewangan.

Pelarasan OPR berikutan pemulihan ekonomi pada tahun 2022 memberikan contoh pertimbangan MPC yang sebenar. Semasa krisis COVID-19 pada tahun 2020, MPC menurunkan OPR daripada 3.00% kepada paras terendah dalam sejarah iaitu 1.75% untuk membantu ekonomi kekal bertahan. Menjelang tahun 2022, lebih banyak tanda-tanda pemulihan yang ketara telah muncul apabila sekatan pergerakan ditamatkan. Oleh itu, MPC jelas bahawa ekonomi berada pada kedudukan yang lebih kukuh.

MPC menilai bahawa sokongan dasar monetari yang besar yang diberikan semasa krisis COVID-19 wajar dilaraskan. MPC lantas menaikkan OPR secara beransur-ansur hingga mencapai 3.00%, satu langkah yang juga akan membendung risiko ketidakseimbangan kewangan disebabkan oleh kadar rendah yang berpanjangan. Dalam persekitaran kos yang tinggi, MPC juga mula melihat tanda-tanda awal inflasi yang disebabkan oleh permintaan yang meningkat. Oleh itu, MPC berpandangan bahawa kenaikan OPR juga diperlukan bagi mengelakkan tekanan harga daripada semakin meningkat dan menjejaskan isi rumah dan perniagaan.

Namun, ada kalanya keputusan dasar monetari bukanlah dibuat secara jelas dan mudah. Ekonomi mungkin menghadapi tempoh pertumbuhan yang rendah dan inflasi yang tinggi, lantas menimbulkan dilema apabila tindakan menurunkan OPR boleh menggalakkan pertumbuhan tetapi berisiko meningkatkan lagi inflasi. Dalam kes sedemikian, MPC perlu meneliti keseimbangan yang rapi antara merangsang pertumbuhan dengan mengawal inflasi.[9] Di samping itu, penyelarasan dengan dasar fiskal adalah penting. Dasar monetari dan dasar fiskal perlu saling melengkapi bagi memastikan pendekatan yang lebih berkesan dan terselaras untuk mencapai ekonomi yang kukuh.[10]

[8] Ada kalanya kos yang lebih tinggi mencetuskan kesan yang beriak, yang menyebabkan satu siri kenaikan harga lain di seluruh ekonomi (termasuk keadaan apabila pekerja menuntut upah yang lebih tinggi). Dalam kes ini, dasar monetari akan dapat menangani inflasi yang lebih tinggi dengan berkesan.

[9] Selain itu, mungkin ada kalanya keputusan dasar monetari mempengaruhi mandat BNM yang lain, seperti kestabilan kewangan, yang boleh menimbulkan satu lagi pertimbangan tukar ganti. Untuk butiran lanjut tentang pertimbangan tersebut, rujuk rencana dalam Laporan Tahunan 2014 yang bertajuk 'Ketidakseimbangan Kewangan dan Tindak Balas Dasar di Malaysia' (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830710/cp03_001_rencana.pdf).

[10] Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang topik ini, rujuk rencana dalam Tinjauan Ekonomi dan Monetari 2023 yang bertajuk 'Mengendalikan Kitaran Ekonomi: Interaksi Antara Dasar Monetari dengan Dasar Fiskal'.

Proses

Memandangkan kita telah meneroka kandungan penilaian MPC, kini mari kita meneliti cara semua tindakan dilaksanakan. MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membincangkan dan membuat keputusan tentang OPR. Mesyuarat MPC dijadualkan dan diumumkan awal dengan tarikh untuk mesyuarat pada setiap tahun diumumkan kepada orang ramai pada setiap akhir tahun sebelumnya.

Gambar Rajah 2: Proses Membuat Keputusan oleh MPC Bank Negara Malaysia



Langkah 1 – Menyusun analisis:
Setiap kitaran MPC bermula kira-kira enam minggu sebelum mesyuarat MPC. Langkah pertama ialah menyusun analisis dan penyelidikan yang telah dinyatakan sebelum ini. Beberapa siri perbincangan dilakukan merentas jabatan untuk memastikan setiap analisis dinilai dengan mantap serta isi kandungan yang konsisten. Setelah diperhalusi, penilaian dibentangkan pada mesyuarat Kumpulan Kerja Dasar Monetari (Monetary Policy Working Group, MPWG).

Langkah 2 – Mesyuarat MPWG:
Sejak tahun 2002, MPWG telah menjadi forum dalaman yang membincangkan penilaian kakitangan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan pasaran kewangan terkini, isu dasar dan hasil penyelidikan, sebelum dibentangkan kepada MPC. MPWG memastikan bahawa perspektif semua bahagian dalaman BNM yang berkaitan telah dipertimbangkan. MPWG dipengerusikan oleh Penolong Gabenor yang menyelia sektor ekonomi dan ahli-ahli mesyuarat terdiri daripada pengarah jabatan yang mempunyai tumpuan terhadap dasar monetari, ekonomi, operasi pelaburan dan pasaran kewangan, pengawasan kewangan dan pentadbiran pertukaran asing.

Semasa pembentangan, ahli-ahli MPWG membincangkan kemungkinan trajektori, risiko utama dan ketidakpastian dalam prospek ekonomi. Mereka memberikan maklum balas tentang unjuran dan kadangkala meminta kakitangan untuk mempertimbangkan andaian lain atau senario alternatif. Perbincangan ini berfungsi sebagai rujukan utama yang kemudiannya menjadi jangkaan garis dasar untuk MPC.

Langkah 3 – Selepas mesyuarat MPWG:
Selepas mesyuarat MPWG, kakitangan memperhalusi analisis mereka berdasarkan maklum balas yang diterima. Mereka juga mengemas kini penilaian dengan data terkini sebelum mesyuarat MPC untuk memastikan bahawa semua analisis adalah terkini dan menyeluruh. Apabila penilaian telah dimuktamadkan, langkah seterusnya ialah memberikan taklimat kepada ahli-ahli MPC.

Langkah 4 – Mesyuarat Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC):
Mesyuarat MPC bermula dengan sesi satu hari pertama yang terdiri daripada pembentangan terperinci mengenai ekonomi, unjuran utama dan strategi dasar monetari. Pembentangan ini melibatkan bidang yang dibincangkan dalam Bahagian II, seperti perkembangan pasaran kewangan dan keadaan pembiayaan, prospek ekonomi global dan dalam negeri serta prospek inflasi. Pada sesi kedua, ahli-ahli MPC berkumpul semula untuk membincangkan keputusan dasar monetari, dengan setiap ahli berkongsi pandangan dan pendirian mereka. Hanya pada hari ini keputusan muktamad dibincangkan dan dibuat. Keputusan MPC BNM dibuat secara kolektif melalui perbincangan dan persetujuan bersama. Apabila persetujuan bersama tidak dapat dicapai, keputusan akan dibuat berdasarkan undi majoriti.[11]

Langkah 5 – Menyampaikan keputusan:
Setelah keputusan dasar monetari dibuat, langkah penting seterusnya adalah mengumumkannya kepada orang ramai. Langkah ini dilakukan terutamanya melalui Pernyataan Dasar Monetari. Platform lain juga digunakan untuk berhubung dengan orang ramai. Kami akan menerangkan platform lain ini dengan lebih lanjut dalam bahagian seterusnya.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Bahagian III: Bagaimanakah MPC menyampaikan keputusan dasar monetari kepada pihak berkepentingan?

Kita telah meneliti bidang penilaian berbeza yang dipertimbangkan oleh MPC. Oleh itu, mari kita beralih kepada perkara yang berlaku selepas keputusan OPR dibuat. Langkah penting seterusnya ialah menyampaikan keputusan ini kepada orang ramai. Komunikasi berkaitan keputusan OPR adalah penting kerana ini juga akan membentuk cara isi rumah, perniagaan dan pelabur menilai masa hadapan ekonomi, yang mempengaruhi perbelanjaan dan pelaburan mereka. Apabila orang ramai memahami ekonomi dan dasar monetari dengan lebih baik, mereka boleh membuat pilihan kewangan dengan lebih bermaklumat. Hal ini dapat membantu untuk mencapai hasil yang disasarkan oleh MPC.

MPC mengumumkan keputusannya terutamanya melalui Pernyataaan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS, rujuk Gambar Rajah 3). MPS ialah siaran akhbar daripada MPC, yang menyatakan keputusan dasar monetari serta sebabnya kepada pihak berkepentingan. Pernyataan ini menetapkan penilaian MPC tentang prestasi ekonomi pada peringkat global dan dalam negeri, serta memberikan pandangan tentang jangkaan MPC terhadap inflasi dan pertumbuhan ekonomi Malaysia pada masa hadapan. MPS diumumkan melalui laman web BNM selepas mesyuarat MPC.

[11] Untuk butiran lanjut, rujuk rencana dalam Laporan Tahunan 2015 bertajuk 'Evolusi Jawatankuasa Dasar Monetari Bank Negara Malaysia: Peristiwa Penting Sejak Penubuhannya' (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/830675/cp03_001_rencana.pdf).

Gambar Rajah 3: Merungkai Butiran MPS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Selain MPS, maklumat tentang dasar monetari disampaikan secara lebih meluas melalui pelbagai saluran lain. Saluran ini termasuk sidang akhbar yang secara lazimnya diadakan selepas penerbitan laporan utama seperti Buletin Suku Tahunan dan Laporan Tahunan. Dalam sesi ini, BNM menjawab soalan tentang dasar monetari untuk memberikan penjelasan lanjut dan lebih mendalam. BNM juga melaksanakan sesi libat urus dengan penganalisis, media dan pegawai Kerajaan sebagai sebahagian daripada pendekatan komunikasi. Sebagai contoh, taklimat untuk penganalisis, pengamal industri dan ahli akademik diadakan selepas kebanyakan mesyuarat MPC. Libat urus ini menawarkan pemahaman yang lebih mendalam tentang perincian keputusan dasar monetari dan prospek ekonomi. Taklimat seperti ini membantu untuk memupuk dialog terbuka, memupuk kepercayaan dan ketelusan antara MPC dengan pihak berkepentingan.

Memandangkan dasar monetari memberikan kesan terhadap setiap orang, MPC komited untuk memastikan keputusannya dapat difahami dengan lebih mudah. Bagi mencapai usaha ini, beberapa langkah telah dilaksanakan. Satu contoh adalah Ringkasan Pernyataan Dasar Monetari yang dikeluarkan bersama-sama dengan MPS. Ringkasan ini memperincikan faktor-faktor utama keputusan dasar monetari dengan lebih pendek. Halaman Kestabilan Monetari dalam laman sesawang BNM[12] juga menjelaskan dasar monetari dengan lebih mudah, meliputi faktor-faktor di sebalik keputusan dasar monetari dan soalan lazim berkaitan topik yang relevan. Melalui ketelusan keputusan dasar monetarinya, MPC bertanggungjawab terhadap orang ramai tentang keputusan yang dibuat serta kesannya.

Kesimpulan

Tuntasnya, melalui analisis dan pertimbangan yang teliti, MPC memastikan bahawa dasar-dasarnya tertumpu pada pelaksanaan mandat untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan ekonomi. Secara kesimpulan, MPC terus komited sebagai pemegang amanah untuk memastikan kesejahteraan ekonomi negara.

[12] https://www.bnm.gov.my/monetary-stability

Menggalakkan Penyelesaian dalam Mata Wang Tempatan Rentas Sempadan

Sejak dua dekad yang lalu, hubungan perdagangan, pelaburan dan kewangan Malaysia dalam rantau ini semakin kukuh. Hasilnya, perdagangan dengan China dan ASEAN sebagai peratusan daripada jumlah perdagangan Malaysia telah meningkat, masing-masing daripada 13% dan 25.6% pada tahun 2009 kepada 17.1% dan 27.3% pada tahun 2023, manakala perdagangan dengan Amerika Syarikat (AS) telah menurun daripada 11.1% pada tahun 2009 kepada 9.5% pada tahun 2023.[1]

Namun, sebahagian besar jumlah perdagangan masih diselesaikan dalam dolar AS (2023: 82.1%, 2009: 82.9%) (Jadual 1a). Penyelesaian perdagangan dalam dolar AS turut mendominasi urus niaga perdagangan intrarantau ASEAN (Rajah 1b). Hanya 13.1%[2] perdagangan dalam ASEAN diselesaikan dengan pasangan mata wang serantau. Berdasarkan libat urus BNM dengan pengeksport utama, beberapa syarikat telah menyatakan bahawa penyelesaian perdagangan dalam dolar AS menjadi mata wang pilihan mereka untuk memastikan pendapatan dalam mata wang dolar AS tersebut sepadan dengan dedahan kepada hutang luar negeri dalam denominasi dolar AS. Syarikat-syarikat multinasional yang terlibat dalam rantaian bekalan global, seperti syarikat-syarikat dalam industri Elektrik dan Elektronik (*Electrical and Electronics*, E&E), juga lazimnya menggunakan dolar AS untuk melaksanakan sistem pengurusan perbendaharaan berpusat dalam menguruskan aliran dana di seluruh dunia. Pengeksport dan pengimport komoditi Malaysia juga berurus niaga dalam dolar AS kerana kebanyakan komoditi diinvois dalam terma demikian. Oleh itu, penyelesaian perdagangan dalam dolar AS yang meluas bukanlah satu fenomena yang hanya berlaku di Malaysia. Dominasi urus niaga dolar AS dalam aktiviti perdagangan, pelaburan dan kewangan global merupakan ciri struktur ekonomi global terutamanya disebabkan oleh kedudukan dolar AS sebagai mata wang penyelesaian global.

Rajah 1: Dominasi Dolar AS sebagai Mata Wang Penyelesaian untuk Aktiviti Perdagangan

Jadual 1a: Peratusan Jumlah Perdagangan Malaysia Diselesaikan dalam Mata Wang Masing-masing

Mata wang teratas	% (2009)	% (2023)
USD	82.9	82.1
EUR	5.0	4.3
MYR	1.3	3.6
CNY	0.0	2.9
SGD	3.7	2.6
JPY	3.4	1.9
Lain-lain	3.7	2.5

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1b: Pecahan Perdagangan Malaysia oleh Rakan Dagangan Berbanding Peratusan Penyelesaian Perdagangan dalam USD dengan Rakan Dagangan Tersebut Pada 2023



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Sebagai sebuah ekonomi terbuka yang kecil,[3] penyelesaian perdagangan dalam dolar AS mungkin boleh dilihat sebagai satu ketetapan. Walau bagaimanapun, hal ini melibatkan kos tertentu, dan kos ini amat jelas apabila ekonomi tersebut bergantung pada dolar AS untuk tujuan perdagangan serantau. Contoh yang boleh diambil adalah sebuah syarikat Malaysia yang mengimport daripada pembekal Indonesia. Disebabkan urus niaga perdagangan tidak menggunakan mata wang tempatan kedua-dua negara, pengimport perlu menukar ringgit kepada dolar AS manakala pembekal perlu menukar daripada dolar AS kepada rupiah Indonesia. Langkah tambahan itu meningkatkan kos perniagaan, di samping meningkatkan dedahan kedua-dua syarikat kepada volatiliti dolar AS. Selain itu, negara-negara serantau perlu

[1] Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia
[2] Sumber: Bank Negara Malaysia
[3] Malaysia merupakan sebuah ekonomi terbuka tetapi agak kecil berbanding dengan seluruh dunia memandangkan Malaysia tidak mempunyai kawalan terhadap harga barangan dan perkhidmatan dalam pasaran global.

memegang rizab yang tinggi dalam denominasi dolar AS untuk dipadankan dengan pilihan penyelesaian mata wang yang juga dalam dolar AS. Berikutan faktor-faktor ini, usaha untuk menggalakkan lebih banyak perdagangan intrarantau dalam mata wang tempatan dapat membantu meningkatkan kecekapan perniagaan dan mengurangkan kos.

Dalam hal ini, BNM telah memperkenalkan fleksibiliti terhadap dasar pertukaran asing (foreign exchange policy, FEP) secara beransur-ansur sejak tahun 2001, yang membolehkan kedua-dua perdagangan dan pelaburan diselesaikan secara langsung menggunakan ringgit melalui bank tempatan berlesen (licensed onshore bank, LOB). Fleksibiliti penyelesaian ringgit diluaskan lagi pada tahun 2010 melalui rangka kerja Pejabat Luar Negara yang Dilantik (Appointed Overseas Office, AOO)[4] untuk meliputi bank-bank dalam kumpulan LOB yang berada di luar Malaysia. Melalui AOO, syarikat dan pelabur asing di luar Malaysia kini boleh menyelesaikan transaksi rentas sempadan dalam ringgit dari luar negara.

Pada masa yang sama, BNM juga telah mempertingkatkan kerjasama kewangan dengan rakan dagangan serantau utama Malaysia untuk menggalakkan penggunaan mata wang tempatan bagi penyelesaian rentas sempadan. Kerjasama serantau ini merupakan usaha untuk mengatasi cabaran asas yang menghalang penggunaan mata wang tempatan serantau dengan lebih luas untuk penyelesaian rentas sempadan. Cabaran-cabaran ini termasuk pasaran mata wang tempatan yang secara relatif kurang membangun lantas menyebabkan kos perniagaan yang lebih tinggi.

Salah satu kisah kejayaan ialah kerjasama dengan China yang merupakan rakan perdagangan terbesar Malaysia. Banyak inisiatif[5] telah dilaksanakan sejak tahun 2009 untuk memudahkan dan menggalakkan lebih banyak penyelesaian

Rajah 2: Perkembangan Utama dalam Usaha Memajukan Penyelesaian Mata Wang Tempatan (Local Currency Settlement, LCS) yang Melibatkan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

[5] Untuk maklumat lanjut mengenai AOO, sila rujuk FMIP (https://financialmarkets.bnm.gov.my/Foreign-Exchange-Market)
[5] Inisiatif lain termasuk perjanjian pengaturan swap mata wang dua hala, Qualifying Foreign Institutional Investors (QFII) dan dagangan langsung ringgit-renminbi menerusi China Foreign Exchange Trade System (CFETS) pada tahun 2009 dan Pengaturan Cagaran Rentas Sempadan (Cross Border Collateral Agreement, CBCA) pada tahun 2010.

Rajah 3: Peningkatan Bahagian Mata Wang Tempatan yang Digunakan untuk Perdagangan dengan Negara Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam mata wang tempatan dengan meningkatkan akses kepada renminbi termasuk Kemudahan Mudah Tunai Renminbi yang diperkenalkan pada tahun 2013 dan pelantikan Bank of China Malaysia sebagai bank penjelasan renminbi pada tahun 2015. Hasilnya, nilai perdagangan dua hala yang diselesaikan dalam renminbi dan ringgit telah meningkat daripada 1.2% daripada penyelesaian perdagangan (RM0.5 bilion) pada tahun 2009 kepada 24.4% daripada penyelesaian perdagangan (RM57.8 bilion) pada tahun 2023 (Rajah 3a).

Selain itu, kekurangan keselarasan bagi peraturan pertukaran asing dalam kalangan negara serantau juga mengekang akses kepada mata wang tempatan dan aset dalam negeri. Bagi menangani isu-isu ini, BNM telah mewujudkan Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan (Local Currency Settlement Framework, LCSF) dengan Bank of Thailand[6] (BOT) (tahun 2016) dan Bank Indonesia[7] (BI) (tahun 2018) untuk memperkenalkan peraturan pertukaran asing yang lebih selaras dan fleksibel bagi transaksi dua hala, dengan mengambil kira kesediaan setiap negara. Rangka kerja ini menyediakan peraturan pertukaran asing yang fleksibel bagi bank-bank pelaksana[8] untuk menawarkan perkhidmatan kewangan yang kompetitif bagi membantu peserta pasaran menyelesaikan transaksi rentas sempadan mereka dalam mata wang tempatan. Penyelesaian mata wang tempatan dengan Thailand dan Indonesia telah mendapat sambutan sejak LCSF diwujudkan. Keseluruhan perdagangan dengan Thailand yang diselesaikan dalam mata wang tempatan (ringgit dan baht Thailand) telah meningkat daripada 6.4% daripada penyelesaian perdagangan (RM1.9 bilion) pada tahun 2009 kepada 18.6% daripada penyelesaian perdagangan (RM11 bilion) pada tahun 2023 (Rajah 3b). Pada masa yang sama, perdagangan dengan Indonesia yang diselesaikan dalam mata wang tempatan (ringgit dan rupiah Indonesia) meningkat daripada 4.5% daripada penyelesaian perdagangan (RM1.2 bilion) pada tahun 2009 kepada 7.6% daripada penyelesaian perdagangan (RM5.9 bilion) pada tahun 2023 (Rajah 3c). Meskipun pencapaian telah diperoleh dalam perkara ini, BNM telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan BI dan BOT pada 25 Ogos 2023 untuk meluaskan skop LCSF supaya meliputi transaksi rentas sempadan selain aktiviti perdagangan dan pelaburan langsung seperti pelaburan portfolio.

Dalam usaha BNM mewujudkan ekosistem yang lebih kondusif bagi menggalakkan penggunaan mata wang tempatan, inisiatif untuk menangani isu struktur daripada segi permintaan adalah sama penting dan memerlukan pendekatan yang lebih terselaras dengan peserta pasaran. Baru-baru ini, BNM telah menggiatkan lagi libat urus dengan pihak berkepentingan termasuk peserta pasaran untuk lebih memahami cabaran operasi yang dihadapi oleh syarikat. Isu

[6] Untuk maklumat lanjut mengenai LCSF dengan Thailand, sila rujuk Peluasan Selanjutnya Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan antara Bank Negara Malaysia dengan Bank of Thailand - Bank Negara Malaysia (https://www.bnm.gov.my/-/further-expansion-of-the-local-currency-settlement-framework-between-bank-negara-malaysia-and-the-bank-of-thailand)

[7] Untuk maklumat lanjut mengenai LCSF dengan Indonesia, sila rujuk Perluasan Rangka Kerja Penyelesaian Mata Wang Tempatan antara Bank Negara Malaysia dengan Bank Indonesia – Bank Negara Malaysia (https://www.bnm.gov.my/-/expansion-local-currency-settlement-framework-bnm-bi)

[8] Juga dikenali sebagai Peniaga Mata Wang Bersilang yang Dilantik (Appointed Cross-Currency Dealers, ACCD).

lazim yang dibangkitkan oleh kebanyakan syarikat ialah kesukaran meyakinkan pelanggan untuk membuat penyelesaian dalam mata wang tempatan, khususnya apabila langkah ini memerlukan syarikat menyusun semula proses dan sistem mereka.

Kemajuan dalam teknologi kewangan juga mampu membantu menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam rantau ini, terutamanya bagi pengguna. Perkembangan yang ketara dalam bidang ini ialah jalinan pembayaran rentas sempadan[9] seperti yang diwujudkan dengan Indonesia, Singapura dan Thailand untuk pembayaran QR serta pemindahan dana antara individu (person-to-person, P2P) dengan Singapura. Inisiatif ini bukan sahaja menggalakkan kecekapan dari segi pembayaran rentas sempadan yang lebih cepat, murah dan lancar, bahkan menggalakkan peningkatan penggunaan mata wang tempatan.

Untuk langkah selanjutnya, BNM dan Kerajaan akan terus menggalakkan penggunaan mata wang tempatan untuk perdagangan dan pelaburan. Keutamaan yang diberikan akan termasuk memperluas penyelesaian mata wang tempatan dan jalinan pembayaran rentas sempadan dengan negara-negara lain seiring dengan usaha untuk menggiatkan lagi galakan dalam meningkatkan kesedaran peserta pasaran mengenai inisiatif ini. Kesemua usaha ini akan menyediakan saluran alternatif bagi syarikat dan pelabur untuk menguruskan dedahan mereka terhadap pergerakan kadar pertukaran dengan lebih baik, mengurangkan kebergantungan yang berlebihan pada dolar AS, dan akhirnya, mengukuhkan daya tahan kewangan rantau ini terhadap kejutan luaran.

[9] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk bab "Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap".

Menggalakkan Kestabilan Kewangan

Bank Negara Malaysia (BNM) diberikan mandat untuk menggalakkan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan. BNM melaksanakan mandat ini dengan memastikan sistem kewangan berdaya tahan dan berupaya menghadapi kejutan sepanjang kitaran ekonomi. BNM melakukan ini dengan menggalakkan institusi kewangan yang kukuh dan diuruskan dengan baik serta memastikan pasaran kewangan yang teratur. Hal ini termasuk memupuk sistem penjelasan dan penyelesaian yang selamat dan boleh dipercayai.

Keutamaan Kestabilan Kewangan pada Tahun 2023

Ekonomi global terus dilanda beberapa episod mencabar pada tahun 2023. Kadar faedah yang tinggi di samping kenaikan inflasi, kemelut sistem perbankan Amerika Syarikat dan ketegangan geopolitik yang menjejaskan pertumbuhan global pada tahun tersebut. Di samping itu, kitaran menurun teknologi global, peralihan perbelanjaan pengguna daripada barangan kepada perkhidmatan, serta sekatan perdagangan yang berterusan melembapkan aktiviti perdagangan global. Meskipun keadaan global yang mencabar, ekonomi Malaysia terus berkembang sebanyak 3.7% pada tahun 2023 (2022: 8.7%).

Berlatarkan keadaan ini, sektor kewangan Malaysia terus melaksanakan fungsi pengantaraannya dengan berkesan. Walaupun beberapa kegagalan perbankan di negara-negara ekonomi maju pada suku pertama tahun 2023 menimbulkan kebimbangan terhadap daya tahan bank-bank dan pasaran kewangan negara-negara lain, kesan limpahannya terhadap sektor kewangan domestik adalah terhad. Bank-bank Malaysia tidak terjejas. Daya tahan sektor kewangan domestik terus disokong oleh institusi kewangan yang mempunyai permodalan kukuh dan amalan pengurusan risiko yang teguh. Pelbagai pembaharuan pembangunan yang diusahakan di bawah pelan tindakan sektor kewangan sedia ada dan terdahulu juga telah mempertingkat keupayaan dan sifat dinamik sektor kewangan supaya bergerak seiring dengan perkembangan baru dan memanfaatkan peluang baharu untuk menyokong pembangunan ekonomi Malaysia.

Pada tahun 2023, BNM terus menumpukan inisiatif pengawalan dan penyeliaan dalam bidang-bidang seperti yang berikut-

- Pertama, melaksanakan amalan pengurusan risiko, tadbir urus dan kawalan dalaman institusi kewangan yang kukuh sebagai asas utama sistem perbankan yang mantap.
- Kedua, mencapai kemajuan dalam menyelaraskan rangka kerja pengawalseliaan domestik dengan piawaian antarabangsa.
- Ketiga, memperkukuh daya tahan institusi kewangan terhadap risiko berkaitan iklim, risiko penipuan dan ancaman siber.
- Keempat, menggalakkan layanan yang adil bagi pengguna kewangan melalui amalan yang bertanggungjawab.

Keutamaan Pengawalseliaan

Pada tahun 2023, BNM mengeluarkan 11 dasar utama dari segi kehematan dan amalan (rujuk Gambar Rajah 1). Dasar-dasar ini bertujuan untuk memelihara daya tahan institusi kewangan terhadap peristiwa risiko, memantapkan keselamatan dan kekukuhan institusi kewangan melalui amalan berhemat, menggalakkan tingkah laku beretika dan profesional institusi kewangan untuk mencapai hasil pengguna yang adil, serta memupuk pengamalan standard pengawalseliaan global yang sesuai dengan keadaan domestik.

Memperkukuh tadbir urus, pengurusan risiko dan amalan

Pada tahun 2023, BNM telah memuktamadkan dasar berhubung dengan Pemetaan Tanggungjawab. Dasar ini menjelaskan keperluan institusi kewangan dalam memperkukuh akauntabiliti individu pada peringkat pengurusan kanan. Hal ini merupakan antara usaha penting bagi memastikan institusi kewangan

menguruskan risiko pematuhan dan perniagaan secara berkesan merentas organisasi. Dasar ini menekankan kepentingan amanat daripada pihak atasan dalam memacu budaya dan pembuatan keputusan yang baik dalam institusi kewangan. Dalam bidang kewangan Islam, BNM mempelopori pembangunan dasar penerapan *Hajah* dan *Darurah* yang bertujuan untuk membantu institusi kewangan Islam mengemudi situasi kesukaran[1], tatkala pengecualian daripada prinsip Syariah dibenarkan. Dasar ini menggalakkan penerapan standard tadbir urus yang lebih konsisten dalam pematuhan prinsip Syariah. Khusus bagi sektor insurans, BNM mengemas kini dasar tentang pengurusan dana insurans dengan tumpuan terhadap langkah-langkah yang akan memastikan kawalan dalaman yang kukuh mengenai pembetulan defisit dan pengeluaran lebihan bagi memelihara kemampanan dana insurans.

Mengambil iktibar daripada kegagalan perbankan global pada tahun 2023, BNM juga telah memuktamadkan dan menerbitkan prinsip pengurusan mudah tunai yang kukuh bagi institusi perbankan. Prinsip-prinsip ini bertujuan untuk menyatakan jangkaan BNM terhadap amalan yang kukuh dalam menguruskan risiko mudah tunai bagi semua institusi perbankan, termasuk keperluan pemantauan tumpuan pendanaan serta rancangan pendanaan luar jangkaan yang diperkukuh. Butiran lanjut tentang inisiatif meluas untuk memperkukuh daya tahan sektor kewangan terhadap kejutan mudah tunai boleh didapati dalam rencana dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Kedua 2023 bertajuk 'Kepentingan Memperkukuh Pengawalan dan Penyeliaan Risiko Mudah Tunai di Malaysia'.

BNM juga mengambil langkah-langkah dalam mempertingkatkan keperluan amalan pasaran bagi institusi kewangan untuk mengukuhkan tanggungjawab demi melindungi kepentingan pengguna, terutamanya apabila berurusan dengan pengguna yang mudah terjejas. Butiran lanjut berkenaan keperluan pengguna yang mudah terjejas boleh didapati dalam rencana bertajuk 'Memperibadikan Perkhidmatan Kewangan: Menggalakkan Layanan Adil Terhadap Pengguna Mudah Terjejas'. Berikutan penawaran Beli Sekarang Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL) yang semakin banyak, BNM memperluas liputan keperluan pengawalseliaan bagi Pembiayaan Peribadi merangkumi BNPL. Perkara ini tertakluk kepada institusi kewangan di bawah pengawalseliaan BNM iaitu mereka perlu membuat penilaian amalan yang sewajarnya bagi mengurangkan peminjaman isi rumah yang berlebihan. Institusi kewangan juga perlu mematuhi keperluan berkaitan dengan caj bayaran lewat. BNM juga terus meningkatkan standard profesionalisme dalam sektor pengantaraan insurans dan takaful dengan memperkukuh kriteria kelayakan seiring dengan jangkaan yang lebih tinggi terhadap tindakan pembetulan yang dikenakan kepada pengantara insurans dan takaful yang didapati menjalankan amalan yang tidak wajar.

Memajukan penerapan standard pengawalseliaan global

BNM terus memacu kemajuan dalam rancangan Malaysia untuk menerapkan pengawalseliaan modal dan mudah tunai yang diperkukuh dalam pakej pembaharuan Basel III[2] di Malaysia. Matlamatnya adalah untuk memastikan daya tahan sektor perbankan terus kukuh untuk menampung kejutan yang tidak dijangka dengan mewujudkan penampan ketika situasi ekonomi dalam keadaan baik (rujuk Gambar Rajah 3 berkenaan 'Kemajuan dalam Pelaksanaan Pakej Reformasi Basel III di Malaysia' dalam Laporan Tahunan BNM pada tahun 2022).

Tumpuan sepanjang tahun ini adalah untuk memuktamadkan dasar[3] tentang keperluan modal berhubung dengan risiko operasi dan pendedahan kepada rakan niaga pusat[4]. BNM juga sedang memuktamadkan keperluan modal Basel III untuk risiko kredit dan akan menerbitkan dasar yang muktamad pada tahun 2024. Begitu juga bagi syarikat insurans dan pengendali takaful, BNM menumpukan usaha untuk mengkaji semula rangka kerja modal berasaskan risiko (risk-based capital framework, RBCT) untuk memastikan keberkesanan yang berterusan dalam menangani risiko sedia ada dan risiko baharu. BNM merancang untuk berunding dengan industri tentang RBCT baharu pada tahun 2024.

[1] Kesukaran ialah situasi yang tidak menggalakkan, kesusahan yang teruk atau tahap penderitaan yang tidak terhingga, yang timbul akibat faktor dalaman atau luaran yang memerlukan seseorang untuk menggunakan penyelesaian yang berbeza yang membolehkan pengecualian dalam penggunaan prinsip Syariah atau perintah Syariah sedia ada, seperti yang dinyatakan dalam Perenggan 8.1 dasar berhubung dengan *Hajah* dan *Darurah*.

[2] Basel III adalah satu set langkah yang dipersetujui pada peringkat antarabangsa yang dibangunkan oleh Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) sebagai tindak balas terhadap krisis kewangan 2007 hingga 2009. Langkah-langkah ini bertujuan untuk meningkatkan tahap dan kualiti modal pengawalseliaan, memastikan risiko yang ketara diambil kira dengan betul, meningkatkan mudah tunai bank dan mencegah leveraj yang berlebihan.

[3] Dasar ini menetapkan standard dan panduan untuk pengiraan aset wajaran risiko yang meningkatkan sensitiviti risiko sebagai langkah untuk menentukan jumlah modal yang perlu diketepikan.

[4] Rakan niaga pusat (central counterparty, CCP) adalah institusi kewangan yang menyediakan perkhidmatan penjelasan dan penyelesaian untuk perdagangan dalam pertukaran asing, sekuriti, pilihan dan kontrak derivatif.

Gambar Rajah 1: Pengeluaran dan Pengemaskinian Dasar-dasar Utama pada Tahun 2023

Menggalakkan keselarasan dengan standard global

Kemajuan berterusan dalam pelaksanaan pembaharuan Basel III

Risiko Operasi

Menetapkan standard dan panduan untuk mengira aset berwajaran risiko operasi melalui standard modal Basel III.



Pendedahan kepada Rakan Niaga Pusat (Central Counterparties)

Menetapkan keperluan untuk menguruskan risiko berikutan pendedahan institusi kewangan kepada rakan niaga pusat, melalui kapasitinya sebagai ahli penjelasan (*clearing member*) atau pelanggannya.

Memperkukuh standard pengurusan risiko, tadbir urus dan kawalan dalaman

Memastikan institusi kewangan memberikan tumpuan dan keselarasan yang lebih jitu terhadap pengurusan risiko

Draf Dedahan Risiko Mudah Tunai

Memperkukuh standard untuk menangani risiko mudah tunai, sejajar dengan saiz pendedahan dan aktiviti perniagaan.

√ Menilai dedahan terhadap risiko mudah tunai dengan berkesan.

√ Ambil langkah-langkah yang wajar untuk menangani keperluan mudah tunai.

Pengurusan Perniagaan Peserta

Menggariskan peranan dan tanggungjawab lembaga pengarah, pengurusan kanan dan aktuari yang dilantik dalam menguruskan perniagaan hayat peserta dengan berkesan.

√ Menetapkan syarat untuk menggalakkan kelestarian perniagaan, dengan penzahiran yang mencukupi kepada pemegang polisi.

Pengurusan Dana Insurans

Menetapkan keperluan mengenai pengasingan dana insurans yang sesuai, pembahagian aset dan liabiliti yang sewajarnya dalam dana insurans, kawalan yang mantap terhadap pengeluaran dana insurans, serta penyelenggaraan rekod polisi dan tuntutan yang betul.



Hajah* dan *Darurah

Memastikan pematuhan pada prinsip Syariah melalui keperluan operasi dan jangkaan penggunaan *hajah* dan *darurah*.

√ Menggariskan takrifan, prasyarat, skop penggunaan dan parameter yang dilarang.

√ Menggariskan keperluan operasi dan panduan dalam memudahkan perbincangan dan membuat keputusan Syariah.

Pemetaan Tanggungjawab

Menjelaskan akauntabiliti individu bertanggungjawab yang memegang jawatan pengurusan kanan dalam institusi kewangan serta peranan dan tanggungjawab utama.

√ Memastikan tanggungjawab diperuntukkan dengan jelas kepada pengurusan kanan.

√ Menggalakkan pertimbangan sama ada peruntukan tanggungjawab tersebut sesuai dengan amalan pengurusan risiko yang berkesan.

Mempertingkatkan standard pengendalian perniagaan

Meningkatkan profesionalisme pengantara dan memperkenalkan perlindungan pengendalian perniagaan bagi menggalakkan hasil yang saksama kepada pengguna kewangan

Pengurusan Maklumat Pelanggan dan Penzahiran yang Dibenarkan

√ Mempertingkatkan kepercayaan orang ramai dan keselamatan maklumat pelanggan dengan memperkenalkan keperluan penzahiran baharu berdasarkan persetujuan pelanggan.

√ Menggariskan jangkaan berkaitan dengan langkah-langkah dan kawalan dalam mengendalikan maklumat pelanggan, sepanjang kitaran hayat maklumat.

Draf Dedahan Layanan Adil Terhadap Pengguna Mudah Terjejas

Menyediakan perlindungan yang mencukupi untuk pengguna mudah terjejas dengan memastikan mereka dilayan secara adil dan saksama serta diberikan bantuan yang sewajarnya.

√ Menggalakkan budaya untuk mempertimbangkan dan bertindak balas terhadap kepentingan dan keperluan pengguna mudah terjejas sewajarnya.

√ Menetapkan keperluan dan jangkaan untuk memastikan sokongan yang diberikan kepada pengguna mudah terjejas adalah konsisten dengan hasil layanan yang adil.



Pembiayaan Peribadi

Menggalakkan amalan pembiayaan berhemat dan bertanggungjawab bagi pembiayaan peribadi, di samping menggalakkan tingkah laku peminjaman yang bertanggungjawab oleh pengguna kewangan. Hal ini termasuk produk Beli Sekarang Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL).

Profesionalisme Ejen Insurans dan Takaful

Meningkatkan keupayaan dan integriti pengantara insurans dan takaful melalui standard profesional.

√ Memerlukan syarikat insurans dan pengendali takaful untuk memastikan setiap ejen adalah cekap, berkelayakan dan bertindak secara profesional demi kepentingan terbaik pelanggan pada setiap masa.

√ Meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap integriti tenaga kerja agensi-agensi syarikat insurans dan pengendali takaful.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Keutamaan dan Pendekatan Penyeliaan

Pendekatan BNM terhadap penyeliaan adalah berasaskan risiko dan berpandangan ke hadapan. BNM menjalankan pengawasan di premis dan analisis maklumat di luar premis untuk menilai profil risiko institusi kewangan serta keupayaan masing-masing untuk mengurus dan bertindak balas terhadap peristiwa risiko daripada persekitaran operasi yang sentiasa berubah. Pada tahun 2023, BNM memulakan semula kekerapan pengawasan di premis yang telah terganggu semasa tempoh pandemik. Di samping itu, BNM melaksanakan lebih banyak pengawasan bersasar untuk melengkapi pengawasan yang berterusan. Pengawasan BNM termasuk menilai (i) kesediaan bank-bank untuk bertindak balas dan menghadapi krisis melalui perancangan pemulihan dan penyelesaian yang mantap; (ii) keteguhan dasar dan kawalan berkaitan AML/CFT di institusi kewangan; dan (iii) pematuhan institusi kewangan terhadap keperluan tadbir urus Syariah.

BNM juga menjalankan pengawasan berhubung dengan tahap kesediaan bank-bank digital yang baru dilesenkan untuk memulakan operasi. Penilaian ini meliputi struktur tadbir urus bank digital, serta dasar dan kawalan pengurusan risiko dengan tumpuan khusus terhadap keupayaan mereka untuk memenuhi kehendak yang lebih tinggi dalam menguruskan risiko teknologi dan operasi. BNM turut membuat pengawasan bagaimana bank-bank digital akan melaksanakan strategi yang dijanjikan dalam rancangan perniagaan bagi mengurangkan jurang pasaran dalam segmen yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan perbankan. Keutamaan juga diletakkan pada penyediaan langkah balas bagi menangani penipuan untuk melindungi kepentingan pelanggan bank-bank digital.

Satu lagi fokus penyeliaan utama ialah kemajuan institusi kewangan dalam melaksanakan keperluan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT). CCPT merupakan rangka kerja yang membimbing institusi kewangan untuk mengenal pasti dan mengkategorikan kegiatan ekonomi yang menyumbang kepada daya tahan iklim. Pada tahun 2023, BNM bersama-sama dengan wakil industri dalam Kumpulan Pelaksanaan (Implementation Group) CCPT[5] terus berusaha menambah baik penggunaan sistem pengelasan CCPT yang konsisten. Usaha telah diambil untuk membangunkan kriteria dan maklumat yang lebih terperinci yang boleh digunakan oleh institusi kewangan bagi menjalankan penilaian usaha wajar berhubung dengan iklim ke atas pelanggan. Matlamatnya adalah untuk memudahkan pengurusan risiko berkaitan iklim yang berkesan dan menggalakkan aliran kewangan ke arah kegiatan ekonomi yang lestari.

Menggalakkan hasil yang lebih adil untuk pengguna kewangan

Tumpuan aktiviti penyeliaan BNM terhadap amalan pasaran pada tahun 2023 ditujukan kepada lima risiko amalan utama (Gambar Rajah 2).

Gambar Rajah 2: Risiko Amalan Utama pada Tahun 2023



Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam menggalakkan hasil yang adil kepada pengguna, BNM terus mengambil tindakan terhadap bank-bank yang mengenakan fi yang tidak munasabah. Bank-bank dikehendaki menghentikan fi yang tidak munasabah dan membayar balik pelanggan yang terkesan. BNM juga memperkenalkan keperluan untuk bank-bank menyeragamkan terma dan syarat umum tertentu dalam perjanjian pinjaman/pembiayaan perumahan. Penyeragaman bagaimana terma dan syarat dinyatakan dalam perjanjian pinjaman/pembiayaan perumahan bertujuan untuk membantu pengguna untuk lebih memahami hak dan obligasi undang-undang mereka di bawah perjanjian tersebut.

Berhubung dengan bantuan bayaran balik bersasar (targeted repayment assistance, TRA), yang diperkenalkan semasa pandemik COVID-19, BNM

[5] Kumpulan Pelaksanaan CCPT berfungsi sebagai platform kerjasama bagi peserta industri kewangan untuk berkongsi pengetahuan, pengalaman dan isu-isu lazim dalam pelaksanaan CCPT. Kumpulan ini ditubuhkan di bawah bidang kuasa JC3 yang diwakili oleh ahli-ahli dari institusi kewangan domestik dan asing, termasuk bank-bank, syarikat insurans, pengendali takaful serta syarikat pengurusan aset.

membuat pengawasan bagaimana bank-bank memenuhi keperluan berbincang secara proaktif dengan pelanggan untuk menyemak semula syarat perjanjian pinjaman apabila keadaan kewangan pelanggan kembali pulih. Bagi syarikat insurans dan pengendali takaful, BNM menilai polisi motor dan lembaran penzahiran produk untuk memastikan syarat-syarat mengenai pilihan kedai pembaikan kenderaan oleh pemegang polisi adalah jelas kepada pemegang polisi. BNM juga membuat pengawasan terhadap amalan pengantara insurans bagi memastikan pengurusan dana pelanggan yang sewajarnya. BNM mengambil tindakan tegas terhadap institusi kewangan yang gagal memenuhi standard amalan adil yang ditetapkan. Butiran lanjut berkenaan tindakan yang diambil boleh didapati di bahagian 'Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan'.

BNM kekal komited dalam memastikan keberkesanan kawalan institusi kewangan untuk melindungi maklumat pelanggan. Langkah-langkah yang diambil oleh institusi kewangan untuk memperkukuh daya tahan siber dan kawalan berhubung dengan pengurusan penyedia perkhidmatan pihak ketiga akan menyumbang ke arah memastikan maklumat sulit dilindungi. Maklumat lanjut tentang daya tahan siber boleh didapati di bahagian tentang 'Daya tahan siber dan membanteras penipuan kewangan' serta bab 'Risiko Operasi' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan Separuh Tahun Kedua 2023. BNM akan terus memantau kemajuan yang dicapai oleh institusi kewangan dalam aspek ini sebagai sebahagian daripada aktiviti penyeliaan secara berterusan.

Daya tahan siber dan membanteras penipuan kewangan

Memandangkan kemajuan teknologi terus berlaku pada kadar yang tidak pernah berlaku sebelum ini, BNM menghendaki institusi kewangan untuk terus menguruskan risiko yang boleh mengancam kestabilan kewangan, hasil kepada pengguna dan keyakinan terhadap sektor kewangan. Pemeliharaan daya tahan operasi dan siber kekal sebagai keutamaan bagi BNM dan institusi kewangan.

Untuk mempertingkatkan daya tahan terhadap penipuan, BNM mengumumkan keperluan bagi institusi kewangan melaksanakan lima langkah balas penipuan utama serta keupayaan mekanisme '*kill-switch*' pada bulan September 2022 (Gambar Rajah 3). Kebanyakan institusi perbankan telah melaksanakan kesemua enam langkah balas secara menyeluruh.

Gambar Rajah 3: Langkah Balas Penipuan Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM terus bekerjasama erat dengan institusi kewangan untuk mempertingkatkan perlindungan lain bagi membanteras penipuan kewangan. BNM mempergiat usaha untuk meningkatkan kesedaran terhadap taktik penipuan kepada pelanggan dan cara untuk melindungi diri daripada penipuan. BNM mengeluarkan Soalan Lazim untuk terus membantu pengoperasian langkah-langkah balas terhadap penipuan. Institusi kewangan juga dikehendaki menjalankan tinjauan pengesahan bebas untuk menilai keteguhan kawalan dalam pengesanan dan pengurusan penipuan serta keberkesanan langkah-langkah balas penipuan mereka. Di samping itu, beberapa bank dikehendaki untuk melantik seorang pengarah kanan bebas untuk menyelia pengurusan penipuan dan pencerobohan data, penyelarasan dengan Pusat Respons Scam Kebangsaan (National Scam Report Centre, NSRC) serta strategi komunikasi dengan pelanggan, mangsa penipuan dan orang ramai. Semua usaha ini telah menyumbang kepada pengurangan yang ketara dalam kes penipuan berkaitan transaksi perbankan dalam talian tanpa kebenaran seperti yang dilaporkan kepada NSRC. Butiran lanjut tentang NSRC boleh didapati dalam bab mengenai 'Mengekalkan Integriti Kewangan'.

Libat urus dengan pengawal selia dan penyelia lain

BNM terus bekerjasama erat dengan rakan sejawat antarabangsa dalam memastikan pengawasan yang menyeluruh terhadap institusi kewangan yang mempunyai operasi rentas sempadan. BNM mengambil bahagian dalam 17 forum penyeliaan pada tahun 2023 yang dianjurkan oleh pengawal selia di negara asal bank-bank, penanggung insurans dan pengendali takaful asing yang diperbadankan di Malaysia (termasuk satu penanggung insurans semula). Forum penyeliaan tersebut menyediakan platform bagi penyelia dan pengawal selia untuk berkongsi dan bertukar pandangan tentang perkembangan industri dan pasaran, bidang risiko baharu dan keutamaan penyeliaan.

BNM juga terus mengambil bahagian secara aktif dalam forum dan jawatankuasa antarabangsa. BNM merupakan pemerhati dan ahli dalam Basel Committee on Banking Supervision (BCBS) dan Basel Consultative Group (BCG) yang menyokong program jangkauan dan libat urus secara meluas tentang standard kehematan antarabangsa. BNM turut mengambil bahagian dalam kajian semula Basel Core Principles[6] yang telah dimuktamadkan baru-baru ini. BNM terus memberikan sumbangan kepada perkembangan standard insurans global melalui pewakilan dalam Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Pembangunan Dasar dan pelbagai jawatankuasa kecil International Association of Insurance Supervisors (IAIS), termasuk Forum Penyeliaan. Sesi-sesi libat urus ini telah membantu memastikan keperluan pengawalseliaan, rangka kerja penyeliaan dan amalan BNM untuk kekal berkesan, responsif dan selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Di peringkat serantau, penyertaan BNM dalam platform bank pusat seperti Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) dan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah membantu mengukuhkan kerjasama BNM dengan bank-bank pusat lain dalam isu-isu kestabilan monetari dan kewangan, serta memajukan bidang keutamaan strategik BNM melalui dialog dasar yang konstruktif. Maklumat lanjut mengenai peranan BNM dalam komuniti antarabangsa dan serantau boleh didapati dalam bab mengenai 'Libat Urus Antarabangsa'.

BNM terus terlibat secara aktif dalam inisiatif perkongsian maklumat siber pada platform serantau seperti ASEAN Cybersecurity Risk Information Sharing Program (CRISP), serta bekerjasama dengan pengawal selia utama yang lain dan organisasi antarabangsa. Selain itu, BNM terus memperkukuh kerjasama strategik dua hala dengan pihak berkuasa pengawalseliaan yang berkaitan di rantau ASEAN untuk memudahkan perkongsian risikan ancaman siber (cyber threat intelligence, CTI).

Tindakan Penyeliaan dan Penguatkuasaan

BNM melaksanakan pelbagai tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan untuk menggalakkan pematuhan, tadbir urus dan amalan pengurusan risiko yang kukuh dalam kalangan institusi kewangan. Jenis tindakan yang diambil terhadap institusi kewangan adalah berdasarkan tahap keseriusan pelanggaran. Tindakan penyeliaan seperti teguran dan arahan bersifat pencegahan dan pembetulan. BNM mengambil tindakan ini untuk memastikan institusi kewangan menangani jurang dan mewujudkan rangka kerja dan proses yang kukuh dari segi aspek pematuhan. Tindakan penguatkuasaan seperti penalti pentadbiran dan kompaun akan lebih cenderung dikenakan bagi kes-kes pelanggaran peraturan material. Hal ini termasuk pelanggaran salah laku jenayah, pengurusan risiko yang berulang dan tidak diselesaikan dan pelanggaran amalan pengguna yang mempunyai kesan buruk terhadap kepentingan awam.

[6] Basel Core Principles adalah standard yang komprehensif bagi mewujudkan asas yang kukuh untuk pengawalan, penyeliaan, tadbir urus dan pengurusan risiko sektor perbankan.

Pada tahun 2023, pendekatan penguatkuasaan BNM terus menyokong perubahan positif dalam budaya risiko dan pematuhan institusi kewangan. Sebanyak 291 tindakan penyeliaan dan tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap institusi kewangan (rujuk Rajah 1). Butiran tindakan penguatkuasaan oleh BNM terus disiarkan melalui laman sesawang BNM untuk mencegah salah laku pada masa hadapan.

Rajah 1: Jumlah Tindakan yang Diambil pada Tahun 2023 Mengikut Jenis Institusi



- Institusi yang dikawal selia oleh BNM
- Institusi yang tidak dikawal selia oleh BNM (termasuk individu)
- Pengendali-pengendali Perniagaan Perkhidmatan Wang
- Institusi Kewangan Pembangunan
- Bank-bank Komersial
- Bank-bank Pelaburan
- Pengendali-pengendali Takaful
- Bank-bank Islam
- Pengeluar Wang Elektronik
- Syarikat-syarikat Insurans

Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM terus mengambil tindakan penguatkuasaan yang tegas terhadap pengambilan deposit dan pengiriman wang secara haram yang boleh menyebabkan risiko kewangan yang buruk kepada orang ramai dan memudahkan aktiviti jenayah. BNM mengeluarkan sembilan perintah pemberhentian dan larangan terhadap pengendali perniagaan perkhidmatan wang haram dan membuka tiga Kertas Siasatan. BNM juga melucutkan aset daripada aktiviti haram yang berjumlah hingga RM11 juta. Bagi pelanggaran Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001, BNM mensabitkan kesalahan terhadap 11 pengendali MSB haram dengan jumlah denda sebanyak RM570,000. Di samping itu, BNM mendapatkan penghakiman dengan denda berjumlah hingga RM15,000 atas seorang individu bagi pelanggaran berhubung dengan maklumat pelanggan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

BNM juga telah mengambil langkah-langkah pencegahan untuk mengganggu dan membongkar skim atau entiti yang berkemungkinan terlibat dalam aktiviti haram. Hal ini termasuk memasukkan entiti tersebut dalam senarai Amaran Pengguna Kewangan, penzahiran kes kepada agensi penguatkuasaan undang-undang lain yang berkaitan, rujukan kes kepada rakan sejawat dalam negeri dan antarabangsa, menyekat laman sesawang dan akaun media sosial serta kempen kesedaran awam.

Sebagai sebahagian daripada tindakan penyeliaan yang diambil oleh BNM berhubung dengan pelanggaran amalan pengguna, BNM berjaya melaksanakan pengembalian semula wang berjumlah lebih RM227 juta kepada 2.4 juta pelanggan (seperti yang diringkaskan

Gambar Rajah 4: Pemulangan dan Pengembalian Semula Dana oleh Insititusi Kewangan Akibat Kegagalan Mematuhi Keperluan Amalan Perniagaan pada Tahun 2023



Sumber: Bank Negara Malaysia

dalam Gambar Rajah 4). BNM mengambil tindakan punitif terhadap pengantara insurans dan takaful serta penasihat kewangan yang gagal memenuhi standard profesionalisme yang wajar. Tindakan ini termasuk mengenakan tempoh pembaharuan yang lebih pendek bagi perniagaan mereka, mengeluarkan perintah menghentikan perniagaan dan menolak permohonan bagi pembaharuan kelulusan. BNM juga mengeluarkan arahan yang memerlukan pengantara untuk mewujudkan langkah-langkah pembetulan untuk menambah baik standard dari segi kualiti khidmat nasihat dan urus niaga yang adil.

Melangkah ke Hadapan

Persekitaran kewangan terus berubah-ubah, didorong oleh pendigitalan perkhidmatan kewangan, perubahan iklim dan anjakan demografi yang lebih meluas. Berlatarkan persekitaran ini, BNM komited untuk memastikan sistem kewangan berdaya tahan dan berada pada kedudukan yang kukuh dalam menyokong kegiatan ekonomi.

- BNM akan terus memberikan tumpuan terhadap tadbir urus, Syariah dan pengurusan risiko institusi kewangan serta terus memperkukuh rangka kerja pengawalseliaan dalam negeri supaya seiring dengan standard antarabangsa.
- BNM akan mempergiat usaha untuk melindungi integriti sistem kewangan dan mencegah penyalahgunaan sistem tersebut termasuk melalui tindakan penguatkuasaan yang tegas dan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan lain untuk membanteras risiko penipuan dan scam kewangan.
- BNM akan melaksanakan usaha untuk mengekalkan insentif yang kukuh bagi institusi kewangan untuk memastikan layanan yang adil kepada pengguna melalui dasar amalan dan campur tangan penyeliaan yang tepat pada masa dan seimbang.
- BNM akan terus memajukan usaha bagi mempertingkatkan kapasiti dan kesiapsiagaan industri untuk menguruskan risiko berkaitan iklim dan untuk menyokong peralihan yang teratur ke arah ekonomi yang lebih hijau dan lebih lestari. Hal ini akan merangkumi integrasi pertimbangan risiko iklim yang lebih mantap dalam rangka kerja pengawalan dan penyeliaan.
- BNM akan terus menggalakkan persekitaran pengawalseliaan yang responsif kepada inovasi teknologi, termasuk penggunaan kecerdasan buatan (artificial intelligence, AI) dan pada masa yang sama memastikan risiko berkaitan kewangan, strategik dan operasi adalah difahami dengan mendalam dan diuruskan dengan baik.

Memperibadikan Perkhidmatan Kewangan: Menggalakkan Layanan Adil Terhadap Pengguna Mudah Terjejas

Sistem kewangan yang progresif dan inklusif dicirikan oleh kewujudan institusi kewangan yang responsif terhadap keperluan pengguna kewangan. Mandat Bank Negara Malaysia (BNM) termasuk mengawal selia amalan perniagaan institusi kewangan untuk membina rasa kepercayaan dan keyakinan terhadap sistem kewangan. BNM menggalakkan layanan adil terhadap pengguna, termasuk pengguna mudah terjejas dengan mengukuhkan standard amalan perniagaan institusi kewangan untuk memberikan perkhidmatan yang lebih responsif mengikut keperluan mereka.

Sesiapa pun mungkin mengalami atau menghadapi keadaan mudah terjejas pada satu ketika dalam kehidupan mereka disebabkan oleh peristiwa kehidupan yang tidak dapat dielakkan atau yang tidak dapat diramalkan. Pengguna mudah terjejas mungkin menghadapi kekangan yang lebih besar dalam keupayaan mereka untuk bertindak demi kepentingan terbaik sendiri, lantas menghadapi risiko yang lebih tinggi dalam keupayaan untuk bertindak balas terhadap peristiwa tersebut. BNM menghendaki supaya institusi kewangan bertindak dengan lebih berhati-hati apabila berurusan dengan pengguna mudah terjejas dan bertindak balas terhadap keperluan khusus mereka dengan sewajarnya. Keperluan tambahan diperkenalkan kepada institusi kewangan bagi memastikan produk, perkhidmatan dan saluran penyampaian masing-masing dapat memenuhi keperluan pengguna mudah terjejas dengan lebih baik. Matlamat pelaksanaan langkah-langkah ini adalah untuk mengurangkan kebarangkalian layanan yang tidak adil atau pengecualian pengguna mudah terjejas daripada perkhidmatan kewangan yang perlu.

Keadaan yang Menjejaskan Pengguna

Keadaan yang boleh menyumbang kepada pengguna menjadi mudah terjejas meliputi spektrum yang luas yang boleh timbul daripada faktor-faktor seperti masalah kesihatan, perubatan, tahap pendapatan dan simpanan, peristiwa kehidupan, tahap pendidikan dan keupayaan kewangan serta umur. Gabungan faktor sebegini, contohnya mempunyai tahap celik kewangan yang rendah dan daya tahan kewangan yang rendah juga boleh meningkatkan tahap mudah terjejas dalam kalangan sesetengah pengguna, lantas menjadikan mereka kurang mampu untuk menangani keadaan kewangan masing-masing. Hal ini juga terjadi apabila peristiwa kehidupan yang ketara memberikan kesan terhadap pengguna pada masa yang sama. Contohnya, pengguna menghidapi penyakit atau kecederaan serius selepas berlakunya kemalangan atau diberhentikan kerja. Pengguna yang mengalami keadaan yang menjejaskan sedemikian sering menghadapi kekangan untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi dan mungkin tidak dapat memperoleh manfaat yang sepenuhnya daripada pembangunan dan inovasi kewangan seperti penggunaan perkhidmatan kewangan digital.

Gambar Rajah 1: Pengguna dalam Keadaan yang Menjejaskan

Cabaran daripada segi akses



- Menghadapi cabaran untuk mengakses perkhidmatan kewangan atau memerlukan bantuan untuk membuat urusan berkaitan dengan perkhidmatan kewangan.
- Contoh: individu kurang upaya atau warga emas yang memerlukan bantuan untuk menggunakan perkhidmatan kewangan digital.

Daya tahan kewangan yang rendah



- Mempunyai keupayaan yang terhad untuk menghadapi kejutan kewangan.
- Contoh: individu yang banyak hutang ataupun memiliki sedikit atau tiada langsung simpanan.

Peristiwa kehidupan yang buruk



- Sedang atau telah menghadapi kesulitan kewangan sementara atau jangka panjang akibat peristiwa kehidupan yang sukar seperti hilang pekerjaan, bencana alam atau pencari nafkah utama meninggal dunia atau mengalami hilang upaya kekal.

Kemahiran kewangan yang terhad



- Mempunyai pemahaman yang terhad tentang hal-hal kewangan, kemahiran bahasa yang lemah atau kemahiran digital yang terhad.
- Contoh: individu yang memiliki kemahiran kewangan yang rendah, yang buta huruf, atau yang tidak fasih dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Hasil yang Dijangka daripada Pelaksanaan Langkah-langkah Baharu untuk Pengguna

Dengan pengenalan langkah-langkah baharu berhubung dengan layanan adil terhadap pengguna mudah terjejas dalam Dokumen Dasar Layanan Adil kepada Pengguna Kewangan yang sedia ada, institusi kewangan dikehendaki untuk mempertimbangkan keadaan khusus pengguna mudah terjejas dan cara untuk menangani isu yang mereka hadapi. Lembaga pengarah dan pengurusan kanan institusi kewangan dikehendaki memastikan standard urusan adil yang munasabah yang dimaklumkan oleh pemahaman dan pertimbangan yang lebih baik mengenai keperluan pengguna mudah terjejas. Hal ini seterusnya perlu disokong oleh dasar dan proses yang sesuai untuk memberikan pengalaman pelanggan yang lebih baik kepada pengguna tersebut. Langkah-langkah ini juga bertujuan memastikan pengguna diberikan maklumat yang relevan tentang tindakan yang boleh mereka ambil untuk menerima bantuan dan sokongan yang bersesuaian dengan keperluan masing-masing sekiranya mereka menghadapi perubahan keadaan kewangan yang mendadak.

Contoh-contoh di bawah menunjukkan cara pengguna mudah terjejas dapat dibantu oleh kakitangan yang mempunyai latihan yang sewajarnya untuk mengenal pasti, menilai dan bertindak balas terhadap tanda-tanda pengguna mudah terjejas. Hal ini akan mengurangkan kebarangkalian pengguna mudah terjejas membuat keputusan kewangan yang tidak wajar serta memberikan kesan yang buruk terhadap kesejahteraan kewangan mereka.



Encik Tan merupakan pesara tanpa pendapatan tetap. Dia pergi ke bank untuk menutup akaun deposit tetap miliknya. Berdasarkan saranan seorang rakan, dia mahu melaburkan kesemua simpanannya dalam produk pelaburan berisiko tinggi yang menjanjikan pulangan lebih tinggi dibandingkan dengan deposit tetap. Kakitangan tersebut menjelaskan risiko yang berkaitan dengan menggunakan bahasa dan cara yang dapat difahami oleh Encik Tan. Kakitangan tersebut turut memaklumkan kepada Encik Tan tentang kerugian yang mungkin ditanggung akibat pelaburan tersebut dan menasihatinya untuk mempertimbangkan semula pilihan yang lebih selamat untuk melaburkan duitnya dalam pelaburan berisiko rendah seperti deposit tetap atau dana pasaran wang.



Loga merupakan pengguna pekak namun mempunyai pekerjaan tetap dengan pendapatan yang baik. Beliau tidak boleh membaca dan memahami Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia dengan baik. Loga pergi ke satu cawangan bank untuk menandatangani perjanjian pinjaman perumahannya. Apabila diminta oleh kakitangan cawangan untuk membaca perjanjian sebelum menurunkan tandatangan, Loga tidak memberikan apa-apa respons. Kakitangan tersebut yang terlatih untuk mengenal pasti kesukaran pengguna sedar bahawa Loga mempunyai masalah pendengaran. Kakitangan itu meluangkan masa untuk menerangkan istilah penting kepada Loga menggunakan nota bertulis ringkas dan alat bantu visual. Loga berupaya memahami hak dan obligasinya sebelum menandatangani pinjaman perumahannya.

Oleh itu, penting bagi semua pengguna untuk mempunyai akses mudah kepada maklumat tentang pihak yang boleh dihubungi jika memerlukan bantuan atau nasihat daripada institusi kewangan untuk menguruskan obligasi kewangan sekiranya mereka menghadapi perubahan yang mendadak dalam keadaan mereka. Memandangkan pengguna mudah terjejas mungkin mempunyai keperluan komunikasi yang berbeza, institusi kewangan dikehendaki menyediakan pelbagai saluran komunikasi. Pilihan saluran ini akan membolehkan pengguna mudah terjejas untuk menyampaikan keperluan mereka dengan lebih baik melalui saluran yang mereka dapati paling mudah dan selesa seperti yang ditunjukkan dalam contoh di bawah. Institusi kewangan juga dikehendaki supaya kerap menguji keberkesanan saluran yang digunakan untuk menyampaikan maklumat penting kepada pengguna mudah terjejas. Proses perkhidmatan pelanggan di institusi kewangan perlu memastikan kakitangan mereka mematuhi standard yang memberikan penekanan pada cara melayan pengguna mudah terjejas dengan kepekaan dan rasa hormat, serta menyediakan fleksibiliti yang sewajarnya supaya kakitangan dapat memberikan respons yang bersesuaian jika perlu. Hal ini penting untuk mengurangkan kesulitan kewangan yang dihadapi. Langkah ini juga akan membolehkan pengguna menangani peristiwa kehidupan yang mencabar dengan lebih baik dan mengelakkan berlakunya kesukaran kewangan yang lebih teruk.



Baru-baru ini, Sheila disahkan menghidap penyakit barah dan perlu menjalani rawatan di hospital. Dia mahu membuat tuntutan polisi insurans bagi penyakit kritikalnya. Oleh sebab itu, dia perlu menghubungi syarikat insuransnya melalui telefon. Sewaktu menelefon syarikat insurans, pegawai khidmat pelanggan yang bertanya tentang diagnosis penyakit Sheila dapat memahami keperluannya dan membantunya dengan menghantarkan borang yang berkaitan yang perlu dilengkapkan oleh Sheila untuk membuat tuntutan melalui e-mel. Tuntutan Sheila diproses dengan segera. Kakitangan tersebut juga memaklumkan tentang saluran digital lain yang boleh Sheila gunakan sekiranya dia perlu menghubungi syarikat insurans sekali lagi.

Langkah-langkah baharu ini akan berkuat kuasa pada tahun 2025 selepas suatu tempoh peralihan bagi institusi kewangan mengkaji semula dan memantapkan dasar dan proses sedia ada secara menyeluruh. Walaupun BNM berusaha untuk meningkatkan standard keseluruhan urus niaga adil yang harus dipatuhi oleh institusi kewangan, BNM kekal fokus untuk menggiatkan lagi inisiatif pendidikan kewangan bagi membantu pengguna membuat pilihan kewangan yang lebih baik. Melengkapkan pengguna dengan pengetahuan kewangan yang mantap merupakan bentuk perlindungan yang paling kukuh untuk menangkis kemudaratan terhadap pengguna.

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif

Salah satu mandat utama Bank Negara Malaysia (BNM) adalah untuk menggalakkan pembangunan sistem kewangan yang progresif dan inklusif untuk ekonomi Malaysia.

Sepanjang dua tahun sejak Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 (FSBP), keutamaan pembangunan kewangan kekal berteraskan pada menyokong fungsi pengantaraan bagi pertumbuhan yang mampan dan inklusif, memperkukuh penggerak ekosistem dan memacu pembaharuan jangka panjang. Pada tahun 2023, BNM terus mengutamakan usaha untuk memastikan aktiviti pengantaraan kewangan terus menyokong agenda transformasi ekonomi dan membantu perniagaan, terutamanya untuk Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) membina daya tahan perniagaan dan beralih kepada amalan hijau. Usaha penting juga ditumpukan untuk mempertingkat keupayaan kewangan rakyat Malaysia dan mengurangkan baki halangan terhadap rangkuman kewangan. Di samping itu, usaha digerakkan ke arah menyokong landskap perkhidmatan kewangan digital yang memberangsangkan dan menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab dengan tawaran nilai yang kukuh. Bab-bab yang menyusul menghuraikan tentang usaha dan kemajuan utama lain dalam memudahkan peralihan yang teratur kepada ekonomi yang lebih hijau dan memajukan kewangan berasaskan nilai melalui kepimpinan kewangan Islam.

Gambar Rajah 1: Kemudahan Tersedia[1] di Bawah Dana BNM untuk Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) untuk Menyokong PKS Dalam Segmen Bersasar



Di bawah **Belanjawan 2024**, sebanyak RM600 juta daripada kemudahan terpilih di bawah Dana BNM untuk PKS telah diperuntukkan untuk segmen bersasar khusus:

1. Kemudahan Perusahaan Mikro
   Tambahan RM200 juta
   termasuk RM50 juta untuk usahawan mikro berpendapatan rendah di bawah program iTEKAD
2. Kemudahan Agromakanan
   RM100 juta
   untuk menyokong agenda keterjaminan makanan negara
3. Kemudahan Peralihan Karbon Rendah
   RM100 juta
   untuk menggalakkan PKS mendapatkan pensijilan kelestarian dan hijau
4. Kemudahan untuk Semua Sektor Ekonomi
   RM200 juta
   untuk memangkin penyediaan CAKNA II, kemudahan pembiayaan kontrak untuk kontraktor kecil (G1-G4) yang memperoleh projek kerajaan bernilai sehingga RM1.5 juta

Maklumat lanjut boleh didapati melalui:
https://www.bnm.gov.my/-/msme-budget24-bm

[1] Kemudahan tersedia lain yang di bawah Dana BNM untuk PKS adalah untuk tujuan bantuan:
i) Kemudahan Bantuan Bencana untuk membantu PKS yang terkesan akibat banjir (Peruntukan: RM500 juta)
ii) Pembiayaan Pelancongan PENJANA (PTF) untuk membantu PKS dalam sektor pelancongan (Peruntukan: RM600 juta)

[2] Jumlah baki setakat akhir bulan Disember 2023, termasuk untuk kemudahan bantuan (rujuk nota kaki 1 di atas).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rajah 1: Prestasi Pembiayaan PKS



¹ Berkaitan pelaburan merujuk pembiayaan bagi tujuan pembelian harta tanah bukan kediaman, harta kediaman untuk kegunaan perniagaan, aset tetap (termasuk kereta) dan aktiviti pembinaan.

Nota: Mencerminkan pembiayaan daripada sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

Sumber: Bank Negara Malaysia

Memastikan Akses yang Berterusan kepada Pembiayaan bagi PKS

Pada tahun 2023, keadaan kredit kekal menyokong keperluan pembiayaan oleh perniagaan. Khususnya bagi PKS, pembiayaan terkumpul meningkat sebanyak 8.2% pada akhir tahun 2023 (akhir 2022: 5.7%). Sejumlah RM528 bilion dana telah disalurkan kepada PKS pada tahun 2023 (2022: RM496 bilion), iaitu hampir 40% lebih tinggi daripada paras sebelum pandemik (purata 2018-2019: RM377 bilion). Aktiviti pembiayaan ini terutamanya untuk tujuan modal kerja, lantas mencerminkan aktiviti perniagaan yang bertambah baik. Pembiayaan PKS juga terus meningkat kepada lebih RM180 bilion pembiayaan baharu telah diluluskan kepada lebih 235,000 akaun PKS (2022: RM150 bilion untuk hampir 231,000 akaun). Jumlah ini termasuk pembiayaan untuk pembelian harta tanah komersial dan pembiayaan aktiviti pembinaan. Pada tahun 2023, BNM telah menyelaraskan semula Dana BNM untuk PKS bagi menggalakkan lagi pengumpulan pembiayaan swasta ke dalam bidang pertumbuhan baharu yang dikenal pasti, termasuk aktiviti yang menyokong peralihan ke arah masa depan yang lebih hijau dan rendah karbon. Sehubungan dengan itu, institusi kewangan telah memberikan sokongan kepada inisiatif Aspirasi Pelaburan Nasional (National Investment Aspiration, NIA)[1] seperti yang dilihat melalui pertumbuhan pesat dalam pembiayaan PKS dalam sektor strategik. Kadar pertumbuhan tahun 2023 sebanyak 23% bagi sektor-sektor ini mengatasi kadar pertumbuhan pada tahun-tahun sebelumnya (akhir 2022: 7.2%, akhir 2021: 7.6%). Trend pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pembiayaan yang lebih tinggi kepada subsektor Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communications Technology*, ICT) serta kimia dan farmaseutikal. Meskipun sumber utama pembiayaan PKS adalah daripada bank dan institusi kewangan pembangunan (IKP).[2] Dana BNM telah menyediakan sumber pembiayaan pelengkap untuk PKS. Lebih daripada RM7.9 bilion dalam Dana BNM kekal tersedia untuk digunakan oleh PKS setakat bulan Disember 2023, daripada jumlah peruntukan sebanyak RM32.4 bilion sejak pandemik COVID-19. Namun begitu, jumlah peruntukan di bawah Dana BNM hanyalah 8% daripada jumlah pembiayaan terkumpul kepada PKS, selaras dengan peranannya untuk mendorong institusi perbankan supaya menyediakan pembiayaan kepada segmen yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Kewangan sosial dijangka terus menjadi penyelesaian yang boleh dipercayai untuk menyokong keperluan pembiayaan segmen yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Pada tahun 2023, inisiatif iTEKAD yang menggabungkan elemen utama kewangan sosial untuk usahawan mikro terus mencatatkan perkembangan (Gambar Rajah 2).

Rencana tentang 'iTEKAD: Pendekatan Ekosistem dalam Meningkatkan Kewangan Sosial' memaparkan lebih banyak maklumat mengenai pendekatan ini.

[1] NIA merujuk objektif pembangunan strategik yang menyeluruh untuk meningkatkan kompleksiti ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluas hubungan industri dalam negeri serta mengembangkan kelompok baharu dan yang sedia ada. Sektor strategik yang dianggap selaras dengan NIA termasuk perkilangan produk elektrik dan elektronik, bahan kimia, peranti perubatan dan farmaseutikal, jentera dan kelengkapan dan peralatan pengangkutan (cth. aeroangkasa), teknologi maklumat dan komunikasi, penyelidikan dan pembangunan, serta pendidikan tinggi.

[2] Merujuk Institusi Kewangan Pembangunan yang telah ditetapkan di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat), Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), Bank Simpanan Nasional (BSN), Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Export-Import Bank of Malaysia Berhad dan Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad.

IKP sebagai penggerak utama untuk meningkatkan kerangkuman dan akses kepada pembiayaan

Pada tahun 2023, IKP terus melengkapkan sistem perbankan untuk membiayai sektor dan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

IKP memainkan peranan yang sangat penting untuk menyokong sektor strategik utama dalam ekonomi. Pada tahun 2023, IKP terus melengkapi sistem perbankan dalam membiayai sektor dan segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Pembiayaan IKP terkumpul meningkat 5.9% kepada RM173.4 bilion (2022: 1.3% kepada RM163.8 bilion), manakala pembiayaan kepada sektor yang diberikan mandat[3] meningkat 12.5%, memberikan manfaat kepada lebih 176,000 perniagaan. Pembiayaan baharu yang diluluskan oleh IKP mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 38.2% (2022: 7.2%), menjangkau lebih 740,000 peminjam berpendapatan rendah dan 30,000 PKS termasuk syarikat permulaan dan peminjam kali pertama. IKP juga kekal sebagai penyedia kredit utama untuk perusahaan mikro, yang membentuk 87% daripada jumlah akaun kewangan mikro. Disokong oleh pembiayaan daripada IKP, lebih 10,000 perniagaan mencapai perolehan yang lebih tinggi dan sekitar 2,900 perniagaan mengembangkan operasi mereka, lalu mewujudkan dan mengekalkan anggaran sebanyak 125,000 pekerjaan untuk ekonomi pada tahun 2023.

Rangka Kerja Pengukuran Prestasi (Performance Measurement Framework, PMF) yang diperkenalkan pada 2018 membantu BNM memantau kemajuan, impak dan keberkesanan IKP serta penjajaran dengan mandat pembangunan mereka. Pada tahun 2023, IKP terus merapatkan jurang pembiayaan dan rangkuman serta menyumbang kepada hasil sosio ekonomi yang positif (Gambar Rajah 3).

Apabila PMF semakin matang, IKP juga dikehendaki oleh BNM untuk mendorong hasil strategik berhubung dengan kelestarian. Secara khususnya, BNM ingin lebih banyak

Gambar Rajah 2: Perkembangan dan Impak iTEKAD pada Tahun 2023



*Setakat Februari 2024

Nota: Angka impak diperoleh daripada sampel peserta yang telah melengkapkan program iTEKAD.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] PMKS, pertanian, koperasi, eksport dan infrastruktur.

Gambar Rajah 3: Pencapaian IKP dalam Penambahan pada Tahun 2023

PENAMBAHAN KEWANGAN
Pengantaraan IKP bagi segmen-segmen yang dimandatkan dan perkhidmatan lain untuk merapatkan jurang pembiayaan dan rangkuman kewangan

Pembiayaan yang diluluskan

RM45 bilion
(38% pertumbuhan)

- **Infrastruktur** RM4.4 bilion
- **PMKS** RM5.1 bilion
- **Eksport** RM1.7 bilion
- **Koperasi** RM650 juta
- **Pertanian** RM742 juta
- **B40** RM23 bilion

32,000 perniagaan kurang mendapat perkhidmatan kewangan dibiayai oleh IKP

Separuh peserta iTEKAD disokong oleh IKP

87% Pembiayaan perusahaan mikro oleh IKP[1]

83% Unit bank bergerak yang disumbang oleh IKP

40% Mukim yang hanya mendapat perkhidmatan IKP

944k Individu yang mendapat manfaat daripada program celik kewangan *(termasuk golongan belia dan pekerja berpendapatan rendah)*

33k Usahawan yang mendapat manfaat daripada program pembangunan keupayaan

PENAMBAHAN REKA BENTUK
Sokongan IKP terhadap pertumbuhan pelanggan yang positif melangkaui pembiayaan

10,000 perniagaan mencapai peningkatan pendapatan

2,900 perniagaan berkembang[2]

125,000 pekerjaan baharu atau sedia ada

PENAMBAHAN DEMONSTRASI
IKP membantu mengumpulkan pembiayaan daripada sektor swasta untuk segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan[3]

RM2 bilion jumlah pembiayaan daripada sektor swasta

25 projek dibiayai untuk antara lain pengurusan sisa yang mampan, tenaga biogas & maritim

PENAMBAHAN DASAR
Khidmat nasihat IKP kepada Kerajaan dalam menyokong pelancaran produk baharu[3]

IKP secara proaktif membantu Kerajaan bagi menyokong mengetengahkan **perniagaan sosial**

IKP berjaya membantu pihak Kerajaan untuk memperuntukkan dana bagi **mendigitalkan penjaja** dan membina keupayaan pengurusan kewangan

IKP membantu PKS yang terjejas akibat pandemik dengan menyokong pelancaran skim **pembiayaan ekuiti** pertama di Malaysia

[1] Berdasarkan bilangan akaun di bawah Skim Pembiayaan Mikro (SPM).
[2] Perkembangan perniagaan: tidak berdaftar kepada berdaftar, mikro→perusahaan kecil→sederhana→peningkatan penarafan kredit yang besar.
[3] Sejak 2021.

Sumber: Bank Negara Malaysia

IKP merintis penyelesaian kewangan hijau yang inovatif dengan memberikan tumpuan khusus kepada segmen yang telah dimandatkan seperti PKS, teknologi hijau dan perniagaan tani. Pada tahun 2023, BNM, Bank Dunia dan Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia (Association of Development Finance Institutions of Malaysia, ADFIM) bekerjasama untuk menganjurkan Forum Kewangan Hijau pada Jun 2023.[4] Forum ini bertujuan mengukuhkan pengetahuan dan kepakaran IKP mengenai kewangan hijau. Sebagai sebahagian hasil daripada forum, IKP telah menunjukkan komitmen untuk memajukan agenda ini (Gambar Rajah 4). Komitmen ini termasuk menyokong projek hijau yang inovatif seperti sistem transit berkuasa hidrogen pertama di Malaysia, sistem kitar semula plastik lautan yang pertama di dunia dan pertanian pintar melalui Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence, AI) dan hidroponik untuk meminimumkan penggunaan sumber.



Bank Dunia, BNM, dan ADFIM bekerjasama untuk menganjurkan 'Forum Kewangan Hijau untuk IKP'.

[4] Maklumat lanjut mengenai sorotan dan iktibar daripada 'Green Finance Forum for DFIs' boleh didapati menerusi laporan forum (adfim.com.my).

Gambar Rajah 4: Kisah Kejayaan Hasil daripada Pembiayaan daripada IKP



Sumber: Bank Negara Malaysia dan ADFIM

Memperluas Rangkuman Kewangan dan Akses kepada Produk dan Perkhidmatan Kewangan

Memajukan strategi rangkuman kewangan

Memajukan rangkuman kewangan adalah sangat penting untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan seluruh rakyat Malaysia. Usaha ini adalah untuk memastikan isi rumah dan perniagaan dapat beradaptasi dengan landskap kewangan yang berkembang lantas memupuk daya tahan kewangan yang lebih besar untuk menghadapi turun naik ekonomi. Rangka Kerja Rangkuman Kewangan yang pertama (2011-2020) meletakkan asas yang kukuh untuk meluaskan akses dan penyediaan perkhidmatan kewangan. Kini, hampir setiap rakyat Malaysia mempunyai akses fizikal kepada perkhidmatan kewangan pada jarak yang berdekatan hasil daripada usaha selama bertahun-tahun untuk meluaskan liputan pusat akses kewangan terutamanya di luar bandar-bandar utama di seluruh negara.

Rangka Kerja Rangkuman Kewangan 2023–26 (Financial Inclusion Framework, FIF)[5] yang kedua telah diterbitkan pada bulan Jun 2023 dan berfungsi sebagai pelan hala tuju strategik untuk terus memajukan rangkuman kewangan. Menyedari kerumitan dan dinamisme landskap kewangan yang semakin meningkat, FIF mengalihkan tumpuan daripada kebolehcapaian kepada usaha memperoleh hasil pembangunan yang lebih luas. FIF menetapkan visi yang jelas, hasil yang dihasratkan, objektif dasar dan strategi untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan serta meningkatkan taraf hidup semua rakyat Malaysia (Gambar Rajah 5).

Yang penting, FIF direka untuk membina daya tahan kewangan dan meningkatkan kesejahteraan keseluruhan. Rangka kerja ini mempunyai tumpuan yang kukuh untuk memastikan rakyat Malaysia boleh mengambil bahagian dalam sistem kewangan secara bermanfaat. Hal ini dicapai sebahagiannya dengan memacu inovasi dan memupuk pelbagai pilihan kewangan yang lebih luas untuk pengguna, terutamanya kepada mereka dalam segmen yang mudah terjejas . FIF turut menggariskan strategi yang bertujuan untuk menggalakkan kewangan dan perkhidmatan digital yang selamat dan inklusif, serta menambah baik perlindungan risiko kewangan untuk PKS dan isi rumah. Bagi memastikan usaha industri kewangan diselaraskan dengan baik dan berkesan, FIF menyediakan panduan untuk mentakrifkan mereka yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

[5] Kertas Strategi Rangka Kerja Rangkuman Kewangan (2023–26) boleh didapati di (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/55792/SP-2nd-fin-incl-framework.pdf).

Gambar Rajah 5: Rangka Kerja Rangkuman Kewangan (2023–26) Secara Sepintas Lalu



Sumber: Bank Negara Malaysia

Meningkatkan titik akses kewangan

Kini, bank ejen dan bank mudah alih merupakan sumber utama akses kepada produk dan perkhidmatan kewangan untuk komuniti yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan (Gambar Rajah 6). Rangkaian produk dan perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh bank ejen[6] kini dikembangkan untuk memenuhi keperluan pelanggan dengan lebih baik.[7]

Inisiatif Bank Bergerak (Bank Bergerak Initiative, BBI) amat penting dalam usaha ini. Institusi Kewangan Peserta yang menyertai BBI[8] telah menawarkan perkhidmatan perbankan yang diperlukan melalui bank mudah alih sejak tahun 2021. BBI telah dikembangkan lagi pada tahun

Gambar Rajah 6: Penunjuk Prestasi Utama Perbankan Ejen dan Bank Bergerak (di bawah Inisiatif Bank Bergerak) pada Tahun 2023



Sumber: Bank Negara Malaysia

[6] Institusi Kewangan Peserta bagi Inisiatif Perbankan Ejen ialah Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam), Bank Rakyat, Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank), BSN, Malayan Banking Berhad (Maybank) dan RHB Bank Berhad (RHB Bank).

[7] Pembukaan akaun perbankan melalui protokol e-KYC, menjalankan perniagaan perkhidmatan wang, mengedarkan produk insurans mikro dan takaful mikro, dan menjalankan aktiviti aliran tunai masuk dan keluar bagi e-wang.

[8] Peserta Institusi Kewangan bagi Inisiatif Bank Bergerak ialah Affin Bank, Agrobank, Bank Muamalat, Bank Rakyat, BSN, Maybank dan RHB Bank.

Gambar Rajah 7: Prestasi Perlindungan Tenang Sejak Dilancarkan



[1] Bagi seluruh tahun 2023.
[2] Termasuk polisi/sijil individu dan kumpulan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

2023 dengan peruntukan sebanyak RM10 juta daripada Kerajaan. Kini, 24 bank mudah alih telah digerakkan di seluruh negara. Bank mudah alih ini menawarkan perkhidmatan perbankan asas seperti deposit tunai dan pengeluaran, di samping turut menyokong penggunaan perkhidmatan kewangan digital. Institusi kewangan peserta juga memainkan peranan untuk menggalakkan literasi kewangan melalui bank mudah alih. Hal ini dapat dilihat dengan nyata semasa Bulan Literasi Kewangan 2023 (Financial Literacy Month, FLM 2023).[9]

Langkah selanjutnya, bank ejen dan bank mudah alih akan terus meluaskan jangkauan mereka kepada golongan berpendapatan rendah, warga emas dan masyarakat luar bandar. Usaha ini akan diteruskan pada masa yang sama kesalinghubungan digital dan celik digital komuniti ini terus dipertingkatkan untuk menerima kewangan digital.

Menggalakkan tawaran perlindungan kewangan yang inklusif

Pada tahun 2023, BNM kekal meneruskan usaha untuk menggalakkan pasaran insurans mikro dan takaful mikro yang pelbagai. Dengan mengambil kira perspektif permintaan dan penawaran, usaha ini memanfaatkan inisiatif asas dari tahun-tahun sebelumnya seperti penerbitan Dokumen Dasar Perlindungan Tenang[10], selesainya kajian dari segi permintaan[11] dan pelancaran program baucar Perlindungan Tenang.

Dari segi permintaan, BNM bersama-sama penanggung insurans dan pengendali takaful (*insurance and takaful operators,* ITO), meningkatkan aktiviti promosi dan pendidikan untuk memupuk kesedaran yang lebih tinggi tentang ketersediaan produk perlindungan insurans dan takaful yang mampu milik. Sebagai contoh, aktiviti jangkauan dan ceramah pendidikan mengenai kepentingan perlindungan insurans dan takaful untuk

[9] Maklumat lanjut tentang FLM 2023 boleh didapati dalam bab 'Menyantuni Rakyat Malaysia'.

[10] Inisiatif Perlindungan Tenang telah dilancarkan oleh BNM pada tahun 2017. Ia bertujuan untuk memperluaskan ketersediaan penyelesaian insurans dan takaful yang berkualiti untuk memenuhi keperluan segmen kewangan yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan. Hal ini disokong oleh peruntukan fleksibiliti kawal selia di bawah rangka kerja Perlindungan Tenang (yang meliputi reka bentuk produk, saluran pengedaran dan penawaran perkhidmatan nilai tambah) serta inisiatif dan sokongan Kerajaan, seperti pengenalan baucar Perlindungan Tenang oleh Kerajaan dalam Bajet Tahun 2021 dan 2022 dan peruntukan pengecualian duti setem untuk pembelian produk Perlindungan Tenang.

[11] Kajian dari segi permintaan yang dijalankan secara bersama oleh BNM dan industri insurans serta takaful. Kajian ini bertujuan untuk menyokong pertumbuhan masa hadapan pasaran insurans mikro/takaful mikro yang mampan.

meningkatkan daya tahan kewangan pengguna telah dijalankan bersempena dengan Karnival Celik Kewangan BNM. Usaha untuk meluaskan kebolehcapaian Perlindungan Tenang juga diteruskan. Hal ini termasuk mengkaji perkongsian strategik dengan agensi Kerajaan, syarikat e-panggilan, penyedia e-dompet serta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Melalui libat urus ini, BNM dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang jurang perlindungan, risiko yang dihadapi oleh pengguna dan corak tingkah laku segmen yang tiada atau kurang mendapat perkhidmatan kewangan.

Dari segi penawaran, BNM terus mengadakan libat urus dengan ITO untuk mengembangkan rangkaian tawaran produk mampu milik dan mudah diakses kepada pengguna, serta peserta insurans mikro yang khusus dan kurang saingan (*niche*) tentang strategi dan inisiatif untuk menangani jurang perlindungan khusus, seperti risiko pertanian. Perbincangan dan bengkel turut diadakan bersama ITO dan Agensi Pengurusan Bencana Negara (National Disaster Management Agency, NADMA) untuk membina daya tahan kewangan yang lebih mantap terhadap bencana alam, terutamanya banjir. Di samping itu, data tuntutan mySalam peringkat makro turut dikongsi dengan 19 ITO untuk menggalakkan penawaran produk yang mempunyai manfaat bagi penyakit kritikal dan penggantian pendapatan kemasukan ke hospital yang setanding. Sementara itu, usaha juga sedang dijalankan untuk membangunkan inisiatif perlindungan sosial gabungan untuk segmen yang mudah terjejas.

Memastikan inisiatif pendidikan kewangan yang inklusif dan berkesan

Meningkatkan keupayaan kewangan adalah penting untuk menggalakkan rangkuman kewangan yang lebih besar serta menggalakkan penyertaan pengguna dalam sistem kewangan secara aktif. Pada tahun 2023, BNM, bersama-sama ahli dan rakan kongsi Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) terus melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan kewangan.[12] Usaha ini secara strategik bertujuan untuk merapatkan jurang yang dikenal pasti melalui pelbagai tinjauan dan dapatan.[13] Menyasarkan terutamanya golongan belia dan usahawan mikro, tumpuannya adalah untuk memperkasakan golongan ini melalui celik kewangan digital yang dipertingkatkan, membina daya tahan kewangan dan memupuk pertumbuhan kewangan yang mampan dalam komuniti.

FEN telah mewujudkan satu set Penunjuk Prestasi Utama (*Key Performance Indicators*, KPI) Tahunan dalam empat bidang tumpuan iaitu Penyelesaian, Akses, Kesedaran dan Aplikasi dalam Pelan Hala Tuju Programatik FEN. Hal ini adalah untuk memastikan inisiatif pendidikan kewangan yang inklusif dan berkesan (Gambar Rajah 8).

Selain itu, FEN telah menerbitkan Rangka Kerja Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Kewangan (Financial Education Measurement and Evaluation, FEME)[14] untuk menilai penggunaan pengetahuan yang diperoleh (Gambar Rajah 9). Rangka kerja berasaskan hasil yang berstruktur ini akan mengukur dan menilai kesan inisiatif pendidikan kewangan terhadap individu dan kesejahteraan kewangan mereka. Hasil strategik FEME adalah untuk individu memiliki dan menggunakan pengetahuan asas kewangan untuk membuat keputusan kewangan berdasarkan maklumat yang mencukupi. Hal ini dilakukan dengan menilai sejauh mana seseorang itu mengurus kewangan harian dan kewangan jangka panjang, menangani perbelanjaan yang tidak dijangka dan penggunaan perkhidmatan kewangan digital.

Langkah menyelaraskan inisiatif pendidikan kewangan dengan hasil strategik FEME membolehkan penyedia pendidikan kewangan memantau kemajuan dan membuat perubahan yang bermakna. Penyelarasan ini membantu memantau dan menilai kesan inisiatif ini. Anggota dan rakan kongsi FEN telah mula menyepadukan Rangka Kerja FEME ke dalam program pendidikan kewangan mereka. Hasil daripada usaha ini akan dinilai dan diukur secara kolektif. Dapatan itu kemudiannya akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Antara Agensi Peringkat Tinggi FEN yang dipengerusikan secara bersama oleh BNM dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada suku pertama tahun 2025. Dengan menambah baik pengukuran, keberkesanan inisiatif FEN boleh meningkat. Hal ini membolehkan penentuan keutamaan dan reka bentuk inisiatif celik kewangan untuk mencapai hasil yang dihasratkan.[15]

[12] Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 353 inisiatif telah dilaporkan merentas Keutamaan Strategik dan Pelan Tindakan Strategi Kebangsaan dengan jangkauan berjumlah kira-kira 61 juta.

[13] Tinjauan oleh anggota dan rakan kongsi FEN termasuk Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan dari Segi Permintaan 2021 oleh Bank Negara Malaysia, Youth Capital Market Survey oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Behavioural Studies on Savings and Insurance oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia, Financial Literacy Survey 2022 oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Financial Literacy Survey RinggitPlus serta pandangan daripada libat urus dengan orang ramai.

[14] Maklumat mengenai Rangka Kerja Pengukuran dan Penilaian Pendidikan Kewangan (FEME) boleh didapati di (https://www.fenetwork.my/wp-content/uploads/2024/01/FEME-Framework-Guidelines.pdf).

[15] Maklumat lanjut tentang inisiatif pendidikan kewangan FEN boleh dibaca dalam bab 'Menyantuni Rakyat Malaysia'.

Gambar Rajah 8: Penunjuk Prestasi Utama Tahunan FEN

TUMPUAN	HASIL	CADANGAN GARIS ASAS UNTUK PENUNJUK PRESTASI UTAMA
PENYELESAIAN	Alat, Sumber dan Platform Pendidikan Kewangan	Alat dan sumber yang berkaitan • Pelbagai peringkat kehidupan • Perubahan keadaan • Pembangunan keupayaan
AKSES	Pengukuran dan Peningkatan Akses kepada Penyelesaian	Capaian dan penggunaan: • Laman web dan media sosial, alat dan bahan-bahan FEN • Perkhidmatan ahli dan rakan usaha sama FEN • Capaian purata bulanan bagi topik kewangan utama
KESEDARAN	Penyampaian Program dan Jangkauan	Memenuhi keperluan pelbagai pihak berkepentingan melalui: • Organisasi yang menyertai • Kehadiran peserta • Sumber yang diterbitkan • Penyampaian sesi pendidikan kewangan
KEBOLEHGUNAAN	Projek Inovatif untuk Mengubah Tingkah Laku Pengguna	Kaji selidik, eksperimen sosial dan penilaian program untuk mengukur peningkatan dalam pengetahuan, tingkah laku dan sikap mengenai: • Mengurus wang dan hutang • Merancang dan menyimpan untuk masa hadapan • Mencegah dan melindungi daripada penipuan • Penggunaan produk dan perkhidmatan kewangan

IMPAK
(diukur dalam jangka panjang >3 tahun)

A. OECD PISA students' financial literacy - peningkatan berbanding dengan negara lain
1. Kandungan - transaksi, perancangan, risiko, ganjaran dan landskap
2. Proses - mengenal pasti, menganalisis, menilai dan menggunakan maklumat kewangan
3. Konteks - pendidikan, pekerjaan, keluarga dan masyarakat

B. Kaji Selidik Keupayaan dan Rangkuman Kewangan Malaysia - penambahbaikan berbanding keputusan kajian yang lepas

1. Pengetahuan
- Kesedaran tentang produk kewangan
- Literasi dan numerasi kewangan
- Konsep kewangan

2. Tingkah Laku
- Pengurusan wang
- Perancangan jangka panjang
- Membuat keputusan berkenaan produk

3. Sikap
- Kawalan diri
- Sikap terhadap masa depan
- Berteraskan pencapaian

4. Kesejahteran
- Kawalan kewangan
- Pengurusan kewangan seharian
- Kesedaran tentang penipuan

5. Akses, Pengambilan dan Penggunaan
- Kesedaran
- Alasan untuk tidak menggunakannya

6. Kualiti
- Tahap kepuasan
- Kesukaran

C. *OECD/INFE International Survey of Adult Financial Literacy* – peningkatan skor
1. **Skor literasi –** Pengetahuan, Tingkah Laku dan Sikap
2. **Daya Tahan dan kesejahteraan –** Kawalan, Perbelanjaan, Penampung Kewangan, Menangani Kekangan, Perancangan Kewangan dan Kesedaran tentang Penipuan

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Memperkukuh Pasaran Kewangan

BNM terus memacu inisiatif pembangunan pasaran kewangan melalui Jawatankuasa Pasaran Kewangan (Financial Markets Committee, FMC)[16] melalui kerjasama rapat dengan industri. Pada tahun 2023, usaha BNM ditumpukan pada peluasan kebolehcapaian serta meningkatkan keluasan dan kedalaman pasaran.

Pada tahun itu, FMC menyemak kemajuan penggunaan Kadar Semalaman Malaysia (Malaysia Overnight Rate, MYOR) yang diperkenalkan pada tahun 2021 sebagai Kadar Rujukan Alternatif (Alternative Reference Rate, ARR) berasaskan transaksi yang teguh kepada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR). Ahli-ahli mengambil maklum bahawa pendekatan berbilang kadar pada masa ini, bersama-sama dengan KLIBOR dan MYOR, tidak membantu menggalakkan penggunaan MYOR. FMC akan terus membangunkan MYOR dan menggalakkan penggunaan oleh industri, termasuk mengkaji penerbitan garis masa peralihan industri daripada KLIBOR ke MYOR susulan tinjauan seluruh pasaran pada tahun 2024.

FMC juga menubuhkan dua kumpulan kerja, bersama-sama Jawatankuasa Kecil Pasaran Bon yang sedia ada. Pertama, Kumpulan Kerja Kelestarian (Sustainability Working Group, SWG) berfungsi sebagai platform untuk kerjasama antara peserta industri pasaran kewangan untuk mengenal pasti peluang dan jurang yang akan membantu memaklumkan rancangan dan inisiatif yang sesuai untuk pembangunan pasaran kelestarian domestik. SWG kini sedang mengenal pasti strategi untuk menggalakkan penciptaan aset alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance*, ESG) untuk memenuhi permintaan pasaran domestik. Kedua, Kumpulan Kerja Peniaga Utama (Principal

[16] FMC telah ditubuhkan pada tahun 2016 untuk meluaskan libat urus industri dengan memberikan tumpuan pada mengkaji semula dan merumuskan strategi yang menyeluruh untuk pasaran kewangan borong.

Gambar Rajah 9: Rangka Kerja FEME Secara Sepintas Lalu



Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Dealer Working Group, PDWG) berfungsi sebagai platform untuk membincangkan perkara-perkara berkaitan Peniaga Utama (Principal Dealer, PD) dan memacu inisiatif pembangunan dalam pasaran bon dan repo. PDWG kini sedang berusaha untuk mengenal pasti Platform Dagangan Elektronik (Electronic Trading Platform, ETP) antara Peniaga Utama. ETP dijangka meningkatkan keupayaan membuat pasaran PD dengan memudahkan saiz perdagangan yang lebih besar dan meningkatkan kecekapan operasi, lantas meningkatkan mudah tunai pasaran bon secara keseluruhan. Sehubungan dengan itu, PDWG telah mendapatkan komitmen daripada PD bagi ETP yang dikenal pasti untuk mengurangkan risiko pemecahan pasaran.

Pada bulan Januari 2023, BNM melancarkan Portal Pelabur Pasaran Kewangan (Financial Markets Investor Portal, FMIP) iaitu sebuah laman sesawang yang disediakan untuk orang ramai mengakses maklumat pasaran kewangan utama merentasi pasaran wang, bon dan pertukaran asing domestik.

Pada bulan Januari 2023, BNM melancarkan Portal Pelabur Pasaran Kewangan (Financial Markets Investor Portal, FMIP) iaitu sebuah laman sesawang yang disediakan untuk orang ramai mengakses maklumat pasaran kewangan utama merentasi pasaran wang, bon dan pertukaran asing domestik. Portal ini bertujuan untuk mengatasi sumber yang terhad dan berpecah-pecah berhubung dengan data pasaran kewangan yang boleh didapati oleh orang ramai. Pengenalan FMIP telah meningkatkan ketelusan dan kebolehcapaian orang ramai kepada maklumat penting tentang pasaran kewangan domestik dalam lingkungan lokasi berpusat. Hal ini telah mempermudah penilaian lebih mendalam dan pembuatan keputusan pelaburan berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Maklumat mengenai inisiatif BNM untuk memperkukuh pasaran kewangan Islam Malaysia boleh didapati dalam Bab 1.4 bertajuk ‘Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif’.

Memajukan Pendigitalan Perkhidmatan Kewangan

Memantapkan penggerak yang sangat penting untuk inovasi

BNM terus komited untuk menyediakan persekitaran kondusif bagi inovasi seiring dengan kemunculan pesat model dan penyelesaian perniagaan baharu seperti penajajaminan kredit menggunakan model kredit alternatif dan insurans untuk kenderaan elektrik (*electric vehicle*, EV). BNM mengakui bahawa pendekatan yang diperbaharui untuk mempermudah trend yang baru muncul diperlukan bagi membolehkan inovasi diteruskan tepat pada masanya dan dengan cara bertanggungjawab. Bagi tujuan ini, kajian semula menyeluruh terhadap pendekatan pengawalseliaan BNM telah dilaksanakan dalam usaha mengkaji bidang-bidang yang BNM boleh berikan bimbingan dan kejelasan selanjutnya bagi menyokong inovasi yang bertanggungjawab. Langkah ini termasuk panduan penggunaan perkhidmatan awan bagi institusi kewangan serta kehendak terhadap produk-produk Beli Dahulu Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later, BNPL).

Usaha BNM pada tahun 2023 juga adalah untuk melaksanakan kembali *Sandbox* Pengawalseliaan Teknologi Kewangan (*Sandbox*) yang diperkenalkan buat pertama kali pada tahun 2016. Langkah ini bertujuan untuk menyokong dan menggalakkan inovasi dan penyampaian perkhidmatan kewangan dengan tawaran nilai sebenar dalam lingkungan persekitaran pengawalseliaan yang kondusif. Pada tahun 2023, *Sandbox* telah menyokong empat penyelesaian ujian-langsung yang baharu dalam bidang Teknologi Insurans (*Insurtech*) dan BNPL. Sepanjang tahun itu, *Sandbox* terus menjadi platform penting bagi libat urus aktif dan terbuka untuk memperkukuh kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan. Berikutan pelbagai maklum balas daripada pihak berkepentingan tentang Draf Dedahan yang dikeluarkan pada tahun 2023, Dokumen Dasar yang telah disemak tentang Rangka Kerja *Sandbox* Kawal Selia Teknologi Kewangan telah diterbitkan pada bulan Februari 2024. Terdapat dua penambahan penting yang telah dimasukkan dalam rangka kerja yang disemak dan kini mengandungi dua laluan berbeza (Gambar Rajah 10). Pertama, penilaian kelayakan kemasukan ke *Sandbox* telah dipermudahkan untuk semua pemohon termasuk syarikat-syarikat *fintech*. Kedua, Laluan Hijau telah

Gambar Rajah 10: Gambaran Keseluruhan Aplikasi dan Proses Penilaian *Sandbox*



Sumber: Bank Negara Malaysia

diperkenalkan untuk membolehkan institusi kewangan yang memiliki rekod prestasi keupayaan pengurusan risiko yang kukuh dapat menguji inovasi mereka dengan lebih cepat dan fleksibel.

Memandangkan lebih banyak perkhidmatan kewangan semakin didigitalkan, maka sangat mustahak bahawa inovasi ini kekal selamat, terjamin dan dilaksanakan dengan bertanggungjawab. Beberapa tahun kebelakangan ini, pembukaan akaun digital penuh semakin mendapat tarikan lantas memerlukan perlindungan yang kukuh untuk meminimumkan risiko kecurian identiti dan penipuan. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada Draf Dedahan pada tahun 2023, Dokumen Dasar kenali pelanggan secara elektronik melalui platform digital atau e-KYC yang disemak akan dikeluarkan pada separuh pertama tahun 2024 untuk memantapkan kehendak pengawalseliaan dalam usaha mencapai hasil ini. Antara lain, Dokumen Dasar yang telah disemak memberikan panduan tentang amalan yang baik untuk meningkatkan standard prestasi keseluruhan penyelesaian e-KYC dalam industri.

Tinjauan yang dijalankan oleh BNM pada tahun 2023 berhubung dengan penggunaan AI dan Pembelajaran Mesin (Machine Learning, ML) oleh penyedia perkhidmatan kewangan (PPK) mendapati bahawa penggunaannya dalam industri kewangan masih berada pada peringkat awal. BNM sedang memantau rapi perkembangannya dan menjangka PPK akan memastikan risiko AI dan ML tidak menyebabkan hasil pengguna yang tidak konsisten dengan olahan yang adil dan beretika. Dalam hal ini, penyedia perkhidmatan kewangan digalakkan untuk mewujudkan standard industri dan amalan baik untuk menguruskan risiko daripada AI dan ML.

Memudahkan kemasukan ke pasaran untuk menggalakkan kedinamikan

Bank-bank digital yang baru dilesenkan perlu menjalani kajian semula ketersediaan beroperasi sebelum memulakan operasi di pasaran. Kajian semula ini merangkumi penilaian ketersediaan infrastruktur dan sistem bank digital termasuk memastikan proses operasi yang sangat penting disediakan. Bab bertajuk 'Menggalakkan Kestabilan Kewangan' menyediakan lebih banyak maklumat berhubung dengan keutamaan dan pendekatan penyeliaan BNM. Penilaian ini merupakan langkah sangat penting untuk mengesahkan keupayaan bank digital dan keteguhan struktur tadbir urus, pengurusan risiko dan kawalan untuk menyampaikan tawaran nilai serta memenuhi keperluan pelanggan mereka. Pada masa ini, tiga bank digital, iaitu GXBank, Boost Bank dan AEON Bank, telah melepasi kajian semula ini dan memulakan operasi mereka.

Pelancaran perkhidmatan perbankan digital akan dilaksanakan secara beransur-ansur bermula dengan produk deposit dan pembayaran mudah sebelum menceburi penawaran kewangan lain termasuk pinjaman. Mengikut peredaran masa, pengenalan bank digital dalam sistem kewangan domestik dijangka melengkapi perkhidmatan perbankan tradisional dengan menambah baik akses kepada perkhidmatan kewangan melalui teknologi inovatif. Sejajar dengan komitmen mereka terhadap hasil rangkuman kewangan, bank digital akan memberikan tumpuan pada usaha menyesuaikan penyelesaian kewangan kepada pelbagai kumpulan yang pelbagai termasuk pekerja gig, PKS dan segmen berpendapatan rendah.

Sama seperti bank digital, penanggung insurans dan pengendali takaful digital (DITO) baharu dijangka meningkatkan kedinamikan landskap kewangan Malaysia dengan melengkapi perkhidmatan ITO yang sedia ada. Kemasukan peserta baharu ini dalam ekosistem insurans dijangka dapat memupuk persaingan pasaran yang lebih besar, meningkatkan kecekapan dan menyokong rangkuman kewangan. Pada tahun 2023, BNM telah berbincang dan berinteraksi dengan pihak berkepentingannya secara meluas mengenai cadangan Rangka Kerja Pelesenan dan Pengawalseliaan bagi Penanggung Insurans dan Pengendali Takaful Digital (Rangka Kerja DITO). Pandangan yang bernilai telah dikongsikan dan dipertimbangkan dalam hal berkaitan model perniagaan dan operasi alternatif serta strategi fasa asas pengoperasian. Rangka Kerja DITO dijangka dimuktamadkan pada separuh pertama tahun 2024. Rangka kerja ini akan memberikan kejelasan tentang model perniagaan yang baru muncul dan inovatif seperti insurans tersirat (*embedded insurance*) serta insurans sebagai perkhidmatan dalam usaha menggalakkan lebih banyak penyertaan daripada peserta dalam rantaian nilai insurans dan takaful.

BNM terus menyokong pembaharuan dalam memangkinkan pasaran insurans motor. Salah satu perkembangan penting ialah komitmen daripada 90% ITO umum (*general ITO*, GITO) untuk melancarkan bantuan tepi jalan secara digital. Sehubungan dengan itu, 16 juta pemilik kenderaan[17] akan boleh memilih bengkel, mengesan geolokasi trak tunda dan menyemak status

[17] Berdasarkan laporan GITO kepada BNM pada penghujung tahun 2023.

Gambar Rajah 11: Kemas Kini Berkenaan Pembaharuan Ekosistem Motor

	Apa yang berlaku pada tahun 2023?		Bagaimanakah hal ini membantu orang ramai?
CIRI DIGITAL YANG INOVATIF 	**GITO melancarkan Bantuan Tepi Jalan Digital (*Digital Roadside Assistance*, DRA) yang merangkumi:** • Panggilan kecemasan secara digital • Pemantauan lokasi trak tunda • Pemilihan bengkel • Kemas kini status pembaikan dan tuntutan		• Mengubah pengalaman tuntutan motor pengguna **16 juta** Pemilik kenderaan motor dengan akses kepada DRA Lebih banyak pilihan untuk mendapatkan bantuan Ketelusan status bantuan dan tuntutan
MEMPERKASAKAN PENGGUNA 	**Program Pendidikan Pengguna** • Pelancaran kempen kesedaran pengguna yang diterajui industri dengan kerjasama GITO		• Meningkatkan kefahaman dan persepsi orang ramai mengenai pembelian insurans/takaful motor, hak dan tanggungjawab pengguna serta inisiatif digital yang berterusan
PROFESIONALISME PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN 	**Mendapat komitmen industri untuk melaksanakan:** • Kod Tatalaku bagi Syarikat Insurans/Pengendali Takaful-Bengkel Pembaikan Kenderaan *(Insurers/-Takaful Operators-Repairer Code of Conduct)*, yang merangkumi Rangka Kerja Penyelesaian Pertikaian Bebas (Independent Dispute Resolution Framework)		• Menggalakkan kerjasama yang lebih berkesan antara GITO dengan bengkel pembaikan kenderaan o Bank telah mengeluarkan **kertas rundingan** pada bulan Disember 2023 untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai tentang standard minimum mengenai kelakuan adil, tepat pada masa dan tingkah laku profesional. Kod ini dijangka dimuktamadkan pada tahun 2024

Sumber: Bank Negara Malaysia

tuntutan mereka menggunakan telefon. Ciri-ciri digital yang inovatif ini akan menambah baik pengalaman tuntutan motor pengguna dengan menyediakan lebih banyak pilihan untuk mereka meminta bantuan segera dan memantau status tuntutan mereka. Susulan pengenalan 39 produk motor baharu, terdapat usaha nyata daripada GITO pada tahun itu untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang memiliki nilai tambah kepada pengguna seperti perlindungan EV serta perlindungan berlebihan secara sukarela (*voluntary excess*).[18] Secara keseluruhan, penambahbaikan ini akan memberikan pengalaman pelanggan yang berbeza dengan meningkatkan ketelusan dan ketepatan masa proses tuntutan. Usaha ini seterusnya ditambah dengan kempen pendidikan pengguna yang diterajui oleh industri dan akan diteruskan pada tahun 2024 untuk meningkatkan kesedaran pengguna terhadap produk insurans/takaful motor. Hal ini penting untuk memastikan orang ramai lebih faham tentang inisiatif tersebut termasuk hak mereka sebagai pengguna berkaitan produk-produk ini.

Pada tahun itu, BNM terus menyokong standard yang lebih tinggi bagi semua pihak berkepentingan dalam ekosistem insurans motor. Yang penting, GITO dan bengkel baik pulih telah komited terhadap pembentukan Kod Tatakelakuan Pembaik dan Rangka Kerja Penyelesaian Bebas pada tahun 2024 (Gambar Rajah 11). Melalui inisiatif ini, GITO terus melaksanakan penentuan harga berasaskan risiko dengan julat yang lebih besar untuk menghimpunkan risiko asas dengan lebih baik serta menggalakkan tingkah laku yang bertanggungjawab dalam kalangan pemegang polisi.

Pada tahun 2023, BNM juga telah mengadakan perbincangan dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi utama Kerajaan, pengeluar kereta, bengkel dan pembaik, penyelaras kerugian serta penyedia teknologi. Kefahaman daripada interaksi dan perbincangan ini sangat bernilai dalam membantu BNM membangunkan dasar-dasar bagi merealisasikan visi mencapai pendigitalan ekosistem motor dari hujung ke hujung.

Insurans/takaful perubatan dan kesihatan (*medical and health insurance/takaful*, MHIT) kekal sebagai bahagian penting dalam kewangan kesihatan di Malaysia. MHIT memberikan pengguna akses yang lebih luas kepada penjagaan kesihatan dan membolehkan pengguna memiliki daya tahan kewangan apabila berhadapan

[18] Perlindungan berlebihan secara sukarela merujuk produk tambahan insurans motor yang membolehkan pelanggan untuk membuat bayaran dalam jumlah tertentu secara sukarela apabila membuat tuntutan insurans, sebagai balasan untuk diskaun premium



BNM telah mengadakan beberapa sesi libat urus untuk bertukar idea dengan pemegang kepentingan utama tentang masa hadapan ekosistem motor.

Gambar Rajah 12: Ilustrasi Ciri Perkongsian Kos dan Manfaatnya

ITO dikehendaki memasukkan ciri-ciri perkongsian kos[1] dari awal ke dalam produk insurans/takaful bayaran balik perubatan individu yang baharu mulai Jun 2024. Produk sedia ada tanpa ciri-ciri perkongsian kos akan kekal berada di pasaran sebagai pilihan kepada pengguna. Pengguna boleh memilih produk yang sesuai dengan keperluan mereka.

2 jenis ciri perkongsian kos

1. **Deduktibel:** Jumlah tetap yang anda perlu bayar sebelum baki bil yang selebihnya ditanggung oleh insurans/takaful
2. **Insurans bersama/Takaful bersama:** Peratusan yang tetap daripada bil rawatan perubatan yang anda perlu bayar

Anggapkan yang berikut:

RM2,000 bil perubatan

	Anda bayar[2]	Bayaran oleh Insurans/takaful bayar
1 RM500 deduktibel	RM500	RM1,500
ATAU		
2 5% insurans bersama/ takaful bersama	RM100	RM1,900

Manfaat ciri perkongsian kos

1. Premium/sumbangan takaful yang lebih rendah berbanding produk tanpa ciri-ciri perkongsian kos
2. Memperkasa pengguna untuk membuat keputusan secara aktif berhubung dengan cara mereka menggunakan perkhidmatan kewangan lantas penggunaan penjagaan kesihatan yang lebih bertanggungjawab
3. Mengurangkan tuntutan palsu yang boleh merendahkan kos secara keseluruhan dan meningkatkan kemampanan jangka panjang produk

[1] Ciri-ciri perkongsian kos merujuk pembayaran bil perubatan yang perlu dibayar oleh pemegang polisi/peserta takaful, dan baki bil perubataan ditanggung oleh ITO
[2] Tertakluk pada terma dan had yang berkaitan bagi produk insurans/takaful bayaran balik perubatan anda

Sumber: Bank Negara Malaysia

dengan insiden kesihatan yang tidak dijangka. Sejak beberapa tahun lalu, inflasi kos perubatan[19] yang semakin meningkat dan penggunaan perkhidmatan dan prosedur perubatan yang semakin banyak (terutamanya selepas pandemik) telah menyebabkan berlakunya peningkatan kos tuntutan untuk ITO. Kebanyakan kenaikan dalam premium MHIT adalah disebabkan oleh kos bekalan dan perkhidmatan hospital yang lebih tinggi, yang mencakupi kira-kira dua pertiga daripada keseluruhan bil hospital. Oleh itu, penting untuk mencari keseimbangan yang tepat antara menguruskan peningkatan kos tuntutan dengan memastikan kemampanan perlindungan MHIT untuk jangka masa panjang.

Berlatarkan persekitaran ini, BNM meneruskan usahanya untuk memastikan perlindungan MHIT boleh terus diakses dan berterusan. Usaha ini berteraskan pada tiga strategi utama seperti yang terdapat dalam Dokumen Dasar berkenaan Perniagaan MHIT yang diterbitkan pada bulan Februari 2024.[20] Yang pertama, dasar ini bertujuan untuk mendorong perubahan positif dalam tingkah laku iaitu semua produk insurans/takaful individu baharu akan memiliki ciri-ciri perkongsian kos.[21] Produk sedemikian didapati menggalakkan penggunaan yang

[19] Menurut Global Medical Trend Rates Reports oleh AON, kos perubatan di Malaysia telah meningkat sebanyak 10.0% pada tahun 2022 dan 12.6% pada tahun 2023 iaitu lebih tinggi berbanding purata global sebanyak 5.0% pada tahun 2022 dan 5.6% pada tahun 2023. Antara faktor utama yang menyebabkan berlakunya kenaikan inflasi dalam kos perubatan ialah peningkatan kos bekalan dan perkhidmatan hospital termasuk harga ubat-ubatan, kemajuan teknologi perubatan dan penambahan penggunaan perkhidmatan kesihatan berikutan penyambungan semula prosedur perubatan elektif susulan pandemik COVID-19.

[20] Dokumen Dasar berkenaan Perniagaan MHIT boleh didapati menerusi (https://www.bnm.gov.my/documents/20124/938039/pd_mhit_feb2024.pdf).

[21] Ciri ini bertujuan untuk menangani 'sindrom bufet' seperti yang diterangkan dalam Artikel 'Menguruskan Inflasi Tuntutan Perubatan' dalam Laporan Tahunan BNM 2019.

lebih bertanggungjawab dan mempunyai pengalaman tuntutan yang lebih baik serta premium yang lebih rendah jika dibandingkan dengan produk yang sama tanpa ciri-ciri perkongsian kos.

Kedua, dasar ini menyokong pengurusan tuntutan kos yang lebih baik dan telus menerusi penubuhan platform data tuntutan perubatan berpusat. Melalui platform ini, ITO boleh mengenal pasti dan menguruskan pendorong kos MHIT dengan lebih baik, membandingkan caj yang dikenakan oleh penyedia penjagaan kesihatan yang berbeza dan memantau inflasi tuntutan tahunan keseluruhan industri. Platform ini juga akan membuka jalan ke arah penerbitan kos perubatan untuk prosedur biasa bagi memudahkan pengguna membuat keputusan mengenai kemudahan rawatan dan pembelian insurans berdasarkan maklumat yang mencukupi. Dasar ini juga bertujuan untuk memberikan pengalaman yang lebih positif kepada pengguna menerusi proses dan perkhidmatan yang semakin digital.

Ketiga, dasar ini menetapkan standard yang lebih tinggi ke atas pengendalian perniagaan MHIT dan amalan jualan dalam kalangan ITO serta pengantaranya. Hal ini termasuk penzahiran yang bertambah baik dan panduan tambahan untuk memastikan amalan penentuan harga yang adil dan saksama.

Langkah Selanjutnya

Tumpuan BNM pada tahun 2024 adalah untuk mempercepat usaha merealisasikan aspirasi bagi sektor kewangan seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan. BNM akan terus memudahkan penggunaan perkhidmatan kewangan digital yang lebih meluas dan pada masa yang sama, mengekalkan keyakinan dan keselamatan. Bagi mengecilkan jurang perlindungan terutamanya untuk segmen yang mudah terjejas dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan, BNM akan memajukan inisiatif rangkuman kewangan utama seperti yang dinyatakan dalam Rangka Kerja Rangkuman Kewangan 2023-26. BNM juga akan meneruskan libat urus dengan pihak berkepentingan yang berkaitan untuk menetapkan penyelesaian kewangan sosial, memperluas rangkaian penawaran produk insurans mikro dan takaful mikro serta mempergiat usaha pendidikan pengguna bersasar dalam usaha merapatkan jurang celik kewangan. Bagi insurans dan takaful, BNM akan meneruskan usaha untuk mengurus kebolehcapaian jangka panjang dan kemampanan produk MHIT yang merangkumi penggunaan pilihan pembayaran bersama yang lebih banyak serta penyelesaian simpanan perubatan yang diperluas. BNM juga akan memberikan sokongan kepada Kementerian Kesihatan dalam usaha mencapai pembaharuan penjagaan kesihatan yang lebih meluas untuk negara. Bagi insurans motor, penyelesaian bantuan tepi jalan secara digital akan dilancarkan sepenuhnya pada tahun ini kepada kebanyakan pelanggan. BNM juga akan meneruskan kemajuan dalam inisiatif motor lain untuk membolehkan proses tuntutan digital dari hujung ke hujung. BNM akan mengadakan libat urus yang lebih rapat dengan pihak berkepentingan berkaitan untuk terus mengukuhkan visi digital melangkaui tuntutan motor dan memudahkan inovasi digital masa hadapan bagi ekosistem motor.

iTEKAD: Pendekatan Ekosistem dalam Memperluas Kewangan Sosial

'*Kami akan menggunakan pendekatan memupuk bagi menyokong penerokaan institusi kewangan untuk mengintegrasikan kewangan sosial dalam perniagaan mereka dengan lebih baik*.' – Pelan Sektor Kewangan 2022–26

Mengetengahkan Kewangan Sosial Merupakan Proses Berterusan

Salah satu visi di bawah Pelan Sektor Kewangan 2022–26 adalah agar institusi kewangan menyelaraskan lagi aktiviti pengantaraannya dengan impak sosial yang positif, sejajar dengan prinsip-prinsip ESG. Pada tahun 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) melihat lebih banyak usaha daripada pelbagai pihak berkepentingan dalam mengintegrasikan kewangan sosial sebagai sebahagian daripada sistem kewangan. Program kewangan sosial yang penting termasuk iTEKAD, myWakaf dan myZakat.

iTEKAD muncul sebagai inisiatif kewangan sosial utama yang ditawarkan oleh sektor kewangan. Bermula dengan hanya 57 peserta semasa awal penubuhannya pada tahun 2020, program iTEKAD kini telah membantu lebih 6,000 peserta daripada 17 sub sektor perniagaan di seluruh negara. Program iTEKAD oleh institusi kewangan telah menyokong usahawan mikro berpendapatan rendah dalam menjana pendapatan yang mampan (Gambar Rajah 1).

'... tiga elemen penting bagi sebuah sistem kewangan sosial yang berjaya – ia haruslah inklusif (inclusive), berimpak (impactful) dan bersepadu (integrated).'

Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour di Majlis Jalinan Kerjasama iTEKAD, 22 Ogos 2023



Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour di atas pentas bersama institusi kewangan dan rakan pelaksana iTEKAD semasa Majlis Jalinan Kerjasama iTEKAD.



Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Menteri Kewangan I YB Datuk Seri Ahmad Maslan dan Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour melawat kios usahawan mikro iTEKAD.

Gambar Rajah 1: Elemen-elemen Sistem Kewangan Sosial yang Berjaya dan Penggunaannya dalam iTEKAD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Mewujudkan Ekosistem Penggerak untuk Mengembangkan iTEKAD

Ketersediaan struktur pembiayaan campuran, sokongan pengawalseliaan, kesedaran yang lebih meluas tentang iTEKAD, membolehkan akses pasaran yang lebih baik serta pelarasan objektif pihak berkepentingan membentuk asas-asas utama untuk memperluas iTEKAD dengan jayanya (Gambar Rajah 2). Asas-asas utama ini memenuhi keperluan usahawan mikro dalam melancarkan perjalanan perniagaan mereka.

Kini, iTEKAD ditawarkan oleh 13[1] institusi kewangan dengan lebih 70 rakan pelaksana.[2] Rangkaian rakan pelaksana yang luas ini membolehkan setiap program iTEKAD berkembang dalam lingkungan ekosistem kewangan sosial. Sebagai contoh, usahawan mikro berpendapatan rendah mungkin mempunyai profil risiko yang mengehadkan mereka daripada mendapatkan pembiayaan di bawah kaedah penskoran kredit secara tradisional. Kerjasama dengan rakan pelaksana membolehkan institusi kewangan mempertimbangkan data alternatif apabila menilai kelayakan para peserta[3] program iTEKAD.

[1] Data pada Februari 2024.
[2] Rakan pelaksana merujuk mana-mana organisasi dan/atau institusi yang bekerjasama dengan institusi kewangan untuk melaksanakan program iTEKAD. Antaranya termasuk, namun tidak terhad kepada, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), penyedia penyelesaian *fintech* dan badan bukan kerajaan (*non-governmental organisations*, NGOs).
[3] Peserta program iTEKAD yang berpotensi adalah individu berpendapatan rendah yang bercita-cita untuk menjadi usahawan mikro dan/atau sudah mempunyai perniagaan. Menurut SME Corp. Malaysia, perusahaan mikro mempunyai perolehan jualan kurang daripada RM300,000 atau kurang daripada 5 pekerja tetap. Setakat ini, peserta iTEKAD dipilih berdasarkan cadangan oleh MAIN dan ahli/komuniti rakan pelaksana.

BNM menyokong ekosistem yang fleksibel bagi institusi kewangan memilih rakan pelaksana dan menjalankan program iTEKAD dengan cekap. Rakan pelaksana dapat menyokong pertumbuhan iTEKAD dengan memberikan tawaran nilai yang berbeza mengikut keupayaan dan kelebihan masing-masing. Hal ini termasuk penyelesaian *fintech* sebagai alat untuk merekodkan transaksi perniagaan, bantuan secara menyeluruh bagi menubuhkan perniagaan prafrancais dan memanfaatkan tanah wakaf untuk aktiviti pertanian. Usaha sama ini juga merupakan permulaan ke arah kerjasama kewangan sosial dalam sektor lain termasuk menyokong penyelesaian perumahan, penjagaan kesihatan dan pendidikan kepada mereka yang memerlukannya.

Gambar Rajah 2: Asas-asas Utama yang Menyokong Ekosistem iTEKAD



Sumber: Bank Negara Malaysia

Sokongan Semua Pihak Berkepentingan Kekal Mustahak

Penglibatan pihak berkepentingan dalam mewujudkan asas yang kukuh kepada ekosistem iTEKAD adalah mustahak bagi meluaskan lagi iTEKAD. Walaupun institusi kewangan dan rakan pelaksana menyelaras iTEKAD pada peringkat program, sokongan pihak lain dalam ekosistem ini juga sama penting. Pihak ini termasuk agensi kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), syarikat korporat, badan bukan kerajaan, penyedia *fintech*, perusahaan sosial dan yayasan.

Pihak berkepentingan ini telah memainkan peranan penting dalam meningkatkan penyertaan usahawan mikro B40 atau asnaf ke dalam iTEKAD secara lebih mudah dan murah. Sebagai contoh, MAIN, agensi-agensi kerajaan dan rakan-rakan pelaksana lain bekerjasama dengan institusi kewangan untuk mengenal pasti peserta yang berpotensi. Institusi kewangan juga bekerjasama dengan penyedia *fintech*, badan bukan kerajaan dan syarikat korporat dalam menghasilkan penyelesaian baharu dan inovatif serta menyalurkan dana kewangan sosial dengan berkesan.

Pada masa hadapan, institusi kewangan bersama-sama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan boleh terus menyokong ekosistem ini dalam usaha memperluas program tersebut. Hal ini dapat dilakukan melalui pelbagai pendekatan termasuk yang berikut:

i. **Menerapkan pendidikan dan perlindungan kewangan**
iTEKAD juga boleh menyediakan latihan pendidikan kewangan. Inisiatif ini memupuk kemahiran dan amalan pengurusan kewangan yang baik dalam kalangan peserta. Perlindungan takaful atau insurans juga boleh menyediakan keperluan perlindungan kepada peserta iTEKAD.

ii. **Menggalakkan integrasi yang lebih meluas dalam ekosistem**
Membangunkan infrastruktur bersama yang menghubungkan pelbagai platform dalam ekosistem dapat mengurangkan halangan untuk memperkenalkan program iTEKAD baharu dan memudahkan pengembangan program yang sedia ada. Hal ini juga akan menambah baik aliran proses dan perkongsian maklumat melalui:
- repositori data untuk mengenal pasti calon peserta iTEKAD yang berpotensi;
- pendanaan sumber khalayak yang berkesan berdasarkan keperluan program; dan
- kemas kini impak program secara telus dan tepat pada masanya.

iii. **Meneroka potensi penggunaan instrumen pasaran modal**
Terbitan sukuk dan bon impak sosial dapat menyokong keperluan pembiayaan yang lebih besar bagi iTEKAD dan inisiatif kewangan sosial yang lain. Langkah ini termasuk memanfaatkan dana dari luar negara.

iv. **Memupuk semangat untuk berbakti kepada masyarakat**
Usahawan mikro yang berjaya mendapat manfaat daripada iTEKAD boleh meneruskan kitaran yang murni ini dengan membantu orang lain. Langkah ini termasuk mewujudkan peluang pekerjaan dan mencetuskan inspirasi kepada peserta lain melalui perkongsian ilmu perniagaan. BNM, institusi kewangan dan rakan pelaksana boleh memudahkan proses ini dengan menampilkan para usahawan mikro yang berjaya menerusi pelbagai platform (Gambar Rajah 3).

Sejajar dengan pendekatan ekosistem, sumbangan aktif daripada pelbagai pihak berkepentingan adalah kunci bagi mempertingkatkan empat dimensi ini dan memperluas kewangan sosial.

Gambar Rajah 3: Memperkukuh Kitaran Mulia Kewangan Sosial

iTEKAD

berhasrat untuk meningkatkan taraf kehidupan segmen yang tidak dan kurang mendapat perkhidmatan kewangan

1 Daripada tidak boleh dibankkan kepada boleh dibankkan



Tidak boleh dibankkan → Boleh dibankkan

2 Daripada penerima zakat kepada pemberi zakat



Penerima zakat → Pemberi zakat

3 Daripada menti perniagaan kepada mentor perniagaan



Menti perniagaan → Mentor perniagaan

... seperti yang dikongsikan oleh peserta iTEKAD



" Dengan modal permulaan yang diterima daripada iTEKAD, saya berjaya menaik taraf peralatan dapur seperti dapur gas untuk memasak dan penyejuk beku bagi memenuhi permintaan pelanggan yang semakin meningkat. Selepas setahun, aliran pendapatan saya bertambah baik. Perniagaan saya juga telah berkembang kepada empat lokasi gerai dan saya dapat mengambil lebih ramai pekerja."

Pengeluar makanan sejuk beku di Melaka



"Dengan sokongan iTEKAD, perniagaan kami telah berkembang daripada perniagaan dari rumah kepada kedai fizikal dan beberapa kios di pusat membeli-belah sekitar Lembah Klang. Seiring dengan pertumbuhan ini, kami bekerjasama dengan organisasi yang menyokong kesihatan mental dan pemerkasaan wanita."

Pengeluar coklat di Selangor



"Saya bersyukur menerima geran ini apabila menyertai iTEKAD. Modal permulaan ini membantu menyokong usahawan mikro asnaf seperti saya, untuk berkembang daripada seorang penerima zakat kepada seorang pemberi zakat."

Pengendali makanan dan minuman di Johor

Sumber: Bank Negara Malaysia, institusi kewangan dan video Bank Negara Malaysia bertajuk '*Three (3) Things You Should Know About iTEKAD*', yang boleh ditonton di https://youtu.be/Rq1369wQjgQ

Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif

Pada tahun 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) menumpukan usahanya ke arah memperkukuh ekosistem kewangan Islam untuk terus menyokong ekonomi yang mampan, inklusif dan pelbagai.

Pada tahun 2023, BNM meneruskan usahanya untuk meningkatkan peranan dan sumbangan kewangan Islam dalam menyokong pembangunan sosioekonomi di Malaysia. BNM bekerjasama dengan industri kewangan Islam untuk meningkatkan penggunaan kewangan berasaskan nilai bagi memenuhi keperluan kewangan pengguna dan perniagaan. Inisiatif yang khusus telah dilaksanakan untuk menggalakkan penyelesaian inovatif melalui projek rintis yang diterajui industri dan memudahkan pengawalseliaan kewangan. Di samping itu, BNM terus melaksanakan strategi ke arah memajukan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa untuk kewangan Islam. Hal ini termasuk memperdalam pasaran kewangan Islam Malaysia dan mengeratkan hubungan antarabangsa.

Industri perbankan Islam dan takaful terus berkembang pada tahun 2023. Bahagian industri perbankan Islam daripada jumlah pembiayaan sistem kewangan meningkat daripada 44.5% pada tahun 2022 kepada 45.6% pada tahun 2023 manakala bahagian industri

Gambar Rajah 1: Pertumbuhan Industri Perbankan Islam dan Takaful pada Tahun 2023



Nota: [1] Termasuk institusi kewangan pembangunan.
[2] Pertumbuhan tahunan bagi sektor keseluruhan merujuk gabungan sektor Islam dengan konvensional.
[3] Tidak termasuk aset dana pemegang saham.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Inisiatif dan Sumbangan Utama Kewangan Islam pada Tahun 2023



Nota: [1] Penembusan takaful keluarga menjadi sederhana disebabkan oleh pertumbuhan perniagaan baharu yang lebih rendah serta peningkatan bilangan sijil yang telah ditamatkan dan diserahkan.
[2] Pertumbuhan pada tahun 2022 adalah lebih tinggi disebabkan oleh kesan asas berikutan pandemik COVID-19.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Statistik Malaysia dan Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia (Association of Islamic Banking and Financial Institutions Malaysia, AIBIM)

takaful daripada jumlah caruman bersih meningkat daripada 23% pada tahun 2022 kepada 23.4% pada tahun 2023. Institusi perbankan Islam dan takaful juga kekal berdaya tahan dan mempunyai tahap modal yang kukuh (Gambar Rajah 1). Kedudukan ini membolehkan industri kewangan Islam untuk terus menyokong keperluan pembiayaan para peniaga termasuk perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta isi rumah, selain memberikan perlindungan kewangan (Gambar Rajah 2).

Menggalakkan Rangkuman, Kemampanan dan Kesan Sosial Positif

Akaun Pelaburan yang didorong impak

Seperti yang digariskan dalam Pelan Sektor Kewangan 2022–2026, BNM terus memudahkan pembangunan Akaun Pelaburan (Investment Accounts, AI) yang didorong impak untuk pembiayaan berasaskan nilai. Pada tahun 2023, projek rintis oleh sebuah bank Islam telah dilancarkan untuk membiayai pelaburan berasaskan aset-aset yang selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals, SDG) dalam bidang seperti tenaga boleh diperbaharui, pengangkutan bersih dan pengurusan sisa. Projek rintis ini merangkumi ciri-ciri pelaburan semula sosial dengan sebahagian daripada pulangan pelaburan akan disalurkan kepada projek berimpak sosial, termasuk iTEKAD. Maklumat lanjut tentang iTEKAD boleh didapati dalam bab 'Menggalakkan Sistem Kewangan yang Progresif dan Inklusif'. Bagi terus menggalakkan IA yang didorong impak, BNM akan menyemak semula Dokumen Dasar mengenai Akaun Pelaburan pada tahun 2024. Semakan semula ini bertujuan untuk memanfaatkan lagi potensi IA bagi menyokong aliran pembiayaan berasaskan nilai, di samping mengekalkan persekitaran pengawalseliaan berasaskan tahap risiko yang sewajarnya.

Meningkatkan akses PKS kepada kemudahan pembiayaan melalui CAKNA

Pada tahun 2023, CAKNA[1] terus menyokong PKS yang telah melaksanakan kontrak pemerolehan kerajaan untuk menguruskan aliran tunai mereka. Pada tahun itu, kemudahan pendanaan bukan hutang berjumlah RM413.7 juta telah disediakan, sekali gus memberikan manfaat kepada 64 vendor PKS di 10 kementerian yang mengambil

Gambar Rajah 3: Penambahbaikan CAKNA pada tahun 2024 – Perluasan dan Pemantapan Operasi untuk Terus Memberikan Bantuan yang Berkesan kepada PKS

Perluasan Skop Perniagaan dan Jenis Instrumen

- Perluasan kepada semua kementerian dan agensi-agensi peringkat negeri
- Perluasan kepada pembiayaan pra sebelum penghantaran, yang dikenali sebagai CAKNA II

Pemantapan Operasi

- **Pengesahan invois** – Saluran pengesahan invois yang lebih fleksibel bagi mempercepatkan proses pengesahan oleh agensi kerajaan
- **Sistem pemerolehan** – Penyertaan kontrak-kontrak kerajaan yang diterbitkan di luar sistem pemerolehan kerajaan iaitu 'e-perolehan'



Persekitaran Kondusif

- **Insentif cukai** – Pelanjutan olahan duti setem nominal
- **Kadar Penentuan harga** – Pemansuhan had penentuan harga bagi membolehkan penentuan harga yang kompetitif berdasarkan pasaran
- **Kesedaran** – Mempergiat kempen kesedaran bagi menggalakkan penyertaan vendor PKS dan institusi kewangan

Testimoni daripada Pengguna CAKNA

'CAKNA membantu saya untuk mengutamakan pembayaran gaji kakitangan tepat pada masanya'

Saya sentiasa mengutamakan pembayaran perbelanjaan gaji, dan CAKNA membolehkan saya menguruskannya dengan berkesan. Saya amat menghargai harga berpatutan yang ditawarkan oleh CAKNA dan kepantasan penyampaiannya - kami menerima dana kami daripada institusi kewangan dalam tempoh dua minggu selepas membuat permohonan. Kami telah berkecimpung dalam perniagaan ini selama 16 tahun, kami mula menggunakan CAKNA sejak tahun lepas dan kami akan menggunakan CAKNA untuk semua kontrak kerajaan yang sedang dilaksanakan dan yang akan datang.

Pemilik perniagaan, pembekal perkhidmatan keselamatan dan pengawasan kepada KKM[1] dan KPM[2]

'Margin mudah tunai CAKNA yang tinggi memberi manfaat kepada vendor kerajaan'

CAKNA memudahkan pengurusan pusingan tunai bulanan kami, sekali gus membolehkan pembayaran perbelanjaan perniagaan yang tepat pada masanya seperti pembayaran gaji kakitangan. Saya dapati margin mudah tunai CAKNA sangat menarik, berbanding dengan penyedia lain. Kami telah beroperasi selama lebih 30 tahun, kami mula menggunakan CAKNA pada tahun lepas dan kami tidak akan berpatah balik.

Pemilik perniagaan, pembekal makanan dan perkhidmatan pembersihan kepada KPM[2] untuk sekolah

'CAKNA tidak menjejaskan tahap hutang dan tidak perlu cagaran'

CAKNA bermanfaat untuk kami mengekalkan kelancaran aliran tunai. Kami menggunakan CAKNA untuk perbelanjaan modal dan perbelanjaan operasi, berikutan rancangan pengembangan perniagaan luar negara kami di Arab Saudi. CAKNA tidak menjejaskan tahap hutang dan tidak perlu cagaran. Syarikat kami telah beroperasi sejak tahun 2002, dan kami telah mula menggunakan CAKNA pada tahun lepas. Justeru saya menggalakkan vendor PKS lain untuk memanfaatkan skim ini.

Pengendali, perkhidmatan pembangunan dan penyenggaraan sistem IT kepada KDN[3]

[1] Kementerian Kesihatan Malaysia
[2] Kementerian Pendidikan Malaysia
[3] Kementerian Dalam Negeri

Sumber : Bank Negara Malaysia, temu bual dengan vendor PKS yang terpilih

[1] CAKNA ialah kemudahan pendanaan bukan hutang untuk membantu kedudukan aliran tunai syarikat, khususnya vendor PKS. Maklumat lanjut mengenai CAKNA boleh didapati melalui https://www.bnm.gov.my/skim-cakna.

bahagian. Usaha berterusan sedang dibuat untuk meningkatkan kecekapan skim (iaitu mengurangkan masa yang diperlukan untuk memproses pengeluaran) serta memperluas skop dan instrumen kemudahan ini. Hal ini berdasarkan maklum balas positif yang diterima mengenai skim tersebut. Melalui tinjauan BNM, vendor yang mengambil bahagian turut mengesahkan bahawa mereka memperoleh manfaat daripada kadar yang kompetitif dan program itu telah membantu mereka dari segi pengurusan aliran tunai perniagaan.

Bagi membantu kontraktor kecil memenuhi keperluan pembiayaan mereka pada peringkat awal kontrak, kerajaan telah memperluas struktur pendanaan CAKNA yang meliputi pendanaan pada peringkat sebelum pelaksanaan projek mulai tahun 2024. Dikenali sebagai CAKNA II, projek dengan nilai sehingga RM1.5 juta akan memperoleh akses kepada kemudahan pembiayaan kontrak[2] bagi menyediakan aliran tunai yang mencukupi untuk menyiapkan projek kerajaan tepat pada masanya. Gambar Rajah 3 meringkaskan penambahbaikan ini serta testimoni pengguna CAKNA.

Pelaksanaan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation)

BNM terus menyokong usaha industri ke arah inisiatif kewangan berasaskan nilai. Paling ketara, kumpulan kerja untuk Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF) telah mengeluarkan kohort ketiga Panduan Sektoral VBIAF untuk mendapatkan maklum balas orang ramai pada bulan Mei 2023. Dokumen ini memberikan panduan secara terperinci berkenaan dengan cara untuk menjalankan penilaian berasaskan impak bagi mengurus risiko alam sekitar, sosial dan tadbir urus (Environmental, Social and Governance, ESG) dalam pelbagai sektor ekonomi. Memandangkan ESG diterapkan dalam keputusan pembiayaan dan pelaburan, bank Islam menyediakan akses pembiayaan untuk PKS yang menyokong amalan perniagaan yang lestari dan bertanggungjawab selain menawarkan peluang kepada PKS untuk mendapatkan bantuan teknikal bagi meningkatkan prestasi alam sekitar dan sosial mereka. BNM juga terus membina kapasiti industri untuk pelaporan impak melalui kerjasama dengan pakar-pakar daripada institusi kewangan antarabangsa.

Rencana 'Merealisasikan Visi Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI): Lima Tahun Selepas Diperkenalkan' mengupas lebih mendalam mengenai kemajuan pelaksanaan VBI sejak mula diperkenalkan.

Memajukan perdagangan dan perniagaan halal

Institusi kewangan Islam terus menyokong perniagaan halal di Malaysia. Sehingga kini, sembilan institusi kewangan Islam telah memperkenalkan program perdagangan halal yang khusus dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Halal (Halal Development Corporation, HDC). Program ini menawarkan bantuan teknikal dan kewangan bagi menyokong perniagaan halal tempatan menjadi peserta global atau serantau yang berdaya saing, terutamanya dalam sektor-sektor keutamaan di bawah Pelan Induk Industri Halal 2.0 (Halal Industry Masterplan, HIMP 2.0).[3] Pada tahun 2023, bilangan bank Islam yang mengambil bahagian dalam Platform Bersepadu Halal[4] HDC meningkat daripada lima kepada 10 bank Islam.[5] Khususnya, lima daripada bank Islam ini secara kolektif telah menyatakan komitmen untuk pembiayaan tambahan sebanyak RM2.67 bilion bagi menyokong pembangunan industri halal di Malaysia.[6] Selanjutnya, penyelesaian perlindungan khusus juga telah dilancarkan pada bulan September 2023, untuk perniagaan yang diperakui halal. Penyelesaian perlindungan ini bertujuan melindungi perniagaan yang diperakui halal daripada risiko penarikan balik pensijilan halal secara tiba-tiba atau tidak dijangka[7] oleh pihak berkuasa yang berkaitan.[8]

[2] Institusi kewangan yang mengambil bahagian mempunyai pilihan untuk memanfaatkan kemudahan Semua Sektor Ekonomi (All Economic Sector, AES) berjumlah RM200 juta yang diperuntukkan oleh BNM di bawah Dana BNM untuk PKS bagi menyediakan kemudahan CAKNA II kepada kontraktor kecil yang layak.

[3] Makanan dan minuman, farmaseutikal, kosmetik dan penjagaan diri, ramuan, fesyen sederhana, pelancongan perubatan, peranti perubatan, hospitaliti mesra Muslim, perkhidmatan logistik dan kewangan Islam.

[4] Platform Bersepadu Halal ialah pusat sehenti yang ditempatkan di bawah HDC yang menawarkan pelbagai penyelesaian (penyelesaian kewangan, bantuan teknikal dan akses pasaran) kepada PKS yang diperakui halal. Lihat Laporan Tahunan BNM 2021 (Gambar Rajah 12: Ilustrasi Mekanisme Platform Bersepadu Halal). Institusi kewangan Islam yang menawarkan program perdagangan halal khusus tidak semestinya disenaraikan dalam Platform Bersepadu HDC.

[5] Bank Islam Malaysia Berhad, Standard Chartered Saadiq Berhad, Alliance Islamic Bank Berhad, Hong Leong Islamic Bank Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad, Public Islamic Bank Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, OCBC Al-Amin Bank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad dan Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank).

[6] Komitmen daripada lima bank Islam itu diumumkan pada the World Halal Business Conference yang diadakan pada bulan Disember 2023.

[7] Hal ini termasuk kos undang-undang, liabiliti pihak ketiga, liabiliti produk dan kos penarikan balik produk.

[8] Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dan Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN).

Penggemblengan wakaf tunai melalui myWakaf 2.0
Sejak pelancaran myWakaf pada tahun 2017, platform tersebut telah mengumpul lebih RM8.4 juta[9] dana wakaf tunai, dan menyalurkan pembiayaan kepada projek dalam bidang kesihatan, pendidikan dan pemerkasaan komuniti. Penambahbaikan platform ini iaitu myWakaf 2.0 telah dilancarkan semasa Kuala Lumpur Islamic Finance Forum (KLIFF) pada 20 September 2023. Skop dan objektif platform yang dipertingkatkan ini memberikan penekanan yang lebih tinggi kepada pemerkasaan komuniti dan ekonomi. Platform yang dipertingkatkan ini juga mewujudkan sistem pemantauan yang lebih kohesif untuk memantau kemajuan projek. Melalui penambahbaikan ini, inisiatif myWakaf telah berjaya dipertingkatkan lagi melalui pengaturan berbilang bank. Pembinaan 14 mesin pengering kubah solar untuk nelayan dan petani di seluruh negara telah dipilih sebagai projek berbilang bank yang pertama untuk dilaksanakan. Lebih banyak projek akan diumumkan oleh AIBIM dalam tempoh terdekat.



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour bersama-sama anggota AIBIM semasa pelancaran myWakaf 2.0

Rangka Kerja Syariah dan Penggerak Ekosistem yang Kondusif

Peranan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia adalah untuk mengeluarkan ketetapan Syariah dan membincangkan isu-isu kontemporari dalam kewangan Islam
MPS memainkan peranan yang sangat penting dalam pembangunan kewangan Islam di Malaysia. Ketetapan Syariah dan perbincangan mengenai isu-isu kontemporari dalam kewangan Islam yang dikeluarkan oleh MPS memberikan kepastian dalam menjalankan perniagaan kewangan Islam. Hal ini seterusnya menyokong kestabilan kewangan dan keyakinan orang ramai terhadap sistem ini. Pada tahun 2023, MPS terus menangani pelbagai isu yang berkaitan dengan aplikasi Syariah. Ketetapan yang dikeluarkan pada tahun itu memberikan kejelasan tentang kebolehizinan beberapa transaksi dan pengaturan kewangan Islam yang baharu (Gambar Rajah 4), sekali gus membantu menjamin kepastian serta menggalakkan inovasi yang berterusan dalam pembangunan penyelesaian pembiayaan Islam.

Memperkukuh ekosistem tenaga mahir dalam bidang Syariah
Pada tahun 2023, BNM bekerjasama dengan pihak berkepentingan utama untuk membangunkan strategi bagi memperkukuh ekosistem tenaga mahir dalam bidang Syariah. Strategi ini bertujuan meluaskan kumpulan tenaga mahir dan mengukuhkan barisan pelapis MPS dan jawatankuasa Syariah (Gambar Rajah 5). Langkah ini bagi memastikan jawatankuasa MPS dan komuniti Syariah mampu mengikuti perkembangan, inovasi dan perkembangan semasa dalam ekonomi dan sistem kewangan Malaysia. Kefahaman yang mendalam tentang isu-isu ini adalah penting untuk membolehkan mereka menggunakan prinsip Syariah dengan lebih berkesan.

[9] Terdapat sembilan bank Islam yang mengambil bahagian dengan kerjasama 11 MAIN yang menyokong inisiatif ini.

Gambar Rajah 4: Sorotan Keputusan Majlis Penasihat Shariah (MPS) pada Tahun 2023

Inovasi Produk

Pembayaran bagi pembelian emas dan perak melalui platform Skim Beli Sekarang Bayar Kemudian (Buy Now Pay Later) (BNPL)
- Perhiasan emas dan perak tidak tertakluk pada keperluan peraturan pertukaran mata wang (*bai` al-sarf*).
- Kedua-duanya dikategorikan sebagai komoditi dan boleh diurusniagakan secara pembayaran tertunda.

Struktur alternatif bagi kad kredit-i menggunakan prinsip *bai` al-dayn*
- Struktur yang dicadangkan tidak diterima oleh MPS kerana tidak memenuhi syarat-syarat jual beli hutang (*bai` al-dayn*).

Infrastruktur Pasaran

Dematerialisasi sijil global bagi sukuk dan sekuriti hutang tidak tersenarai di Malaysia
- MPS meluluskan cadangan untuk menggantikan sijil global fizikal dengan sijil elektronik.

Mekanisme baharu bagi Kemudahan Kredit Intrahari (Intraday Credit Facility, ICF) berasaskan perjanjian jual dan beli semula (*sale and buy back agreement*, SBBA)
- Penyelesaian ICF boleh dilakukan pada hari yang sama atau pada hari operasi RENTAS yang berikutnya.

Mekanisme baharu bagi Kemudahan Pendanaan bagi Penyelesaian Bayaran Runcit (Funding Facility for Retail Payment Settlement, FRPS)
- MPS meluluskan cadangan mekanisme pemindahan hak milik sekuriti dan serah terima konstruktif dalam transaksi FRPS.

Transaksi pembelian semula dan penukaran Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII)
- MPS meluluskan cadangan mekanisme bagi pembelian semula dan penukaran MGII untuk membantu kerajaan dalam penstrukturan semula profil hutang dan meningkatkan mudah tunai dalam pasaran.

Kajian tentang asas-asas wang daripada perspektif ekonomi moden dan Syariah
- Bertujuan untuk menyokong penilaian Syariah dalam pembuktian konsep dan pelaksanaan Mata Wang Digital Bank Pusat (Central Bank Digital Currency, CBDC).

Amalan Industri

Kajian semula aplikasi *tawarruq* dalam industri
- Tinjauan landskap berkaitan amalan *tawarruq* dalam industri.
- Bertujuan untuk menjawab persoalan berkaitan sifat *tawarruq* dan menyelaraskannya semula mengikut tujuan asalnya iaitu kemudahan wang tunai.

Penyerahan risiko takaful kepada syarikat insurans
- Pengendali takaful/takaful semula tidak dibenarkan untuk menyerahkan risiko takaful kepada syarikat insurans/insurans semula kecuali dalam keadaan *hajah* (keperluan).

Penerbitan Dokumen Dasar mengenai *Hajah* dan *Darurah*
- Diterbitkan pada 3 Januari 2024, dokumen dasar ini menggariskan keperluan dan kehendak BNM dalam penggunaan *hajah* (keperluan) dan *darurah* (keperluan mendesak).

Amalan dan parameter umum bagi lindung nilai jangkaan
- Lindung nilai jangkaan boleh dilaksanakan untuk mengurus risiko apabila terdapat kebarangkalian yang tinggi bahawa sesuatu transaksi akan berlaku pada masa hadapan.

Ketidakpatuhan Syariah

Pelan pembetulan untuk insiden ketidakpatuhan Syariah (Shariah Non-Compliance, SNC) – penyerahan risiko takaful kepada syarikat insurans
- MPS mengiktiraf kuasa BNM untuk menguatkuasakan hukuman punitif dan tindakan penyeliaan yang sewajarnya apabila menangani insiden SNC.

Insiden SNC – pembiayaan aset dalam pembinaan berasaskan jualan hak bagi kontrak *bai` `inah* (jual dan beli semula)
- Aplikasi jualan hak dalam insiden ini dianggap SNC yang serius kerana pelanggan masih belum mempunyai hak yang mutlak ke atas aset tersebut semasa transaksi berlaku.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Strategi untuk Memperkukuh Ekosistem Tenaga Mahir Syariah Mulai Tahun 2023



Sumber: Bank Negara Malaysia

Memantapkan Kedudukan Malaysia sebagai Gerbang Antarabangsa bagi Kewangan Islam

Malaysia terus diiktiraf sebagai antara pasaran utama dalam kewangan Islam[10] pada peringkat global. Pada tahun 2023, BNM meneruskan usaha untuk memperdalam pasaran kewangan Islam dan memperkukuh kerjasama antarabangsa dalam kewangan Islam.

Memperkukuh pasaran kewangan Islam Malaysia

Pada tahun 2023, BNM terus memacu pengukuhan pasaran kewangan Islam Malaysia dengan memberikan tumpuan pada usaha membangunkan pasaran pembiayaan bercagar dan pasaran derivatif.

Pada bulan Oktober 2023, BNM menerbitkan Draf Dedahan mengenai Pembiayaan Bercagar Islam untuk mendapatkan maklum balas daripada industri mengenai cadangan peraturan dan keperluan berhubung dengan instrumen kewangan Islam yang digunakan dalam Pasaran Wang Antara Bank Islam (Islamic Interbank Money Market, IIMM). Instrumen ini termasuk transaksi jual dan beli semula (*sell and buyback,* SBBA) dan transaksi komoditi *murabahah* bercagar (*collateralised commodity murabahah*, CCM) yang digunakan untuk mendapatkan dan menyediakan pembiayaan untuk pengurusan mudah tunai dalam IIMM. Peraturan dan keperluan yang dicadangkan bertujuan untuk menggalakkan pengurusan risiko yang mantap dan pematuhan prinsip Syariah oleh bank Islam apabila terlibat dalam transaksi tersebut. Dokumen dasar akan diterbitkan pada tahun 2024.

Pada bulan Disember 2023, *murabahah* bercagar, iaitu instrumen pembiayaan Islam yang dijamin dengan cagaran,[11] telah menerima pengiktirafan berkanun bagi mekanisme penyelesaian penghasilan bersihnya (*close-out netting*) di bawah undang-undang yang berkaitan.[12] Pengiktirafan itu memberikan kepastian dari segi undang-undang berhubung dengan penggunaan mekanisme penyelesaian penghasilan bersih, yang penting untuk menguruskan risiko dalam transaksi *murabahah* bercagar. Mengenai derivatif Islam, ketetapan yang dikeluarkan oleh MPS mengenai kebolehizinan lindung nilai jangkaan tertakluk pada parameter tertentu, dijangka merangsang pembangunan dan mudah tunai dalam pasaran derivatif Islam. Usaha ini bertujuan meningkatkan transaksi patuh Syariah, yang akan terus memperkukuh pasaran kewangan Islam Malaysia.

[10] Malaysia mengekalkan kedudukan pertama dalam penarafan keseluruhan, bagi tahun ke-11 berturut-turut berdasarkan the ICD-LSEG Islamic Finance Development Indicator (IFDI) Report 2023. Malaysia juga menduduki tempat pertama dalam empat subkategori, iaitu prestasi kewangan, tadbir urus, kesedaran dan kelestarian.

[11] Pembiayaan patuh Syariah yang dijamin oleh aset dengan pembiaya mempunyai hak untuk menjual aset tersebut sekiranya pelanggan gagal membayar balik pembiayaan (https://www.bnm.gov.my/-/pengenalan-murabahah-bercagar)

[12] Akta Bank Negara Malaysia 2009, Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan Akta Penghasilan Bersih Perjanjian Kewangan 2015.

Centralised Shariah Advisory Authorities terus memperkukuh kesalinghubungan global dan menggalakkan pengiktirafan bersama dalam Syariah

BNM telah menubuhkan forum Centralised Shariah Advisory Authorities (CSAA)[13] pada tahun 2018 untuk memupuk kesalinghubungan yang lebih baik dan pengiktirafan bersama dalam Syariah. Sejak itu, forum CSAA telah berkembang menjadi platform yang penting untuk lembaga Syariah pusat. Platform ini memudahkan rangkaian, kerjasama dan perkongsian amalan terbaik dalam kalangan lembaga Syariah pusat. Hal ini membantu memperkukuh keupayaan mereka untuk menangani isu-isu yang baru timbul dalam kewangan Islam. Sehingga kini, terdapat 20 negara dengan lembaga Syariah pusat (2022: 18 negara; 2018: 7 negara) yang mempunyai struktur institusi yang berbeza-beza. Resolusi Syariah yang dibincangkan semasa CSAA juga berfungsi sebagai rujukan bagi badan penetapan piawaian antarabangsa dan organisasi antarabangsa mengenai isu-isu Syariah semasa dan yang baru muncul.

Pada bulan September 2023, mesyuarat CSAA kelima telah dianjurkan secara bersama oleh BNM dan Participation Banks Association of Türkiye (Türkiye Katılım Bankaları Birliği, TKBB) di Istanbul, Türkiye. Mesyuarat tersebut membincangkan perkembangan utama dalam tadbir urus Syariah serta keputusan (fatwa) mengenai isu-isu semasa. Mesyuarat bersetuju untuk memperkukuh tadbir urus CSAA bagi mencapai matlamatnya dengan lebih berkesan dan mendapatkan penyertaan yang lebih meluas daripada negara-negara di seluruh dunia. Mesyuarat itu turut membincangkan kepentingan memasukkan VBI dan pertimbangan kelestarian, iaitu kesan terhadap ekonomi, alam sekitar dan manusia, apabila menentukan ketetapan Syariah (ijtihad).





Mesyuarat dipengerusikan secara bersama oleh Prof. Dr. Ashraf Md. Hashim, Pengerusi MPS BNM dan Prof. Dr. Abdullah Kahraman, ahli lembaga pengarah TKBB Central Advisory (Shariah) Board. Mesyuarat ini dihadiri oleh lebih 50 wakil daripada 15 negara dan mencatatkan bilangan penyertaan tertinggi sejak mesyuarat CSAA yang pertama diadakan.





Anggota MPS BNM *iaitu Datuk Prof. Dr. Akram Laldin dan Dr. Ahmad Basri Ibrahim membentangkan dua kertas utama, masing-masing mengenai 'Shariah Decision-making Framework' dan 'Takaful Operational Framework' BNM. Pembentangan ini menerima maklum balas positif daripada hadirin berhubung dengan liputan rangka kerja yang menyeluruh dan teliti.*

[13] CSAA ialah forum yang ditubuhkan untuk mengukuhkan kesalinghubungan global dan memupuk sikap saling menghormati terhadap pandangan Syariah merentas negara.

Penyertaan yang aktif dalam acara dan platform antarabangsa utama

Sebagai sebahagian daripada komuniti kewangan Islam global, BNM terus menyertai forum antarabangsa dan serantau seperti Islamic Financial Services Board (IFSB), International Islamic Liquidity Management Corporation (IILM) dan OIC-COMCEC Central Banks Forum. Hal ini termasuk penyertaan yang aktif dalam jawatankuasa strategi dan teknikal yang bertujuan untuk membentuk pembangunan piawaian antarabangsa bagi kewangan Islam. BNM juga terus berkongsi ilmu dan kepakaran untuk membina kapasiti badan pengawalseliaan di negara rakan kongsi yang lain (lihat Gambar Rajah 6).

Memupuk kepimpinan industri melalui agenda Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC)

MIFC Leadership Council (MLC) telah ditubuhkan pada tahun 2022 untuk menerajui usaha mengukuhkan tawaran MIFC sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam. Hal ini termasuk meningkatkan daya saing industri kewangan Islam Malaysia, memperdalam hubungan kewangan dan menghasilkan inovasi kewangan Islam yang lebih berkesan.

Pada tahun 2023, MLC menumpukan usahanya untuk mengenal pasti keutamaan dan inovasi strategik untuk dilaksanakan melalui libat urus dengan persatuan dan peserta industri, kementerian, agensi kerajaan dan rakan

Gambar Rajah 6: Kerjasama dan Penyertaan Antarabangsa Utama pada Tahun 2023

Komitmen berterusan ke arah pembangunan pengawalseliaan kewangan Islam global

- Ahli Majlis IFSB, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif (sehingga Ogos 2023) dan Ahli Jawatankuasa Teknikal. Butiran lanjut mengenai sumbangan BNM dalam IFSB, rujuk bab 'Libat Urus Antarabangsa'.
- Ahli Lembaga Tadbir IILM, Ahli Jawatankuasa Lembaga Eksekutif, Pengerusi Jawatankuasa Lembaga Audit dan Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengurusan Risiko.
  - BNM, bersama ahli-ahli lain telah mempergiatkan usaha untuk mengenal pasti penyelesaian yang berpotensi bagi IILM untuk mengembangkan operasi perniagaannya untuk mengeluarkan instrumen mudah tunai patuh syariah berkualiti tinggi.

Penglibatan yang aktif dalam acara dan platform utama antarabangsa

- Menganjur bengkel '*Promoting Islamic Social Finance and Accelerating the Growth of Halal Value Chain Ecosystem*' di Kuala Lumpur bersama Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC). Program ini ditaja oleh COMCEC Project Funding, dengan usahasama Bank Indonesia, the Saudi Central Bank (SAMA) dan Central Bank of the Republic of Türkiye (CBRT) yang telah dihadiri oleh peserta dari 15 negara.
- Menyertai dua persidangan antarabangsa:
  - Mesyuarat OIC-COMCEC Central Banks Forum ke-lima.
  - Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Economic and Commercial Cooperation (COMCEC) Financial Cooperation Working Group ke-19.
- Mempromosikan peranan kewangan Islam dalam memajukan kewangan yang lestari di persidangan Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change,JC3) dan acara kelestarian antarabangsa iaitu COP28.

Pembinaan keupayaan dan perkongsian ilmu

Libat urus yang berterusan untuk membantu peserta industri dan pihak berkuasa pengawalseliaan negara lain sebagai sebahagian daripada usaha berterusan BNM untuk menggalakkan perkongsian pengetahuan dan pembinaan keupayaan dalam kewangan Islam. Antara negara yang terlibat pada tahun 2023 termasuk Kazakhstan, Türkiye, Rusia dan Uzbekistan.

Sorotan 2024

BNM dengan kerjasama Kementerian Kewangan, agensi kerajaan, pihak berkuasa kawal selia lain dan organisasi pelbagai hala akan menganjurkan Forum Ekonomi dan Kewangan Islam Global (GFIEF) pada 28 – 29 Mei 2024 di Kuala Lumpur. GFIEF akan mengumpulkan barisan panelis antarabangsa dan tempatan terkenal untuk membincangkan isu-isu terkini dalam landskap ekonomi dan sosio-ekonomi semasa untuk pertumbuhan ekonomi Islam pada masa hadapan.

Sumber: Bank Negara Malaysia





BNM menjadi tuan rumah bersama dengan SESRIC dalam penganjuran bengkel 'Promoting Islamic Social Finance and Accelerating the Growth of Halal Value Chain Ecosystem' di Kuala Lumpur, yang disertai oleh delegasi daripada 15 negara.

kongsi strategik yang membentuk sebahagian daripada pihak berkepentingan ekosistem MIFC. Sekretariat yang khusus telah ditubuhkan untuk menyokong peranan MLC, dan usaha sedang dijalankan untuk memperbadankan Sekretariat MLC sebagai entiti bebas yang sah di sisi undang-undang bagi melaksanakan mandatnya dengan fleksibiliti dan kebebasan yang lebih tinggi. MLC akan menggariskan keutamaannya dan strategi yang sepadan dalam Kertas Pendirian (Position Paper) yang akan diterbitkan pada suku kedua tahun 2024. Pengenalpastian Projek Berimpak MLC yang akan merangsang inovasi baharu dan meningkatkan lagi sumbangan kewangan Islam kepada ekonomi bakal dimuktamadkan pada tahun ini untuk dilaksanakan.

Pada peringkat antarabangsa, MLC juga meneruskan advokasi dan penglibatan global untuk membina hubungan yang lebih erat antara Malaysia dengan negara-negara lain. Pada tahun 2023, MLC memberikan tumpuan pada interaksi dengan peserta ekosistem di United Kingdom, Türkiye dan Emiriah Arab Bersatu. Antara lain, MLC meneruskan kerjasama dengan rakan kongsi strategik dalam pasaran ini ke arah memajukan kewangan Islam termasuk dalam bidang seperti kelestarian, fintech Islam, pembangunan pasaran kewangan dan perkongsian kepakaran bagi memupuk kerjasama antarabangsa yang lebih kukuh.

Langkah Selanjutnya

Keutamaan BNM pada tahun 2024 adalah untuk meningkatkan lagi kekukuhan ekosistem kewangan Islam Malaysia. Berikutan sistem kewangan Islam yang terus matang, terdapat potensi besar untuk industri menyokong transformasi ekonomi Malaysia dan menyediakan penyelesaian berkesan yang boleh menangani keperluan ekonomi dan masyarakat pada masa ini dan juga masa hadapan. Bagi tujuan ini, BNM akan terus menumpukan usaha pada tiga bidang yang berikut:

- Menggalakkan inovasi kewangan berasaskan nilai yang menerapkan nilai asas Syariah. Langkah ini akan melibatkan pengoptimuman sumbangan kewangan Islam bagi menyokong keperluan pembiayaan dan perlindungan risiko bagi ekonomi dan juga rantau seiring dengan hasrat Malaysia untuk beralih kepada ekosistem yang lebih hijau dan lestari.
- Menyediakan persekitaran pengawalseliaan dan Syariah yang lebih kondusif untuk mempercepat perkembangan pasaran.
- Memperkukuh tawaran nilai Malaysia secara berterusan untuk memanfaatkan peluang global dan memperdalam pasaran kewangan Islam domestik.

Merealisasikan Visi Pengantaraan Berasaskan Nilai: Lima Tahun Selepas Pengenalan

Strategi Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation, VBI) diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2017.[1] Strategi ini bertujuan untuk mengukuhkan peranan dan keberkesanan institusi kewangan Islam dalam memenuhi matlamat Syariah yang dihasratkan, yang antara lainnya berasaskan kepada mengimbangi penjanaan dan peredaran kekayaan serta menggalakkan keadilan sosial. Hal ini dapat diperoleh melalui amalan, pengendalian dan penyelesaian yang menjana impak positif terhadap ekonomi, masyarakat dan alam sekitar, serta pada masa yang sama mengekalkan pulangan untuk pemegang saham institusi kewangan Islam. VBI berbeza daripada program Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility, CSR) kerana CSR dijalankan berasingan daripada operasi perniagaan. VBI merupakan usaha kerjasama dengan industri kewangan Islam yang didorong oleh Komuniti Pengamal Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI Community of Practitioners, VBI CoP).[2]

Kemajuan dan Kesan Setakat ini

VBI yang diintegrasikan ke dalam strategi perniagaan bank-bank Islam telah memberikan sumbangan yang positif kepada individu, isi rumah dan perniagaan termasuk perusahaan mikro. Bank-bank Islam telah menyalurkan sebanyak RM433.8 bilion dalam inisiatif yang selaras dengan VBI antara tahun 2017 hingga 2022.[3] Industri perbankan Islam kekal komited untuk menyelaraskan aktiviti mereka berdasarkan teras strategik VBI untuk meningkatkan lagi kesan positif (lihat Gambar Rajah 1).[4]

Gambar Rajah 1: Evolusi dan Hasil Perjalanan VBI Setakat Ini

Empat fasa pelaksanaan VBI

Berdasarkan laporan VBI Tahun 2022, sebahagian besar VBI CoP beralih daripada fasa 'Pembangunan' ke fasa 'Penglibatan'

Fasa Permulaan
- Komitmen dan sokongan yang jelas terhadap VBI.
- Membangunkan pelan hala tuju bagi pelaksanaan khusus VBI.
- Mempertingkatkan infrastruktur dan pembinaan kapasiti.

Fasa Pembangunan

Menunjukkan integrasi VBI dalam penawaran dan amalan
i. Menawarkan penyelesaian yang selaras dengan VBI.
ii. Menerima pakai amalan perbankan berasaskan nilai dalam penilaian kredit.

Fasa Penglibatan
- Meningkatkan ketelusan berhubung dengan kemajuan strategi pelaksanaan VBI dan pelaporan impak.
- Perkongsian strategik dengan pihak berkepentingan di luar industri perbankan.

Fasa Matang
- Menunjukkan perubahan sepenuhnya dalam tingkah laku dan budaya institusi.
- Campur tangan pengawalseliaan yang minimum melalui aktiviti perniagaan serta keperluan masyarakat dan ekonomi.

Peralihan ke fasa 'Penglibatan' disokong oleh pembangunan dalam tiga aspek:

1. Peningkatan pengamal VBI yang ketara

5 pengasas VBI CoP: Bank Islam, Agro Bank, HSBC Amanah, CIMB Islamic, Bank Muamalat

Meningkat kepada 16 VBI CoP: Bank Islam, Agro Bank, OCBC Al-Amin, Alliance Islamic Bank, Maybank Islamic, MBSB Bank, Al Rajhi Bank, Public Islamic Bank, HSBC Amanah, CIMB Islamic, AFFIN ISLAMIC, Bank Muamalat, Bank Rakyat, Standard Chartered saadiq, RHB Islamic, AmBank Islamic

2. Tindakan kolektif oleh industri untuk melaksanakan VBI

Integrasi tindakan iklim dalam membuat keputusan
- 10 Panduan sektor VBIAF
- Kumpulan Pelaksana untuk membangunkan kit alat berkaitan CCPT
- Keahlian utama dalam JC3

Inisiatif bersama industri
myWakaf, iTEKAD
Inisiatif kewangan hijau VBI

3. Menyelaraskan penawaran ke arah menyampaikan teras asas VBI (Berdasarkan data Laporan VBI tahun 2022)

Minda keusahawanan
RM2.8 bilion untuk menggalakkan usaha keusahawanan dan RM1.1 bilion diperuntukkan untuk sokongan keusahawanan kepada komuniti asnaf.

Pemerkasaan komuniti
RM34.6 bilion penyelesaian pengantaraan kewangan berimpak kepada pembangunan ekonomi seperti kesihatan, perumahan mampu milik dan pendidikan.

Tadbir urus kendiri
Menambah baik operasi dan amalan melalui penerbitan rangka kerja dan perkongsian contohnya, perkongsian ESG dan Triple Bottom Line (TBL) Framework.

Amalan terbaik
Antara lain, terus meningkatkan pengalaman pihak berkepentingan, menyokong celik kewangan dan menganjurkan program kesejahteraan pekerja.

Sumber: Bank Negara Malaysia, Panduan Pelaksanaan Pengantaraan Berasaskan Nilai dan AIBIM (2021) Value-based Intermediation Full Report, (2022) Value-based Intermediation Report: Emerging to Engaging

[1] Kertas Strategi 'Value-based Intermediation: Strengthening the Roles and Impact of Islamic Finance' diedarkan pada 12 Mac 2018 susulan maklum balas daripada industri.
[2] VBI CoP merupakan platform kerjasama yang diperkenalkan oleh bank-bank Islam yang menerajui inisiatif VBI. Anggota pengasas VBI CoP terdiri daripada Bank Islam Malaysia Berhad, CIMB Islamic Bank Berhad, Bank Muamalat Malaysia Berhad, HSBC Amanah Malaysia Berhad dan Bank Pertanian Malaysia Berhad (Agrobank). Sehingga kini, anggota CoP telah meningkat kepada 16 anggota.
[3] Perolehan data oleh VBI CoP diperkenalkan pada awal tahun 2017, semasa ahli pengasas VBI CoP ditubuhkan dan kertas konsep VBI berada pada peringkat maklum balas.
[4] Inisiatif selaras dengan VBI merujuk deposit, akaun pelaburan, kewangan, pelaburan dan aktiviti kewangan sosial.

VBI menggalakkan bank-bank Islam untuk menawarkan produk dan perkhidmatan yang lebih inovatif serta didorong impak. Hal ni terbukti dalam tiga bidang:

- Pertama, tumpuan yang lebih besar kepada pembiayaan karbon sifar bersih dan hijau untuk memastikan landasan yang mampan ke arah ekonomi hijau bernilai tinggi. Berdasarkan laporan VBI terkini yang diterbitkan semasa persidangan Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) pada bulan Oktober 2023, bank-bank Islam telah menyalurkan lebih RM16.5 bilion bagi pembiayaan karbon sifar bersih dan hijau pada tahun 2022, iaitu pertumbuhan lebih 2.3 kali ganda berbanding dengan tahun 2021. Pembiayaan itu antara lainnya disalurkan untuk membiayai bangunan hijau dan projek tenaga boleh diperbaharui. Pada masa ini, pembiayaan ini berada pada 6.5% daripada jumlah pembiayaan oleh bank-bank Islam dan dijangka terus berkembang memandangkan peningkatan keperluan pembiayaan dalam sektor-sektor ini.
- Kedua, lebih banyak peluang telah diterokai untuk menyokong keperluan pembiayaan bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Setakat tahun 2022, bank-bank Islam menyalurkan RM3.4 bilion pembiayaan karbon sifar bersih dan hijau serta pembiayaan RM24.1 bilion untuk pembangunan sosioekonomi[5] khusus untuk PKS dan PMKS; dan
- Ketiga, tumpuan semakin meningkat pada penggemblengan dana dermawan dan dana kewangan sosial (zakat dan wakaf) melalui penyelesaian kewangan campuran. Kewangan sosial memberikan peluang untuk membina daya tahan kewangan dalam kalangan golongan asnaf[6] dan miskin. Sejak tahun 2017 hingga 2022, sebanyak RM411.8 juta telah disalurkan untuk pelbagai jenis zakat, sedekah dan program kebajikan termasuk inisiatif iTEKAD dan myWakaf. Sebagai contoh, iTEKAD telah membantu lebih 6,000 usahawan mikro berpendapatan rendah yang terdiri daripada asnaf dan individu golongan B40.[7] Pelbagai program telah diperkenalkan oleh bank-bank Islam untuk memperkasakan usahawan mikro termasuk khidmat nasihat kewangan, akses kepada pembiayaan mikro, latihan dan bimbingan perniagaan serta bantuan pensijilan halal.

Gambar Rajah 2: Contoh Tawaran Dipacu Impak oleh VBI CoP

Penyelesaian kewangan berteraskan kepada penciptaan impak positif

Semakin banyak bank Islam yang menawarkan pelbagai penyelesaian untuk menjana impak yang berterusan kepada ekonomi, komuniti dan alam sekitar di samping memberikan pulangan kewangan.

Akaun pelaburan impak melabur dalam tenaga yang boleh diperbaharui, pembiayaan hijau, pengangkutan bersih, air bersih dan sanitasi serta sektor lain yang menyumbang kepada usaha mewujudkan bandar dan komuniti yang lestari. Di samping itu, 2.5% daripada pulangan pelaburan akan disumbangkan kepada zakat.

Kemudahan peralihan rendah karbon memberikan sokongan kewangan bagi perbelanjaan modal dan pembiayaan operasi untuk menguatkuasakan amalan lestari merentas pelbagai industri PKS.

Kemudahan pembiayaan untuk pemasangan peralatan solar ditawarkan kepada PKS untuk memudahkan pembelian dan pemasangan peralatan solar di premis perniagaan.

Sumber: AIBIM (2022) Value-based Intermediation Report: Emerging to Engaging dan laman web Bank Islam Malaysia Berhad

[5] Merujuk pembiayaan yang diberikan kepada sektor yang akan menambah baik impak aspek sosial dalam kategori ini, seperti pendidikan, infrastruktur awam, PMKS, dll.
[6] Golongan yang layak menerima sumbangan zakat seperti golongan fakir miskin.
[7] Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana 'iTEKAD: Pendekatan Ekosistem dalam Memperluas Kewangan Sosial'.

Usaha Progresif yang Dijalankan oleh Peserta Industri

Salah satu usaha utama dalam memaparkan VBI adalah melalui penerbitan Panduan Sektoral Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan berasaskan Nilai[8] (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF) secara kolektif oleh pihak industri. Usaha ini akan membantu pelaksanaan penilaian risiko berasaskan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (Environmental, Social and Governance, ESG). Setakat ini, tiga kohort panduan sektoral telah diterbitkan untuk memberikan garis panduan khusus sektor yang menilai kesan aktiviti pembiayaan dan pelaburan ke atas 10 sektor.[9] Panduan sektoral ini juga selaras dengan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT). Pelaksanaan VBI yang berkesan, dilengkapi dengan pemahaman serta penilaian iklim dan alam sekitar yang lebih baik berpotensi untuk menangani isu-isu kontemporari yang dihadapi oleh sistem kewangan dan dunia.

VBI juga telah memperluas pengaruhnya kepada industri takaful. Persatuan Takaful Malaysia (Malaysian Takaful Association, MTA) telah memperkenalkan rangka kerja dan pelan hala tuju Pengantaraan Takaful Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation for Takaful, VBIT) pada tahun 2021 dan 2022. VBIT membawa aspirasi untuk mencapai perlindungan inklusif bagi segmen masyarakat yang kurang mendapat akses pada perkhidmatan takaful. Usaha untuk meningkatkan kualiti dan nilai perkhidmatan yang ditawarkan sedang dijalankan, seperti memperluas perlindungan mampu milik kepada golongan miskin pada harga yang lebih rendah dan memperkenalkan ciri sedekah sebagai sebahagian daripada reka bentuk produk.

Sebagai sebahagian daripada keutamaan VBIT, industri takaful juga berhasrat untuk memperbaiki amalan penilaian impak mereka. Sehubungan dengan itu, MTA kini sedang membangunkan Kad Skor Berasaskan Maqasid al-Syariah (Maqasid al-Shariah Scorecard, MSS). MSS akan mengenal pasti penunjuk dan hasil prestasi utama yang selaras dengan nilai-nilai intrinsik kewangan Islam. Beberapa pengendali takaful dijangka menjadi pengguna rintis kad skor ini pada tahun 2024.

VBI juga adalah selaras dengan pergerakan global ke arah ekonomi yang lebih mampan. Matlamat pembangunan ekonomi inklusif, pemuliharaan alam sekitar dan kemajuan sosial adalah sebahagian daripada prinsip Syariah. Matlamat ini bersifat universal, selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) 2030 serta sejajar dengan rangka kerja Ekonomi MADANI. Perkembangan baharu seperti pengenalan Panduan Maqasid Al-Syariah oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) pada tahun 2023 dan seruan terhadap komuniti kewangan Islam untuk menerapkan 'konsep *Tayyib* (baik)' mengukuhkan lagi kepentingan meningkatkan penggunaan VBI dalam sektor kewangan. Perkembangan ini memberikan dorongan yang kukuh dan jelas untuk mempercepat pelaksanaan VBI.

Meningkatkan Penggunaan VBI Memerlukan Komitmen Industri yang Berkekalan

Meskipun langkah-langkah positif ini menggalakkan, cabaran seperti kurangnya pemahaman tentang prinsip dan aplikasi VBI dalam kalangan pihak berkepentingan utama, keperluan untuk penjajaran strategi seluruh kumpulan serta keterbatasan data untuk mengukur impak secara tepat masih wujud dan akan memberikan cabaran kepada kemajuan VBI selanjutnya. Oleh itu, lebih banyak usaha perlu dilakukan oleh industri untuk menangani cabaran ini. Antara lain, usaha ini termasuk menilai keperluan pelaburan jangka panjang dalam infrastruktur dan teknologi bersama, seperti memanfaatkan teknologi kewangan (*fintech*) dan kecerdasan buatan untuk menjadikan pengumpulan atau analisis data yang didorong impak sebagai lebih mudah dan lebih berkesan. Peningkatan penzahiran awam dalam pelbagai laporan akan menunjukkan peranan utama industri dalam memenuhi keperluan masyarakat dan ekonomi yang lebih luas. Gambar Rajah 3 meringkaskan peranan pihak berkepentingan dalam memajukan pelaksanaan VBI.

---

[8] Panduan sektoral VBIAF merupakan alat pengurusan risiko berasaskan impak yang terperinci yang memberikan panduan kepada institusi kewangan untuk melaksanakan VBIAF dalam sektor tersebut.

[9] Kohort pertama (minyak sawit, tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga) dan kohort kedua (minyak dan gas, pembinaan dan infrastruktur serta perkilangan) telah diterbitkan pada tahun 2021 dan 2022. Kohort ketiga (pertanian, perlombongan dan pengkuarian, pengangkutan jalan raya dan pengurusan sisa) telah disiarkan untuk perundingan pada bulan Mei 2023 dan akan diterbitkan pada separuh pertama tahun 2024.

BNM komited untuk menyediakan persekitaran penggerak bagi menyokong pertumbuhan VBI. Usaha ini termasuk membangunkan persekitaran kawal selia yang lebih kondusif dan juga akan memudahkan penerapan pelbagai kontrak Syariah. Pada masa yang sama, BNM akan terus memudahkan usaha industri untuk menginovasi serta membangunkan model, penyelesaian dan amalan perniagaan berasaskan nilai yang baharu.

Gambar Rajah 3: Peranan Pihak Berkepentingan dalam Memajukan Pelaksanaan VBI



Badan pengawalseliaan

- Menyediakan bantuan pengawalseliaan yang sesuai bagi pelaksanaan kewangan berasaskan nilai untuk menyokong inovasi dengan lebih baik, seperti kegunaan baharu kontrak Syariah.
- Memudahkan usaha penambahbaikan kualiti dan penggunaan penilaian berasaskan impak.



Pelabur institusi dan pemegang saham

- Peralihan ke arah pelaburan impak yang mewujudkan manfaat alam sekitar dan sosial yang positif.
- Mengkaji peluang pelaburan yang selaras dengan VBI yang ditawarkan oleh institusi kewangan.



Institusi kewangan

- Menyepadukan hasrat nilai syarikat ke dalam operasi dan amalan perniagaan institusi kewangan Islam.
- Meningkatkan perbandingan dan kualiti dedahan termasuk mengkaji infrastruktur dan pembinaan kapasiti yang berkaitan untuk menambah baik pelaporan berasaskan impak.
- Meneruskan usaha inovasi dalam membangunkan model, penyelesaian dan amalan perniagaan berasaskan nilai yang baharu.



Rakan pelaksana

(termasuk perkhidmatan profesional dan entiti tenaga mahir)

- Meningkatkan kerjasama dengan institusi kewangan untuk menyediakan latihan dan bantuan kewangan kepada komuniti yang mudah terjejas.
- Meningkatkan keupayaan bakat secara berterusan melalui peningkatan kemahiran dan infrastruktur pembelajaran.



Agensi kerajaan dan negeri

- Memanfaatkan produk dan perkhidmatan yang sejajar VBI bagi merealisasikan agenda dan keutamaan negara untuk meningkatkan prospek ekonomi jangka panjang Malaysia.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap

Bank Negara Malaysia (BNM) komited untuk terus memastikan ekosistem pembayaran yang berdaya tahan dan kondusif serta memenuhi keperluan rakyat Malaysia yang semakin berkembang.

Pada tahun 2023, BNM terus memacu inovasi dan kecekapan yang lebih berkesan dalam sistem pembayaran serta industri perniagaan perkhidmatan wang (*money services business*, MSB)[1] di Malaysia. Pada masa yang sama, BNM juga terus berusaha untuk mengekalkan kestabilan dan keyakinan orang ramai terhadap perkhidmatan pembayaran. Dalam melaksanakan usaha ini, BNM mengambil pelbagai langkah bagi meningkatkan penggunaan pembayaran elektronik (e-pembayaran). Usaha ini telah mengekalkan pertumbuhan penggunaan e-pembayaran yang kukuh dalam kalangan isi rumah dan perniagaan. BNM juga memperuntukkan sumber yang besar ke arah memperteguh infrastruktur pembayaran utama untuk persediaan masa hadapan serta menambah baik rangka kerja pengawalan dan penyeliaan.

Mengekalkan Pertumbuhan Pendigitalan Perkhidmatan Pembayaran dan MSB

Penggunaan e-pembayaran terus meningkat dalam kalangan rakyat Malaysia daripada 9.3 bilion transaksi pada tahun 2022 kepada 11.5 bilion pada tahun 2023.

BNM terus mencatatkan kemajuan yang memuaskan dalam mencapai sasaran Pelan Sektor Kewangan iaitu lebih daripada 15% pertumbuhan tahunan terkompaun bagi transaksi e-pembayaran per kapita antara tahun 2022 dan 2026. Hal ini berikutan pertumbuhan e-pembayaran sebanyak 20% kepada 343 transaksi per kapita pada tahun 2023 (2022: 285). Pertumbuhan e-pembayaran telah disokong oleh aktiviti penggunaan dengan jumlah nilai transaksi e-pembayaran runcit terpilih[2] meningkat sebanyak 17% sehingga mencecah RM592 bilion. Hal ini dilengkapkan dengan usaha kolektif sektor awam dan swasta bagi meningkatkan penggunaan e-pembayaran.

Perkhidmatan pemindahan kredit[3] membentuk bahagian terbesar transaksi e-pembayaran, iaitu sebanyak 43%. Antara pelbagai perkhidmatan pemindahan kredit yang ditawarkan, DuitNow Transfer tetap menjadi pilihan utama, dengan kadar pertumbuhan tahunan yang kekal tinggi sebanyak 32% (2022: 26%) dan memegang 39% bahagian pasaran perkhidmatan pemindahan kredit.

Pada tahun 2023, transaksi wang elektronik (e-wang) meningkat sebanyak 26%, dengan 59% transaksi daripada penggunaan e-dompet, dan selebihnya daripada e-wang berasaskan kad. Selari dengan penggunaan e-wang yang meluas untuk pembayaran tol atau transit yang bernilai kecil, saiz purata transaksi e-wang kekal rendah iaitu sekitar RM27.

Transaksi kad debit membentuk 66% daripada jumlah transaksi kad pembayaran selepas mengatasi transaksi kad kredit buat pertama kalinya semasa pandemik pada tahun 2020. Pada tahun 2023, penggunaan kad debit mencatatkan pertumbuhan sebanyak 33%, iaitu dua kali ganda lebih tinggi berbanding kad kredit (15%). Pembayaran menggunakan kad tanpa sentuh juga

[1] Perkhidmatan MSB termasuk perkhidmatan kiriman wang, pengurupan wang dan mata wang borong.

[2] Termasuk transaksi e-pembayaran seperti transaksi pembelian menggunakan kad pembayaran dan e-wang serta transaksi Financial Process Exchange (FPX). FPX lazimnya digunakan untuk pembelian e-dagang.

[3] Perkhidmatan pemindahan kredit merujuk sistem pembayaran yang memudahkan pemindahan dana antara akaun, seperti DuitNow Transfer, Interbank GIRO, pemindahan pihak ketiga Real Time Electronic Transfer of Funds and Securities System (RENTAS) dan pindahan dalam bank.

Gambar Rajah 1: Petikan Pembayaran Digital dan Perniagaan Perkhidmatan Wang



Sumber: Bank Negara Malaysia

semakin berkembang, dicerminkan melalui peningkatan lebih dua kali ganda bahagiannya (77%) berbanding tahap sebelum pandemik (2019: 32%).

Penerimaan transaksi e-pembayaran dalam kalangan perniagaan, terutamanya dalam kalangan perusahaan bersaiz kecil, terus mencatatkan perkembangan. Khususnya, transaksi DuitNow QR telah meningkat dengan ketara sejak pengenalan perkhidmatan ini. Peningkatan ini dipacu oleh orang ramai yang sudah biasa menggunakan perkhidmatan DuitNow QR, yang menjadi pilihan utama dalam kalangan pengguna kerana mudah digunakan serta kos yang rendah bagi peniaga berbanding e-pembayaran yang lain (Lihat Rencana 'DuitNow QR: Menggalakkan Pembayaran Digital yang Inklusif').

Sebaliknya, penggunaan cek terus menurun selari dengan penggunaan e-pembayaran yang meningkat. Kini, transaksi perbankan internet yang dilakukan oleh entiti perniagaan adalah hampir 14 kali lebih banyak berbanding cek yang dikeluarkan mereka. Pada tahun 2023, sebanyak 40.9 juta cek telah dikeluarkan berbanding 46.1 juta pada tahun 2022. Pengguna utama cek masih terdiri daripada syarikat-syarikat besar, yang juga semakin beralih kepada e-pembayaran bagi sebahagian, jika tidak kesemua pembayaran mereka.

Transaksi pengurupan wang terus mencatatkan pertumbuhan kukuh (76%) untuk tahun ketiga sejak pandemik. Hal ini seiring dengan pemulihan yang berterusan dalam sektor pelancongan, yang dicerminkan melalui peningkatan dua kali ganda bilangan pelancong

yang datang ke Malaysia pada tahun 2023. Berdasarkan tinjauan terkini, BNM mendapati bahawa kira-kira 42% daripada pengurup wang berlesen telah menyediakan pilihan e-pembayaran di kaunter mereka. Sebilangan pengurup wang berlesen juga telah memperkenalkan kad pelbagai mata wang sebagai salah satu daripada produk yang ditawarkan mereka. Pengiriman wang keluar juga secara keseluruhannya meningkat sebanyak 20% kepada RM34.2 bilion, selaras dengan pemulihan pasca pandemik dalam sektor-sektor ekonomi seperti pembinaan dan pertanian, yang menggunakan khidmat ramai pekerja asing. Perkhidmatan e-pengiriman wang yang ditawarkan oleh penyedia perkhidmatan kiriman wang bukan bank berlesen, terus berkembang pada tahun 2023 sebanyak 11% kepada RM14.1 bilion.

Keutamaan pada Tahun 2023

Bagi memajukan lagi ekosistem pembayaran, BNM memberikan tumpuan pada tiga teras keutamaan seperti yang disimpulkan dalam Gambar Rajah 2.

Gambar Rajah 2: Keutamaan pada Tahun 2023

Keutamaan pada tahun 2023

Mengembangkan Jangkauan Pasaran e-Pembayaran	Memperteguh Infrastruktur Pembayaran untuk Masa Hadapan	Memelihara Keyakinan Orang Ramai
• Meningkatkan kecekapan pembayaran domestik dan rentas sempadan • Menyokong pertumbuhan ekonomi	• Meningkatkan daya tahan • Meneroka penyelesaian inovatif • Mengurangkan gangguan dan risiko yang mungkin timbul	• Memastikan keberkesanan pengurusan risiko • Memelihara integriti peserta industri pembayaran dan MSB • Mengurangkan risiko penipuan kewangan
Inisiatif dan hasil utama		
✓ 3 jalinan pembayaran dengan Singapura, Thailand dan Indonesia ✓ Mengetengahkan pembayaran QR sebagai pilihan yang berdaya maju bagi perniagaan kecil	✓ Peralihan kepada ISO 20022 terus berjalan lancar ✓ Penglibatan dalam Projek Mandala dan pembuktian konsep mata wang bank pusat *(central bank digital currency*, CBDC)	✓ Langkah-langkah penyeliaan yang berterusan untuk memastikan keteguhan kawalan pengurusan risiko RENTAS dan PayNet ✓ Penambahbaikan kawalselia (contohnya meningkatkan kawalan keselamatan siber pengendali) ✓ Keperluan e-KYC diperkukuh

Sumber: Bank Negara Malaysia

Mengembangkan Jangkauan Pasaran e-Pembayaran

Memacu penggunaan pembayaran digital
BNM terus mempertingkatkan penggunaan e-pembayaran di Malaysia melalui inisiatif e-Duit. Secara keseluruhan, terdapat lebih 110 program berkaitan dengan e-Duit yang dianjurkan di seluruh negara. Kebanyakan program ini dianjurkan dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) dan industri kewangan. Pada tahun 2023, BNM memberikan tumpuan pada usaha untuk meluaskan inisiatif ini ke kawasan luar bandar melalui program e-Duit Desa.

Sepanjang tahun 2023, BNM menyokong inisiatif yang diterajui sektor awam untuk memacu pendigitalan yang lebih meluas dalam sektor ekonomi. Ini termasuk memberikan khidmat nasihat dan sokongan teknikal bagi melancarkan program pemindahan tunai Kerajaan melalui e-dompet (inisiatif e-Madani) dan sistem pembayaran tol terbuka. BNM juga terus menyokong usaha berterusan untuk menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas dalam kalangan agensi kerajaan pada peringkat Persekutuan dan negeri. Sebagai contoh, BNM bekerjasama dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia untuk menamatkan caj tambahan ke atas pembayaran cukai pendapatan melalui saluran e-pembayaran.

DuitNow QR kini semakin popular dalam kalangan perniagaan. Dalam tempoh empat tahun sejak perkhidmatan ini diperkenalkan, jumlah pendaftaran DuitNow QR kini lebih daripada dua kali ganda bilangan terminal semasa jualan (*point-of-sale*, POS) (2023: 2 juta pendaftaran kod QR dan 875,504 terminal POS). Menyedari permintaan yang tinggi ini, BNM akan terus memastikan sistem pembayaran di Malaysia mampu memenuhi keperluan segmen peniaga yang berbeza.





Program e-Duit yang dianjurkan oleh industri dengan kerjasama BNM

DuitNow QR: Menggalakkan Pembayaran Digital yang Inklusif

Bayangkan senario ini:

Pada suatu hari yang biasa di sebuah warung tepi jalan, para pelanggan berbaris dan sabar menunggu giliran untuk membeli nasi campur kegemaran mereka. Mak cik pemilik warung dengan tekun menyediakan setiap pesanan pelanggannya. Tiba-tiba, ada seorang pelanggan yang kelihatan resah kerana tersedar bahawa dia terlupa membawa dompetnya. Tanpa berlengah, mak cik itu menunjukkan kod DuitNow QR ikonik berwarna merah jambu yang dipamerkan pada papan tanda. Dengan sekali imbas sahaja, pelanggan tersebut terus membayar bil dan dapat menikmati hidangannya tanpa bimbang lagi.



Sumber: PayNet

Senario ini hanyalah salah satu contoh bagaimana pendigitalan telah menjadi lumrah dalam kegiatan ekonomi di Malaysia. Perkhidmatan pembayaran elektronik (e-pembayaran), seperti DuitNow QR adalah mudah diakses, berkos rendah dan senang digunakan. Perkhidmatan e-pembayaran ini membolehkan seluruh ekosistem termasuk perniagaan mikro dan kecil untuk lebih bersedia beroperasi secara digital bagi menjalankan transaksi perniagaan dengan lebih lancar. Yang penting, pendigitalan dapat membantu pemilik perniagaan kecil, seperti mak cik dalam senario di atas, mengelakkan daripada pengendalian wang tunai yang melecehkan dan berisiko. Apabila kebanyakan pelanggan mak cik itu membayar menggunakan DuitNow QR, jumlah wang tunai yang perlu dikendalikan dan dibawa bersama oleh mak cik tersebut semakin sedikit. Hal ini juga mengurangkan kekerapan mak cik itu untuk pergi ke cawangan bank atau mencari mesin deposit tunai bagi menyimpan pendapatannya lantas turut mengurangkan risiko kecurian.

Peningkatan transaksi pembayaran DuitNow QR yang ketara pada tahun 2023

Sejak rangkaian pembayaran DuitNow QR[1] dilancarkan pada tahun 2019 oleh Payments Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet), perkhidmatan ini terus menggalakkan ekosistem pembayaran yang lebih inklusif dengan penyertaan yang lebih pelbagai daripada 40 peserta bank dan bukan bank untuk memenuhi keperluan segmen pasaran yang berbeza. Pada tahun 2023 sahaja, pertumbuhan tahun ke tahun transaksi DuitNow QR meningkat lebih dua kali ganda kepada 360 juta transaksi bernilai RM14.6 bilion (2022: 125 juta transaksi berjumlah RM5.5 bilion). Pertumbuhan yang kukuh ini disokong oleh kadar penembusan telefon pintar yang tinggi sekitar 95%[2] dan capaian Internet sekitar 97%[3] dalam kalangan rakyat Malaysia. Hasilnya, terdapat peningkatan yang stabil dalam jumlah keseluruhan e-pembayaran per kapita (Gambar Rajah 1) dan tempat penerimaan DuitNow QR oleh peniaga di seluruh negara (Gambar Rajah 2).

[1] DuitNow QR ialah sebahagian daripada infrastruktur yang dikongsi untuk pembayaran runcit (iaitu Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP)). RPP membolehkan peserta industri mengumpulkan sumber dan berkongsi kos untuk pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur tersebut dan pada masa yang sama bersaing pada peringkat produk untuk terus memberikan khidmat yang lebih baik kepada pengguna.

[2] Berdasarkan Hand Phone Users Survey 2021 yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, kadar penembusan untuk pengguna telefon pintar di Malaysia pada tahun 2021 adalah pada 94.8%. Sementara itu, 41% responden telah menggunakan aplikasi pembayaran mudah alih sebagai alternatif kepada kaedah pembayaran tradisional.

[3] Berdasarkan Laporan Penutup Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA), 96.9% daripada kawasan berpenduduk di Malaysia mempunyai akses kepada rangkaian 4G setakat 31 Disember 2022.

Gambar Rajah 1: Transaksi e-Pembayaran yang Dibuat Secara per Kapita



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Bilangan Kod DuitNow QR Berdaftar



Sumber: PayNet

Penyediaan yang mudah dan berkesan dari segi kos menggalakkan penggunaan DuitNow QR secara lebih meluas

DuitNow QR direka bentuk untuk memudahkan transaksi pembayaran merentas pelbagai e-dompet berbeza, yang dikeluarkan oleh bank dan bukan bank. Sistem saling boleh kendali ini memberikan kemudahan dan pilihan yang lebih banyak kepada peniaga dan pengguna. Keadaan ini memupuk persaingan dalam kalangan penyedia e-dompet untuk memacu penawaran produk inovatif kepada pelbagai segmen peniaga. DuitNow QR juga direka bentuk sebagai kaedah pembayaran yang lebih berkesan dari segi kos, berbanding dengan pilihan pembayaran lain seperti tunai atau kad pembayaran. Sebagai contoh, penggunaan pembayaran kod QR tidak memerlukan peniaga menanggung kos sewa bulanan terminal semasa jualan (*point-of-sale*, POS)[4] yang lazimnya diperlukan untuk penerimaan kad pembayaran. Secara kolektif, faktor-faktor ini mengurangkan halangan penerimaan e-pembayaran dalam kalangan peniaga, terutamanya peniaga lebih kecil (Gambar Rajah 3). Hal ini seterusnya menggalakkan penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas dengan merentasi langkah terakhir dalam penerimaan e-pembayaran.

Gambar Rajah 3: Ciri Utama DuitNow QR

Ciri Utama	Penerangan
Saling boleh kendali[5]	• Para peniaga boleh menerima pembayaran daripada pelanggan menggunakan akaun e-dompet yang berbeza melalui kod QR yang seragam, iaitu DuitNow QR. *Contoh: Peniaga yang mempunyai akaun e-dompet jenama A boleh menerima pembayaran daripada pelanggan mereka yang mempunyai e-dompet jenama B.*
Kecekapan dari segi kos	• Kadar diskaun peniaga (Merchant Discount Rate, MDR)[6] yang bersamaan atau lebih rendah daripada kadar yang dikenakan ke atas kad debit domestik (MyDebit). • Peniaga dapat menjimatkan kos-kos intrinsik berkaitan pengurusan wang tunai atau pembayaran menggunakan kad.
Inklusif	• Semua peniaga tanpa mengira saiz, mempunyai akses kepada pelbagai penyedia perkhidmatan pembayaran yang menyertai ekosistem DuitNow QR.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Hal ini merujuk peniaga yang menggunakan kod QR statik, iaitu kod QR tetap yang dipamerkan oleh peniaga untuk pelanggan mengimbas kod dan membuat pembayaran. Penyelesaian DuitNow QR juga menawarkan kod QR dinamik yang membolehkan peniaga menjana kod QR yang disepadukan dengan sistem pengurusan jualan dan inventori perniagaan secara automatik untuk penjejakan transaksi yang lebih mudah. Penyelesaian DuitNow QR yang dinamik memerlukan terminal POS untuk beroperasi dan kebanyakannya digunakan oleh peniaga lebih besar.

[5] Di bawah Rangka Kerja Pemindahan Kredit Saling Boleh Kendali, bank dan bukan bank diberikan mandat untuk menyertai infrastruktur bayaran yang dikongsi bersama sama ada secara langsung atau tidak langsung (iaitu RPP) bagi membolehkan akses yang lebih besar kepada perkhidmatan e-pembayaran.

[6] MDR ialah fi lazim yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan e-pembayaran dan dicaj berdasarkan nilai transaksi e-pembayaran tersebut. MDR bertujuan untuk menampung kos dan pelaburan yang diperlukan oleh industri untuk penyenggaraan sistem pembayaran mereka. Hal ini bagi mengekalkan standard perkhidmatan dan keselamatan yang tinggi untuk perkhidmatan e-pembayaran.

Mengekalkan kebolehpercayaan terhadap infrastruktur DuitNow QR memerlukan kos dan pelaburan

Bagi mana-mana infrastruktur pembayaran, memastikan keselamatan, kekukuhan dan kebolehpercayaan sistem pembayaran adalah sangat penting. Hal ini memerlukan pelaburan yang berterusan, terutamanya untuk memperkukuhkan keselamatan siber dan kawalan pencegahan penipuan. Adalah amat penting kawalan ini memiliki piawaian yang tinggi untuk menyediakan perlindungan terhadap ancaman terkini dan pada masa yang sama memastikan perkhidmatan yang cekap kepada pengguna.

Pada peringkat awal pelaksanaan DuitNow QR, PayNet dan industri memberikan pengecualian sementara terhadap fi transaksi DuitNow QR[7] kepada penyedia perkhidmatan DuitNow QR sebagai sebahagian daripada usaha untuk membiasakan orang ramai dengan pembayaran DuitNow QR serta menggalakkan penggunaannya. Hal ini seterusnya membolehkan kebanyakan peniaga mengambil manfaat daripada caj MDR sifar. Pengecualian ini, yang sepatutnya ditamatkan pada tahun 2022, telah dilanjutkan setahun lagi untuk memberikan sokongan kepada peniaga semasa tempoh pemulihan selepas pandemik.

Model penentuan harga akan dikaji secara berkala bagi memastikan kemampanan jangka panjang ekosistem DuitNow QR

Gambar Rajah 4: Pengaturan Perkongsian Kos dalam Ekosistem DuitNow QR



Sumber: Bank Negara Malaysia

[7] Merujuk fi pertukaran (*interchange fee*) dan fi perkhidmatan skim (*switching fee*) yang perlu dibayar oleh penyedia perkhidmatan pembayaran kepada pengeluar dan PayNet, masing-masing dalam ekosistem DuitNow QR.

Dengan kegiatan ekonomi kembali normal, pihak industri dengan rundingan bersama BNM telah memperkenalkan model yang lebih mampan untuk menampung semula kos berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan pembayaran DuitNow QR. Model ini akan memastikan ekosistem pembayaran kekal selamat dan boleh dipercayai untuk pengguna menerusi pelaburan berterusan yang diperlukan untuk menyelenggara infrastruktur pembayaran. Hal ini termasuk pelaburan dalam langkah-langkah untuk menangani ancaman kepada keselamatan siber dan penipuan yang terus berkembang. Model komersial jangka panjang untuk DuitNow QR mengimbangi keperluan ini dengan mengekalkan akses kepada perkhidmatan DuitNow QR pada kos yang serendah mungkin untuk peniaga lebih kecil.

Model yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 4 menerapkan pendekatan berperingkat untuk fi transaksi DuitNow QR. Mengikut pengaturan ini, peniaga lebih besar yang lazimnya memiliki keupayaan kewangan lebih tinggi akan menanggung sebahagian kos dalam bentuk MDR untuk mengakses perkhidmatan DuitNow QR. Peniaga sedemikian mempunyai kemampuan untuk menyerap kos berkaitan dan berunding untuk mendapatkan terma penentuan harga lebih baik dengan penyedia pembayaran. Peniaga lebih kecil dapat menikmati MDR pilihan yang akan dikekalkan pada paras yang rendah, sekali gus memastikan bahawa semua peniaga, besar dan kecil, akan terus mempunyai akses kepada DuitNow QR pada harga yang berpatutan. Yang penting, pembayaran DuitNow QR akan terus menjadi pilihan pembayaran kos yang lebih rendah berbanding dengan e-pembayaran lain. Pengguna akan terus membayar harga yang sama untuk barangan dan perkhidmatan tidak kira sama ada membuat pembayaran secara tunai atau DuitNow QR.

Pengaturan ini konsisten dengan matlamat BNM untuk menyokong penerimaan e-pembayaran secara meluas di Malaysia menerusi ekosistem pembayaran yang kukuh, selamat dan inklusif serta mampan bagi tempoh jangka panjang.

Pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, murah dan mudah

Pada tahun 2023, BNM mempergiat usaha untuk mewujudkan pembayaran rentas sempadan yang lebih pantas, murah dan mudah. Inisiatif ini sejajar dengan sasaran global yang ditetapkan di bawah Group of 20 (G20) Roadmap for Enhancing Cross-border Payments.[4] Kemajuan ketara telah dicapai untuk menghubungkan sistem pembayaran segera (instant payment system, IPS) Malaysia dengan IPS lain di rantau ini (Gambar Rajah 3).

Rangkaian pembayaran rentas sempadan masa nyata dengan Singapura, meliputi pembayaran QR dan pemindahan dana individu ke individu (person-to-person, P2P), telah masing-masing dilancarkan pada Mac 2023 dan November 2023. Rangkaian ini melengkapkan jalinan pembayaran QR yang sedia ada dengan Thailand dan Indonesia, yang masing-masing dilancarkan lebih awal pada tahun 2021 dan awal tahun 2022. Ketiga-tiga jalinan itu membolehkan pelanggan bank dan juga bukan bank peserta yang melancong ke negara-negara ini untuk

Gambar Rajah 3: Jalinan Pembayaran Dua Hala dengan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia



Pelancaran jalinan pemindahan dana P2P masa nyata rentas sempadan antara Malaysia dengan Singapura di Festival Fintech Singapura 2023

[4] Pelan Hala Tuju G20 adalah sebahagian daripada inisiatif Lembaga Kestabilan Kewangan (Financial Stability Board, FSB) untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan tindakan lanjut untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan dan menghapuskan halangan yang tidak perlu.



Festival QR4Food yang dihoskan oleh BNM semasa Simposium Sasana 2023

membuat bayaran kepada peniaga yang menerima pembayaran kod QR. Sementara itu, pelancong dari negara-negara ini yang datang ke Malaysia boleh mendapat akses untuk membuat bayaran di hampir dua juta tempat penerimaan DuitNow QR yang berdaftar di Malaysia. Pada tahun 2023, kira-kira 674,000 transaksi bernilai RM59 juta dilakukan melalui jalinan ini. Pengguna juga memperoleh manfaat daripada kadar pertukaran yang kompetitif serta cara penggunaan yang serupa dan senang, kerana kaedah pembayaran ini mencerminkan penggunaan pembayaran domestik.

Satu lagi inisiatif utama untuk meningkatkan kecekapan pembayaran rentas sempadan melibatkan pembangunan model rangkaian pembayaran pelbagai hala boleh skala[5] di bawah Project Nexus. Pada tahun 2023, BNM bekerjasama dengan Bank for International Settlements Innovation Hub (BISIH) Singapore Centre dan bank pusat dari Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand, untuk memulakan fasa peralihan Projek Nexus (Fasa 3). Fasa 3 ini akan memberikan hala tuju pelaksanaan yang jelas dan lebih terperinci untuk membantu membawa Nexus ke fasa operasi. Pelan hala tuju ini akan merangkumi susunan tadbir urus, model perniagaan, spesifikasi teknikal gerbang Nexus dan pengaturan pengawasan bersama yang sesuai untuk memastikan jalinan pelbagai hala ini kekal selamat dan berdaya tahan. Fasa Projek Nexus seterusnya (Fasa 4) adalah untuk melaksanakan pengaturan ini, dan dijangka bermula pada tahun 2024.

Memperteguh Infrastruktur Pembayaran Utama untuk Masa Hadapan

BNM sedang melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memodenkan infrastruktur pembayaran Malaysia supaya seiring dengan perkembangan baharu (Gambar Rajah 4).

[5] Untuk butiran lanjut, rujuk rencana 'Jalinan Pembayaran Rentas Sempadan – Projek Nexus dan Usaha ke Arah Pendekatan Pelbagai Hala'.

Gambar Rajah 4: Inisiatif Utama untuk Memperbaharui Infrastruktur Pembayaran di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Kemajuan pada Peralihan ISO 20022



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penggunaan standard pemesejan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa, ISO 20022, dalam kalangan peserta sektor kewangan akan meraih banyak manfaat. Bagi ekosistem pembayaran, standard ini akan meningkatkan kecekapan infrastruktur pembayaran. Bagi peserta pasaran, standard ini akan memperkukuh lagi keupayaan pengurusan risiko mereka. Bagi pengguna pula, standard ini akan membolehkan pelanggan mendapat manfaat daripada perkhidmatan nilai tambah seperti butiran transaksi yang lebih telus dan alat pengurusan wang tunai yang canggih yang kini boleh ditawarkan oleh peserta industri dengan pelaksanaan ISO 20022. Sehingga kini, industri kewangan mencatatkan kemajuan yang memuaskan dalam peralihan sepenuhnya kepada standard pemesejan ISO 20022 baharu[6] untuk pembayaran dalam negeri dan rentas sempadan (Gambar Rajah 5).

Pada tahun 2023, BNM meneruskan pelan untuk memodenkan RENTAS. Bagi tujuan ini, beberapa bidang tumpuan utama telah dikenal pasti untuk mendapatkan maklum balas industri melalui kertas perbincangan yang dikeluarkan oleh BNM. Bidang utama yang akan dikaji oleh BNM termasuk menyokong operasi hampir 24/7, akses peserta yang lebih luas kepada RENTAS, penambahbaikan keupayaan perkongsian dan analisis data serta mekanisme pengurusan mudah tunai yang lebih berkesan dalam RENTAS.

Membentuk masa hadapan infrastruktur pembayaran

BNM juga terlibat secara aktif dalam Projek Mandala. Projek ini meneroka penggunaan teknologi dalam memudahkan pematuhan terhadap keperluan dasar dan pengawalseliaan seperti keperluan pertukaran asing. Hal ini dilakukan dengan mengautomasikan prosedur pematuhan, menyediakan pemantauan transaksi secara masa nyata dan meningkatkan ketelusan berhubung dengan dasar khusus sesebuah negara. Projek ini diterajui oleh BISIH Singapore Centre bersama-sama dengan BNM dan rakan bank pusat dan institusi kewangan dari Australia, Korea Selatan dan Singapura.

Kes penggunaan pertama Projek Mandala mengkaji potensi untuk memudahkan proses pematuhan pemberian pinjaman rentas sempadan daripada entiti di Singapura kepada entiti di Malaysia dengan mengekodkan dasar pematuhan dan keperluan pengawalseliaan ke dalam satu protokol bersama. Pasukan projek telah membangunkan penyelesaian yang membolehkan pemeriksaan sekatan dan semakan pematuhan terhadap langkah pengurusan aliran modal dilakukan secara serentak sebelum pembayaran pinjaman.

Memudahkan inovasi yang bertanggungjawab sambil menguruskan risiko baru muncul

Aset digital telah menjadi semakin popular sebagai satu kelas aset. Untuk tujuan ini, Hab Penyelidikan Mata Wang Digital BNM memantau dengan teliti perkembangan ruang ini dan memberi tumpuan kepada dua bidang utama pada tahun 2023. Pertama, memantau perkembangan bagi menilai kesan kepada mandat kestabilan kewangan dan monetari BNM serta memperkukuh keupayaan pengawasan utama. Kedua, menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab melalui libat urus dengan pihak-pihak yang berkaitan dan penyertaan BNM dalam projek CBDC.

Penilaian Bank menunjukkan bahawa kesan aset digital kepada sistem kewangan kekal terhad. BNM juga telah mempertingkatkan keupayaan pengawasan untuk menyokong usaha ini, termasuk dengan bekerjasama rapat dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) untuk mengenal pasti dan menangani sebarang risiko kepada kestabilan kewangan yang mungkin timbul daripada perkembangan sekitar aktiviti pasaran aset digital. Hal ini termasuk usaha berterusan untuk mengukuhkan pengaturan perkongsian data antara kedua-dua institusi. Berikutan ciri aset digital yang merentas sempadan, BNM terus mengambil bahagian dalam usaha kerjasama dua hala dan antarabangsa bagi memahami dengan lebih baik dan memantau perkembangan global sekitar aktiviti aset digital.

Pada tahun 2023, BNM juga terus mengkaji potensi CBDC, terutamanya untuk menambah baik pembayaran rentas sempadan. Penerokaan ke atas CBDC borong domestik diteruskan pada tahun 2023 dan dijangka akan terus dipergiat pada tahun 2024. BNM juga mengkaji pelbagai potensi kes penggunaan bagi aset digital dan pentokenan aset (asset tokenisation). Selari dengan perkembangan aset digital, BNM juga komited untuk memastikan penglibatan sektor kewangan Malaysia dalam aktiviti aset digital diuruskan dengan bertanggungjawab, disokong oleh pemahaman yang jelas berkenaan bagaimana aktiviti tersebut dapat mengurangkan atau meningkatkan risiko kewangan dan

[6] ISO 20022 merupakan standard pemesejan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa untuk industri kewangan dengan kandungan data yang dipertingkat dan format pemesejan berstruktur. Untuk maklumat lanjut sila rujuk Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2020 dan video pengenalan di (https://www.iso20022.org/about-iso-20022).

operasi. Walaupun institusi kewangan telah menunjukkan keterbukaan untuk meneroka potensi aktiviti berkaitan aset digital dan teknologi lejar teragih (distributed ledger technology, DLT), tumpuan semasa mereka masih terhad kepada penyediaan perkhidmatan tradisional seperti khidmat pembayaran, akaun deposit dan akaun amanah kepada peserta aset digital.

Memelihara Daya Tahan dan Integriti Sistem Pembayaran

BNM kekal fokus dalam usaha untuk menggalakkan amalan pengurusan risiko yang mantap dan melindungi daya tahan infrastruktur sistem pembayaran yang sangat penting, seperti RENTAS dan sistem pembayaran runcit. Pada tahun 2023, RENTAS dan sistem pembayaran runcit utama kekal berdaya tahan. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk memastikan daya tahan infrastruktur pembayaran utama, usaha penyeliaan tertumpu pada beberapa bidang utama. Hal ini termasuk kawalan pengurusan risiko dan pengaturan tadbir urus RENTAS serta keberkesanan amalan pengurusan data oleh PayNet. Sehubungan dengan penilaian dan penyeliaan BNM, penambahbaikan telah dilaksanakan untuk mengukuhkan bidang-bidang tumpuan ini.

Selain itu, BNM turut melaksanakan beberapa inisiatif untuk memelihara integriti sistem pembayaran daripada disalahgunakan bagi tujuan haram. Ini termasuk sesi libat urus berterusan dengan penyedia perkhidmatan pembayaran bagi mengukuhkan amalan pengurusan risiko. BNM juga mengukuhkan keperluan bagi Kaedah Kenali Pelanggan Anda Menerusi Platform Digital (*electronic Know-Your-Customer*, e-KYC) dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan penyelesaian e-KYC. Bagi menyokong pemantauan risiko pengeluar e-wang bukan bank dan pemegang lesen MSB, BNM meningkatkan keupayaan penyeliaan dengan memperluaskan penggunaan penganalisisan data. Dengan memanfaatkan pembelajaran mesin dan kecerdasan buatan, BNM dapat mengenal pasti potensi kelemahan dan mengesan ketidakteraturan pada peringkat entiti dengan lebih baik.

BNM kekal komited sepenuhnya untuk membanteras penipuan dalam talian serta memastikan kawalan keselamatan institusi kewangan kekal teguh. Memandangkan semua pihak dalam ekosistem perlu memainkan peranan penting dalam memerangi jenayah penipuan, BNM telah melaksanakan pendekatan yang menyeluruh untuk menyokong usaha ini dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Pendekatan menyeluruh ini telah memberikan tumpuan pada aspek pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan serta kesedaran pengguna (Gambar Rajah 6).

Pada tahun 2023, BNM telah memulakan kajian semula dasar yang sedia ada bagi memperkukuh amalan industri kewangan dalam pengurusan kes-kes penipuan bagi memastikan layanan adil terhadap mangsa penipuan. Hal ini dapat dicapai dengan memastikan proses penyiasatan kes penipuan yang lebih telus, menyeluruh dan dapat diselesaikan dalam tempoh masa yang wajar. Industri juga memulakan usaha bagi mewujudkan protokol untuk melaporkan dan mengendalikan akaun keldai. Protokol ini menggariskan prosedur dan kriteria untuk institusi kewangan mengkategorikan dan berkongsi maklumat mengenai akaun keldai antara institusi kewangan.

Langkah Selanjutnya

Pada tahun 2024, BNM akan terus berusaha untuk memastikan perkhidmatan pembayaran dan MSB di Malaysia kekal selamat, cekap dan boleh dipercayai dalam menyokong keperluan ekonomi. Bagi mencapai matlamat ini, BNM akan terus mengenal pasti dan menangani risiko yang muncul, serta menyokong usaha-usaha bagi meningkatkan penggunaan e-pembayaran dengan lebih meluas. BNM juga akan bekerjasama rapat dengan pihak berkepentingan dari sektor awam dan swasta untuk memelihara keyakinan orang ramai dan menggalakkan inovasi yang bertanggungjawab.

BNM juga terus berdedikasi untuk memperteguh infrastruktur pembayaran domestik untuk masa hadapan selaras dengan aspirasi dalam Pelan Sektor Kewangan BNM. Hal ini bagi memastikan sistem pembayaran responsif kepada keperluan semasa sistem kewangan dan ekonomi secara lebih menyeluruh. Usaha ini termasuk mempergiat kajian mengenai CBDC dan pentokenan aset serta menggunakan teknologi baru muncul seperti DLT dalam sistem kewangan.

Gambar Rajah 6: Pendekatan Tiga Penjuru untuk Membanteras Penipuan Kewangan



[1] Lihat rencana 'Jom Berdigital dengan Yakin', Laporan Tahunan 2022 untuk maklumat lanjut berkenaan amalan keselamatan siber yang baik

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pengeluaran Mata Wang

Bank Negara Malaysia (BNM) adalah pengeluar tunggal wang kertas ringgit dan duit syiling, iaitu mata wang tunggal yang sah diperlakukan[1] di Malaysia.

Mandat BNM adalah untuk memastikan bekalan wang kertas ringgit dan duit syiling mencukupi bagi memenuhi permintaan orang ramai serta mengekalkan kualiti dan integriti mata wang dalam edaran (*currency in circulation*, CIC) pada setiap masa. Hal ini melibatkan pengurusan kitaran mata wang di Malaysia (Gambar Rajah 1), daripada proses sebelum pengeluaran kepada pengurusan akhir hayat wang kertas dan duit syiling. Pada tahun 2023, BNM menumpukan usaha untuk memastikan penggunaan mata wang dalam edaran yang lebih mampan, di samping memelihara kualiti serta integriti wang kertas ringgit dan duit syiling.

Mata wang dalam edaran

Walaupun terdapat kemajuan yang ketara dalam penggunaan pembayaran digital di Malaysia, wang tunai kekal sebagai medium pembayaran yang penting dalam ekonomi negara. CIC telah menurun secara sederhana sebanyak 0.2% kepada RM161.8 bilion pada tahun 2023 (2022: 8.0%; RM162.1 bilion) buat kali pertama sejak tahun 2001. Sementara itu, jumlah nilai wang tunai berada pada 8.9% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar pada tahun 2023 (2022: 9.1%).

Gambar Rajah 1: Gambaran Keseluruhan Pengurusan Kitaran Mata Wang oleh Bank Negara Malaysia



[1] Hanya mata wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM diiktiraf oleh undang-undang sebagai wang di Malaysia.

Rajah 1: Nilai dan Pertumbuhan Duit dalam Edaran (CIC Tahunan)



Source: Bank Negara Malaysia

Operasi mata wang

Sebagai pengeluar tunggal mata wang, BNM mempunyai kewajipan untuk memastikan bekalan wang kertas dan duit syiling yang mencukupi bagi memenuhi permintaan orang ramai pada setiap masa, termasuk semasa musim perayaan apabila permintaan terhadap wang tunai lebih tinggi. BNM memastikan bekalan yang mencukupi dengan menyimpan paras stok yang bersesuaian melalui penghantaran wang kertas baharu tepat pada masanya daripada pencetak wang kertas serta penjanaan wang kertas yang sesuai untuk edaran semula (*fit notes*) daripada pemprosesan mata wang. Wang kertas baharu dan yang sesuai untuk edaran semula kemudiannya dibekalkan kepada orang ramai dan peruncit melalui institusi kewangan.

Keutamaan penting juga adalah untuk memelihara kualiti dan integriti wang kertas dan duit syiling dalam edaran. Pada bulan September 2023, BNM mengeluarkan dokumen dasar mengenai Kualiti dan Integriti Mata Wang (*Quality and Integrity of Currency*) untuk meningkatkan piawaian yang perlu dipatuhi oleh institusi kewangan, perniagaan perkhidmatan wang dan pemproses mata wang berdaftar[2] semasa memproses dan mengendalikan wang kertas dan duit syiling. Hal ini termasuk keperluan untuk memastikan mata wang dalam edaran sentiasa bersih dan sesuai untuk digunakan, serta prosedur yang perlu diikuti apabila mata wang disyaki palsu.

Keupayaan untuk mengesahkan wang kertas dan duit syiling dengan mudah merupakan faktor utama untuk mengurangkan pemalsuan mata wang dan memelihara keyakinan orang ramai. Pada tahun 2023, terdapat peningkatan kecil yang diperhatikan dalam indeks pemalsuan mata wang di Malaysia iaitu 1.6 bahagian bagi setiap juta keping (*parts per million*, ppm) (2022: 0.3 ppm), disumbangkan terutamanya oleh satu insiden yang melibatkan 3,868 keping mata wang kertas palsu. Meskipun meningkat, indeks pemalsuan mata wang di Malaysia kekal lebih rendah berbanding dengan indeks pemalsuan mata wang negara-negara lain yang ditanda aras.

Mata wang kertas palsu yang ditemui di Malaysia kebanyakannya membabitkan penghasilan semula mata wang tulen yang tidak berkualiti dan boleh dikenali dengan mudah menggunakan kaedah Rasa, Lihat, Sendeng dan Periksa (*Feel, Look, Tilt and Check*, FLTC) (Gambar Rajah 2). Di samping itu, pemalsu mata wang cenderung menyasarkan keadaan di kawasan yang bercahaya malap

Gambar Rajah 2: Kaedah FLTC ialah Cara yang Berkesan untuk Membantu Orang Ramai Menentukan Ketulenan Wang Kertas Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

[2] Pemproses mata wang berdaftar ialah entiti perniagaan yang berdaftar dengan BNM di bawah Akta Mata Wang 2020 untuk menjalankan perniagaan pemprosesan mata wang.

[3] Insiden ini melibatkan penipuan pemalsuan mata wang, yang membabitkan mangsa berurus niaga dengan penipu individu yang menawarkan kadar pertukaran menarik melalui media sosial. Mangsa akhirnya memberikan wang kertas asing yang tulen kepada penipu dan menerima wang kertas Malaysia yang palsu.



Kakitangan BNM menilai wang kertas rosak yang diterima daripada orang awam melalui institusi kewangan

Interaksi mengenai kesedaran mata wang dengan peniaga dan pengguna tempatan



Pasar Umum Sandakan, Sabah



Pasar Pagi Kamunting, Perak



Pasar Sibu Jaya, Sibu, Sarawak

dengan transaksi runcit yang kerap dan cepat, seperti pasar malam. Bagi membina kesedaran yang lebih baik, BNM telah melaksanakan sejumlah 53 program pendidikan mata wang di seluruh negara pada tahun 2023 melibatkan peniaga kecil, peruncit dan institusi kewangan. Penggunaan media sosial juga memainkan peranan penting bagi BNM untuk menyebarkan kesedaran secara berkesan, termasuk menggalakkan orang ramai dan pemilik perniagaan untuk berhijrah ke saluran e-pembayaran seperti DuitNow QR.

Kelestarian ekosistem mata wang

Selaras dengan komitmen Malaysia untuk mencapai pelepasan karbon sifar bersih seawal tahun 2050, BNM secara proaktif mengambil langkah untuk meminimumkan pelepasan karbon yang berpunca daripada operasi pengurusan mata wang. BNM telah melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berikut untuk menggalakkan kelestarian dalam ekosistem mata wang dan memastikan penggunaan sumber secara optimum:

- Pelupusan secara lestari sisa mata wang melalui kaedah sisa kepada tenaga (*waste-to-energy*). Kaedah ini menukarkan sisa wang kertas yang dirincih kepada bahan pembakaran yang kemudiannya digunakan untuk penjanaan tenaga elektrik.
- Memulakan kitar semula sisa wang kertas polimer dengan menukarkannya kepada pelet. Pelet ini boleh digunakan untuk mencipta produk plastik, seterusnya dapat memberikan kehidupan baharu kepada bahan tersebut.
- Mengutamakan pengedaran wang kertas yang sesuai untuk edaran semula bagi memenuhi permintaan orang ramai termasuk semasa musim perayaan.[4] Langkah ini adalah untuk mengurangkan lonjakan sementara dalam permintaan wang kertas baharu pada musim perayaan bagi mengelak daripada menambah jejak karbon BNM.

Aktiviti numismatik

BNM mengeluarkan duit syiling peringatan sempena acara-acara utama pada peringkat antarabangsa, kebangsaan dan negeri, serta pencapaian-pencapaian penting, berpandukan kriteria pengeluaran yang ditetapkan. Pada tahun 2023, BNM mengeluarkan duit syiling peringatan sempena Ulang Tahun ke-75 Jabatan Pendaftaran Negara (JPN75) pada 25 Oktober 2023, disusuli dengan Ulang Tahun ke-50 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP50) and Ulang Tahun ke-150 Jabatan Kerja Raya (JKR150) masing-masing pada 11 November dan 5 Disember 2023.

Gambar Rajah 3: Penukaran Lestari Sisa Wang Kertas Menjadi Bahan Pembakaran untuk Menjana Elektrik



Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] BNM telah mengurangkan kira-kira 12,300 tan pelepasan setara CO_2 pada tahun 2023 melalui langkah mengutamakan pengedaran semula wang kertas yang sesuai.



Reka bentuk bahagian hadapan (kiri) dan belakang (kanan) duit syiling peringatan JPN75. Duit syiling peringatan ini ditempa pada logam Emas Nordic dan perak dengan ilustrasi pendigitalan perkhidmatan JPN



Reka bentuk duit syiling peringatan LPP50 memaparkan contoh sumbangan LPP ke arah pemodenan sektor pertanian Malaysia



Duit syiling perak JKR150 merupakan duit syiling peringatan berbentuk heksagon yang pertama dikeluarkan oleh BNM

BNM memberikan peluang yang adil kepada orang ramai untuk mengumpul duit syiling peringatan melalui prosedur pengundian. BNM juga mengadakan lelongan wang kertas dengan nombor siri unik yang terbuka kepada semua orang awam. Lelongan terkini iaitu Lelongan Wang Kertas Nombor Siri Khas ke-16 telah menarik minat seramai 283 pembida dan mengumpul sejumlah RM2.3 juta.[5]

Pusat Syiling Malaysia

Pusat penempaan duit syiling BNM yang baharu telah dilancarkan pada 19 Oktober 2023. Pusat yang sebelum ini dikenali sebagai Kilang Wang BNM telah dinamakan semula secara rasmi sebagai Pusat Syiling Malaysia (*Malaysia Mint,* MyMint). Penamaan semula ini mencerminkan kedudukan fasiliti ini sebagai satu-satunya kilang penempaan duit syiling negara yang mula beroperasi pada tahun 1971.

MyMint ialah fasiliti operasi duit syiling pintar yang menggunakan elemen Industri 4.0[6] yang terkini untuk mengautomasikan proses. Penempaan duit syiling melibatkan proses berkemahiran tinggi, daripada reka bentuk duit syiling dan menguji kebolehtempaan logam duit syiling, kepada penghasilan acuan, *sculpey* (sejenis tanah liat polimer) dan perkakasan dalaman. Fasiliti baharu ini membolehkan BNM menjadi lebih tangkas dalam menyelaraskan proses penempaan duit syilingnya mengikut perkembangan teknologi dan permintaan. Operasi yang sebelum ini memerlukan



Set wang kertas yang mengandungi nombor siri CS1111111-CS9999999 (tidak termasuk CS5555555 dan CS8888888) memperoleh bidaan tertinggi sebanyak RM47,000

[5] Semua pendapatan yang dijana daripada lelongan ini akan disalurkan kepada inisiatif tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility*, CSR) mata wang BNM dan penambahbaikan ekosistem industri wang tunai. Sebagai contoh, BNM mengeluarkan dan mengedarkan peranti pengukur mata wang untuk membantu orang kurang upaya penglihatan untuk mengenal pasti setiap denominasi mata wang.

[6] Industri 4.0 ialah penyepaduan teknologi digital ke dalam proses pengilangan untuk meningkatkan produktiviti.



Gabenor Rasheed merasmikan pelancaran MyMint (kiri); Pengurusan kanan dan lembaga pengarah BNM di dalam kawasan pengeluaran MyMint (kanan)

Gambar Rajah 4: Hasil Utama Projek Pemodenan Mint



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 5: Fasiliti Operasi Duit Syiling Pintar MyMint



Sumber: Bank Negara Malaysia



Perkakasan (kiri) dan acuan (kanan) yang disediakan oleh MyMint untuk pengeluaran duit syiling



Pereka duit syiling MyMint bersedia untuk memindahkan reka bentuk duit syiling kepada acuan duit syiling menggunakan sculpey



BNM Industrial Grade Conveyancing Unit, dikenali sebagai BICU, boleh mengangkut dan mencondongkan dram duit syiling kosong seberat mencecah 2.3 tan



ASRS MyMint mempunyai kapasiti sebanyak 5,205 lokasi palet, disambungkan kepada sistem pengendalian bahan iaitu pengangkut dan Kenderaan Berpandu Automatik

pekerja secara manual kini dikendalikan oleh mesin automatik (Automated Storage and Retrieval Systems (ASRS), Kenderaan Berpandu Automatik (AGV) dan Jentera Robotik) yang disepadukan dengan infrastruktur keselamatan siber. Hal ini membolehkan BNM menguruskan, memantau dan menjalankan pengeluaran, penyimpanan dan pengedaran duit syiling dengan ketepatan dan kecekapan yang tinggi.

Bangunan MyMint juga mempunyai elemen reka bentuk lestari. Reka bentuk ini termasuk ciri-ciri seperti penuaian air hujan, peralatan dan sistem bangunan yang cekap tenaga, dan muka bangunan dengan kaca pelepasan solar rendah untuk mengurangkan jejak karbon dan sisa alam sekitar oleh BNM. Bagi terus menyokong amalan yang lebih lestari, orang ramai juga boleh memainkan peranan dengan mendepositkan duit syiling kepada institusi kewangan di kaunter atau melalui mesin deposit duit syiling. Langkah ini akan meningkatkan pengedaran semula duit syiling dan mengurangkan kuantiti duit syiling baharu yang dikeluarkan oleh BNM ke dalam edaran.

Bermulanya operasi MyMint pada tahun 2023 menandakan satu lagi pencapaian dalam usaha BNM untuk memodenkan operasi mata wang di Malaysia, selepas kejayaan pengoperasian Pusat Mata Wang Automatik pada tahun 2016.

Langkah Selanjutnya

BNM akan terus memastikan kualiti, integriti dan ketersediaan wang kertas dan duit syiling memandangkan fungsinya masih kekal sebagai medium pertukaran yang relevan di Malaysia. Sebarang potensi penambahbaikan bagi memenuhi keperluan kualiti dan integriti wang kertas dan duit syiling akan mempertimbangkan dengan teliti kos yang berkaitan dan perkembangan teknologi berkaitan. Pada tahun 2024, BNM akan menumpukan usaha mengukuhkan kerjasama dengan pemain industri untuk menambah baik rantaian nilai keseluruhan ekosistem mata wang. Hal ini termasuk mengoptimumkan operasi mata wang BNM di seluruh negara dan menggalakkan pengedaran semula wang tunai dalam kalangan institusi kewangan, selaras dengan langkah ke arah amalan yang lebih lestari.

Mengekalkan Integriti Kewangan

Bank Negara Malaysia terus memperkukuh kerjasama dan meningkatkan penyelarasan AML/CFT untuk mencegah, mengesan, menghalang dan menumpaskan jenayah kewangan dengan lebih baik.

Peranan Bank Negara Malaysia

Sebagai pihak berkuasa berwibawa, Bank Negara Malaysia (BNM) mentadbir Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (Anti-Money Laundering, Anti-Terrorism Financing and Proceeds of Unlawful Activities Act 2001, AMLA 2001). Hal ini termasuk peranan BNM sebagai unit perisikan kewangan (financial intelligence unit, FIU) negara dan pihak berkuasa penyeliaan bagi institusi pelapor[1] berkaitan dengan pencegahan pengubahan wang haram dan pencegahan pembiayaan keganasan (anti-money laundering and countering financing of terrorism, AML/CFT). BNM bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan untuk memastikan pengukuhan rangka kerja AML/CFT yang menyeluruh dan mantap. Sehubungan dengan itu, BNM memanfaatkan Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram (National Coordination Committee to Combat Money Laundering, NCC), sebuah platform antara agensi kebangsaan[2] yang bertanggungjawab terhadap penyelarasan, pelaksanaan dan pemantauan inisiatif AML/CFT Malaysia.

Pelan Hala Tuju NCC 2021–23 (NCC Roadmap) telah dibangunkan untuk memastikan pelaksanaan langkah bersasar bagi memelihara integriti rejim AML/CFT negara, serta memastikan pematuhan terhadap piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Task Force, FATF). Memandangkan pelaksanaan kebanyakan pelan tindakan hampir selesai, NCC sedang membangunkan satu set pelan strategik baharu. Pelan ini dijangka memacu langkah selanjutnya untuk mengukuhkan lagi inisiatif AML/CFT dan meningkatkan rejim pencegahan pembiayaan percambahan senjata pemusnah (countering proliferation financing, CPF) di Malaysia. Pelan Hala Tuju baharu ini dijangka dilaksanakan pada separuh kedua tahun 2024.

Sebagai ahli FATF dan Asia/Pacific Group on Money Laundering (APG), Malaysia menjalani Penilaian Bersama (Mutual Evaluation, ME) secara berkala. ME untuk Malaysia sebelum ini telah dilaksanakan pada tahun 20153. ME ialah proses penilaian setara (peer review)4 oleh negara anggota yang meliputi bidang teras seperti rangka kerja perundangan dan institusi, langkah-langkah pencegahan dan tindakan penguatkuasaan yang diambil. Hasil laporan ME merupakan bahan rujukan penting bagi komuniti kewangan antarabangsa dalam penilaian usaha sebuah negara untuk meningkatkan rejim AML/CFT agar selaras dengan piawaian global, dan memastikan penggunaan piawaian yang konsisten di seluruh dunia untuk meningkatkan keberkesanan memerangi jenayah kewangan secara keseluruhan. ME Malaysia yang akan datang pada tahun 2024-2025 akan memberikan tumpuan pada penilaian pematuhan dan keberkesanan dalam mematuhi Piawaian FATF[5] yang dikemas kini, termasuk

[1] Institusi pelapor ditakrifkan dalam Jadual Pertama AMLA 2001. Institusi ini termasuk institusi kewangan, Institusi Kewangan Bukan Bank (Non-Bank Financial Institutions, NBFI) dan Perniagaan dan Profesion Bukan Kewangan yang Ditentukan (Designated Non-Financial Businesses and Professions, DNFBP).

[2] Ahli-ahli NCC termasuk Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional, Jabatan Pendaftar Pertubuhan Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan BNM.

[3] Penerbitan laporan ME 2015 Malaysia boleh dicapai menerusi https://www.fatf-gafi.org/en/publications/Mutualevaluations/Mer-malaysia-2015.html

[4] FATF dan APG melaksanakan ME untuk menilai pematuhan negara anggota terhadap piawaian antarabangsa untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan (*money laundering and terrorism financing,* ML/TF). Penilaian ini melibatkan penilaian setara, iaitu dengan cara negara anggota menilai semula rangka kerja AML/CFT satu sama lain.

[5] Piawaian FATF ialah piawaian global yang disahkan pada peringkat antarabangsa untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan pengganas.

langkah-langkah yang diambil untuk menangani jurang yang dikenal pasti dalam laporan ME Malaysia tahun 2015.

Oleh kerana proses ME memerlukan pendekatan yang melibatkan seluruh negara (*whole-of-nation approach*), sebuah Pasukan Petugas ME telah ditubuhkan pada bulan Februari 2023 yang terdiri daripada wakil ahli-ahli NCC bagi memastikan penyelarasan dan kesediaan pihak berkepentingan[6] untuk menjalani proses ini. Pasukan Petugas memusatkan sebahagian besar tumpuannya sepanjang tahun 2023 untuk menilai jurang dan merumuskan pelan tindakan bagi memastikan pematuhan Malaysia terhadap Piawaian FATF. Pasukan Petugas juga membantu memudahkan pengenalpastian sumber kepakaran yang bersesuaian dalam kalangan ahli NCC untuk melaksanakan pembaharuan dan penambahbaikan yang wajar kepada langkah pengawalan dan penyeliaan.

Memperkukuh Hubungan Antarabangsa

Berikutan sifat jenayah kewangan yang berkembang dan merentas sempadan, BNM terus mengukuhkan kerjasama dengan pihak berkuasa luar negara

Inisiatif pembinaan keupayaan AML/CFT diterajui BNM





Program bantuan teknikal yang dianjurkan untuk Financial Information Unit Qatar pada bulan Mei dan Ogos 2023





FATF Standards Training Course untuk ahli APG pada bulan November 2023

[6] Termasuk institusi kewangan dan DNFBP.

untuk memastikan penyelarasan rentas sempadan yang lebih baik. Pada bulan Februari 2023, BNM memeterai MOU yang diperbaharui dengan Australian Transaction Reports and Analysis Centre (AUSTRAC). Berdasarkan MOU yang ditandatangani pada tahun 2003, penambahbaikan yang dikemukakan termasuk peluasan liputan untuk membolehkan kerjasama yang lebih erat berkaitan dengan cabaran keselamatan yang dihadapi rantau ini di bawah rangka kerja Comprehensive Strategic Partnership (CSP) antara Malaysia dengan Australia. BNM juga bekerjasama dengan Financial Follow-Up Unit, Palestin untuk memuktamadkan MOU bagi memudahkan pertukaran risikan kewangan. MOU ini ditandatangani dalam satu acara berasingan semasa mesyuarat Pleno Egmont[7] pada bulan Januari 2024.

BNM juga terus mewakili Malaysia sebagai pengerusi bersama Financial Intelligence Consultative Group (FICG).[8] Dengan kerjasama FICG, BNM berjaya menganjurkan Hackathon AML/CFT maya dari bulan Jun hingga Julai 2023. Program *hackathon* ini menyediakan ruang untuk mempamerkan idea-idea inovatif bagi memerangi jenayah kewangan serta pemikiran reka bentuk (*design thinking*) untuk menggalakkan kerjasama antara sektor swasta dengan sektor awam. BNM juga terus menjalinkan kerjasama dengan ahli FICG lain seperti Singapura, Indonesia, Filipina dan Australia untuk memerangi jenayah kewangan transnasional di bawah Multi-Jurisdictional Anti-Fraud Project dan Regional Information Sharing Platform.[9]

Usaha Kerjasama Serantau Pendigitalan AML/CFT: Rumusan Hackathon AML/CFT 2023

Dengan tema 'Mengatasi Jenayah Kewangan melalui Penyelesaian Inovatif', matlamat Hackathon AML/CFT maya adalah untuk menggalakkan pendekatan yang inovatif bagi memerangi jenayah kewangan dengan penggunaan teknologi digital terkini.

Lebih 660 individu dari lebih 20 negara rantau Asia dan Pasifik telah menyertai acara ini. Penyertaan terdiri daripada pelbagai segmen masyarakat, termasuk badan pengawalseliaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang (law enforcement agencies, LEA), institusi kewangan, komuniti fintech dan institusi pendidikan.

Tiga prototaip dipilih sebagai pemenang daripada 43 penyertaan yang disenarai pendek. Ketiga-tiga prototaip mempamerkan potensi keupayaan terkini untuk menjana dan mengatasi jenayah kewangan yang kompleks dengan memanfaatkan teknologi digital. Butiran lanjut mengenai tiga prototaip pemenang boleh dilihat dalam Gambar Rajah 1. Seiring dengan penguasaan digital yang semakin pesat oleh masyarakat, BNM akan terus mempromosikan penggunaan teknologi untuk memajukan usaha pencegahan dan penguatkuasaan AML/CFT.

[7] FIU Egmont Group menyediakan platform bagi pertukaran kepakaran dan risikan kewangan yang selamat untuk memerangi ML/TF, sambil memupuk komunikasi yang lebih baik dalam kalangan FIU.

[8] FICG ialah sebuah badan serantau bersama yang terdiri daripada ketua dan wakil kanan Unit Perisikan Kewangan (FIU) dari ASEAN, New Zealand dan Australia.

[9] Maklumat lanjut mengenai inisiatif AML/CFT antarabangsa dan serantau BNM boleh didapati dalam Bab 2.5 Libat Urus Antarabangsa.

Gambar Rajah 1: Prototaip Pemenang





	Verifier (Australia)	RMATES (Malaysia)	KoderX (Singapura/Malaysia)
Penerangan	Platform perkongsian maklumat antara institusi perbankan berkaitan risiko jenayah kewangan pelanggan serta bercirikan perlindungan privasi.	Alat pengesan corak dan anomali dalam jejak digital peranti mudah alih untuk pengenalpastian aktiviti mencurigakan secara langsung.	Mekanisme pertahanan terhadap serangan perisian hasad (*malware*) dan penipuan penyamaran, dengan penyulitan menyeluruh (*end-to-end encryption*) yang selamat.
Manfaat utama	Platform yang membolehkan pengguna memperoleh risikan yang mendalam.	Mencegah risiko kerugian kewangan bagi pengguna.	Mempertingkatkan komunikasi antara institusi perbankan dengan pelanggan.
Ciri Teknologi	Perkongsian data peribadi yang tidak sulit secara selamat dan terjamin.	Analisis anomali yang berasaskan kaedah pembelajaran mesin.	Aplikasi yang dilindungi oleh algoritma penyulitan yang selamat.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penyeliaan AML/CFT untuk Meningkatkan Budaya Pematuhan

BNM menggunakan pendekatan berasaskan risiko dalam menyelia pematuhan AML/CFT untuk kira-kira 30,000 institusi pelaporan meliputi pelbagai sektor. BNM menekankan tumpuan dan sumber penyeliaan berdasarkan penilaian kepentingan dan risiko terhadap sektor dan institusi.

Keberkesanan pematuhan AML/CFT adalah berteraskan penyeliaan yang kukuh dan jangkaan yang jelas yang ditetapkan terhadap institusi pelapor yang selaras dengan piawaian antarabangsa yang ditetapkan oleh FATF. Pada tahun 2023, BNM telah menyemak semula dokumen dasar AML/CFT dan Sekatan Kewangan Bersasar (Targeted Financial Sanctions, TFS) untuk institusi kewangan, serta dokumen dasar DNFBP dan NBFI selaras dengan Piawaian FATF yang telah dikemas kini. Untuk tujuan ini, tujuh libat urus telah dijalankan dengan institusi kewangan dan DNFBP untuk menyampaikan tentang pindaan penting yang dinyatakan dalam dokumen dasar itu. Dokumen dasar ini telah diterbitkan pada bulan Februari 2024.

BNM meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran dalam keseluruhan sektor swasta dan awam untuk mendukung budaya memelihara integriti, ketelusan dan akauntabiliti. Persidangan industri mengenai AML/CFT merupakan salah satu cara untuk BNM memajukan agenda ini. Satu contoh persidangan industri ialah kerjasama BNM dengan Asian Institute of Chartered Bankers (AICB) untuk menganjurkan International Conference on Financial Crime and Terrorism Financing (IFCTF). BNM juga menyediakan kepakaran teknikal untuk Persidangan Kebangsaan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Acara-acara ini memberikan ruang kepada peserta utama daripada sektor swasta dan awam untuk membincangkan trend terkini dalam jenayah kewangan dan hal ehwal pematuhan AML/CFT dengan banyak pakar dalam pelbagai bidang dan pengamal industri yang berpengalaman.

BNM terus menggunakan strategi pelbagai saluran untuk mengukuhkan kesedaran sektor DNFBP mengenai inisiatif AML/CFT terbaharu. Strategi ini termasuklah menerbitkan buletin secara berkala yang boleh diakses oleh institusi pelapor DNFBP melalui saluran platform elektronik (E-Platform) yang khusus. E-Platform yang dilancarkan pada tahun 2022, kini, telah dilanggan

sepenuhnya oleh sebahagian besar institusi pelapor dalam sektor DNFBP (kira-kira 28,000 pengguna berdaftar). Program jangkauan BNM juga disokong oleh inisiatif yang diterajui industri, seperti perkongsian tentang amalan terbaik untuk menyokong pematuhan industri terhadap penyeliaan dan pengawalan.

BNM menggunakan pelbagai pendekatan penyeliaan untuk melaksanakan penyeliaan berasaskan risiko dengan berkesan terhadap DNFBP dan NBFI. BNM memberikan tumpuan pada semakan penyeliaan di premis dan luar premis institusi pelapor kepada sektor berisiko lebih tinggi. Hasilnya, 161 libat urus penyeliaan telah dijalankan pada tahun 2023, iaitu peningkatan melebihi sekali ganda daripada tahun sebelumnya. Semakan yang dijalankan menilai keberkesanan lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam melaksanakan langkah-langkah risiko dalaman serta pematuhan yang mantap dan teguh untuk menangani risiko AML/CFT. BNM juga menilai tahap pematuhan keseluruhan institusi pelapor terhadap piawaian pengawalseliaan Bank. Penilaian bersasar yang khusus kepada sektor juga telah dijalankan, contohnya dari segi kualiti dan kecukupan penyerahan Laporan Transaksi Mencurigakan (Suspicious Transaction Report, STR). Hasil daripada semakan yang dibuat, tindakan penguatkuasaan telah diambil terhadap DNFBP melalui perintah arahan dan penalti monetari terhadap ketidakpatuhan.

BNM terus memajukan penggunaan penyelesaian teknologi penyeliaan (Suptech) dalam menyokong aktiviti penyeliaannya. Pada tahun 2023, penilaian automatik terhadap pelaksanaan sekatan kewangan bersasar oleh institusi pelapor telah berjaya dilaksanakan. Penyelesaian Suptech juga membolehkan penyelia mempunyai profil terkini institusi pelapor dalam sektor DNFBP.

Bagi meningkatkan pengawasan, BNM bekerjasama dengan pihak berkuasa pengawalan dan penyeliaan DNFBP yang lain untuk menggalakkan penjajaran dan penyelarasan inisiatif yang lebih baik. Pada tahun 2023, Bank telah memulakan penyeliaan bersama akauntan buat kali pertama dengan Institut Akauntan Malaysia (Malaysian Institute of Accountants, MIA) untuk menilai dan meningkatkan pematuhan AML/CFT dalam bidang perakaunan.

Perkongsian Risikan Kewangan dan Sokongan kepada Penguatkuasaan Undang-Undang

BNM kekal komited untuk berkongsi risikan kewangan secara berkesan melalui FIU untuk menyokong pengesanan dan pencegahan jenayah kewangan. Oleh itu, FIU bekerjasama rapat dengan LEA dalam negara, dan dimana berkaitan, FIU asing, untuk menyokong penyiasatan kewangan mengenai aktiviti ML/TF.

Pada tahun 2023, institusi pelapor telah mengemukakan 317,435 STR, dengan peningkatan sebanyak 31% daripada tahun sebelumnya. Aktiviti penipuan kekal sebagai kesalahan disyaki yang paling banyak dilaporkan dan menyumbangkan sebanyak 23% daripada jumlah STR yang dilaporkan. Selain itu, kesalahan lain yang turut dilaporkan terutamanya adalah berkaitan pengubahan wang haram, kesalahan cukai dan jenayah terancang. Bilangan STR yang diterima pada 2023 telah meningkat lebih dua kali sejak tahun 2020. Untuk memproses dan menganalisis jumlah besar STR yang diterima, BNM terus memanfaatkan teknologi, termasuk keupayaan analisis data. BNM telah menjalin kerjasama rapat dengan pihak berkuasa penyeliaan dan sentiasa berinteraksi dengan institusi pelapor untuk meningkatkan mekanisme dan kualiti pelaporan STR. Hal ini dicapai menerusi sesi libat urus dengan institusi pelapor tertentu atau dengan keseluruhan sektor, seperti Bengkel Pematuhan AML/CFT 2023 anjuran BNM untuk sektor insurans dan takaful. Sesi seumpama ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai piawaian pelaporan transaksi yang mencurigakan serta perkongsian risiko baharu dan modus operandi jenayah berisiko tinggi yang berleluasa.

FIU berkongsi secara aktif risikan kewangan dengan LEA dan lebih daripada 50 FIU asing pada tahun 2023 untuk menyokong penyiasatan merentasi sempadan. Kira-kira 71% daripada hasil risikan yang dikemukakan oleh FIU kepada LEA dan FIU asing pada tahun 2023 adalah berkaitan dengan jenayah berisiko tinggi[10] (Rajah 1).

Rajah 1: Penzahiran Risikan Kewangan Mengikut Kesalahan Berat pada Tahun 2023



Nota: "Lain-lain" termasuk jenayah berkaitan alam sekitar, pemerdagangan orang dan penyeludupan migran, aktiviti pengiriman wang haram dll.

Sumber: Bank Negara Malaysia

[10] Jenayah berisiko tinggi termasuklah penipuan, rasuah, jenayah terancang, penyeludupan dan pengedaran dadah, sebagaimana yang dikenal pasti di bawah Penilaian Risiko ML/TF Negara (National Risk Assessment, NRA) 2020, serta keganasan/pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan.

Perkongsian risikan kewangan dan libat urus erat yang berterusan antara FIU dengan LEA telah menyokong siasatan terhadap jenayah berat seperti pengedaran dadah, penyeludupan, rasuah, jenayah terancang dan penipuan. Siasatan ini menyumbang kepada penahanan lebih 100 individu, rampasan hasil jenayah dan pengambilan semula hasil bernilai lebih daripada RM290 juta. Risikan kewangan yang dikemukakan juga telah menyokong pemantauan dan penyiasatan kes yang berkaitan dengan hal keselamatan negara[11].

Pusat Respon Scam Kebangsaan (National Scam Response Centre, NSRC)[12] yang ditubuhkan pada tahun 2022 terus memastikan tindak balas pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian dan pendekatan yang lebih terselaras untuk membantu mendapatkan semula dana yang dicuri. Gambar Rajah 2 memberikan butiran lanjut tentang hasil utama NSRC.

Berlandaskan usaha NSRC, Portal Fraud Kebangsaan (National Fraud Portal, NFP) sedang dibangunkan untuk mengukuhkan lagi pertahanan Malaysia terhadap penipuan kewangan. NFP akan dilancarkan menjelang pertengahan tahun 2024 dan bertujuan untuk meningkatkan keupayaan NSRC untuk bertindak balas terhadap penipuan, yang melangkaui pendekatan penguatkuasaan tradisional. Payment Network Malaysia Sdn. Bhd. (PayNet) yang beroperasi sebagai pengendali infrastruktur pembayaran di Malaysia akan memainkan peranan utama dalam NFP.

NFP dijangka dilengkapkan dengan ciri-ciri untuk menyokong analisis sebelum dan selepas pengesanan penipuan. Kemudahan ini seterusnya akan mempercepat tempoh pengesanan dana yang dicuri dan memudahkan tindakan segera diambil terhadap penipu dan pencuri. NFP direka bentuk dengan keupayaan utama untuk:

- meningkatkan lagi automasi proses pengesanan untuk meningkatkan pemulihan dana yang dicuri dengan lebih baik. Pengautomasian proses ini bergantung pada capaian data dan maklumat yang boleh dipercayai dalam ekosistem pembayaran. Untuk menjayakan matlamat ini, NFP memudahkan penyelarasan data transaksi daripada pelbagai sumber. NFP juga memudahkan perkongsian maklumat yang lebih meluas antara institusi kewangan untuk membolehkan dana yang dicuri dalam akaun yang disyaki disekat dengan cepat, sementara siasatan lanjut dijalankan.

- menyokong penilaian dan pengenalpastian pemegang akaun keldai[13] berasaskan data. NFP akan menggalakkan penyeragaman yang lebih berstruktur terhadap pengelasan akaun keldai oleh institusi kewangan dan akan berfungsi sebagai pangkalan data menyeluruh berkaitan dengan akaun keldai. Dengan capaian yang lebih luas terhadap maklumat yang boleh dipercayai, ciri dalam NFP ini dijangka dapat menambah baik cara institusi kewangan mengenal pasti akaun keldai dan menjadi panduan untuk tindakan seterusnya. Tindakan ini mungkin melibatkan usaha mengehadkan dan menyekat penggunaan akaun, serta menjalankan pemantauan yang dipertingkatkan terhadap akaun keldai.

Gambar Rajah 2: Hasil Utama NSRC pada Tahun 2023

Hasil Utama NSRC pada Tahun 2023
Membuka 8,754 kertas siasatan melibatkan penipuan dan mengeluarkan perintah pembekuan ke atas akaun kutipan yang disasarkan yang melibatkan jumlah sehingga RM69 juta.
Mengenal pasti dan mengekang 59,684 akaun keldai yang disyaki untuk mencegah berbilang lapisan pindahan wang untuk menyembunyikan punca dana haram.
Menjawab 66,997 panggilan orang awam berkaitan penipuan dalam talian, dengan 25,991 panggilan yang membabitkan mangsa penipuan.

Sumber: Data daripada NSRC setakat bulan Disember 2023

[11] Keselamatan negara meliputi hal-hal seperti keganasan, pembiayaan keganasan dan pembiayaan percambahan.

[12] NSRC ialah usaha bersama antara Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional (National Anti-Financial Crime Centre, NFCC), Polis Diraja Malaysia (PDRM), BNM, dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) serta institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi.

[13] Pemegang akaun keldai ialah individu yang membenarkan akaun mereka digunakan oleh orang lain untuk mendepositkan dana hasil penipuan.

Gambar Rajah 3: Portal Fraud Kebangsaan (NFP)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pada masa hadapan, NFP mungkin disertakan dengan fungsi tambahan yang menyediakan penilaian ramalan untuk memudahkan tindakan awal memerangi penipuan. Hal ini mungkin melibatkan usaha untuk mengesan dan menghentikan transaksi yang disyaki sebagai penipuan untuk mengurangkan kerugian penipuan. Fungsi tambahan ini juga akan membolehkan kes penipuan dilaporkan kepada PDRM dengan lebih pantas dan tindakan undang-undang dapat diambil dengan lebih cepat.

Langkah Selanjutnya

BNM beriltizam untuk memelihara integriti sistem kewangan Malaysia. Pada tahun 2024, tumpuan akan diberikan pada usaha pelaksanaan strategi dan pelan tindakan yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju. Secara keseluruhan, pelaksanaan strategi dan pelan tindakan ini akan meningkatkan dan mengukuhkan rejim AML/CFT/CPF Malaysia serta usaha negara memerangi jenayah kewangan.

Pendekatan Penguatkuasaan BNM dan Penzahiran Tindakan Penguatkuasaan

Dalam melaksanakan mandatnya, BNM menggunakan kuasanya untuk mengambil tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan terhadap institusi kewangan dan pihak lain yang melanggar undang-undang yang ditadbir oleh BNM. Tindakan ini penting untuk menggalakkan kestabilan kewangan, melindungi pengguna dan memelihara integriti sistem kewangan. BNM menzahirkan tindakan penguatkuasaan yang diambil sebagai pencegahan terhadap sebarang salah laku dan tingkah laku yang tidak bertanggungjawab pada masa akan datang.

Peranan Jawatankuasa Penguatkuasaan di BNM

Jawatankuasa Penguatkuasaan (Enforcement Committee, EC) bertanggungjawab untuk mempertimbangkan dan memutuskan tindakan penguatkuasaan yang akan diambil terhadap institusi kewangan yang melanggar undang-undang dan keperluan pengawalseliaan yang berkenaan (Gambar Rajah 1). Menggunakan kuasa yang diwakilkan oleh Gabenor di bawah peruntukan undang-undang masing-masing, EC bertindak untuk memastikan bahawa cadangan tindakan penguatkuasaan adalah berasaskan keputusan yang objektif, adil dan konsisten. EC dianggotai oleh para Timbalan Gabenor BNM dan Penolong Gabenor BNM yang bertanggungjawab terhadap hal-hal pengawalan, penyeliaan dan penguatkuasaan.

Gambar Rajah 1: Undang-undang yang Ditadbir oleh Bank Negara Malaysia pada Masa Ini

Akta Bank Negara Malaysia 2009
Akta Perkhidmatan Kewangan 2013
Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013
Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002
Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang
Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001
Akta Mata Wang 2020

Sumber: Bank Negara Malaysia

Rangka kerja penguatkuasaan dan penalti BNM

Keputusan penguatkuasaan yang diambil oleh BNM berpandukan kepada Rangka Kerja Penguatkuasaan dan Penalti (Enforcement and Penalty, EP). Rangka Kerja EP menggariskan jenis tindakan penguatkuasaan[1] yang disediakan di bawah undang-undang yang ditadbir oleh BNM dan turut menyediakan panduan khusus mengenai penentuan tindakan penguatkuasaan yang sesuai, termasuk pengiraan penalti monetari. Pertimbangan utama yang diambil kira dalam keputusan ini adalah tahap keseriusan pelanggaran. Penentuan tahap keseriusan dibuat dengan menilai pelbagai faktor, termasuk sebarang kesan buruk ke atas pihak ketiga atau orang awam akibat pelanggaran itu, dan sama ada pelanggaran itu menandakan kegagalan tadbir urus dan kawalan yang lebih serius dalam institusi kewangan.

Sekiranya penalti monetari dipertimbangkan, undang-undang BNM yang berkaitan menetapkan penalti maksimum yang boleh dikenakan. Dalam kerangka ini, EC akan menentukan penalti yang sesuai dan seimbang selepas mengambil kira faktor-faktor yang memberatkan dan mengurangkan seperti tahap keseriusan pelanggaran, tahap ketelitian dan usaha wajar yang diambil untuk mengurangkan pelanggaran, serta keberkesanan tindakan yang diambil untuk mencegah salah laku pada masa hadapan. Selain itu, EC juga mempertimbangkan kesan pencegahan daripada tindakan penguatkuasaan bagi memantapkan lagi kekukuhan budaya pematuhan.

[1] Jenis tindakan penguatkuasaan termasuk penalti monetari pentadbiran (*administrative monetary penalty,* AMP), arahan untuk membetulkan pelanggaran, dan teguran awam atau persendirian.

Gambar Rajah 2: Gambaran Keseluruhan Proses Penguatkuasaan Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Penzahiran tindakan penguatkuasaan

Sejak tahun 2019, tindakan penguatkuasaan diterbitkan menerusi laman sesawang BNM. Notis yang diterbitkan itu menyatakan butiran mengenai pelanggaran, termasuk peruntukan undang-undang berkaitan yang dilanggar, penerangan mengenai jenis kesalahan dan tindakan penguatkuasaan yang diambil. Sekiranya pesalah laku merupakan pihak yang dikawal selia oleh BNM, maklumat juga diberikan mengenai sebarang tindakan yang diperlukan atau yang diambil untuk membetulkan pelanggaran peraturan tersebut. BNM juga menzahirkan maklumat agregat mengenai tindakan penyeliaan dan penguatkuasaan dalam laporan tahunan BNM.

BNM mengambil langkah untuk menzahirkan tindakan penguatkuasaannya sebagai kaedah untuk memastikan akauntabiliti bagi tindakan penguatkuasaan yang diambil serta menggalakkan keyakinan orang awam terhadap peranan BNM sebagai pengawal selia sistem kewangan. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, penzahiran tersebut juga berfungsi sebagai langkah penghalang yang berkesan terhadap pelanggaran dan salah laku pada masa hadapan di samping memberikan iktibar kepada penggiat lain dalam industri.

Pengurusan Bank Negara Malaysia

Warga Bank Negara Malaysia 106

Ke Arah Sistem Kewangan yang Lebih Lestari 113

Rencana: Menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhana dalam Peralihan Hijau *124*

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman 130

Menyantuni Rakyat Malaysia 137

Libat Urus Antarabangsa 146

Pengurusan Bank Negara Malaysia



Pengurusan Bank Negara Malaysia

Warga Bank Negara Malaysia

Bank Negara Malaysia (BNM) terus memupuk dan membangunkan kerjaya warga BNM bagi memastikan BNM melaksanakan mandatnya dengan tahap kecemerlangan dan profesionalisme yang tinggi.

Pengenalan

BNM sentiasa berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk mencapai prestasi tinggi. Bagi tujuan itu, BNM terus meneroka kaedah baharu dan membuat penyesuaian dengan norma yang berubah-ubah, sambil mendukung tradisi integriti, profesionalisme dan kecemerlangan BNM yang telah wujud sejak sekian lama. Pada tahun 2023, keutamaan pengurusan warga BNM disasarkan pada usaha untuk meningkatkan penglibatan dan produktiviti dalam dunia yang semakin berorientasikan digital dan menyelaraskan budaya tempat kerja untuk keberkesanan organisasi. BNM juga memberikan lebih penekanan terhadap inisiatif pembangunan kerjaya bagi menjamin barisan tenaga mahir yang mampan untuk masa hadapan. Sepanjang tahun 2023, penambahbaikan turut dilakukan bagi memperkukuh ketangkasan organisasi melalui penggunaan sumber BNM yang lebih optimum.

Meningkatkan Penglibatan dan Produktiviti Warga BNM dalam Era Digital

Pada tahun 2023, BNM telah memberikan tumpuan kepada usaha untuk meningkatkan penglibatan dan mewujudkan persekitaran kerja yang optimum kepada warga BNM sebagai strategi penting untuk pengambilan dan pengekalan tenaga kerja. BNM terus menggunakan pendekatan yang fleksibel untuk pengaturan kerja, namun penekanan yang lebih besar diberikan untuk menggalakkan lebih banyak interaksi secara bersemuka. Meskipun BNM mengakui bahawa interaksi bersemuka adalah penting bagi membina kepercayaan dan kemesraan dalam kalangan warga BNM, mereka juga diberi pilihan untuk bekerja dari rumah dua hari dalam seminggu. Melalui pendekatan sedemikian, BNM berusaha untuk merealisasikan manfaat daripada penggunaan teknologi, yang membolehkan kerjasama dan kecekapan yang lebih meluas dalam bidang kerja tertentu.

Dengan memanfaatkan platform rangkaian sosial dalaman, BNM berusaha untuk memupuk penglibatan dalam kalangan kakitangan dan memudahkan pembentukan komuniti untuk pelbagai topik yang mejangkaui hal berkaitan dengan kerja yang merangkumi gaya hidup dan usaha kebajikan. Di samping itu, BNM terus mendukung tradisi untuk meraikan perayaan-perayaan utama dengan semua kakitangan, mengadakan acara sukan dan pencarian harta karun sebagai aktiviti tahunan turut diperluaskan jemputan kepada pesara BNM





Sambutan perayaan bersama alumni BNM pada tahun 2023





BNM melaksanakan pelbagai aktiviti sepanjang program Feel Good-Tober pada tahun 2023

melalui persatuan Alumni yang ditubuhkan. Menyedari kepakaran alumni yang tidak ternilai, BNM secara aktif menggalakkan mereka kembali untuk berkongsi pandangan dan pengalaman dengan kakitangan semasa. Pada tahun 2023, BNM mengundang bekas penolong-penolong gabenor dan timbalan-timbalan pengarah untuk mengambil bahagian dalam siri Sembang Alumni BNM. Di samping itu, BNM terus berkongsi perkembangan penting dalam organisasi, pemerkasaan pesara untuk berkhidmat sebagai duta BNM, meningkatkan pendidikan awam dan usaha kesedaran.

Pada tahun 2023, BNM terus melabur dalam penggunaan teknologi yang memudahkan kerjasama masa nyata yang lebih lancar dan memacu penambahbaikan proses merentas pasukan di BNM. Selain pengembangan alat produktiviti yang tersedia untuk warga BNM, beberapa aliran kerja telah diwujudkan melalui Makmal Inovasi (Innovation Lab) BNM bagi meneroka kes-kes penggunaan berpotensi bagi kecerdasan buatan generatif yang boleh membantu mengoptimumkan aliran kerja dan meningkatkan produktiviti merentas fungsi yang berbeza di BNM.

Sepanjang tahun 2023, kesejahteraan warga BNM kekal sebagai tumpuan utama. BNM terus menyediakan akses kepada perkhidmatan kaunseling dan meluaskan caruman faedah perubatan kepada kakitangan serta usaha bagi mempertingkatkan kesedaran tentang kesihatan mental dan fizikal. Persatuan Kakitangan BNM kekal sebagai saluran penting untuk warga BNM menyuarakan isu berkaitan dengan kebajikan bagi meningkatkan kesejahteraan mereka. BNM juga memperkenalkan program latihan yang lebih berkesan mengenai pengurusan tekanan bagi membantu warga BNM menguruskan cabaran peribadi serta kerja.

Menyelaraskan Budaya Tempat Kerja untuk Keberkesanan Organisasi

Budaya organisasi terus menjadi fokus utama sepanjang tahun 2023. Hal ini berdasarkan satu set inisiatif bersepadu yang telah digerakkan sejak tahun 2021, yang bertujuan untuk memupuk dan mengukuhkan kejujuran, kerjasama dan akauntabiliti dalam kalangan warga BNM. Ciri-ciri ini adalah penting supaya BNM dapat melaksanakan mandatnya dengan lebih berkesan.

Pada tahun 2023, BNM membuat penambahbaikan dalam beberapa bidang utama. Setelah mewujudkan konsep dan nilai yang sama untuk budaya organisasi yang dihasratkan (Gambar Rajah 1), usaha sosialisasi di seluruh BNM telah dijalankan bersama dengan semua warga BNM. Hal ini termasuk merangkumkannya ke dalam

Gambar Rajah 1: Teras Budaya Kami



Sumber: Bank Negara Malaysia

program pengenalan suai tugas (on-boarding) kepada warga BNM baharu dan pemantauan rapi (pulse check) secara berkala dengan kakitangan, termasuk libat urus melangkaui tahap (skip-level engagement) yang diketuai oleh Pengurusan Kanan. Selain itu, Portal Budaya dalaman telah dilancarkan sebagai pusat maklumat sehenti untuk warga BNM mengikuti perkembangan inisiatif transformasi budaya yang sedang dilaksanakan. Portal ini juga menyediakan akses kepada alat penghargaan berfokuskan digital untuk menggalakkan warga BNM menunjukkan penghargaan secara aktif kepada orang lain yang telah menzahirkan teras budaya BNM dalam melaksanakan tanggungjawab mereka di tempat kerja.

Dalam melaksanakan mandat, BNM terus memastikan warga BNM memahami dan mematuhi penuh Kod Tatakelakuan (Code of Conduct, COC) BNM ketika menggalas tangungjawab mereka. Salah satu cara BNM melaksanakannya adalah dengan mewajibkan semua warga BNM memperbaharui kefahaman mereka setiap tahun tentang kod tatakelakuan melalui pendidikan dalam talian dan secara penilaian. Hal ini adalah bagi memastikan bahawa warga BNM mempunyai standard tertinggi dalam COC warga BNM.

Pembangunan Tenaga Mahir dan Kerjaya

Di BNM, usaha terus dilaksanakan untuk mengekalkan barisan tenaga mahir yang mampan dan campur tangan yang tepat pada masanya untuk jawatan yang sangat penting bertumpukan misi tertentu. Aspek utama dalam falsafah organisasi BNM ialah memupuk tenaga mahir melalui perancangan penggantian strategik. Platform tidak berpusat melalui Mini Talent Council (mTC) terus menjadi saluran yang berkesan untuk mengenal pasti pemimpin baharu pada peringkat sektor, yang boleh diketengahkan untuk kumpulan bakat berpotensi tinggi yang lebih meluas di seluruh BNM. Pendekatan secara tidak berpusat ini melengkapi rangka kerja sedia ada BNM untuk mengendalikan fungsi kritikal dan jawatan kanan di seluruh BNM, yang dibincangkan pada peringkat Jawatankuasa Pengurusan.

Nor Emilia Ilyana binti Che Kamarudin
Penganalisis Senior, Jabatan Antarabangsa



Apabila merenung kembali pendidikan awal dan nilai diri, saya telah menemukan keserasian dengan budaya inklusif di BNM sepanjang 13 tahun saya di sini. Menyaksikan komitmen BNM dalam menggalakkan persekitaran tempat kerja yang selamat, menyokong dan dipacu nilai adalah sangat memuaskan. Penekanan terhadap komunikasi terbuka dan inklusif telah memperkasa warga BNM, sekali gus memupuk persekitaran yang dinamik dan responsif. Secara peribadi, pengiktirafan terhadap sumbangan saya oleh pengurusan kanan telah memberikan semangat baharu, menunjukkan pendekatan berdasarkan kebolehan di BNM berbanding dengan hierarki tradisional. Peralihan ini telah menyebabkan peningkatan sikap keterbukaan, rendah hati dan bekerjasama yang memacu kecemerlangan di seluruh organisasi. BNM menerima kepelbagaian tenaga kerjanya dengan memastikan semua suara didengar dan dihargai, lantas mewujudkan budaya kepercayaan dan kerjasama yang saya membuatkan saya berasa bangga untuk menjadi sebahagian daripadanya.

Pelaburan bagi melahirkan pemimpin masa hadapan adalah sangat penting bagi kemampanan organisasi BNM. Pada tahun 2023, BNM telah memperkenalkan Future Leaders Empowerment Programme (FUEL) untuk memupuk bakat baharu di BNM. FUEL memberikan tumpuan yang kukuh untuk memupuk teras budaya BNM bagi kemahiran kepimpinan yang berkesan. Program ini bertujuan menyemai tabiat terhadap pembelajaran berterusan, kebolehsuaian dan pemikiran ke hadapan (forward thinking) dalam menangani situasi dan cabaran yang unik kepada bank-bank pusat. Akhirnya, program ini mengukuhkan lagi kecekapan kepimpinan penting, termasuk pengurusan pihak berkepentingan dan menggalakkan budaya tempat kerja yang kolaboratif.

Selain FUEL, bimbingan secara eksekutif memainkan peranan yang penting dalam memupuk pemimpin baharu. BNM menggunakan pendekatan khusus untuk bimbingan eksekutif yang menawarkan persekitaran yang menyokong pemimpin baharu yang berpotensi untuk meneroka kekuatan masing-masing, menangani bidang pembangunan dan memperhalusi gaya kepimpinan mereka. Sesi bimbingan dikendalikan oleh profesional berpengalaman yang memiliki pengalaman kepimpinan yang luas, lantas memberikan bimbingan



Raja Mohamad Shahadan Raja Mohamed
Pengurus, Jabatan Audit Dalam

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada BNM kerana menawarkan biasiswa kepada saya lebih sedekad yang lalu, sekali gus menandakan bermulanya perjalanan yang transformatif. Setelah memberikan sumbangan kepada pembinaan negara merentas pelbagai jabatan seperti pengurusan risiko, kewangan dan audit, setiap pengalaman amat bermakna. Selain itu, penglibatan dalam Future Leaders Empowerment Programme (FUEL) yang julung kali diadakan merupakan satu pencapaian penting. Melalui FUEL, saya telah memperoleh pemahaman yang amat bernilai dan menjalinkan hubungan yang bermakna dengan rakan sekerja, seterusnya memupuk rangkaian sokongan untuk usaha masa hadapan. Akhirnya, program ini telah melengkapkan saya dari segi meningkatkan kesedaran diri dan mengukuhkan kemahiran kepimpinan, lantas meletakkan saya pada kedudukan untuk memacu prestasi pasukan serta menyumbang kepada kejayaan BNM dan negara kita.

Gambar Rajah 2: Pembangunan Berterusan untuk Kakitangan, Melalui Pelbagai Saluran

Jumlah kakitangan yang menjalani kursus latihan pada 2023: 2463 staff

Pelaburan bagi pembelajaran dan pembangunan daripada gaji kasar
6.6%
Purata 3 tahun sebelum pandemik (2017-2019): 6.9%

Purata masa pembelajaran bagi setiap eksekutif:
2023: 56.3 jam
2022: 50 jam

Pembelajaran Bersemuka vs Maya



* Gabungan antara pembelajaran dengan bimbingan pengajar dan pembelajaran kendiri.
** Menerusi bengkel kelas dan seminar.
*** Mengabungkan kedua-dua kaedah pembelajaran sepanjang tempoh pelaksanaan program.

Sumber: Bank Negara Malaysia

dan panduan yang tidak ternilai kepada pemimpin masa depan BNM. Usaha ini diperluaskan lagi dengan sesi pementoran serta penglibatan yang melangkau tahap dengan lembaga pengarah dan pengurusan kanan BNM yang memberikan pandangan praktikal dalam menangani cabaran kepimpinan. Pendekatan pelbagai aspek ini menawarkan peluang yang unik kepada bakal pemimpin baharu BNM untuk pembelajaran berterusan merentas keseluruhan organisasi, dengan matlamat untuk mempercepat tahap kesediaan mereka untuk jawatan kepimpinan pada masa hadapan.

Tatkala BNM terus membuat pelaburan untuk warga BNM, keupayaan BNM untuk menarik dan mengekalkan kakitangan berkualiti tinggi adalah sangat penting. Bagi tujuan ini, BNM telah memuktamadkan semakan ganjaran komprehensif sepanjang tahun 2023 untuk memastikan struktur gaji dan manfaat kekal kompetitif berbanding dengan pesaing pasaran. Falsafah ganjaran BNM ialah berasaskan prestasi, serta memberikan penekanan terhadap pencapaian kepimpinan dan kecekapan teknikal yang dikehendaki.

Pada tahun 2023, BNM terus menggalakkan warga BNM untuk mengikuti pensijilan profesional merentas pelbagai disiplin. Setakat ini, seramai 634 warga BNM memegang keahlian daripada pelbagai badan profesional dan memiliki kelayakan yang berkaitan. Selain itu, BNM terus menyediakan biasiswa dalam bidang baharu dan berkaitan masa hadapan seperti teknologi kewangan (fintech) dan kelestarian. Pelaburan dalam pembangunan profesional ini bukan sahaja meningkatkan kecekapan individu tetapi juga memperkaya kepakaran BNM secara kolektif, lantas membolehkan BNM memenuhi permintaan persekitaran dinamik yang berkembang dan melaksanakan mandat dengan berkesan. Walaupun pembelajaran secara bersemuka untuk program teras telah mendapat momentum semula sejak pandemik berakhir, BNM terus menggalakkan inisiatif pembelajaran secara maya dan secara mampu diri (self-paced).

Sambil BNM menerima cara kerja baharu dan penggunaan teknologi, peranan tradisional terutamanya fungsi pentadbiran, terus menjalani pentakrifan semula. Dalam menangani cabaran ini, BNM komited untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula kakitangan pentadbirannya. Bidang latihan utama termasuk kefasihan digital (digital fluency), pengurusan pejabat, komunikasi dan hubungan dengan pihak berkepentingan. Setakat ini, usaha-usaha ini telah membuahkan hasil yang ketara dengan penambahbaikan proses baharu yang diperkenalkan oleh kakitangan pentadbiran BNM, termasuk menerajui pendigitalan aliran kerja.

Mempertingkatkan Ketangkasan Organisasi

BNM terus menjadikan operasi dan proses bagi warga BNM lebih cekap dan berkesan sepanjang tahun 2023. Hal ini adalah untuk memastikan warga BNM dapat bertindak balas dan menyesuaikan diri dengan isu-isu serta perubahan dalam persekitaran dalam negeri dan global.

Satu daripada teras adalah untuk terus menyelaraskan fungsi jabatan dan melaksanakan pengawasan yang lebih telus. Pada tahun 2023, satu unit strategi telah ditubuhkan di Jabatan Modal Insan untuk menyelaraskan amalan berkaitan dengan warga BNM dengan lebih baik melalui visi, misi dan objektif strategik BNM. Fungsi Jabatan Mata Wang juga diselaraskan secara berperingkat, dengan usaha ke arah pemodenan pengurusan dan operasi mata wang.

BNM juga terus meraih manfaat daripada penggunaan pendekatan pengambilan kakitangan yang lebih tangkas di seluruh BNM. Dengan pendekatan pasaran tenaga mahir, BNM dapat memperoleh kepakaran daripada seluruh jabatan untuk melaksanakan projek utama dan inisiatif dasar. Contohnya ialah usaha untuk meneroka kes-kes penggunaan kecerdasan buatan (artificial intelligence, AI) dan projek dalam sektor pembangunan kewangan. Pada tahun 2023, sektor kestabilan kewangan juga melaksanakan usaha yang lebih bersepadu untuk merintis pendekatan yang tangkas ini. Hal ini termasuk memperkenalkan penempatan jangka pendek (short-term attachment) untuk warga BNM mempelajari dan membina kepakaran mereka dalam bidang yang bersesuaian dalam sektor itu.

Menarik Tenaga Mahir yang Tepat

Pada tahun 2023, BNM menjuruskan tumpuan ke arah menarik tenaga mahir merentas pelbagai latar belakang. Tenaga kerja BNM merangkumi kumpulan umur yang luas, dengan generasi milenial membentuk lebih separuh daripada tenaga kerja. Dengan kekuatan warga kerja sebanyak 3,352, BNM mengekalkan pengagihan yang agak seimbang antara jantina merentasi tahap pekerjaan yang berbeza (rujuk Gambar Rajah 3).

Gambar Rajah 3: Tenaga Kerja Seimbang Jantina dan Berbilang Generasi

Generasi milenial membentuk segmen terbesar, iaitu 56% tenaga kerja Bank Negara Malaysia



Kakitangan BNM 3352



Jawatan	Pembahagian Jantina	
Pengurusan Kanan	57%	43%
Pengurus	44%	56%
Eksekutif Peringkat Pertama	46%	54%
Bukan Eksekutif	63%[1]	37%

Lelaki Wanita

Nota: Data pada 31 Dis 2023.
[1] Peratusan kakitangan bukan eksekutif lelaki yang lebih tinggi adalah disebabkan oleh bilangan Polis Bantuan BNM.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 4: Sumber Tenaga Kerja



Nota: Data pada 31 Dis 2023.
* Jawatan yang diisi melalui proses kenaikan pangkat dan perpindahan antara jabatan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM terus melaksanakan beberapa kemajuan dalam mempelbagaikan strategi mendapatkan tenaga mahir (rujuk Gambar Rajah 4 mengenai sumber tenaga mahir BNM). Pada tahun 2023, BNM telah mengambil 117 tenaga mahir muda melalui peringkat kemasukan Program Graduan Kijang (Kijang Graduate Programme, KGP) yang diiktiraf sebagai antara Program Pengurusan Terbaik (*Top Management Programmes*) Malaysia oleh GRADUAN. Penempatan secara bergilir merentas sektor kestabilan monetari dan kewangan, serta sektor pengurusan korporat, memberikan tenaga mahir muda ini peluang untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam tentang fungsi di BNM. KGP melengkapi program biasiswa BNM yang telah lama wujud untuk pelajar berpotensi tinggi. Pada masa ini, seramai 165 pelajar sedang melanjutkan pelajaran dalam bidang-bidang relevan seperti ekonomi, perakaunan dan kewangan.



Teo Guan Aik
Penyelia, Jabatan Penyeliaan Konglomerat Kewangan

Setelah menyertai BNM melalui Program Graduan Kijang pada bulan April 2022, saya telah memperoleh pengalaman yang tidak ternilai dan telah bekerjasama dengan pelbagai pihak merentas jabatan, mengasah kemahiran teknikal dan interpersonal sambil memupuk persahabatan dan perspektif yang pelbagai. Meskipun saya agak baharu di BNM, saya berasa kagum dengan budaya organisasi, yang dicirikan oleh hierarki yang setara, keterbukaan kepada idea dan penekanan pada kerja berpasukan dan sumbangan individu. Semua jabatan secara aktif menggalakkan teras budaya, seperti Speak Out dan Excel Together melalui amalan inklusif seperti mendedikasikan masa untuk berkongsi pendapat dalam mesyuarat dan aktiviti berpasukan dengan sewajarnya. Melalui penempatan secara bergilir, saya telah menyaksikan nilai-nilai jabatan dengan kerja berpasukan berkembang pesat dan individu diperkasakan, sekali gus mencerminkan komitmen BNM terhadap transformasi budaya. Sambil BNM meneruskan perjalanan ini, impak positif daripada usaha ini sudah pasti akan menyumbang kepada pewujudan tempat kerja yang menyokong warga kerja sambil memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada negara.

Sebagai sebahagian daripada strategi mengoptimumkan pengambilan tenaga kerja, BNM juga telah menyelesaikan urusan audit tenaga kerja untuk kestabilan kewangan dan fungsi teknologi digital di BNM bagi mencerminkan perubahan dalam permintaan terhadap sumber serta cara tenaga kerja BNM melaksanakan tugas dan pada masa yang sama mengulangi keperluan untuk penambahbaikan proses yang berterusan.

Langkah Selanjutnya

Warga BNM merupakan tunggak penting BNM, dan BNM sentiasa berusaha untuk memastikan warga BNM sentiasa berada pada tahap yang terbaik. Hal ini termasuk menyediakan sokongan yang diperlukan dari segi sumber dan pembangunan kerjaya. Dalam hal ini, antara keutamaan penting bagi tahun 2024 adalah untuk memuktamadkan audit tenaga kerja untuk jabatan yang belum diaudit bagi memastikan tahap tenaga kerja yang optimum. Di samping itu, tumpuan juga akan diberikan kepada usaha untuk terus mendigitalkan operasi BNM melalui pelaksanaan platform operasi digital. Langkah ini akan membantu BNM menggunakan sumbernya dengan lebih cekap memandangkan warga BNM boleh memanfaatkan pandangan yang dipacu data dengan lebih baik untuk membuat keputusan yang lebih berdasarkan maklumat yang mencukupi.

Ke Arah Sistem Kewangan Lebih Lestari

Sektor kewangan menunjukkan peningkatan komitmen dan tindak balas dalam usaha membina daya tahan iklim serta menyokong usaha peralihan dan penghijauan oleh pelanggan. Tumpuan khusus diberikan untuk membangunkan sokongan praktikal untuk PKS membina daya tahan iklim dan kapasiti untuk beralih.

Pengenalan

Pada tahun 2023, BNM meneruskan usahanya untuk menetapkan tonggak utama yang akan mempertingkatkan daya tahan iklim dan menguruskan risiko yang berkaitan dengan iklim dalam sektor kewangan. Usaha BNM bertujuan untuk menyokong institusi kewangan dan sektor sebenar beralih kepada ekonomi yang lebih lestari. BNM kekal komited dalam memastikan inisiatifnya bersama sektor kewangan adalah selaras dengan dasar dan strategi negara. Dalam BNM, langkah untuk menghijaukan operasinya menampakkan kemajuan. Hal ini disokong oleh usaha berterusan dalam membangunkan keupayaan dan kepakaran dalaman.

Sejak BNM memulakan usaha berkaitan iklim pada tahun 2019, institusi kewangan telah menunjukkan kemajuan yang memberangsangkan dalam mempercepat peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari. Rangka kerja dan alat yang dibangunkan sedang dilaksanakan secara progresif. Hal ini termasuk taksonomi peralihan bagi mengklasifikasi kegiatan ekonomi supaya sejajar dengan aktiviti berkaitan dengan iklim, pelaksanaan piawaian pengawalseliaan dan jangkaan penyeliaan yang lebih jelas dalam menguruskan risiko iklim. Susulan penerbitan piawaian pengurusan risiko iklim[1] pada akhir tahun 2022, BNM terlibat dalam secara aktif dengan industri untuk menilai kesediaan industri dalam mengoperasikan keperluan ini. Institusi kewangan juga telah mempercepat persediaan bagi mematuhi piawaian penzahiran berkaitan iklim tahunan[2] yang akan berkuat kuasa mulai awal tahun kewangan 2024. Bagi menyokong penzahiran yang bermakna dengan data yang berwibawa, usaha telah dipergiat untuk mempertingkatkan ketersediaan dan akses kepada data penting yang diperlukan oleh industri. Hal ini meliputi data tentang pelepasan karbon (*carbon emissions*) daripada kenderaan, banjir, serta komponen tenaga boleh diperbaharui dan tidak boleh diperbaharu. Institusi kewangan telah memperuntukkan komitmen lebih daripada RM240 bilion untuk membiayai inisiatif alam sekitar, sosial, dan tadbir urus (*environmental, social and governance*, ESG) sehingga tahun 2027. Peruntukan ini meningkat kira-kira RM130 bilion berbanding dengan tahun sebelumnya. BNM menjangkakan bahawa amaun yang lebih tinggi akan diperuntukkan pada tahun-tahun akan datang seiring dengan dasar peralihan sektoral yang lebih jelas. Secara keseluruhan, institusi kewangan telah merangkumkan pertimbangan iklim dalam pengurusan risiko, strategi, operasi dalaman, keputusan perniagaan dan penawaran produk masing-masing (Gambar Rajah 1).

Pertimbangan Risiko Iklim Diterapkan di Seluruh BNM

BNM mengiktiraf risiko iklim sebagai salah satu cabaran utama yang perlu ditangani dalam melaksanakan mandatnya. Hal ini kini dicerminkan dalam penyata kesanggupan mengambil risiko organisasi oleh BNM. Lembaga pengarah dan pengurusan kanan telah memberikan arah tuju dalam menentukan bidang tumpuan utama dan keutamaan BNM bagi menangani risiko berkaitan dengan iklim dalam mandatnya. Hal ini melibatkan pembangunan dasar, penyelidikan dan analisis, advokasi selaku penasihat kepada Kerajaan,

[1] Dokumen dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario (Climate Risk Management and Scenario Analysis, CRMSA)

[2] Pendedahan berkaitan dengan iklim, yang sejajar dengan saranan Pasukan Petugas Khas Mengenai Penzahiran Kewangan Berkaitan Iklim (Task Force on Climate-related Financial Disclosures, TCFD), akan diterbitkan bersama-sama dengan laporan kewangan tahunan.

Gambar Rajah 1: Kemajuan dalam Industri Kewangan pada Tahun 2023



Nota: 66 kumpulan kewangan terdiri daripada bank (konvensional dan Islam), bank pelaburan, institusi kewangan pembangunan, pengendali insurans dan takaful.

Sumber: Bank Negara Malaysia

kerjasama serantau dan pengamalan kelestarian dalam operasi BNM sendiri. Kemas kini tentang kemajuan inisiatif yang berkaitan dengan iklim di seluruh BNM dan sektor kewangan dikemukakan kepada lembaga pengarah dan pengurusan kanan secara berkala.

Unit Lestari berperanan sebagai fungsi khusus yang menyelaraskan dan memacu inisiatif iklim di BNM. Unit ini bekerjasama erat dengan jabatan-jabatan di BNM dalam melaksanakan kerja iklim secara terselaras. Pertimbangan iklim semakin diterapkan dalam semua aspek tugas dan operasi sejajar dengan peningkatan pengetahuan dan kefahaman oleh warga kerja BNM.

Kemajuan Berterusan dalam Menggerakkan Agenda Iklim

Pada tahun 2023, BNM terus mencapai kemajuan dalam menyepadukan pertimbangan risiko berkaitan dengan iklim dalam fungsi terasnya (Gambar Rajah 2).

Keutamaan BNM tertumpu pada kesiapsiagaan institusi kewangan dalam inisiatif pengawalseliaan akan datang seperti ujian tekanan risiko iklim merentasi industri. Untuk mencapai tujuan ini, BNM menyantuni institusi kewangan secara berkala untuk memberikan penjelasan tentang jangkaannya. Tujuannya adalah untuk menambahkan pengetahuan mengenai cabaran dan isu yang dihadapi oleh industri. BNM juga terus meningkatkan pemahaman dan pendekatannya bagi menilai kesan daripada peristiwa berkaitan dengan iklim terhadap ekonomi dan sektor kewangan negara. Salah satu contohnya ialah penyelidikan BNM bersama Bank Dunia untuk menganalisis sejauh manakah banjir menjejaskan perniagaan, dan peranan sektor kewangan dalam menyokong perniagaan dalam pengurusan risiko banjir.[3]

[3] Dapatan utama diterbitkan dalam laporan tersebut yang bertajuk 'Managing Flood Risks: Leveraging Finance for Business Resilience in Malaysia' serta Rencana 'Banjir dan Kewangan: Membangunkan Daya Tahan Perniagaan Malaysia' dalam Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM Separuh Kedua 2023.

Gambar Rajah 2: Kemajuan dan Hasil Inisiatif Iklim BNM pada Tahun 2023

Pengawalan & Penyeliaan Kewangan

Membina landskap pengawalseliaan yang memudahkan dan meningkatkan daya tahan iklim dalam sektor kewangan

- Berkomunikasi bersama institusi kewangan untuk menyokong pelaksanaan Dasar Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario[1].
- Berkomunikasi bersama institusi kewangan bagi membina kapasiti dan mempercepatkan persiapan bagi ujian tekanan risiko iklim merentasi industri yang bakal dilaksanakan.
- Inisiatif berterusan bagi meningkatkan kredibiliti, konsistensi, dan kebolehgunaan pelaporan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip.

Dasar Makroekonomi & Monetari

Meningkatkan pengawasan makroekonomi dan unjuran

- Membangunkan alat pemodelan pada peringkat nasional untuk menyokong penilaian impak perubahan iklim terhadap makroekonomi secara holistik.
- Kajian mengenai risiko banjir, penyahkarbonan ekonomi Malaysia, serta impak saluran penyampaian risiko iklim dalam konteks Malaysia.

Pelaburan

Kelestarian sebagai satu faktor dalam pelaburan

- Meneruskan pendekatan yang pragmatik dalam aktiviti pelaburan lestari, melalui penggabungan pelbagai metrik ESG seperti skor ESG dan sasaran pengurangan gas rumah hijau (GRH) yang sejajar dengan Perjanjian Paris ke dalam pelaburan rizab antarabangsa.
- Mempertingkatkan pendedahan dalam aset pendapatan tetap berlabel ESG (seperti yang diiktiraf oleh Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa), sejajar dengan perkembangan pasaran secara keseluruhan.
- Penglibatan dalam forum-forum yang dianjurkan oleh bank-bank pusat serantau dan Network for Greening the Financial System (NGFS) mengenai aspek integrasi ESG dalam portfolio rizab.

Pembangunan Kewangan

Kewangan dan pelaburan hijau

- Menyokong pembangunan pasaran kewangan hijau melalui kejayaan pelaksanaan pengecam bon/sukuk hijau pada Januari 2024 dalam Fully Automated System for Issuance/Tendering (FAST). Penambahbaikan ini membolehkan pengenalpastian bon lestari pada peringkat terbitan bon/sukuk dalam FAST, sejajar dengan pelbagai sistem klasifikasi termasuk Sustainable and Responsible Investment Framework (SRI), Bon/Sukuk Lestari ASEAN dan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (CCPT).
- Membentuk Kumpulan Kerja Kelestarian (SWG) di bawah Jawatankuasa Pasaran Kewangan sebagai platform untuk kerjasama antara peserta industri kewangan untuk mengenal pasti peluang dan jurang dalam usaha pembangunan pasaran kelestarian domestik.

Kelestarian Korporat

Mengurangkan jejak karbon BNM

- Memperhalus papan pemuka dalaman untuk merekodkan metrik kelestarian operasi BNM.
- Mengemaskini profil pelepasan GRH BNM.
- Meneruskan usaha membangunkan sasaran jangka masa panjang serta pelan hala tuju BNM.
- Peningkatan penggunaan elektrik yang lebih rendah sebanyak 3.5% berbanding 2022 (10%), melalui projek kecekapan tenaga yang dilaksanakan di premis-premis BNM.
- Melanggan Tarif Elektrik Hijau (GET) untuk Ibu Pejabat dan Sasana Kijang bermula bulan Ogos hingga Disember 2023.
- Memasang Sistem Pengurusan Tenaga di Pusat Pemulihan dan Pusat Data serta menaik taraf Sistem Pengurusan Bangunan di Sasana Kijang, Pusat Pemulihan, Pusat Data Cyberjaya dan Lanai Kijang untuk pengoptimuman operasi bangunan.
- Pemasangan dan penggantian kepada lampu LED dan penyejuk berkecekapan tinggi untuk premis-premis utama.
- Memulakan program pengurusan tenaga untuk premis-premis utama.
- Mengitar semula lebih daripada 130kg sisa elektronik.
- Meminimumkan pelepasan GRH daripada operasi mata wang dengan menggalakkan pembayaran digital,mengedarkan semula wang kertas yang sesuai untuk edaran *(fit-notes)*,melaksanakan kaedah sisa-ke-tenaga (*waste-to-energy*)[2] untuk pelupusan mata wang, serta mengutamakan amalan kitar semula.

Bina Upaya

Meningkatkan kepakaran teknikal dalaman

- Program Latihan Risiko Iklim dan Kewangan Lestari dengan kerjasama Universiti SOAS London, serta bengkel khusus dengan kerjasama Carbon Trust UK yang dihadiri hampir 300 kakitangan BNM merentasi pelbagai sektor. Antara topik termasuk perakaunan karbon, penetapan sasaran iklim, ujian tekanan risiko iklim dan analisis senario, serta penzahiran kewangan berkaitan iklim.
- Latihan e-modul perubahan iklim dilancarkan secara berperingkat kepada kakitangan.
- Penerbitan berterusan surat berita *(newsletter)*, podcast dan hantaran forum.
- Menghubungkan SKILL (Sustainability and Knowledge Information Learning Library) NGFS dengan sistem pengurusan pembelajaran

[1] Butiran mengenai penilaian BNM terhadap rancangan pelaksanaan CRMSA yang dikemukakan oleh institusi kewangan terdapat dalam rencana berkenaan Pengurusan Risiko Iklim dan Analisis Senario dalam Laporan Kestabilan Kewangan BNM separuh kedua 2023.

[2] Kaedah Waste-to-Energy (WTE) menukar sisa pepejal kepada bentuk tenaga yang boleh digunakan, seperti haba dan elektrik. Butiran mengenai WTE dan pengeluaran wang kertas yang sesuai untuk edaran (*fit notes*) terdapat dalam Bab 1.6 Pengeluaran Mata Wang terkandung dalam Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2023.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Secara dalaman, BNM mempertingkatkan usaha untuk menguruskan dengan lebih baik pelepasan yang berpunca daripada operasinya. Pada tahun 2023, BNM melanggan Tarif Elektrik Hijau (Green Electricity Tariff, GET) di premis utamanya untuk mengimbangi pelepasan elektrik Skop 2[4] sebanyak kira-kira 35% antara bulan Ogos sehingga Disember. Hal ini dilaksanakan seiring dengan program pengurusan tenaga untuk mengurangkan pelepasan secara langsung. Sepanjang tahun ini, BNM memantapkan lagi pendekatan dan pengukuran pelepasannya. BNM telah memperhalus papan pemuka dalamannya (*internal dashboard*) yang merekodkan metrik kelestarian, seperti penggunaan elektrik, penggunaan air dan sisa plastik. BNM juga mempergiat usaha untuk membangunkan pengukuran pelepasan, pemantauan dan rangka kerja pelaporan yang lebih mantap. Hal ini merupakan sebahagian usaha semasa BNM untuk membangunkan pelan hala tuju bagi operasi fizikalnya demi memandu tindakan ke arah memenuhi matlamat iklimnya.

Memanfaatkan Sinergi melalui Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim

Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) terus

Gambar Rajah 3: Hasil-hasil Utama JC3 pada Tahun 2023



[1] www.jc3malaysia.com/data-catalogue
[2] www.jc3malaysia.com

Sumber: Bank Negara Malaysia

[4] Pelepasan Skop 2 ialah pelepasan gas rumah hijau (GRH) secara tidak langsung yang berkaitan dengan pembelian elektrik, wap, haba atau penyejuk.

memainkan peranannya sebagai pusat tumpuan utama dalam menyokong respons dan kesiapsiagaan sektor kewangan terhadap perubahan iklim.

Pada tahun 2023, JC3 terus memberikan tumpuan terhadap pelaksanaan Perubahan Iklim dan Taksonomi Berasaskan Prinsip (Climate Change and Principle-based Taxonomy, CCPT) dengan berwibawa. JC3 memperkenalkan satu soal selidik usaha wajar yang standard bagi memudahkan institusi kewangan mendapatkan maklumat daripada pelanggan untuk tujuan penilaian dan pengelasan yang sewajarnya.

Dalam menyokong usaha peralihan, JC3 berfungsi sebagai platform untuk menyelaraskan inisiatif antara BNM, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC), industri dan kementerian serta agensi Kerajaan yang berkaitan bagi membangunkan dan melaksanakan projek rintis untuk meningkatkan skala pembiayaan iklim. Usaha ini termasuklah merintis perkongsian awam-swasta untuk memulakan penyelesaian peralihan dan pembiayaan penyesuaian bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menghijaukan operasi masing-masing dan membina daya tahan iklim. Projek rintis Greening Value Chain (GVC) dan Green AgriTech berjaya dilaksanakan dan JC3 sedang mengorak langkah dalam projek rintis baharu untuk menghijaukan taman perindustrian. Usaha meningkatkan akses pembiayaan kepada PKS juga giat dijalankan dengan organisasi yang berkaitan seperti institusi kewangan pembangunan dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (CGC). CGC dengan kerjasama 18 institusi perbankan peserta kini menawarkan skim jaminan portfolio berjumlah RM1 bilion bagi pembiayaan ESG kepada PKS.



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour menyampaikan ucaptama di Persidangan Journey to Zero JC3.



Timbalan Gabenor Jessica Chew selaku ahli panel di Persidangan Journey to Zero JC3.

Pembangunan kepakaran teknikal dalam risiko iklim dan kelestarian kekal sebagai agenda penting bagi JC3. JC3 menerajui usaha pembangunan kapasiti untuk industri dalam bidang teknikal utama yang merangkumi topik seperti kelestarian sosial, pelan peralihan, dan penzahiran berkaitan alam semula jadi. JC3 juga mempertingkatkan libat urus dengan lebih banyak peserta industri melalui Sesi Jangkauan JC3 yang dijalankan pada bulan Jun dan November. Sesi ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang JC3 dan inisiatifnya, dan berkongsi maklumat utama yang terkini berhubung dengan inisiatif berkaitan iklim di dalam dan luar negara. Persidangan dwitahunan Journey to Zero JC3 yang telah diadakan pada bulan Oktober memberikan tumpuan terhadap penggunaan praktikal kewangan iklim dan alam semula jadi. Sepanjang tiga hari persidangan tersebut berlangsung, lebih 650 peserta telah menyertainya secara bersemuka dan lebih 4,000 peserta mengambil bahagian secara maya.

JC3 juga bekerjasama dengan Komuniti Pengamal Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-Based Intermediation Community of Practitioners, VBI CoP). Kerjasama ini telah menghasilkan penerbitan panduan sektor Rangka Kerja Penilaian Impak Pembiayaan dan Pelaburan Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation Financing and Investment Impact Assessment Framework, VBIAF) pada tahun 2021 dan 2022. Susulan rundingan dengan JC3, VBI CoP kini sedang memuktamadkan panduan sektoral VBIAF untuk sektor pertanian, perhutanan dan perikanan, pengurusan sisa, pengangkutan jalan, perlombongan dan pengkuarian. Panduan ini merupakan tambahan selepas penerbitan panduan untuk sektor minyak dan gas, pembuatan, pembinaan dan infrastruktur pada tahun 2022, serta penerbitan panduan untuk sektor minyak sawit, tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga pada tahun 2021. Panduan sektoral tersebut menjadi pelengkap kepada CCPT dengan menyediakan panduan pada peringkat sektor atau urus niaga.

Gambar Rajah 4: Perjalanan Penyahkarbonan Malaysia



Nota:
[1] NDC = Sumbangan Ditentukan Nasional (Nationally Determined Contribution)
[2] NC4 BUR4 = Komunikasi Kebangsaan keempat & Laporan Kemaskini Dwitahunan keempat (4th National Communication & 4th Biennial Update Report)
[3] Malaysia mencapai komitmen pengurangan pelepasan gas rumah hijau (GRH)

Sumber: Bank Negara Malaysia

BNM Memainkan Peranan dalam Pendekatan Seluruh Negara (*Whole-of-nation*) bagi Tindak Balas Iklim

BNM terus menjalinkan hubungan yang lebih erat dengan pelbagai kementerian dan agensi Kerajaan pada tahun 2023. Jalinan ini membantu memaklumkan dasar negara dan memastikan tindak balas iklim sektor kewangan yang terselaras.

Tindak balas dasar pada peringkat kebangsaan semakin terserlah sepanjang tahun, memberikan kejelasan dasar yang amat penting untuk perniagaan dan sektor kewangan. Dasar-dasar utama termasuk Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (National Energy Transition Roadmap, NETR), Pelan Hala Tuju Ekonomi dan Teknologi Hidrogen (Hydrogen Economy and Technology Roadmap, HETR) dan Pelan Induk Perindustrian Baharu (New Industrial Master Plan, NIMP). Bagi kebanyakan dasar tersebut, BNM terlibat dalam memberikan perspektif sektor kewangan. BNM merupakan ahli jawatankuasa pemandu NETR dan NIMP serta Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan mengenai Perubahan Iklim dan Pelan Hala Tuju Kelestarian OGSE Kebangsaan (National OGSE Sustainability Roadmap, NOS-R). BNM juga merupakan pemerhati dalam Pasukan Petugas Kenderaan Elektrik.

Meningkatkan Kesedaran Melalui Komunikasi

BNM terus aktif berkongsi inisiatif dan pandangan tentang kepentingan peranan sektor kewangan dalam usaha memudahkan peralihan ekonomi secara teratur dan adil.

JC3 dan BNM merupakan sebahagian daripada delegasi Malaysia ke Persidangan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ke-28 (28th United Nations Climate Change Conference, COP28) pada bulan November hingga Disember 2023 di Dubai, Emiriah Arab Bersatu. BNM meneroka peluang untuk mewujudkan kerjasama yang berpotensi bagi mempertingkatkan skala kewangan peralihan di Malaysia. Wakil BNM berucap dalam beberapa sesi yang merangkumi topik seperti kewangan iklim, alam semula jadi dan biodiversiti, serta peralihan tenaga. BNM juga berkongsi pendekatan pengawalseliaan bagi memperkukuh kesediaan institusi kewangan untuk membina daya tahan iklim dan menyokong peralihan. Semua usaha ini bertujuan untuk menonjolkan inisiatif peralihan dan hijau Malaysia kepada dunia di samping mencetuskan minat syarikat luar negara untuk mewujudkan perkongsian dengan institusi kewangan domestik.



Timbalan Gabenor Jessica Chew menyampaikan ucaptama di Transition Finance Workshop anjuran Institute of International Finance dan Maybank



Penolong Gabenor Dr Norhana Endut menyampaikan ucaptama di Nature, Finance and the Macroeconomy Conference

Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour menyampaikan ucapan pada Hari Kewangan Iklim Malaysia di COP28.



Madelena Mohamed (Pengarah Kelestarian) berucap di Leaders Dialogue on Accelerating SMEs' Resilience in A World of Growing Climate Risks di Pavilion Itali di COP28.



Menyumbang kepada Kepimpinan Berwawasan Serantau dan Antarabangsa

BNM terus menyokong tindakan kolektif global untuk memperbaiki kesamarataan iklim dan mengelakkan peralihan yang tidak teratur. Hal ini dilaksanakan melalui penyertaan BNM dalam badan antarabangsa seperti Central Banks and Supervisors Network for Greening the Financial System (NGFS) serta forum lain. Dalam platform ini, BNM berkongsi perspektif penting berkenaan cabaran peralihan bagi ekonomi sedang pesat membangun (*emerging market economies*, EME). Antara cabaran utama adalah perlunya pelaburan kewangan yang besar, pengetahuan dan kemajuan teknologi untuk menangani kesan perubahan iklim yang tidak sekata. Penghayatan terhadap isu yang dihadapi EME telah membantu menghasilkan usaha merapatkan jurang dalam gerak kerja badan dan forum antarabangsa bagi menyokong tindak balas global yang lebih berwibawa terhadap cabaran iklim.

ASEAN Taxonomy Board, yang dianggotai BNM sebagai ahli pengasas, menerbitkan versi terkini ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance Version 2[5] pada bulan Februari 2024. Versi tersebut memuktamadkan set Kriteria Saringan Teknikal (Technical Screening Criteria, TSC) bagi sektor bekalan elektrik, gas, wap dan penyaman udara (sektor tenaga). Sepanjang tahun 2023, BNM menerajui pembangunan ambang bagi sektor tumpuan pembinaan dan harta tanah (Gambar Rajah 6). Usaha ini memanfaatkan pengalaman terdahulu ketika membangunkan TSC bagi sektor tenaga. TSC untuk sektor pembinaan dan harta tanah dijangka diumumkan pada suku pertama tahun 2024, bersama-sama dengan TSC untuk sektor pengangkutan dan penyimpanan.

[5] ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance berperanan sebagai panduan kepada perniagaan dan pelabur untuk meneroka aktiviti hijau dan peralihan. Selain itu, taksonomi ini menyokong aliran rangkuman kewangan peralihan ke rantau ini. Taksonomi tersebut menggunakan pendekatan berbilang peringkat yang meliputi Rangka Kerja Asas dan Piawaian Lanjutan untuk disesuaikan dengan kepelbagaian Negara Anggota ASEAN. Maklumat lanjut boleh didapati melalui https://asean.org/book/asean-taxonomy-for-sustainable-finance/.

Gambar Rajah 5: Penglibatan BNM dalam NGFS dan Forum-forum Antarabangsa



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menangani Risiko Kewangan Berkaitan Dengan Alam Semula Jadi

Risiko berkaitan alam semula jadi menimbulkan ancaman yang ketara terhadap ekonomi dan masyarakat. Risiko berkaitan iklim dan alam semula jadi saling berkait. Perubahan iklim merupakan satu daripada lima pendorong utama[6] kehilangan biodiversiti, yang menjurus pada kemerosotan ekosistem dari segi struktur, fungsi dan daya tahan. Pada masa yang sama, hutan belantara, hutan paya bakau, dan tanah gambut merupakan sinki karbon semula jadi, yang berperanan untuk menangkap dan menyimpan karbon dioksida di samping memberikan perlindungan daripada kejadian cuaca melampau.

Seperti perubahan iklim, risiko berkaitan alam semula jadi boleh mengakibatkan kerugian kewangan dan ekonomi. Risiko berkaitan alam semula jadi juga boleh memburukkan lagi kesan perubahan iklim. Sejak tahun 2022, BNM telah mula meneliti risiko berkaitan alam semula jadi. Bagi memahami hubungan antara sektor kewangan dengan alam semula jadi dengan lebih baik, BNM dan Bank Dunia menjalankan kajian bersama[7] untuk menilai dedahan sektor kewangan terhadap alam semula jadi. Kajian ini juga meneliti dedahan sektor kewangan terhadap perniagaan yang bergantung pada alam semula jadi. Laporan ini memberikan input terhadap pendekatan BNM dalam menangani risiko berkaitan iklim dan alam semula jadi serta meneroka peluang berkaitan. Peluang ini termasuk penyelesaian berasaskan alam semula jadi (*nature-based solutions*, NbS) yang potensinya masih belum diterokai, untuk menangani perubahan iklim dan isu yang berkaitan alam sekitar di Malaysia.[8] Berikutan interaksi yang rapat antara risiko yang berkaitan dengan iklim dengan alam semula jadi, institusi kewangan wajar memanfaatkan gerak kerja mereka untuk meningkatkan pemahaman, pengetahuan dan tindak balas terhadap perubahan iklim supaya turut mengambil kira aspek berkaitan alam semula jadi. Hal ini akan mempercepat tindak balas institusi kewangan dalam membina daya tahan masing-masing terhadap isu alam sekitar dan perubahan iklim.

Sebagai susulan usaha sama dengan Bank Dunia, BNM mengumumkan kerjasama dengan Taskforce on Nature-related Financial Disclosures (TNFD) dan Bank Dunia untuk membangunkan panduan penilaian risiko kewangan untuk alam semula jadi bagi institusi kewangan di COP28. Panduan ini akan memanfaatkan rangka

[6] Perubahan guna tanah, eksploitasi berlebihan sumber semula jadi, perubahan iklim, pencemaran dan ruang invasif.

[7] Penemuan itu disiarkan dalam laporan 'An Exploration on Nature-related Financial Risk' pada bulan Mac 2022.

[8] Maklumat lanjut berkenaan dengan penyelesaian berasaskan alam semula jadi boleh didapati menerusi laman sesawang JC3 (www.jc3malaysia.com).

kerja LEAP (Locate, Evaluate, Assess, Prepare) oleh TNFD. Panduan ini juga akan dapat membantu institusi kewangan mengkaji peningkatan skala penggunaan modal swasta bagi penyelesaian berasaskan alam semula jadi. Melalui kerjasama dengan Bank Dunia, BNM juga akan memulakan kajian bagi meneroka penyelesaian berasaskan alam semula jadi dan pilihan pembiayaan yang paling sesuai untuk Malaysia.

Gambar Rajah 6: Piawaian Lanjutan dan Sektor Fokus ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 7: Bidang Tumpuan Utama BNM bagi Tahun 2024



Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

Malaysia kini berada pada titik perubahan dalam usaha iklimnya. Oleh itu, pelan tindakan yang dirangka dengan betul adalah penting untuk memenuhi sasaran sifar bersih seawal tahun 2050. Bagi sektor kewangan, sudah tiba masanya untuk beralih ke fasa pelaksanaan berikutan asas utama serta dasar dan pelan hala tuju negara yang sudah tersedia. Sektor kewangan memainkan peranan utama untuk memudahkan pelaksanaan dasar dan pelan hala tuju negara dengan membangunkan produk dan penyelesaian berinovatif untuk menyalurkan kewangan kepada aktiviti mesra iklim atau aktiviti yang menyokong peralihan hijau. Mekanisme kewangan campuran (*blended finance*) merupakan suatu saluran untuk membiayai aktiviti peralihan dan penyesuaian yang berisiko tinggi dengan menggunakan dana sektor awam dan swasta.

Bagi BNM, tumpuan tetap diberikan pada usaha memastikan tindak balas sektor kewangan terhadap cabaran iklim adalah sejajar dengan hasil kestabilan monetari dan kewangan, pertumbuhan ekonomi dan rangkuman kewangan. Hal ini termasuk memperhalus pendekatan pengawalan dan penyeliaan BNM serta memperluas skop BNM untuk mencakupi risiko kewangan berkaitan alam semula jadi. BNM menyasarkan untuk menyediakan persekitaran dasar yang memudahkan industri memajukan inovasi kewangan dan meneroka struktur kewangan baharu bagi memenuhi keperluan pembiayaan yang signifikan untuk mengurangkan dan membuat penyesuaian terhadap risiko iklim. BNM juga akan terus memajukan kerja penyelidikannya serta memperkukuh kecekapan dan kesedaran dalaman untuk membina budaya lestari dalam operasinya sendiri.

Menyokong Perusahaan Kecil dan Sederhaan dalam Peralihan Hijau

Di banyak negara, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) adalah penyumbang yang penting dalam pertumbuhan ekonomi. Perkara ini juga sama di Malaysia, dengan PKS merangkumi 97%[1] daripada pertubuhan perniagaan. PKS menyediakan peluang pekerjaan kepada sekitar 48%[1] jumlah tenaga kerja di Malaysia, menjadikan PKS sebagai tulang belakang ekonomi negara (Gambar Rajah 1). Sebagai penyumbang utama dalam rantaian bekalan global dan dalam negeri, PKS adalah penting bagi Malaysia untuk mencapai peralihan ekonomi rendah karbon sejajar dengan matlamat Perjanjian Paris[2] secara teratur bagi mengurangkan kesan bahaya daripada pemanasan global.

Rencana ini menggariskan risiko dan peluang bagi PKS daripada kesan perubahan iklim, cara-cara PKS dapat menerapkan amalan kelestarian serta sokongan yang disediakan oleh BNM dan sektor kewangan.

Gambar Rajah 1: Kepentingan PKS di Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Risiko dan peluang

Impak secara langsung daripada perubahan iklim terhadap operasi PKS bukan sahaja berpunca daripada kejadian cuaca ekstrem (Gambar Rajah 2). PKS yang merupakan sebahagian daripada rantaian bekalan, boleh terjejas oleh dasar-dasar berkaitan hijau dan kelestarian ekonomi lain, khususnya rakan dagangan utama dan pengeluar dalam negeri. Sebagai contoh, penzahiran berkaitan iklim mandatori telah dilaksanakan di lebih 15 negara di seluruh dunia manakala European Union Carbon Border Adjustment Mechanism menghendaki perniagaan, termasuk PKS, untuk mempamerkan bukti amalan hijau dan kelestarian. Pengeluar dalam negeri yang besar juga telah mengurangkan jejak karbon dan menghendaki pembekal untuk memenuhi standard amalan lestari yang lebih tinggi. Oleh sebab itu, kegagalan untuk menerapkan amalan lestari boleh menyebabkan perniagaan berada dalam kedudukan yang sangat lemah.

Perubahan iklim bukan hanya menimbulkan risiko kepada perniagaan malah turut menyediakan peluang perniagaan yang besar apabila PKS beralih kepada amalan lestari dan memberikan tumpuan pada aktiviti hijau (Gambar Rajah 3). Satu tinjauan yang dilakukan oleh UN Global Compact Network Malaysia & Brunei dan SME Corporation menggariskan bahawa sebanyak 89% daripada PKS yang melaksanakan amalan hijau memperoleh penjimatan kos purata sebanyak 39%, dengan 11% mencapai lebih 50% penjimatan kos.

1 Data setakat bulan Disember 2022.
2 Perjanjian Paris ialah perjanjian antarabangsa di bawah United Nation Framework Convention on Climate Change (UNFCCC). Perjanjian ini bertujuan mengehadkan kenaikan suhu global jauh di bawah 2°C melebihi paras sebelum era perindustrian.

Gambar Rajah 2: Kesan Perubahan Iklim terhadap Perniagaan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Manfaat Menerapkan Amalan Hijau dan Lestari

Penjimatan kos dan kecekapan jangka sederhana hingga panjang – PKS boleh mengurangkan perbelanjaan operasi dan meningkatkan kecekapan dengan melaksanakan teknologi cekap tenaga serta mengamalkan amalan ekonomi kitaran.

Mengurangkan risiko pematuhan pengawalseliaan – Pengawalseliaan ESG telah meningkat sebanyak 155% dalam dekad yang lalu, mencerminkan pertumbuhan intervensi dasar berasaskan kelestarian. Menjangka dan mematuhi pengawalseliaan yang berkembang akan membantu mengurangkan risiko peralihan bagi PKS.

Permintaan pasaran – Meningkatkan reputasi jenama dan menarik jumlah pelanggan yang lebih besar berikutan kesedaran alam sekitar yang lebih tinggi di kalangan pengguna.

Daya tahan rantaian bekalan – Memperkukuh daya tahan dan mengurangkan kelemahan terhadap gangguan yang disebabkan oleh perubahan iklim.

Akses kepada kewangan – Keputusan modal dan pelaburan semakin mempertimbangkan faktor-faktor kelestarian.

Mempertingkatkan moral pekerja – Perkongsian nilai bersama memupuk perasaan mempunyai tujuan dan kepuasan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Memulakan Proses Peralihan Hijau

PKS perlu tahu bagaimana dan cara untuk memulakan peralihan hijau. Hal ini membolehkan PKS bermula di landasan yang tepat dan mengoptimumkan jumlah perbelanjaan dan pelaburan serta penggunaan sumber mereka. Kajian yang dijalankan oleh BNM dan Bank Dunia[3] mendapati bahawa walaupun PKS di Malaysia memahami kepentingan peralihan hijau, mereka sering kali tidak jelas bagaimana dan cara untuk bermula. Gambar Rajah 4 menggariskan lima langkah utama yang boleh diambil oleh PKS untuk memulakan proses tersebut.

[3] Menguruskan Risiko banjir: Memaanfaatkan Kewangan untuk Membina Daya Tahan Perniagaan Malaysia

Gambar Rajah 4: Langkah-Langkah Asas untuk Memulakan Proses Peralihan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Bagi menyokong PKS di Malaysia dalam usaha ini, portal JC3 ESG Jumpstart, iaitu portal maklumat sehenti (*one-stop portal*) untuk membimbing PKS dalam peralihan telah dilancarkan oleh Jawatankuasa Bersama Mengenai Perubahan Iklim (Joint Committee on Climate Change, JC3) pada bulan Oktober 2023. Portal ini mempunyai pelbagai sumber dan peralatan, termasuk panduan rujukan bagi PKS untuk memulakan proses peralihan hijau mereka.

Inisiatif dan Set Alat untuk Membantu Peralihan PKS

Sektor kewangan memainkan peranan yang sangat penting dalam menyokong perniagaan khususnya PKS dalam fasa peralihan. Bagi tujuan ini, BNM dan sektor kewangan telah memperkenalkan beberapa inisiatif untuk membantu PKS membina keupayaan teknikal dan menambah baik akses kepada kewangan, seperti yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 5.

Pembiayaan yang diluluskan di bawah Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (Low Carbon Transition Facility, LCTF)[4] dan Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (High Tech and Green Facility, HTG)[5] telah meningkat pada tahun 2023 kepada lebih RM1.2 bilion dalam pembiayaan yang diluluskan sehingga kini. Kedua-dua kemudahan ini telah membolehkan lebih 550 PKS untuk memulakan proses peralihan mereka. Program perintis Penghijauan Rantaian Nilai (Greening Value Chain, GVC) yang diperkenalkan pada tahun 2022 juga telah menyokong lebih 330 PKS yang merupakan sebahagian daripada rantaian bekalan dalam negeri. Di bawah program perintis GVC, PKS memperoleh akses kepada latihan teknikal dan perisian mengukur serta melaporkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gasses*, GHG), selain pembiayaan di bawah LCTF. Kos latihan dan peralatan ditanggung oleh syarikat korporat teras atau pembiaya peserta. PKS di bawah program ini telah mula mengukur pelepasan GHG, dengan lebih 40 PKS sudah mula membuat laporan mengenai pelepasan.

[4] Dilancarkan pada bulan Januari 2022. Jumlah saiz sebanyak RM 2.0 bilion (pembiayaan secara padanan) oleh BNM dan institusi kewangan peserta.
[5] Dilancarkan pada bulan Disember 2020. Jumlah saiz sebanyak RM 1.1 bilion.

Gambar Rajah 5: Inisiatif dan Set Alat untuk Membantu PKS dalam Peralihan Perniagaan

Sokongan untuk Peralihan PKS

- **Portal JC3 ESG Jumpstart**
  - Portal maklumat sehenti yang mengandungi panduan rujukan yang mudah dan praktikal untuk PKS.
  - Cadangan tindakan yang boleh diambil oleh PKS untuk membina pengetahuan dan keupayaan asas ESG, serta mengenal pasti dan bertindak balas terhadap isu, risiko dan peluang utama ESG.
- **Panduan Penzahiran ESG Ringkas (SEDG)**
  - Sebuah panduan untuk membantu PKS menentukan penzahiran ESG yang perlu dipantau dan dilaporkan.

Penyelesaian Kewangan

Kemudahan pembiayaan

- **Kemudahan Peralihan Rendah Karbon (LCTF)**
  - Dana sebanyak RM2.0 bilion (pada asas padanan dengan institusi kewangan peserta) untuk menyokong PKS dalam menerapkan amalan mampan dan rendah karbon.
  - Terbuka kepada PKS dalam semua sektor yang komited untuk mengubah operasi perniagaan ke arah operasi rendah karbon.
  - Kadar pembiayaan hingga RM10 juta setiap PKS dengan kadar maksimum 5.0% setahun termasuk fi jaminan (jika ada).
- **Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (HTG)**
  - Dana sebanyak RM1.1 bilion yang menyokong PKS dalam sektor strategik dan bidang teknologi.
  - Kadar pembiayaan terhad pada 5.0% setahun, mendorong pertumbuhan perniagaan dan inovasi.
- **Skim Jaminan Portfolio oleh CGC**
  - Skim jaminan portfolio sebanyak RM1 bilion dengan kerjasama bank-bank peserta untuk menyokong akses yang lebih meluas kepada pembiayaan bagi PKS.

Program pembiayaan campuran

- **Program perintis Penghijauan Rantaian Nilai**
  - Menyokong PKS dalam mengukur, menjejak, dan melaporkan pelepasan GHG.
  - Menggabungkan pembiayaan dengan latihan teknikal, semakan di premis dan akses kepada perisian pengukuran pelepasan GHG.
- **Green Agritech**
  - Menggabungkan pembiayaan dengan latihan teknikal untuk petani tempatan yang menerapkan teknologi hijau dan amalan pertanian yang mampan.

Produk dan penyelesaian oleh institusi kewangan

- **Pembiayaan umum untuk pembelian teknologi atau modal kerja**
  - Pinjaman perdagangan korporat berkaitan kelestarian, pembiayaan CAPEX hijau, dan pembiayaan tenaga boleh diperbaharui.
- **Perundingan iklim**
  - Alat perundingan dan diagnostik iklim untuk PKS mengukur pelepasan GHG perniagaan.
  - Membantu perniagaan mengenal pasti dedahan berkaitan iklim.
  - Menyediakan kepakaran pengurusan risiko untuk membantu perniagaan mengatasi cabaran iklim dan alam sekitar.
  - Templat standard penilaian risiko yang dapat membantu PKS mengenal pasti risiko dan peluang peralihan.
- **Perlindungan**
  - Perlindungan insurans/takaful terhadap risiko iklim fizikal.

Sumber: Bank Negara Malaysia, JC3 dan laman-laman sesawang institusi kewangan

Mula secara Kecil, Mula Sekarang, Mainkan Peranan Kita

Terdapat sekurang-kurangnya dua cara PKS di Malaysia boleh mempertimbangkan peranan mereka sepanjang fasa peralihan ini (Gambar Rajah 6). Pertama, PKS boleh menjadi pelaksana hijau (*green performer*), iaitu dengan mencari cara untuk mengoptimumkan operasi mereka. Cara ini terhasil melalui kecekapan sumber dan amalan yang mesra alam sekitar bagi meningkatkan daya saing perniagaan. Kedua, PKS boleh menjadi penginovasi hijau (*green innovator*), dengan memberikan tumpuan pada usaha - usaha merintis teknologi hijau yang inovatif. Kedua-dua pelaksana hijau dan penginovasi hijau mempunyai peranan yang sangat penting untuk menyokong peralihan yang berjaya.

Kerjasama dan kolaborasi yang lebih kukuh dalam kalangan PKS juga boleh menyumbang kepada kejayaan usaha peralihan. Platform dan saluran untuk PKS berkongsi amalan hijau, menggembleng sumber dan menangani cabaran secara kolektif melalui rangkaian serta perkongsian akan mempercepat pembelajaran dalam kalangan PKS.

Gambar Rajah 6: Pelaksana dan Penginovasi Hijau



PELAKSANA HIJAU

Mempertingkatkan operasi menjadi cekap sumber dan mesra alam sekitar

- Mereka bentuk semula produk untuk mengurangkan input yang diperlukan tanpa mengurangkan utiliti produk
- Menggunakan semula sisa atau salurkan sebagai input kepada syarikat lain bagi mengurangkan kos pelupusan sisa (pusingan)
- Memanfaatkan kecekapan infrastruktur untuk menghasilkan penjimatan berkaitan kecekapan tenaga, pencahayaan, atau penebatan bangunan

Contoh



"Inisiatif Pejabat Hijau": Pemuliharaan Elektrik



Menggunakan Bahan Pengeluaran Lestari



PENGINOVASI HIJAU

Membangunkan produk dan teknologi inovatif sebagai model perniagaan teras

- Mencipta teknologi, produk, atau perkhidmatan baharu yang membantu mengurangkan impak alam sekitar
- Pembangunan teknologi eksperimen dan ujian dalaman sebelum pelaksanaan untuk menguruskan risiko pelaburan dalam teknologi yang tidak sesuai

Contoh



Mentransformasikan sekam padi menjadi pembungkusan terbiodegradasi



Sistem pengairan dan fertigasi yang tepat

Sumber: Diambil daripada OECD dan sumber-sumber lain

Setiap PKS akan berada pada peringkat yang berbeza dari segi tahap kesedaran dan penerapan amalan kelestarian mereka. Keadaan ini adalah diduga dan dijangka. Yang lebih penting adalah PKS mula mengambil langkah-langkah awal yang perlu dan mempergiat usaha secara progresif untuk memenuhi aspirasi standard yang lebih tinggi dalam amalan lestari. PKS perlu memulakan proses peralihan hijau sekarang, menggunakan set alat dan penyelesaian tersedia yang disediakan oleh sektor kewangan. Strategi oleh institusi kewangan untuk menyokong penghijauan PKS juga mesti diketengahkan bagi memastikan peralihan ekonomi yang teratur dan adil yang membolehkan perniagaan, tanpa mengira saiz, berkembang maju dan menyumbang kepada masa hadapan yang lebih lestari dan berdaya tahan.

Rujukan

Accountancy Europe. (2023, November 27). 5-step starting guide to a sustainable transition for SMEs sustainable business calls for ambitious European Sustainability Reporting Standards. Ecopreneur.eu. https://ecopreneur.eu/2023/09/05/5-step-starting-guide-to-a-sustainable-transition-for-smes/

Capital Markets Malaysia (CMM) (2023). Simplified ESG Disclosure Guide (SEDG) https://sedg.capitalmarketsmalaysia.com/wp-content/uploads/2023/10/SEDG-Full-Guide.pdf

Department of Statistics Malaysia. (2023). PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA 2022 = MICRO, SMALL AND MEDIUM ENTERPRISES 2022. Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. (ii, 80). ISBN 2948-4146

Financial Stability Board. Progress Report on Climate-Related Disclosures. (2023). https://www.fsb.org/wp-content/uploads/P121023-1.pdf

Green Growth Report (English). Washington, D.C.: World Bank Group. http://documents.worldbank.org/curated/en/863801468337280535/Green-growth-report

McDaniels, J., & Robins, N. (2017). Mobilizing Sustainable Finance for Small-and Medi-um-Sized Enterprises. Reviewing Experience and Identifying Options in the G7. Enquiry: Design of a Sustainable Financial System.

OECD (2021). Facilitating the green transition for ASEAN SMEs. https://www.oecd.org/southeast-asia/regional-programme/networks/OECD-Facilitating-the-green-transition-for-ASEAN-SMEs.pdf

OECD (2022), "Financing SMEs for sustainability: Drivers, Constraints and Policies", OECD SME and Entrepreneurship Papers, No. 35, OECD Publishing, Paris, https://doi.org/10.1787/a5e94d92-en.

Schaper, M. T. (2022). SME responses to climate change in Southeast Asia. Iseas - Yusof Ishak Institute.

SME Sustainability Action Guide | UNGCMYB. (n.d.). UNGCMYB. https://www.ungcmyb.org/smesustainabilityactionguide

The SME Guide to Corporate Sustainability | UN Global Compact. (n.d.). https://unglobalcompact.org/library/5933.

World Bank. (2012). Inclusive Green Growth: The Pathway to Sustainable Development. @ Washington , DC. http://hdl.handle.net/10986/6058 License: CC By 3.0 IGO.

Pengurusan Risiko dan Kawalan Dalaman

Bank Negara Malaysia (BNM) terdedah kepada pelbagai risiko yang timbul daripada aktiviti dan operasi harian. Peristiwa risiko, sekiranya berlaku, boleh memberikan kesan kepada reputasi BNM, mengakibatkan cabaran kewangan, gangguan urusan atau menghalang BNM daripada mencapai matlamat dasarnya. Bagi menangani isu ini, BNM telah melaksanakan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi (Enterprise Risk Management, ERM).

Rangka Kerja ERM memudahkan pengenalpastian, penilaian, pemantauan dan pengurusan risiko yang sistematik. Rangka Kerja ERM ini menetapkan pengawasan, kawalan dan disiplin yang diperlukan untuk memupuk budaya risiko yang teguh (Gambar Rajah 1). Rangka Kerja ERM juga berfungsi untuk menyelaraskan dasar, proses dan sistem pengurusan risiko BNM di seluruh organisasi. Pada tahun 2023, BNM telah mengemas kini Rangka Kerja ERM sebagai sebahagian daripada langkah penilaian berkala. Matlamat penilaian ini adalah untuk memastikan Rangka Kerja ERM terus menyokong pengurusan dedahan risiko BNM yang berkesan dan mencerminkan perkembangan semasa dalam amalan pengurusan risiko yang utama.

BNM juga mengemas kini rangka kerja dan dasar pengurusan risiko yang lain untuk memastikan kesemuanya adalah selaras dengan Rangka Kerja ERM dan kekal berkesan dalam menangani risiko utama yang akan timbul. Rangka kerja dan dasar yang telah dikemas kini termasuk Rangka Kerja Pengurusan Risiko Kewangan, Rangka Kerja Daya Tahan Siber, Rangka Kerja Pengurusan Risiko Operasi dan Dasar Pengurusan Risiko Operasi. BNM juga mewujudkan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi untuk meningkatkan amalan dan strategi pengurusan risiko teknologi. Selain itu, BNM turut memperkenalkan panduan risiko model bagi menguruskan risiko yang berkaitan dengan pembangunan dan penggunaan model kuantitatif.

Tadbir Urus dan Pengawasan Risiko

Struktur tadbir urus risiko BNM (Gambar Rajah 2) mencerminkan tanggungjawab bersama untuk menguruskan risiko antara jabatan, pengurusan risiko dan fungsi kawalan serta audit dalaman.

Lembaga Pengarah BNM, yang disokong oleh Jawatankuasa Risiko Lembaga (Board Risk Committee, BRC), menjalankan pengawasan terhadap rangka kerja dan amalan pengurusan risiko BNM. Lembaga Pengarah juga menentukan 'hala tuju daripada pihak atasan' dalam usaha menggalakkan budaya risiko yang dihasratkan di seluruh organisasi.

Akauntabiliti untuk melaksanakan pengurusan risiko yang mantap terletak pada pihak Pengurusan Kanan BNM. Tanggungjawab ini dilaksanakan melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko (Risk Management Committee, RMC) dan Jawatankuasa Pengurusan Rizab (Reserve Management Committee, ReMC). RMC merupakan forum utama bagi perbincangan tertumpu dan berkala mengenai isu risiko organisasi, manakala ReMC menyelia risiko kewangan dan operasi berkaitan dengan pengurusan rizab antarabangsa BNM.

RMC disokong oleh Jawatankuasa Pengurusan Risiko Kewangan (Financial Risk Management Committee, FRMC), Jawatankuasa Pengurusan Risiko Operasi (Operational Risk Management Committee, ORMC) dan Pasukan Pengurusan Krisis (Crisis Management Team, CMT). FRMC bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko kewangan yang tidak berkaitan dengan rizab, manakala ORMC bertanggungjawab terhadap pengurusan risiko operasi. Sementara itu, CMT melaksanakan pengawasan terhadap Pengurusan Kesinambungan Urusan (Business Continuity Management) dengan memastikan kesiapsiagaan bagi menghadapi krisis. CMT juga menyelaraskan tindak balas BNM terhadap gangguan operasi.

Bagi menyokong Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan dalam melaksanakan tanggungjawab mereka, BNM menggunakan model 'Pertahanan Tiga Barisan' (Gambar Rajah 3):

- Semua jabatan merupakan 'barisan pertama' pertahanan. Jabatan bertanggungjawab untuk menilai persekitaran risiko, mewujudkan kawalan dan memastikan kawalan ini dilaksanakan dengan berkesan.
- Fungsi 'barisan kedua' dijalankan oleh Jabatan Pengurusan Risiko. Bagi pengurusan rizab, fungsi ini dijalankan oleh Seksyen Pengurusan Risiko Perbendaharaan di Jabatan Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan. Kedua-dua jabatan ini memudahkan penerapan amalan pengurusan risiko yang mantap oleh jabatan-jabatan melalui rangka kerja, dasar dan alat yang sesuai. Jabatan Pengurusan Risiko juga memberikan sokongan pada pihak Pengurusan Kanan dan Lembaga Pengarah untuk memantau perkembangan risiko dan isu pada peringkat organisasi.
- Pertahanan 'barisan ketiga' , iaitu Jabatan Audit Dalam, memberikan jaminan bebas terhadap keberkesanan dasar dan langkah pengurusan risiko.

Gambar Rajah 1: Rangka Kerja Pengurusan Risiko Organisasi



Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 2: Struktur Tadbir Urus Pengurusan Risiko



* Dipengerusikan oleh Pengarah Bebas Bukan Eksekutif BNM
** Dipengerusikan oleh Gabenor
*** Dipengerusikan oleh Timbalan Gabenor

Sumber: Bank Negara Malaysia

Gambar Rajah 3: Model Pertahanan Tiga Barisan



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pernyataan Kesanggupan Mengambil Risiko Organisasi oleh Bank Negara Malaysia

Pengurusan risiko BNM berpandukan pernyataan kesanggupan mengambil risiko (Gambar Rajah 4) yang menetapkan tahap dan jenis risiko yang sanggup diterima oleh BNM bagi mencapai matlamat urusannya. Pernyataan itu tertakluk pada penilaian yang berterusan untuk memastikan pernyataan tersebut kekal relevan dengan mengambil kira landskap risiko yang berubah-ubah. Latihan berterusan, sesi libat urus dan penambahbaikan proses dijalankan pada pelbagai peringkat fungsi organisasi. Semua inisiatif ini bertujuan menyepadukan dan menyelaraskan proses dan budaya

Gambar Rajah 4: Pernyataan Kesanggupan Mengambil Risiko oleh Bank Negara Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

operasi dengan pernyataan kesanggupan mengambil risiko oleh BNM.

Tindakan pengurusan akibat yang seimbang sekiranya berlaku pelanggaran terhadap kesanggupan mengambil risiko juga memainkan peranan penting dalam memupuk budaya kesedaran tentang risiko. Tindakan ini menggalakkan pematuhan dan memastikan akauntabiliti pada semua peringkat organisasi.

Bagi membantu jabatan menilai pematuhan terhadap pernyataan kesanggupan mengambil risiko organisasi yang dikemas kini, BNM telah memperluas penunjuk risiko utama sedia ada untuk meningkatkan lagi keupayaan mengenal pasti dan menilai dedahan risiko BNM, termasuk risiko maklumat dan reputasi.

Risiko Utama Organisasi

Sepanjang tahun 2023, BNM terus mengambil pendekatan yang menyeluruh terhadap pengurusan risiko yang meliputi risiko dasar, reputasi, kewangan dan operasi serta pengurusan kesinambungan urusan. Dalam menguruskan risiko dasar, BNM komited terhadap amalan perumusan dasar yang mantap, berpandukan Rangka Kerja Pembangunan Dasar BNM (Policy Development Framework). Rangka Kerja ERM ini menetapkan struktur dan proses tadbir urus yang ditakrifkan dengan jelas untuk membangunkan, menilai dan meluluskan dasar pengawalseliaan yang dikeluarkan oleh BNM. Cadangan dasar tertakluk pada perbincangan bersilang fungsi dalam organisasi serta perundingan luaran. Dasar pengawalseliaan diluluskan oleh Jawatankuasa Pengurusan, Jawatankuasa Kestabilan Kewangan atau Jawatankuasa Pembangunan Kewangan, manakala keputusan dasar monetari ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari.

Tindak balas dasar BNM boleh menyebabkan dedahan kepada risiko reputasi yang secara langsung mempengaruhi hasil dasar atau kredibiliti BNM. Pada tahun 2023, dalam keadaan persekitaran yang sangat mencabar iaitu kos sara hidup lebih tinggi, volatiliti kadar pertukaran serta peningkatan insiden penipuan kewangan, BNM mempertingkatkan usaha untuk berkomunikasi dan menjelaskan tindak balas dasar secara lebih berkesan melalui interaksi dan perbincangan secara bersasar. BNM mengeluarkan kandungan untuk makluman umum dalam format yang berbeza serta menggunakan lebih banyak saluran bagi meningkatkan interaksi dengan orang ramai. Kandungan ini termasuk infografik seperti 'ringkasan Pernyataan Dasar Monetari' dan 'BNM Kongsi'. Bagi meningkatkan kesedaran mengenai penipuan kewangan dan memperkasakan individu untuk melindungi diri dengan

lebih berkesan, BNM berkongsi tip-tip kesedaran tentang penipuan melalui Facebook Amaran Scam.[1]

Dari segi risiko kewangan berkaitan dengan perbendaharaan, BNM terdedah kepada risiko pasaran, kredit dan mudah tunai. Risiko-risiko ini dipantau rapi dan diuruskan berdasarkan penanda aras pelaburan dan kawalan risiko yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pada tahun 2023, BNM mengemas kini penanda aras pelaburan rizab antarabangsa yang mentakrifkan kesanggupan jangka panjang BNM untuk mengambil risiko dan mendapatkan pulangan. Penanda aras ini dinilai semula setiap tiga hingga lima tahun untuk mencerminkan perubahan ketara dalam landskap pelaburan global. BNM juga melaksanakan alat pengurusan risiko tambahan, iaitu Mekanisme Tindakan Awal untuk Pengelakan Risiko (Pre-Emptive De-Risking Mechanism, PRISM) dan Nilai Kredit Berisiko (Credit Value-at-Risk, CVAR). Alat pengurusan risiko ini direka bentuk untuk mengehadkan volatiliti pasaran semasa tempoh tekanan pasaran berpanjangan yang mungkin berlaku serta memasukkan penilaian berpandangan ke hadapan mengenai potensi kerugian daripada peristiwa kredit. Alat ini membolehkan pengiraan risiko kredit yang lebih tepat, lantas mengekalkan dedahan kredit pada tahap yang munasabah.

Risiko daripada operasi kewangan bukan perbendaharaan yang lain, termasuk belanjawan, pemerolehan dan pembayaran adalah dikawal melalui dasar dan prosedur yang dikuatkuasakan dengan ketat bagi pemerolehan dan pembayaran untuk memastikan ketelusan, akauntabiliti dan pematuhan terhadap peraturan yang berkaitan. BNM mematuhi proses perakaunan belanjawan dan pengurusan yang mantap, disokong oleh analisis perancangan, unjuran dan perbelanjaan pada masa hadapan. Belanjawan ini dipantau rapi oleh Lembaga Pengarah BNM. Dari segi pemerolehan, langkah-langkah telah diambil bagi meningkatkan kecekapan proses pemerolehan sambil mengekalkan kawalan yang kukuh. Pada tahun 2023, BNM menubuhkan Jabatan Perolehan Berpusat (Centralised Procurement Department). Jabatan ini bertujuan mengukuhkan keupayaan BNM dalam pengurusan pemerolehan. BNM juga telah melengkapkan kajian yang menyeluruh berkenaan dasar pengurusan pemerolehan BNM yang menggabungkan penambahbaikan proses yang memanfaatkan teknologi. Langkah-langkah ini bertujuan untuk menghasilkan kecekapan yang lebih baik dan pada masa yang sama terus memastikan tahap ketelusan dan integriti yang tinggi dalam operasi pemerolehan BNM.

Pada tahun 2023, BNM kekal fokus untuk menangani dedahan terhadap risiko teknologi dan siber, serta risiko daripada pencerobohan data.

Dalam persekitaran peningkatan risiko dalam serangan siber, BNM melaksanakan beberapa inisiatif dan rangka kerja termasuk penggunaan Rangka Kerja Pengurusan Risiko Teknologi (Technology Risk Management Framework) dan Rangka Kerja Daya Tahan Siber (Cyber Resilience Framework). BNM juga meningkatkan daya tahan rangkaian, arkitektur teknologi serta melaksanakan pemantauan siber yang berterusan. Program Penilaian Pengurusan Keselamatan Siber (Cyber security Management Assessment Program, CMAP) juga telah dipercepat bagi mempertingkatkan kematangan keselamatan siber BNM. Selain itu, BNM menjalankan sesi latihan mandatori mengenai keselamatan siber dan pengurusan keselamatan maklumat bagi membantu kakitangan kekal bersedia untuk menghadapi ancaman keselamatan siber dan maklumat. BNM juga memperkukuh pengurusan risiko keselamatan pihak ketiga. Hal ini adalah untuk memastikan penggunaan penyedia perkhidmatan pihak ketiga tidak menjejaskan keselamatan data, sistem atau rangkaian BNM.

Pengurusan Kesinambungan Urusan

Memastikan kesinambungan fungsi urusan yang sangat penting (*critical business functions*) terus menjadi keutamaan teratas bagi BNM. Pada tahun 2023, BNM terus mengukuhkan daya tahan operasi dengan menjalankan latihan simulasi krisis secara berkala bagi menguji dan meningkatkan keupayaan untuk bertindak balas dan kembali pulih daripada gangguan. BNM terus meningkatkan kekerapan dan liputan latihan ini untuk mengenal pasti peluang bagi mengukuhkan lagi tindak balas krisis dan meningkatkan tahap kebiasaan kakitangan dengan prosedur pemulihan dan tindak balas. Selain itu, BNM terus mengemas kini analisis impak urusan untuk mengambil kira senario risiko yang baharu seperti banjir dan serangan siber.

Pendekatan menyeluruh yang diambil oleh BNM dalam mengukuhkan daya tahan organisasi telah menerima pengiktirafan antarabangsa, khususnya Anugerah Pengurus Risiko (Risk Manager Award) daripada Central Banking Publications pada bulan Mac 2023.

[1] Maklumat lanjut tentang interaksi BNM dengan orang ramai dan usaha BNM membanteras penipuan kewangan sepanjang tahun 2023 boleh dibaca menerusi bab 'Menyantuni Rakyat Malaysia' dalam laporan ini.

Audit Dalaman

Jawatankuasa Audit Lembaga (Board Audit Committee, BAC) melaksanakan pengawasan terhadap keberkesanan kawalan dalaman dan proses pelaporan kewangan BNM. BAC juga menjalankan pengawasan terhadap pematuhan BNM terhadap standard undang-undang dan pengawalseliaan. Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, BAC memberikan hala tuju terhadap pelan dan aktiviti audit yang dijalankan oleh Jabatan Audit Dalam untuk mendapatkan jaminan berhubung dengan perkara yang dipantau oleh BAC.

Jabatan Audit Dalam memberikan jaminan bebas dan objektif berhubung dengan kecukupan dan keberkesanan tadbir urus dan kawalan risiko BNM. Jabatan ini juga menyediakan penilaian bebas mengenai pengurusan rizab antarabangsa BNM kepada Menteri Kewangan. Penilaian ini memastikan rizab antarabangsa diuruskan mengikut dasar dan garis panduan yang telah diluluskan.

Keutamaan audit pada tahun 2023 diselaraskan dengan risiko organisasi utama BNM (termasuk risiko baharu) dan matlamat strategik (Gambar Rajah 5). Dalam menentukan keutamaannya, Jabatan Audit Dalam menggabungkan pandangan yang diperoleh daripada sesi libat urus dengan pihak berkepentingan utama termasuk jabatan-jabatan lain, Jabatan Pengurusan Risiko, Pengurusan Kanan dan BAC.

Salah satu keutamaan penting Jabatan Audit Dalam pada tahun 2023 adalah untuk memberikan jaminan serta peningkatan kawalan yang menambah nilai terhadap pengurusan risiko keselamatan maklumat, risiko keselamatan siber dan risiko teknologi BNM. Tindakan ini penting untuk mengurangkan potensi kelemahan dalam operasi BNM dan meningkatkan daya tahan organisasi.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk memberikan jaminan yang holistik kepada Lembaga Pengarah dan Jawatankuasa Pengurusan, Jabatan Audit Dalam terus menggalakkan kesedaran yang lebih tinggi mengenai budaya risiko dan amalan kawalan yang mantap dalam kalangan kakitangan. Usaha ini dilakukan melalui sesi libat urus luar kitaran (*off-cycle engagements*) dengan fungsi urusan dan siaran pandangan audit secara berkala di seluruh organisasi bagi mempertingkatkan tahap kejelasan dan kesedaran risiko pada semua peringkat organisasi.

Kemajuan perisian pengurusan audit dan analisis data yang digunakan oleh BNM telah membolehkan proses audit dan penilaian risiko yang lebih cekap. Jabatan Audit Dalam juga mengadakan perbincangan dengan pengamal audit terkemuka bagi mendorong penambahbaikan yang berterusan dalam inisiatif digital serta amalan audit. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan untuk memanfaatkan kefahaman berpandangan ke hadapan dan memberikan jaminan terhadap kawalan dalaman untuk mencapai objektif strategik BNM.

Pada masa hadapan, Jabatan Audit Dalam akan memulakan penggunaan alat kecerdasan buatan generatif sebagai sebahagian daripada pendekatan pengauditan berterusannya. Usaha ini akan dilengkapi dengan peningkatan kemahiran kakitangan dalam keupayaan sains data dan analitik.



Pasukan Jabatan Pengurusan Risiko dan Jabatan Keselamatan Siber yang bertanggungjawab untuk memantapkan daya tahan keselamatan maklumat BNM (dari kiri: Ong Jit Seng, Tan Chai Heng, Noor Syafinaz Mohammad Zain, Wong Jing Yi, Beh Cheng Hoon, Laily Sahari)

Gambar Rajah 5: Tumpuan dan Liputan Audit yang Dijalankan pada Tahun 2023



Sumber: Bank Negara Malaysia

Menyantuni Rakyat Malaysia

Dasar dan tindakan BNM memberikan kesan kepada individu dan perniagaan di Malaysia. Maka, matlamat libat urus BNM dengan pihak berkepentingan adalah untuk mempertingkatkan kefahaman mereka berhubung dengan peranan dan dasar BNM

Pengenalan

Sepanjang tahun 2023, BNM mempergiat usaha untuk menyantuni pelbagai pihak berkepentingan. Dasar monetari, ringgit, penipuan kewangan dan literasi kewangan merupakan topik-topik utama yang dibincangkan dalam libat urus tersebut. BNM juga meneroka platform baharu dan menguji kaji cara baharu untuk menjelaskan pelbagai isu. Matlamat usaha ini adalah untuk meningkatkan pemahaman orang ramai mengenai peranan dan keputusan dasar BNM, selanjutnya mengukuhkan keyakinan orang ramai terhadap BNM.

Menjelaskan Dasar BNM

Dasar dan inisiatif BNM memberikan kesan kepada pelbagai pihak berkepentingan, termasuk Kerajaan, penggubal undang-undang, media, penganalisis dan orang awam. Komunikasi dan libat urus adalah penting untuk menjelaskan dasar BNM dan mendapatkan maklum balas. Di samping itu, isu ekonomi dan sistem kewangan negara yang semakin kompleks telah mendorong BNM menggunakan pendekatan pelbagai cara dan bersasar dalam menyampaikan maklumat dan menjelaskan tindakannya.



Timbalan Gabenor Adnan Zaylani Mohamad Zahid dan Penolong Gabenor Fraziali Ismail berkongsi pandangan dengan penganalisis semasa pengumuman KDNK S2 2023 oleh BNM

Komunikasi BNM dilaksanakan menerusi pembentangan kepada pihak berkepentingan sektor awam, seperti Jawatankuasa Pilihan Khas Kewangan dan Ekonomi Parlimen (Parliamentary Select Committee on Finance and Economy), sesi perbualan dengan pengarang (*editors*), bengkel media, dan sesi libat urus dengan pelbagai persatuan dan kumpulan. Perbincangan dalam libat urus ini umumnya tertumpu pada ringgit, inflasi dan cara BNM melaksanakan dasar monetari. BNM juga mengadakan taklimat kepada penganalisis selepas penerbitan angka KDNK suku tahunan dan Pernyataan Dasar Monetari.[1] Yang penting, bentuk libat urus yang pelbagai ini juga merupakan peluang untuk BNM mendengar kebimbangan dan memahami pandangan pihak berkepentingan. Hal ini juga membolehkan BNM menambah baik komunikasi tentang dasar dan menyokong usaha pendidikan dan jangkauan yang lebih berkesan.



Pada bulan Oktober 2023, Timbalan Gabenor Jessica Chew dan Penolong Gabenor Dr. Norhana Endut membentangkan penilaian risiko dan prospek kestabilan kewangan domestik semasa pelancaran laporan Tinjauan Kestabilan Kewangan ST1 2023

[1] Maklumat lanjut tentang komunikasi Dasar Monetari BNM boleh dibaca dalam bab 'Menggalakkan Kestabilan Monetari'.

Sasana Symposium 2023

Sasana Symposium (Simposium) dengan tema 'Pembaharuan Struktur ke arah Malaysia yang Lebih Kukuh', telah julung kali diadakan pada bulan Jun 2023. Berasaskan penerbitan Laporan Tahunan, Tinjauan Ekonomi dan Monetari serta Tinjauan Kestabilan Kewangan BNM yang diterbitkan dua kali setahun, Simposium ini menawarkan saluran tambahan untuk orang ramai terlibat dalam perbincangan mengenai hasil kerja BNM. Peserta Simposium termasuk pemimpin dan pakar industri, yang mengambil bahagian dalam perbincangan mengenai pelbagai isu kontemporari yang berkaitan dengan dasar monetari, ringgit, pendigitalan, jaringan keselamatan sosial, kewangan Islam dan kelestarian.



Gabenor Nor Shamsiah Mohd Yunus bersama wakil-wakil daripada pengendali sistem pembayaran serta bank pusat Malaysia, Thailand, Indonesia dan Singapura selepas melancarkan jalinan pembayaran QR rentas sempadan



Penolong Gabenor Suhaimi Ali berkongsi cara institusi kewangan dan pihak berkuasa boleh menguruskan risiko yang berkaitan dengan pembayaran digital dalam sesi 'Penerapan Digital dengan Yakin dalam Landskap Inovatif'



Penolong Gabenor (kini Timbalan Gabenor) Adnan Zaylani Mohamad Zahid menyertai sesi perbincangan mengenai 'Ringgit dan Pembangunan Pasaran Kewangan'



Kawasan QRPay4Food membolehkan pengunjung membuat pembayaran QR rentas sempadan kepada vendor dari Indonesia, Singapura dan Thailand, seolah-olah seperti berada di negara tersebut

Selain libat urus, BNM juga menggunakan pendekatan komunikasi yang berlainan untuk memenuhi keperluan khalayak yang berbeza. Seperti yang diterangkan lebih lanjut dalam bab ini, pendekatan ini termasuk sesi turun padang, pameran hasil seni, serta penyesuaian kandungan media sosial. Matlamat BNM adalah supaya tindakan dasar dan advokasinya difahami dengan baik, lantas dapat mencapai hasil yang dihasratkan.

Membanteras Penipuan Kewangan

Salah satu keutamaan teratas BNM pada tahun 2023 adalah untuk membanteras penipuan kewangan. BNM mengambil langkah padu untuk mengumpulkan pihak media, agensi penguatkuasaan undang-undang dan industri kewangan untuk menangani isu penipuan

kewangan secara holistik. Agensi penguatkuasaan undang-undang termasuk BNM berkongsi pandangan tentang taktik penipuan kewangan terkini dan langkah-langkah membendungnya, di samping usaha mendapatkan semula dana yang dicuri. Berikutan peranan penting media dalam membentuk kesedaran awam tentang penipuan kewangan, penting bagi agensi penguatkuasaan undang-undang untuk menyantuni pihak media ke arah meningkatkan kesedaran mereka. Hal ini merangkumi penambahbaikan undang-undang dan peraturan, atau usaha penguatkuasaan supaya maklumat yang tepat dapat disebarkan dengan pantas.

Dalam usaha mengukuhkan barisan pertahanan hadapan memerangi penipu (*scammer*), BNM terus menumpukan usahanya untuk menyusun atur kandungan kesedaran penipuan kewangan yang dikongsikan menerusi kesemua enam platform media sosialnya dan juga halaman khas Facebook Amaran Scam, pada setiap hari Jumaat. BNM juga melaksanakan kempen kesedaran penipuan kewangan yang lebih bersasar dan relevan ketika musim perayaan untuk terus menarik minat orang ramai mengenai perkara ini (Gambar Rajah 1).

Kempen Siri Seram Scam BNM semasa bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri meraih lebih 25 juta tontonan menerusi media sosial.

Bank-bank juga meningkatkan inisiatif yang tertumpu pada mempertingkatkan kesedaran tentang penipuan kewangan. Pada bulan Oktober, industri perbankan telah melancarkan kempen #JanganKenaScam, diikuti dengan hantaran kesedaran penipuan kewangan secara terselaras oleh industri, serta #JanganKenaScam Fest, sebuah jerayawara pendidikan penipuan kewangan yang interaktif.





Timbalan Gabenor Marzunisham Omar menyampaikan ucapan pembukaan di bengkel media BNM mengenai penipuan kewangan

Gambar Rajah 1: Kempen Kesedaran Penipuan Kewangan BNM Menerusi Media Sosial



Kempen kesedaran penipuan kewangan BNM bertemakan perayaan



Kempen kesedaran penipuan kewangan BNM pada bulan Ramadan mencatatkan kadar interaksi dan perbincangan (engagement) yang tinggi

BNM juga menjalankan program Latihan Tenaga Pengajar (Train-the-Trainer, TTT) utamanya di seluruh negara untuk meningkatkan kemahiran lebih 500 pegawai industri kewangan dan melengkapkan mereka dengan pengetahuan yang diperlukan untuk mengenal pasti penipuan kewangan dan mengekalkan keselamatan asas (*basic security hygiene*). Pada tahun 2023, lebih 30,000 rakyat Malaysia di seluruh negara telah beroleh manfaat daripada menyertai sesi kesedaran penipuan kewangan yang dikendalikan oleh peserta program TTT.

Meningkatkan Kesedaran Mengenai Tindakan Penguatkuasaan

BNM menerbitkan butiran tindakan penguatkuasaannya terhadap entiti di dalam dan di luar bidang kawal selianya melalui laman sesawang BNM. Usaha ini adalah selaras dengan komitmen BNM terhadap ketelusan dan akauntabiliti awam dalam melaksanakan mandatnya. Tindakan ini juga berfungsi sebagai penghalang yang berkesan (*credible deterrent*) terhadap salah laku pada masa hadapan. Pada tahun 2023, BNM menambah baik halaman Tindakan Penguatkuasaan (bnm.gov.my/enforcement-actions) dalam laman sesawangnya untuk lebih memudahkan orang ramai mengakses maklumat tindakan pentadbiran dan undang-undang yang telah diambil terhadap entiti di dalam dan di luar bidang kawal selianya. (Untuk butiran lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Pendekatan Penguatkuasaan BNM dan Penzahiran Tindakan Penguatkuasaan').

Orang ramai juga boleh mendapatkan maklumat dalam Senarai Amaran Pengguna Kewangan (bnm.gov.my/fca) mengenai nama individu, entiti atau skim yang orang ramai perlu berwaspada dalam urusan mereka, kerana entiti atau skim ini mungkin disalah anggap atau kelihatan sebagai berlesen atau dikawal selia oleh BNM.

Menyantuni Masyarakat

Usaha penyantunan BNM kekal penting untuk membuahkan hasil yang dihasratkan seperti rangkuman kewangan dan mempertingkatkan celik kewangan. Usaha ini termasuk acara berskala besar seperti Karnival Celik Kewangan (KCK) (Gambar Rajah 2), dan acara berskala kecil di lebih banyak kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang mendapat perkhidmatan



Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour melancarkan Karnival Celik Kewangan yang memberikan akses percuma kepada khidmat nasihat kewangan untuk orang ramai



Timbalan Menteri Kewangan I, YB Datuk Seri Ahmad Maslan (tengah), bersama Timbalan Gabenor Adnan Zaylani Mohamad Zahid (kanan) melawat salah sebuah gerai di Karnival Celik Kewangan



Memperkasakan komuniti dengan pengurusan kewangan sambil mereka beralih menjadi masyarakat tanpa tunai

Gambar Rajah 2: Karnival Celik Kewangan

KCK Kelantan 16 – 17 Jun 2023	KCK Johor 27 – 29 Oktober 2023
18,000 pengunjung 23,000 dicapai menerusi FB Live	25,000 pengunjung 57,000 dicapai menerusi FB Live
16 forum dan ceramah mini	13 forum dan ceramah mini
500 peserta Takaful4All Fun Run	750 peserta Takaful4All Fun Run
1,200 khidmat nasihat kewangan Transaksi kewangan* bernilai >RM420,000	14,786 khidmat nasihat kewangan Transaksi kewangan* bernilai >RM14 juta

* Jumlah deposit, pembiayaan dan insurans/takaful.

Sumber: Bank Negara Malaysia

kewangan. Melalui KCK, orang ramai boleh mengakses pelbagai jenis maklumat mengenai produk dan perkhidmatan kewangan, khidmat nasihat kewangan dan pendidikan kewangan. Sementara itu, acara berskala kecil membolehkan BNM lebih bersasar dalam libat urusnya. Sebagai contoh, program berkaitan inisiatif e-Duit mempunyai tujuan khusus untuk menggalakkan e-pembayaran dan meningkatkan celik kewangan digital. Pada tahun 2023, lebih 110 program berkaitan e-Duit telah dijalankan. Program tersebut turut diperluas untuk memberi manfaat kepada masyarakat luar bandar seperti di Serikin dan Siniawan, Sarawak; Langkawi, Kedah; dan Bagan Nakhoda Omar, Selangor.

Kumpulan sasaran utama untuk usaha penyantunan awam BNM ialah golongan belia. Secara keseluruhan, BNM menyantuni lebih 1,800 belia di seluruh Malaysia. Salah satu matlamat utamanya adalah untuk membantu mereka membina pemahaman yang lebih mendalam tentang ekonomi serta mandat dan dasar BNM. BNM juga memberikan tumpuan pada meningkatkan keupayaan dan kesedaran belia tentang topik kontemporari seperti penipuan kewangan dan celik kewangan. Sehubungan dengan itu, Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN) melancarkan program rintis pendidikan kewangan, FEN PROAKTIF, yang bertujuan untuk melengkapi belia di universiti tempatan dengan kemahiran pengurusan kewangan.



Libat urus BNM dengan belia di UNIMAS, Kuching, Sarawak



Penolong Gabenor Dr. Norhana Endut menyampaikan ucapan alu-aluan kepada 400 pelajar yang sedang mengikuti pengajian di Malaysia dan di luar negara semasa AMEU Economics Summit 2023



BNM mengundang kumpulan belia ke Sasana Symposium BNM untuk mendalami isu-isu kepentingan awam

Memandangkan pendekatan holistik diperlukan untuk meningkatkan celik kewangan, BNM bekerjasama dengan institusi lain seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain menerusi Jaringan Pendidikan Kewangan (Financial Education Network, FEN). Melalui pelbagai acara, dialog dan jerayawara, FEN menyantuni pelbagai pihak berkepentingan untuk meningkatkan kesedaran dan menggalakkan perbincangan mengenai celik kewangan. Pada tahun 2023, empat bidang tumpuan FEN ialah:

a) Pengurusan Kewangan Peribadi: Memperkukuh keupayaan untuk mengurus kewangan secara berhemat dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

b) Celik Kewangan Digital: Menyokong kumpulan yang mudah terjejas pada pelbagai peringkat kehidupan sambil menyokong penggunaan perkhidmatan kewangan digital secara selamat.

c) Merangsang Pertumbuhan Mampan: Memperkasakan rakyat Malaysia untuk menggunakan produk dan perkhidmatan kewangan dengan berkesan dan menggarap peluang pertumbuhan .

d) Melindungi Kekayaan: Memelihara kesejahteraan kewangan melalui insurans dan takaful, serta mempertingkatkan kesedaran tentang potensi risiko dan penipuan untuk mengelakkan kerugian yang besar.

Pada tahun 2023, acara utama FEN, Bulan Celik Kewangan (Financial Literacy Month, FLM) mencapai lebih 6.3 juta

Gambar Rajah 3: Inisiatif dan Libat Urus Pendidikan Kewangan Utama pada FLM 2023



1 JELAJAH & PAMERAN — >350 ribu Jangkauan
- Minggu Saham Amanah Malaysia: 30 Sept.–8 Okt. 2023
- Jelajah FLM 2023 meliputi 71 lokasi, termasuk 14 universiti dan 10 institusi TVET
- Inisiatif Bank Bergerak oleh Institusi Kewangan Peserta
- Karnival Celik Kewangan: 27–29 Okt. 2023

2 FORUM, DIALOG & WEBINAR — >960 ribu Jangkauan
- Forum Perdana Hal Ehwal Islam – 'Jerat Derita Akaun Bernyawa'
- Tiga dialog PKS di seluruh negara
- Seminar/webinar celik kewangan yang dijalankan oleh ahli dan rakan usaha sama FEN

3 SIMPOSIUM, PENYELIDIKAN & TINJAUAN — >7 ribu Penyertaan
- Simposium Literasi Kewangan Kebangsaan
- Komuniti Pengamal
- Tinjauan celik kewangan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan RinggitPlus

4 PROGRAM LAIN — 1.6 juta Jangkauan
- FinFit Challenge 2023
- Pendidikan Kewangan KPM

5 PLATFROM MEDIA SOSIAL — 3.4 juta Jangkauan
Facebook, Instagram dan TikTok

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan

Gambar Rajah 4: Jelajah FLM 2023 di 71 Lokasi Seluruh Negara

Jelajah Seluruh Negara FLM
Bulan Literasi Kewangan 2023 | 29 September – 26 Oktober 2023



71 lokasi

Menyantuni >31k rakyat (2022: 20k)

11 program pendidikan kewangan diterajui institusi kewangan peserta melalui Inisiatif Bank Bergerak khususnya di pedalaman Sabah dan Sarawak (9,300 jangkauan)

Kandungan khusus untuk memenuhi keperluan khalayak sasaran, dengan penekanan terhadap keselamatan siber

Pengetahuan bersepadu dengan seruan untuk bertindak, berserta peluang buat pengguna untuk pantas mengaplikasikan ilmu baharu mereka menerusi perundingan peribadi dengan AKPK (hutang), KWSP (persaraan) dan MTA (Perlindungan Tenang dan PERKESO (perlindungan sosial))

Sumber: Jaringan Pendidikan Kewangan







Jelajah FLM 2023 menggabungkan teori dengan langkah praktikal, yang memberi pengguna akses pantas kepada khidmat nasihat dan perkhidmatan kewangan

rakyat Malaysia, iaitu peningkatan yang ketara berbanding dengan tahun 2022 (Gambar Rajah 3). Peningkatan ini datang daripada jangkauan kandungan FEN menerusi platform media sosial yang lebih luas serta skala program pendidikan yang lebih besar (Gambar Rajah 4).

Memperluas Rangkaian Digital BNM

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, BNM telah memperkukuh penggunaan media sosial untuk meluaskan capaiannya kepada masyarakat. Media sosial ialah alat komunikasi yang sangat berkuasa kerana kemampuannya untuk membolehkan BNM menyampaikan mesej yang disesuaikan dengan segmen masyarakat yang berbeza. Khasnya, video penjelasan berbentuk animasi dan video pendek telah membolehkan penyediaan kandungan yang lebih khusus bagi memudahkan pemahaman dasar monetari, analisis ekonomi, celik kewangan dan membanteras penipuan kewangan.

Pada tahun 2023, BNM terus memanfaatkan media sosial sebagai platform untuk menyantuni orang ramai. Kehadiran media sosial BNM adalah berteraskan tujuh siri bulanan khas (Gambar Rajah 5). Pada tahun ini, BNM menambah siri baharu 'Anda Tanya, BNM Jawab' bagi menerangkan topik teknikal, isu terkini dan dasar. BNM dalam hal ini memperkenalkan persona baharu bernama Sherry yang berpengetahuan luas dan peka isu terkini serta celik kewangan kepada pengikut media sosialnya. Sherry membantu menghuraikan isu kompleks seperti tindakan penguatkuasaan BNM dan skim pelaburan haram. Beliau juga menjelaskan skop BNM dalam mengawal selia pelaburan atau perdagangan berhubung dengan emas, perak dan logam berharga.

Selain menawarkan lebih banyak kandungan, BNM turut mempelbagaikan dan menyesuaikan format penyampaiannya agar lebih berkesan. BNM menghasilkan video pendek yang tempohnya sekitar seminit serta video yang lebih panjang untuk memenuhi keperluan berbeza khalayaknya. Apabila sesuai, BNM mengetengahkan warga kerjanya, seperti dalam hantaran iklan pengambilan pekerja, untuk memberikan gambaran tentang suasana dan makna tugas di bank pusat kepada mereka yang mempertimbangkan BNM sebagai majikan.

Selain metrik pertambahan pengikut dan tontonan (*impression*), BNM memberikan perhatian yang teliti pada kadar interaksi dan perbincangan (*engagement*)

Gambar Rajah 5: Siri Bulanan Utama BNM di Media Sosial



Anda Tanya, BNM Jawab: Video penerangan mengenai isu terkini



Amaran Scam: Perkongsian tip-tip penipuan kewangan



Siri Petikan BNM: Petikan ucapan pengurusan kanan BNM



Tahukah Anda: Fakta ringkas yang menarik mengenai dasar dan inisiatif BNM



Bijak Kewangan: Ringkasan petua celik kewangan



Imbas Kembali: Imbasan sejarah BNM sepanjang 65 tahun yang membangkitkan nostalgia





BNM Kongsi: Meringkaskan isu kompleks tanpa istilah teknikal

untuk mengukur kesan jangkauan. Kadar penglibatan membantu untuk memaklumkan topik dan jenis siaran yang lebih menarik kepada khalayak BNM, dan seterusnya membantu memperkemas strategi komunikasinya. Pada tahun 2023, platform media sosial BNM merekodkan purata pertambahan pengikut sebanyak 22.8% (2022: 25%), dengan Instagram menjadi platform yang paling pesat berkembang.

Yang nyata, usaha komunikasi digital BNM untuk meningkatkan pemahaman orang ramai tentang peranan dan mandatnya telah meraih anugerah Communications Initiative Award pada bulan Mac 2024 daripada Central Banking, sebuah penerbit bebas global mengenai hal ehwal perbankan pusat.

Garapan Seni dalam Kewangan

Melalui pameran terpilih dan program pendidikannya, Muzium dan Galeri Seni BNM (BNM MAG) berhasrat untuk mempamerkan gabungan kewangan, seni dan budaya kepada orang ramai. Pada tahun 2023, bilangan pelawat BNM MAG meningkat sebanyak 158% apabila BNM MAG terus menjadi destinasi popular untuk keluarga, penggemar seni dan pelancong. Pameran sementara berdasarkan tema khas menjadi pelengkap kepada pameran seni tetap di BNM MAG.





BNM MAG ialah destinasi popular untuk keluarga, pelajar dan pelancong

Gambar Rajah 6: Pameran dan Aktiviti BNM MAG pada Tahun 2023

LATerasi Kewangan di Kuching

- Pameran yang diadakan dengan kerjasama Jabatan Muzium Sarawak, menampilkan karikatur unik oleh Datuk Lat dari tahun 1999 hingga 2012. Pameran diinspirasikan daripada siri Buku Wang Saku terbitan BNM untuk memupuk pengurusan wang berhemat sejak kecil.



Premier Sarawak diiringi oleh Timbalan Gabenor Marzunisham Omar dan Datuk Lat mengunjungi pameran Laterasi Kewangan selepas pelancarannya



Para tetamu dihidangkan dengan persembahan wayang kulit selepas pelancaran oleh Gabenor Abdul Rasheed Ghaffour

Gerak Bayang: Seni Bercerita

- Pameran ini mempersembahkan hasil seni oleh 39 seniman bertemakan wayang kulit, yang mempamerkan bentuk seni tradisional wayang kulit yang tersendiri dan unik, serta boneka untuk pemerhatian dan penghayatan.

Hari Muzium Antarabangsa 2023 di Muzium Budaya Borneo

- Pameran BNM MAG 'Finance Fit Gym', direka sebagai gimnasium mini untuk mendidik orang ramai tentang pengurusan kewangan yang berhemat, sejarah mata wang Sarawak, penipuan kewangan dan kelestarian.



Gerai BNM MAG pada Hari Muzium Antarabangsa 2023 telah menerima anugerah 'Pameran Paling Popular' dan 'Pameran Paling Kreatif' oleh Jabatan Muzium Malaysia dan International Council of Museums Malaysia (ICOMMAL)



Penolong Gabenor Abd. Rahman Abu Bakar mengunjungi bazar

Bazar Seni 2023

- Bazar Seni 2023, bertemakan 'Apa Khabar?', bertujuan untuk meraikan dan menonjolkan bakat seniman tempatan baharu. Misi utamanya adalah untuk mempromosikan kebolehcapaian seni kepada orang ramai.

Persidangan International Committee for Money and Banking Museums (ICOMON)

- Golongan profesional, pakar dan peminat wang dan muzium perbankan dari seluruh dunia berkumpul untuk membincangkan perkembangan peranan muzium dalam era digital serta pendekatan inovatif untuk meningkatkan pendidikan dan penyantunan awam.



Timbalan Gabenor Marzunisham Omar merasmikan Persidangan ICOMON 2023



Kanak-kanak yang menghadiri festival mengambil bahagian dalam bengkel celik kewangan dan sesi seni mempertahankan diri

Pesta Kanak-Kanak @ MAG 2023

- Dengan tema 'L.O.V.E & K.A.S.I.H,' festival tersebut bertujuan untuk memupuk kesejahteraan kanak-kanak, dengan tumpuan utama pada kesihatan fizikal dan mental mereka. Terdapat juga program untuk meningkatkan kesedaran tentang kepentingan celik kewangan.

Sumber: Bank Negara Malaysia

Langkah Selanjutnya

Usaha memelihara keyakinan orang ramai merupakan matlamat BNM. Komunikasi BNM tidak hanya mementingkan kandungannya, malah cara komunikasi disampaikan juga turut diambil kira. Pada tahun yang akan datang, BNM akan terus mengatur libat urusnya dengan penuh bermatlamat supaya mandatnya dapat dilaksanakan dengan berkesan demi kepentingan terbaik negara. BNM akan terus membina kesedaran orang ramai tentang tindakan dasarnya serta isu kontemporari seperti penipuan kewangan, celik kewangan dan isu ekonomi yang berkaitan dengan peranan dan mandat BNM.

Libat Urus Antarabangsa

Pada tahun 2023, Bank Negara Malaysia (BNM) telah mengadakan libat urus secara aktif dengan komuniti antarabangsa melalui penyertaan dalam wacana global, platform integrasi dan kerjasama serantau serta libat urus dua hala dengan rakan sejawat dari negara-negara lain. Libat urus antarabangsa terus menjadi saluran penting yang menyokong penyampaian mandat BNM dan mengukuhkan kepentingan BNM dalam bidang keutamaan strategik. Bidang-bidang ini termasuk menambah baik jaringan keselamatan kewangan Malaysia, meningkatkan pembayaran rentas sempadan dan menguruskan risiko berkaitan iklim dalam sektor kewangan.

Memperkasakan suara BNM pada peringkat antarabangsa mengenai isu-isu perbankan pusat

Melalui penyertaan dalam platform antarabangsa, BNM meneruskan kerjasama strategik dan dialog dasar yang membina dengan rakan sejawat di bank-bank pusat lain. Penglibatan BNM menyumbang kepada pengiktirafan perspektif ekonomi sedang pesat membangun (*emerging markets economies*, EME) dalam wacana antarabangsa.

Tumpuan utama pada tahun 2023 adalah pada limpahan daripada dasar monetari yang ketat di ekonomi maju; inflasi; dan konflik geopolitik. Di Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF), BNM menggariskan cabaran yang dihadapi oleh EME dan menekankan keperluan institusi kewangan antarabangsa untuk mengambil kira keutamaan dasar dan ciri-ciri negara apabila memberikan nasihat dasar. Pada peringkat serantau, BNM menyokong kerjasama kewangan yang lebih mendalam pada forum Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) dan ASEAN+3, yang juga termasuk China, Jepun dan Korea. Topik utama pada forum-forum ini merangkumi integrasi kewangan, jaringan keselamatan kewangan dan kelestarian.

Pada tahun 2023, platform bagi bank pusat seperti Bank for International Settlements (BIS) dan Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks (EMEAP) kekal penting dalam mengukuhkan kerjasama mengenai isu berkaitan kestabilan monetari dan kewangan. Di bawah bidang kuasa Asia Consultive Council BIS, BNM bekerjasama dengan 12 bank pusat Asia yang lain untuk mengkaji dasar terhadap pelbagai kejutan makrokewangan yang dihadapi pada tahun 2022 dan iktibar yang diperoleh. Kerjasama ini menghasilkan penerbitan laporan mengenai inflasi, keadaan kewangan luaran dan rangka kerja kestabilan makrokewangan di rantau Asia-Pasifik.[1] Laporan tersebut memberikan pandangan mengenai pertimbangan penting dalam perumusan tindak balas dasar yang wajar bergantung pada keadaan khusus negara.

Menerusi Alliance for Financial Inclusion (AFI) Global Policy Forum 2023, BNM menggalakkan supaya tumpuan diberikan kepada kesan positif jangka panjang peraturan antarabangsa terhadap rangkuman kewangan berikutan peningkatan kestabilan dan ketelusan sistem kewangan. Selaras dengan tema forum ini, AFI melancarkan satu inisiatif penyelidikan mengenai kesalinghubungan antara kestabilan monetari, kestabilan kewangan dan rangkuman kewangan di EME. Inisiatif ini bertujuan untuk meneguhkan kepentingan rangkuman sebagai mandat bank pusat.

[1] Laporan penuh boleh didapati menerusi https://www.bis.org/publ/othp78.htm

Menyokong inisiatif kelestarian

BNM terus menggalakkan peralihan ke arah ekonomi yang lebih lestari secara adil dan teratur merentas seluruh platform utama seperti ASEAN, EMEAP dan Network for Greening the Financial System (NGFS). Melalui platform global, BNM mengetengahkan perspektif EME mengenai kepentingan mengambil kira keutamaan pembangunan dan keperluan pembiayaan dalam merangka peralihan dan menguruskan risiko iklim.

Semasa COP28,[2] BNM dan Bank Dunia mengumumkan beberapa inisiatif untuk menggalakkan kelestarian dalam sektor kewangan berhubung dengan pengurusan risiko berkaitan alam semula jadi. Inisiatif pertama ialah panduan penilaian risiko kewangan yang akan membantu institusi kewangan dan perniagaan menilai risiko dan kesan berkaitan dengan alam semula jadi. Inisiatif kedua adalah untuk menggalakkan penggemblengan modal swasta ke arah hasil positif berkaitan alam semula jadi dengan mewujudkan peraturan sokongan dan merintis struktur kewangan inovatif baharu. Semua inisiatif ini akan memudahkan integrasi pertimbangan berkaitan alam semula jadi dalam proses membuat keputusan di samping menyelaraskan aliran kewangan dengan penyelesaian yang mampan.

BNM terus memajukan kewangan lestari dalam ASEAN. Sebagai ahli ASEAN Taxonomy Board (ATB), BNM menyumbang ke arah penerbitan ASEAN Taxonomy for Sustainable Finance Versi 2. Berlandaskan konsep bagi Versi 1, Versi 2 memberikan kaedah kualitatif yang terperinci untuk menilai aktiviti peralihan dan kelestarian; dan Kriteria Penyaringan Teknikal (Technical Screening Criteria) bagi sektor tenaga.[3] Versi 2 menandakan komitmen ASEAN untuk menyediakan rangka kerja lazim berasaskan sains kepada pihak berkepentingan di samping merangkumi pelbagai peringkat pembangunan ahlinya.

Memanfaatkan kepimpinan Malaysia dalam kewangan Islam

Selaras dengan aspirasi BNM untuk meletakkan Malaysia sebagai gerbang antarabangsa bagi kewangan Islam, BNM secara aktif berkongsi kepakaran dan pengalaman Malaysia selain turut menimba ilmu daripada pandangan negara-negara lain. Hal ini termasuk penyertaan secara aktif dan mengambil peranan galakan (*advocacy*) dalam platform OIC-COMCEC dan MLC.[4]

Dengan kerjasama rakan sejawat antarabangsa,[5] BNM menganjurkan bengkel Promoting Islamic Social Finance and Accelerating the Growth of Halal Value Chain Ecosystem. Bengkel ini telah menghimpunkan seramai 44 orang peserta peringkat tinggi dari 15 buah negara anggota OIC di Kuala Lumpur. BNM berkongsi tentang usaha mengoptimumkan dana kewangan sosial untuk menyokong perniagaan kecil. Turut dikongsi ialah cara model dwisistem kewangan Malaysia membolehkan ekosistem yang berdaya tahan dan komprehensif menyokong pembangunan kewangan Islam, inovasi dan rangkuman kewangan. Bengkel ini menyorot cabaran lazim yang dihadapi oleh negara-negara dalam melaksanakan kewangan sosial Islam dan memberikan petunjuk tentang cara cabaran-cabaran ini dapat ditangani berdasarkan pengalaman negara lain.

BNM menggalakkan penjajaran piawaian kehematan dalam industri perkhidmatan kewangan Islam melalui keahlian BNM dalam Islamic Financial Services Board (IFSB). BNM secara aktif menyumbang kepada kepimpinan berwawasan dengan berkongsi pengalaman Malaysia dalam membangunkan dan melaksanakan piawaian yang serupa di dalam negara. Pada tahun 2023, usaha ini menyumbang kepada penerbitan piawaian IFSB mengenai alat pengurusan risiko mudah tunai, tadbir urus korporat dan penyeliaan berkaitan dengan perkhidmatan kewangan patuh Syariah.

Mencegah dan memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan

BNM mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif global untuk melaksanakan kawalan pencegahan pengubahan wang haram (*anti-money laundering*, AML) dan pencegahan pembiayaan keganasan (*counter the financing of terrorism*, CFT). Peningkatan jenayah kewangan transnasional telah meningkatkan kepentingan libat urus antarabangsa BNM dalam membina daya tahan dalam negeri.

[2] Mesyuarat Tahunan ke-28 Conference of the Parties of the United Nations Framework Convention on Climate Change

[3] Kriteria Saringan Teknikal akan terpakai kepada lima sektor lain iaitu pertanian, perhutanan dan perikanan; perkilangan, pengangkutan dan penyimpanan; bekalan air, pembetungan dan pengurusan sisa; serta pembinaan dan harta tanah.

[4] Untuk maklumat lanjut mengenai penyertaan BNM dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (Organization of Islamic Cooperation, OIC) – Jawatankuasa Tetap bagi Economic and Commercial Cooperation of the Organization of the Islamic Cooperation (COMCEC), dan Majlis Kepimpinan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Islamic Financial Centre (MIFC) Leadership Council, MLC), lihat Bab 1.4: Menggalakkan Sistem Kewangan Islam yang Progresif dan Inklusif.

[5] The Statistical, Economic and Social Research and Training Centre for Islamic Countries (SESRIC) serta bank pusat Indonesia, Arab Saudi dan Turkiye.



Kapsyen gambar: Pengurusan Kanan BNM bertemu dengan rakan-rakan sejawat mereka di Bank of Thailand semasa mesyuarat dua hala pada 4 Februari 2023 di Bangkok, Thailand. Kedua-dua bank pusat bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu penting yang baru muncul serta memperkukuh kerjasama kewangan dengan memeterai pengaturan swap dua hala.

Berdasarkan pertimbangan ini, BNM menjadi tuan rumah Standards Training Course dengan kerjasama Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (Financial Action Taskforce, FATF) dan Asia/Pacific Group on Money Laundering. Latihan tersebut bertujuan untuk meningkatkan pemahaman mengenai Piawaian FATF dan pelaksanaannya. BNM juga menyumbang kepada penerbitan bersama seperti Typologies Report on Misuse of Corporate Structures and Illicit Financial Flows from Cyber-Enabled Fraud[6] oleh Kumpulan Egmont.[7] Penerbitan ini menggariskan penunjuk risiko utama yang perlu dipantau oleh pihak berkuasa dan menekankan keperluan kerjasama pelbagai hala. Di rantau Asia Pasifik, BNM terus menjadi peneraju bersama dalam Multi-Jurisdictional Anti-Fraud Project dan Regional Information Sharing Platform yang sedang dilaksanakan. Kedua-dua projek bertujuan untuk menambah baik operasi AML/CFT dengan membolehkan perkongsian maklumat masa nyata.[8]

Memperkukuh jaringan keselamatan kewangan luaran

BNM terus mengukuhkan daya tahan terhadap kejutan luaran dengan mempertingkatkan pengaturan jaringan keselamatan kewangan. Tumpuan diberikan pada usaha meluaskan bilangan saluran yang boleh digunakan oleh BNM, serta pada masa yang sama meningkatkan kebolehcapaian dan kebolehgunaan saluran sedia ada.

Pada bulan Februari 2023, BNM memeterai pengaturan swap dua hala dengan Bank of Thailand (BOT). Pengaturan ini membolehkan kedua-dua pihak mengakses hingga USD3 bilion (atau jumlah yang setara dalam mata wang tempatan) untuk mengatasi kesukaran mudah tunai jangka pendek atau isu imbangan pembayaran. Selain itu, BNM juga memperbaharui perjanjian swap dua hala bernilai USD3 bilion dengan Jepun[9] dengan terma yang lebih baik. Khususnya, perjanjian yang diperbaharui ini memperkenalkan swap awasan untuk pencegahan krisis serta pilihan untuk mendapatkan yen Jepun sebagai tambahan kepada dolar AS. Pihak-pihak yang terlibat juga boleh mengakses 40% swap tersebut tanpa terikat kepada syarat IMF.

Pada peringkat serantau, BNM bersama-sama dengan negara-negara ASEAN+3 yang lain terus menggalakkan penambahbaikan kepada Chiang Mai Initiative Multilateralisation (CMIM).[10] Galakan BNM bertujuan untuk memastikan CMIM terus mencerminkan keperluan

[6] Laporan penerbitan penuh boleh didapati melalui https://www.fatf-gafi.org/en/publications/Methodsandtrends/illicit-financial-flows-cyber-enabled-fraud.html

[7] Kumpulan Egmont ialah badan bersatu yang dianggotai oleh 170 Unit Perisikan Kewangan (Financial Intelligence Units, FIU) dan menyediakan platform yang selamat untuk bertukar-tukar kepakaran dan risikan kewangan untuk AML/CFT.

[8] Perkara ini diperincikan lagi dalam Bab 1.7: Mengekalkan Integriti Kewangan.

[9] Perjanjian ditandatangani dengan Bank of Japan yang bertindak sebagai ejen Kementerian Kewangan Jepun.

[10] CMIM ialah pengaturan swap mata wang pelbagai hala sebagai sokongan mudah tunai dalam kalangan ahli ASEAN+3. Objektif utamanya adalah untuk menangani isu imbangan pembayaran dan/atau kesulitan mudah tunai jangka pendek di negara rantau ASEAN+3, dan melengkapi pengaturan kewangan antarabangsa yang sedia ada.

serantau. Salah satu penambahbaikan penting ialah pengurangan kos peminjaman yang akan mengurangkan beban bakal peminjam ketika krisis. BNM juga menyokong agar kemudahan pembiayaan pantas baharu diwujudkan, yang akan memastikan pengeluaran dana dengan cepat tanpa terikat kepada syarat. Kemudahan baharu itu bertujuan untuk menangani segera kesukaran imbangan pembayaran yang berpunca daripada kejutan bersifat luaran (*exogenous*) seperti bencana alam atau pandemik.

Pada peringkat global, BNM menyokong resolusi pragmatik dan tepat pada masanya terhadap General Review of Quotas IMF yang ke-16, berikutan kesukaran memuktamadkan semakan sebelumnya. Kuota IMF mencerminkan kedudukan relatif setiap anggota dalam ekonomi dunia. Antara lain, kuota ini menentukan jumlah sumbangan setiap anggota kepada IMF, kuasa mengundi dan kelayakan pembiayaan. Hasil resolusi yang menggalakkan telah tercapai dengan peningkatan 50% dalam kuota dan komitmen untuk mengurangkan pergantungan pada sumber yang dipinjam[11] oleh IMF. Keadaan ini memastikan kecukupan sumber IMF untuk memberikan pinjaman kepada anggotanya di samping meningkatkan peranan utama kuota.

Memperdalam integrasi untuk perdagangan dan pelaburan

Bagi menyokong strategi negara, BNM telah mengorak langkah untuk mempertingkatkan integrasi dalam perdagangan, pelaburan dan pembayaran pada tahun 2023. Perjanjian perdagangan dan pelaburan antarabangsa adalah penting untuk mengurangkan halangan kepada integrasi. Bagi sektor kewangan Malaysia, perjanjian-perjanjian ini meningkatkan peluang untuk perniagaan serta meluaskan akses kepada produk dan perkhidmatan untuk pengguna. Sehubungan dengan itu, BNM menerajui rundingan perkhidmatan kewangan untuk memacu liberalisasi yang progresif, memudahkan agenda pembangunan utama dan memperkasakan kepentingan strategik bagi Malaysia melalui perjanjian-perjanjian ini. Tahun 2023 juga menjadi tahun termeterainya kemasukan United Kingdom dalam CPTPP.[12] Perkembangan ini menandakan kali pertama Malaysia dan United Kingdom memeterai perjanjian perdagangan bersama. ASEAN juga telah meningkatkan perkongsian dengan Australia dan New Zealand dengan selesainya rundingan semula AANZFTA.[13] Clean Economy and Fair Economy Agreements di bawah IPEF[14] juga akan meningkatkan rangkuman melalui penerapan amalan perdagangan yang mampan dan adil.

BNM juga aktif menggalakkan penggunaan mata wang tempatan untuk menyelesaikan perdagangan dan pelaburan serta menggalakkan kepelbagaian penggunaan mata wang. Penggunaan mata wang tempatan akan membantu mencegah pergantungan pada mata wang utama dan mengurangkan risiko pertukaran asing bagi pelabur dan perniagaan di Malaysia. BNM memperluas dan memperhalus rangka kerjanya dengan BOT dan Bank Indonesia (BI) pada bulan Ogos 2023 untuk meluaskan skop transaksi rentas sempadan yang layak dan menyediakan infrastruktur yang cekap untuk penggunaan mata wang tempatan. Pada tahun 2023, sebanyak USD2.4 bilion (18.6%) daripada perdagangan dua hala Malaysia dengan Thailand telah diselesaikan dalam mata wang tempatan, manakala penyelesaian sebanyak USD1.3 bilion (7.6%) telah diselesaikan dalam mata wang tempatan dengan Indonesia. BNM juga telah meneruskan inisiatif mata wang tempatan dengan China, iaitu rakan perdagangan Malaysia yang terbesar. Pada tahun 2023, sebanyak USD12.7 bilion (24.4%) daripada penyelesaian perdagangan Malaysia dengan China adalah dalam denominasi ringgit dan renminbi.[15] BNM menjangkakan penggunaan inisiatif ini akan terus meningkat kerana memudahkan lagi perniagaan untuk berurus niaga dalam mata wang tempatan.

Selain pengaturan dua hala, BNM bersama-sama dengan bank-bank pusat ASEAN yang lain telah mencapai persetujuan mengenai prinsip-prinsip peringkat tinggi bagi penubuhan dan pelaksanaan ASEAN Local Currency Transactions Framework. Rangka Kerja ini akan meliputi semua transaksi ekonomi dan kewangan serta dikaitkan dengan inisiatif pembayaran rentas sempadan di rantau ASEAN.

[11] Kuota ialah barisan pertahanan pertama IMF. Sumber peminjaman meliputi Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB) dan Pengaturan Pinjaman Dua Hala (Bilateral Borrowing Arrangements, BBA), yang masing-masing merupakan barisan pertahanan kedua dan ketiga IMF. Sumber peminjaman kurang mewakili keanggotaan IMF (tidak semua anggota menyumbang), mengambil masa yang lebih lama untuk dilaksanakan, dan kurang dipercayai berbanding dengan kuota (sumber peminjaman perlu diperbaharui, berbanding dengan kuota yang kekal).

[12] Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership

[13] ASEAN-Australia-New Zealand Free Trade Agreement

[14] Indo-Pacific Economic Framework for Prosperity

[15] Untuk maklumat lanjut mengenai usaha BNM dalam menggalakkan penyelesaian mata wang tempatan, sila lihat Rencana: Menggalakkan Penyelesaian Mata Wang Tempatan Rentas Sempadan.

BNM turut mengukuhkan kesalinghubungan pembayaran rentas sempadan dua hala dengan bank pusat lain. Yang nyata, kesalinghubungan sistem pembayaran negara dengan Indonesia dan Singapura meningkat pada tahun 2023. Pengguna dari Indonesia dan Malaysia kini boleh membuat pembayaran runcit segera di mana-mana negara dengan mengimbas kod QR institusi kewangan peserta. Sementara itu, selain mengimbas kod QR, pengguna di Singapura dan Malaysia boleh membuat pemindahan dana rakan-ke-rakan (*peer-to-peer*) rentas sempadan pada masa nyata dengan hanya merujuk nombor telefon bimbit. Usaha ini akan membantu mengurangkan kos serta meningkatkan kepantasan dan kebolehcapaian pembayaran rentas sempadan, lantas meningkatkan lagi aliran perdagangan dan pelaburan.[16]

Memperkukuh kerjasama dalam bidang perbankan pusat yang berkaitan

Berikutan peningkatan kesalinghubungan antara Malaysia dengan negara lain, kestabilan kewangan dan monetari serantau menjadi matlamat bersama. Susulan matlamat ini, BNM bekerjasama rapat dengan bank-bank pusat lain untuk bertukar-tukar pandangan, serta mengukuhkan keupayaan teknikal dan kepakaran secara kolektif. Kerjasama BNM telah meningkatkan kemahiran BNM dan akan terus menyokong perumusan dasar BNM seiring dengan bank pusat lain.

Pada tahun 2023, BNM mengendalikan 35 program pembinaan keupayaan untuk rakan bank pusat dalam pelbagai bidang. Tumpuan program-program ini adalah pada pendigitalan, pengawasan dan rangka kerja pengawalseliaan Takaful. BNM memanfaatkan hubungan dengan bank pusat lain untuk meningkatkan pengetahuan dan membina kepakaran dalam bidang strategik seperti perubahan iklim dan kesiapsiagaan krisis. Pada tahun 2023, BNM mengukuhkan kerjasama dengan Bank of the Lao PDR melalui Memorandum Persefahaman, yang mengandungi persetujuan untuk bekerjasama dalam bidang kepentingan bersama seperti inovasi kewangan.



Kapsyen gambar: Gabenor bersama-sama dengan Dr. Bounleua Sinxayvoravong, Gabenor Bank of the Lao PDR semasa upacara memeterai Memorandum Persefahaman untuk bekerjasama dalam bidang kepentingan bersama.

Langkah Selanjutnya

Libat urus antarabangsa BNM terus penting bagi mempertingkatkan persefahaman bersama mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan global. Pemahaman ini juga memaklumkan keupayaan membuat dasar BNM dalam usaha melaksanakan mandat untuk memelihara kestabilan makroekonomi dan kewangan. Pada masa hadapan, BNM akan terus memantapkan lagi usaha sama dengan rakan-rakan sejawatnya untuk memperdalam integrasi serta memajukan lagi kepentingan strategik secara kolektif.

[16] Perkara ini diperincikan lagi dalam Bab 1.5: Menggalakkan Perkhidmatan Pembayaran dan Pengiriman Wang yang Selamat dan Cekap.

Tadbir Urus

Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Kanan, Struktur Organisasi dan Jawatankuasa Berkanun
Bank Negara Malaysia

Tadbir Urus



Tadbir Urus

Bank Negara Malaysia (BNM) bertanggungjawab untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Pengaturan tadbir urus memastikan BNM dapat terus melaksanakan mandatnya sebagai institusi berwibawa dan bebas dengan berkesan. Pengaturan ini adalah seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan undang-undang lain yang turut ditadbir oleh BNM serta dasar dalaman yang dibangunkan sejak sekian lama. Rangka kerja tadbir urus BNM terus diselaraskan dengan amalan terbaik global serta menggalakkan kepentingan akauntabiliti dan standard integriti yang tinggi dalam pelaksanaan tugas dan operasi BNM.

Lembaga Pengarah

Seperti yang digariskan dalam Akta Bank Negara Malaysia 2009, Lembaga Pengarah bertanggungjawab mengawasi pengurusan dan operasi BNM. Ini adalah bagi memastikan BNM melaksanakan mandatnya dan kekal kukuh dari segi kewangan dan operasi serta menggunakan sumber-sumber kewangan dengan cekap dan berkesan.

Lembaga Pengarah terdiri daripada Gabenor yang merupakan Pengerusi, tiga Timbalan Gabenor, Ketua Setiausaha Perbendaharaan serta Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas yang membentuk sebahagian besar Lembaga Pengarah. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong melantik semua ahli Lembaga Pengarah, kecuali Timbalan-timbalan Gabenor, yang dilantik oleh Menteri Kewangan. Gabenor berkhidmat untuk tempoh boleh diperbaharui selama lima tahun manakala Timbalan-timbalan Gabenor dan Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas berkhidmat untuk tempoh boleh diperbaharui selama tiga tahun. Ketua Setiausaha Perbendaharaan kekal sebagai ahli Lembaga Pengarah selagi beliau memegang jawatan.

Pada tahun 2023, Lembaga Pengarah terus menyediakan pengawasan dan nasihat mengenai operasi dan pelaksanaan mandat BNM dengan berkongsi perspektif yang bernilai dalam persekitaran perkembangan ekonomi global dan dalam negeri yang mencabar. Lembaga Pengarah menyaksikan peralihan dalam kepimpinan BNM dengan pelantikan Datuk Shaik Abdul Rasheed bin Abdul Ghaffour sebagai Gabenor Bank yang ke-10 pada 1 Julai 2023 berikutan berakhirnya penggal perkhidmatan Gabenor Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus. Seterusnya, Encik Adnan Zaylani Mohamad Zahid telah dilantik sebagai Timbalan Gabenor pada 1 September 2023.

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya, Lembaga Pengarah telah mengadakan libat urus secara meluas dengan pengurusan kanan BNM mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan utama pada tahun 2023. Lembaga Pengarah menunjukkan minat yang tinggi dalam perkembangan Pelan Sektor Kewangan khususnya berkaitan keutamaan pembangunan dan usaha memajukan agenda iklim, serta isu-isu kepentingan awam seperti inflasi, dasar monetari, kadar pertukaran ringgit dan kesedaran berkaitan penipuan.

Lembaga Pengarah menyemak prestasi keseluruhan BNM dan membincangkan penunjuk prestasi kewangan BNM bagi tahun 2023. Lembaga Pengarah telah menyumbangkan perspektif yang bernilai mengenai keutamaan Pelan Urusan BNM serta memberikan sokongan jitu terhadap pengukuhan pembangunan organisasi BNM. Ini termasuk inisiatif untuk mempercepat pelaksanaan transformasi budaya daripada kesedaran kepada tindakan, meningkatkan usaha bagi menyediakan ekosistem IT dan digital yang selamat, dan mengamalkan struktur imbuhan yang berdaya saing.

Jawatankuasa Lembaga

Lembaga Pengarah disokong oleh tiga jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga, Jawatankuasa Audit Lembaga dan Jawatankuasa Risiko Lembaga. Setiap jawatankuasa ini hanya dianggotai oleh Ahli Bukan Eksekutif Bebas, dan ditadbir oleh Terma Rujukan masing-masing dalam menyokong Lembaga Pengarah serta memastikan fungsi semak dan imbang dalaman yang mencukupi dapat dilaksanakan terhadap pengurusan dan operasi BNM dengan berkesan.

Pada tahun 2023, Jawatankuasa Lembaga Pengarah telah membincangkan hal-hal penting termasuk rancangan penggantian lembaga pengarah dan pengaturan tadbir urus BNM, keberkesanan pengurusan risiko dan rancangan kesinambungan perniagaan, transformasi budaya audit serta kawalan dalaman BNM yang telah dipertingkatkan.

	Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga (BGC)	Jawatankuasa Audit Lembaga (BAC)	Jawatankuasa Risiko Lembaga (BRC)
Pengerusi	**Tan Sri Mohamed Azman Yahya**	**Chin Suit Fang**	**Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon**
Ahli	• **Chin Suit Fang** • **Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon**	• **Kamarulazman Muhamed** • **Dr. Nungsari Ahmad Radhi**	• **Tan Sri Mohamed Azman Yahya** • **Kamarulazman Muhamed** • **Dr. Nungsari Ahmad Radhi**
Peranan dan Tanggungjawab	Mengawasi rangka kerja dan amalan tadbir urus BNM. Menilai dan mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan belanjawan, pelan urusan dan polisi imbuhan BNM. Mengemukakan saranan kepada Lembaga Pengarah berhubung dengan pelantikan dan pelantikan semula ahli Lembaga Pengarah dan jawatankuasa BNM yang ditubuhkan di bawah Akta, seperti: • Jawatankuasa Dasar Monetari • Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan • Majlis Penasihat Shariah dan • Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari	Mengawasi integriti akaun dan penyata kewangan BNM. Mengawasi kecukupan kawalan dalaman dan pematuhan BNM terhadap keperluan undang-undang dan dasar dalaman. Menilai dan meluluskan rangka kerja audit, piagam audit, pelan audit dalaman dan laporan audit BNM, serta mengawasi tindakan susulan oleh pihak pengurusan dalam menangani hasil siasatan yang penting (material findings).	Mengawasi pelaksanaan rangka kerja pengurusan risiko organisasi BNM. Mengawasi pengurusan BNM terhadap risiko kewangan, operasi, reputasi dan teknologi maklumat serta keselamatan siber, termasuk tadbir urus risiko, struktur dan akauntabiliti.

Lembaga Pengarah, dibawah peruntukan undang-undang, dikehendaki untuk bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan. Pada tahun 2023, Lembaga Pengarah mencatatkan kadar kehadiran sebanyak 96.8% bagi mesyuarat Lembaga Pengarah dan kehadiran sebanyak 100% bagi mesyuarat Jawatankuasa-jawatankuasa Lembaga Pengarah, seperti yang ditunjukkan dalam jadual yang berikut:

Jawatan	Ahli	Lembaga*	BGC	BAC	BRC
Pengerusi	Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus[1]	7/7			
Ex officio	Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour[2]	13/13			
	Datuk Jessica Chew Cheng Lian	12/13**			
	Dato' Marzunisham Omar	13/13			
	Adnan Zaylani Mohamad Zahid[3]	4/4			
	Datuk Johan Mahmood Merican[4] *(Ketua Setiausaha Perbendaharaan)*	8/11**			
Ahli Bukan Eksekutif Bebas	Chin Suit Fang[5]	12/12	10/10	5/5	1/1^
	Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon	13/13	12/12	2/2#	4/4
	Tan Sri Mohamed Azman Yahya	13/13	12/12	1/1#	4/4
	Kamarulazman Muhamed	13/13	4/4^#	6/6	4/4
	Dr. Nungsari Ahmad Radhi[6]	12/12	2/2^	5/5	4/4

Nota:
[1] Bersara pada 30 Jun 2023.
[2] Dilantik sebagai Gabenor pada 1 Julai 2023.
[3] Dilantik sebagai Timbalan Gabenor pada 1 September 2023.
[4] Dilantik sebagai Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 27 Februari 2023.
[5] Tempoh sebagai ahli Lembaga Pengarah, ahli BGC dan Pengerusi BAC diperbaharui pada 15 Februari 2023.
[6] Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah, BAC dan BRC pada 15 Februari 2023.
* Sebanyak 13 mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan pada tahun 2023.
** Tidak hadir berikutan komitmen terdahulu yang tidak dapat dielakkan.
^ Bukan ahli yang hadir atas undangan, untuk memberikan makluman dan berkongsi pengetahuan kepada Ahli Bukan Eksekutif Bebas tentang hal-ehwal khusus yang sedang dipertimbangkan oleh Jawatankuasa-jawatankuasa.
# Hadir sebagai Pengerusi dan/atau ahli-ahli sementara menunggu proses pelantikan/pelantikan semula.

Nota Penghargaan:
Lembaga Pengarah ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus atas sumbangan beliau yang tidak ternilai kepada BNM dan Lembaga Pengarah sejak 1 Julai 2018. Sepanjang tempoh perkhidmatan beliau sebagai Gabenor, Tan Sri Nor Shamsiah Mohd Yunus telah berjaya memimpin serta meningkatkan budaya amanah dan keterbukaan BNM yang membolehkan perbincangan yang membina dalam kalangan ahli Lembaga Pengarah. Komitmen beliau yang tidak berbelah bahagi untuk mencapai kecemerlangan organisasi dan objektif pembangunan akan sentiasa dihargai.

Program Induksi dan Pembangunan Lembaga Pengarah

Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas terdiri daripada individu peringkat kanan dan berpengalaman daripada pelbagai latar belakang profesional, termasuk dalam bidang ekonomi, perakaunan dan kewangan, perbankan dan insurans, teknologi maklumat dan keselamatan siber, pengurusan risiko dan audit. BNM mendapat manfaat daripada kebijaksanaan kolektif dan pandangan Lembaga Pengarah serta pemahaman mereka yang mendalam mengenai isu-isu dalam sektor kewangan, sektor perniagaan dan sektor awam.

Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas yang baru dilantik akan menjalani program suai tugas (on-boarding) komprehensif yang merangkumi mandat BNM, keutamaan dasar, rangka kerja tadbir urus dan operasi bagi membolehkan mereka menjalankan peranan pengawasan dengan berkesan.

Sepanjang tempoh perkhidmatan mereka, Ahli-ahli Bukan Eksekutif Bebas juga mengikuti pelbagai program pembangunan pendidikan mengenai isu-isu kontemporari serta terlibat dalam perbincangan berkaitan dasar dengan pihak pengurusan dan kakitangan BNM tentang isu-isu teras yang memberi kesan kepada bank-bank pusat. Isu-isu ini termasuk pembangunan makroekonomi, pengurusan rizab, dasar pengawalseliaan dan penyeliaan, keselamatan siber, teknologi digital dan risiko berkaitan iklim. Pada tahun 2023, mereka juga mendapat manfaat daripada libat urus bersama organisasi luar untuk bertukar pandangan mengenai penggunaan aplikasi kecerdasan buatan dan analitik data dalam memudahkan penilaian dan pandangan audit.

Lembaga Pengarah



Datuk Shaik Abdul Rasheed Abdul Ghaffour

Pengerusi
Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
16 Julai 2016

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan, University of Oxford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, Universiti Malaya, Malaysia
- Asian Institute of Chartered Bankers

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Pusat SEACEN
- Ahli, Lembaga Gabenor Pusat SEACEN
- Ahli Majlis, Islamic Financial Services Board
- Ahli, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia
- Ahli, Lembaga Pentadbir International Islamic Liquidity Management Corporation

Pengalaman Lepas
- Timbalan Gabenor dan ahli Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengarah Eksekutif Silih Ganti, Pejabat Kumpulan Asia Tenggara, Tabung Kewangan Antarabangsa

---



Datuk Jessica Chew Cheng Lian

Ahli Ex Officio
Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
1 Januari 2018

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Muda Perdagangan (Perakaunan dan Kewangan), University of Melbourne, Australia
- Chartered Banker Institute (Scotland)
- Asian Institute of Chartered Bankers
- CPA Australia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Danamodal Nasional Berhad
- Ahli Silih Ganti, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Pengalaman Lepas
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Penasihat, Lembaga Pengarah Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia

Lembaga Pengarah



Dato' Marzunisham Omar

Ahli Ex Officio
Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
15 Jun 2020

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama
- Ahli, Lembaga Pengarah ASB Management Sdn Bhd
- Ahli, Lembaga Gabenor Asia School of Business
- Ahli, Lembaga Pengarah Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan Pengerusi Jawatankuasa Audit
- Ahli, Lembaga Pengarah Pusat SEACEN
- Pengerusi, Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan bagi Pencegahan Pengubahan Wang Haram
- Ahli, Lembaga Penasihat Pusat Pencegahan Jenayah Kewangan Nasional

Pengalaman Lepas
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Pejabat Kumpulan Asia Tenggara, Tabung Kewangan Antarabangsa

---



Adnan Zaylani Mohamad Zahid

Ahli Ex Officio
Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
1 September 2023

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Dasar Awam, Blavatnik School of Government, University of Oxford, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Sains Ekonomi Pasaran Global, London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Ijazah Sarjana Muda Ekonomi, London School of Economics and Political Science, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama
- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Islamic Financial Services Board
- Ahli, Jawatankuasa Eksekutif Lembaga Pengarah International Islamic Liquidity Management Corporation
- Ahli, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Ahli, Lembaga Pengarah International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) University
- Professor Adjung, Universiti Malaysia Terengganu

Pengalaman Lepas
- Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia
- Ahli, Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
- Ahli, Lembaga Pengarah Credit Guarantee Corporation
- Ahli, Lembaga Pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
- Ahli, Lembaga Pengarah Maybank Venture Capital Company Sdn Bhd

Lembaga Pengarah



Datuk Johan Mahmood Merican

Ahli Ex Officio

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
27 Februari 2023

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Kementerian Kewangan

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi), University of Cambridge, United Kingdom
- Akauntan Bertauliah Bersekutu, Institute of Chartered Accountants in England and Wales

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengerusi, Lembaga Pengarah Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam
- Pengerusi, MySalam
- Ahli, Lembaga Pengarah Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS)
- Ahli, Lembaga Pengarah Permodalan Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Perbadanan Insurans Deposit Malaysia

Pengalaman Lepas

- Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar), Kementerian Kewangan
- Pengarah Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan
- Ketua Pegawai Eksekutif, Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)
- Ketua Setiausaha Sulit kepada Menteri di Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi
- Timbalan Ketua Pengarah (Modal Insan), Unit Perancang Ekonomi
- Ketua, Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam



Chin Suit Fang

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
1 November 2019

Kelulusan

- Institut Akauntan Malaysia
- Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Pengalaman Lepas

- Rakan Kongsi, PwC Malaysia
- Ketua Pasaran PwC Malaysia dan PwCMYVN (Malaysia dan Vietnam)
- Ketua Corporate Responsibility dan Diversity & Inclusion, PwC Malaysia
- Ahli, PwC Global Gender Advisory Council
- Mentor untuk Wanita dalam Kepimpinan Malaysia oleh ICAEW dan TalentCorp Malaysia

Lembaga Pengarah



Dato' Dr. Nirmala Menon a/p Y.B. Menon

Ahli Bukan Eksekutif Bebas
Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
16 Mac 2020

Kelulusan
- Kelayakan pascasiswazah dalam Perubatan Insurans
- Ijazah Sarjana Muda Perubatan, University of Mysore, India

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama
- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Aviva Singlife Holdings Private Limited (Singapura)
- Ahli, Lembaga Pengarah Amanat Lebuhraya Rakyat Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Sistem Penyuraian Trafik KL Barat Sdn Bhd
- Ahli, Lembaga Pengarah Lingkaran Trans Kota Sdn Bhd

Pengalaman Lepas
- Ahli, Lembaga Pengarah AXA Affin General Insurance Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Avicennia Capital Sdn Bhd
- Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif, ING Malaysia Berhad
- Naib Presiden Eksekutif dan Ketua, Designated Markets & Health Asia, Metlife Asia Pacific Limited
- Ketua Asia Selatan, ING Asia Pacific Limited
- Pegawai Perubatan, Hospital Kuala Lumpur



Tan Sri Mohamed Azman Yahya

Ahli Bukan Eksekutif Bebas
Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
1 Jun 2020

Kelulusan
- Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi), London School of Economics and Political Science, United Kingdom
- Institute of Bankers Malaysia
- Institute of Chartered Accountants di England and Wales
- Institut Akauntan Malaysia

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Symphony House Sdn Bhd
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Sepang International Circuit Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Beringin Land Sdn Bhd
- Ahli, Lembaga Pengarah Azman and Sons Sdn Bhd

Pengalaman Lepas
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Ranhill Utilities Berhad
- Pengerusi, Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat
- Pengerusi, Lembaga Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad[1]
- Ahli, Lembaga Pengarah Khazanah Nasional Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Sime Darby Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah AIA Group Limited
- Ahli, Lembaga Pengarah PLUS Expressways Berhad
- Ahli PEMUDAH, Yayasan Laporan Kewangan dan Kumpulan Penasihat Pasaran Kewangan, Jawatankuasa Khas Ekonomi Malaysia

[1] Juga berkhidmat sebagai Pengarah Urusan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad sebelum dilantik sebagai Pengerusi.

Lembaga Pengarah



Kamarulazman Muhamed

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
1 Januari 2022

Kelulusan

- Ijazah Sarjana Sains Pengurusan Sistem Maklumat, Salford University, United Kingdom
- Association of Chartered Certified Accountants, Nottingham Trent University, United Kingdom

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif, Aerodyne Group
- Ahli, Lembaga Pengarah Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia
- Ahli, Majlis Penasihat Penyelidikan, Universiti Teknologi PETRONAS
- Profesor Adjung, Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Universiti Malaysia Pahang dan Edinburgh Business School di Heriot-Watt University Malaysia
- Professor of Practice, Putra Business School, Universiti Putra Malaysia

Pengalaman Lepas

- Ahli, Majlis Tindakan Ekonomi
- Ahli, Majlis Ekonomi Digital dan 4IR
- Ahli, Jawatankuasa Pemandu Pelan Hala Tuju Robotik Negara
- Ahli, Majlis Aeroangkasa Kebangsaan Malaysia
- Presiden, New Entrepreneur Foundation
- Ahli Exco, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
- Exco Perniagaan, Majlis Amanah Rakyat
- Pengarah dan Pengurus Negara, Computer Associates International

---



Dr. Nungsari Ahmad Radhi

Ahli Bukan Eksekutif Bebas

Dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah:
15 Februari 2023

Kelulusan

- Doktor Falsafah (Ekonomi), Purdue University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Sains (Matematik), Southern Illinois University, Amerika Syarikat
- Ijazah Sarjana Muda Sastera (Ekonomi dan Matematik), Southern Illinois University, Amerika Syarikat

Keahlian Lembaga Pengarah dan Lantikan Utama

- Ahli, Jawatankuasa Penasihat kepada Menteri Kewangan
- Pengarah, Ratulin Sdn Bhd
- Pengarah, Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah Institut Penyelidikan Khazanah
- Ahli, Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Rahimah binti Yusof

Pengalaman Lepas

- Pengerusi Eksekutif, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia
- Pengarah Eksekutif, Institut Penyelidikan Khazanah
- Pengarah Urusan, Prokhas Sdn Bhd
- Pegawai Utama, Lembaga Pengarah DanaInfra Nasional Berhad
- Pegawai Utama dan Ahli, Lembaga Pengarah Pengurusan Danaharta Nasional Berhad
- Pegawai Utama dan Ahli, Lembaga Pengarah Syarikat Jaminan Kredit Perumahan Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Commerce Tijari Bank/CIMB Islamic Bank Berhad
- Ahli, Lembaga Pengarah Bank Pertanian Malaysia

Pengurusan Kanan

Seperti yang diperuntukkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009, Gabenor bertanggungjawab terhadap pengurusan BNM dalam melaksanakan mandat yang diberikan kepada BNM. Dalam menggalas tugas dan tanggungjawab ini, Gabenor dibantu oleh pasukan pengurusan kanan yang terdiri daripada para Timbalan Gabenor dan Penolong Gabenor. Struktur organisasi BNM bertujuan untuk menggalakkan saluran pelaporan dan akauntabiliti yang jelas bagi pelbagai fungsi BNM.

Pelbagai jawatankuasa pengurusan juga ditubuhkan bagi membolehkan pasukan pengurusan kanan dan pegawai kanan lain turut sama dalam perbincangan dan pertukaran pendapat mengenai urusan BNM, khususnya yang melibatkan strategi organisasi dan keutamaan terpenting. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan ini termasuk jawatankuasa dasar seperti Jawatankuasa Kestabilan Kewangan serta Jawatankuasa Dasar Bersama, iaitu sebuah jawatankuasa yang ditugaskan untuk membincangkan pelbagai isu serta menyelaraskan dasar-dasar yang memberikan impak kepada sistem kewangan dan ekonomi secara amnya. Jawatankuasa-jawatankuasa pengurusan membolehkan BNM memanfaatkan pelbagai latar belakang kepakaran dan pandangan daripada seluruh organisasi untuk membuat keputusan yang tepat berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada perbincangan secara terbuka dan berterus-terang.

Dengan sokongan struktur pengurusan sedemikian, pihak pengurusan kanan menetapkan dasar-dasar dalaman serta menerajui operasi BNM bagi memastikan BNM berupaya mencapai matlamatnya, melaksanakan fungsinya serta menggunakan sumber-sumbernya secara berkesan, berhemat dan selaras dengan kepentingan BNM, demi memberikan manfaat kepada negara.

Jawatankuasa Pengurusan



Barisan hadapan (duduk dari kiri ke kanan)

Abdul Rasheed Ghaffour
Gabenor

Jessica Chew Cheng Lian
Timbalan Gabenor

Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Timbalan Gabenor

Barisan belakang (dari kiri ke kanan)

Marzunisham Omar
Timbalan Gabenor

Fraziali Ismail
Penolong Gabenor

Abd. Rahman Abu Bakar
Penolong Gabenor

Suhaimi Ali
Penolong Gabenor

Dr. Norhana Endut
Penolong Gabenor

Aznan Abdul Aziz
Penolong Gabenor

Pegawai-Pegawai Kanan

Gabenor	Abdul Rasheed Ghaffour
Timbalan Gabenor	Jessica Chew Cheng Lian
Timbalan Gabenor	Marzunisham Omar
Timbalan Gabenor	Adnan Zaylani Mohamad Zahid
Penolong Gabenor	Aznan Abdul Aziz
Penolong Gabenor	Fraziali Ismail
Penolong Gabenor	Dr. Norhana Endut
Penolong Gabenor	Abd. Rahman Abu Bakar
Penolong Gabenor	Suhaimi Ali
Penolong Gabenor	Abu Hassan Alshari Yahaya (dilantik sebagai Ketua, Pasukan Petugas Khas Lembaga Pengawasan Kredit Pengguna)
Setiausaha Lembaga Pengarah	Suhanna Omar
Pejabat Gabenor	Nurashiqin Asri
Audit Dalam	Marina Abdul Kahar
Pengurusan Risiko	Beh Cheng Hoon
Pejabat Etika dan Integriti	Santamarie Shamni Arulanandam
Undang-Undang	—
Kelestarian	Madelena Mohamed
Komunikasi Strategik	Shasha Kartini Ridzam
Perisikan Kewangan dan Penguatkuasaan	Mohd Fuad Arshad
Pemantauan dan Pengawasan Kewangan	Daniel Chin Shen Li
Dasar Kewangan Pruden	Cindy Siah Hooi Hoon
Konsumer dan Amalan Pasaran	Lim Hsin Ying
Dasar Perkhidmatan Pembayaran	Qaiser Iskandar Anwarudin
Penyeliaan Konglomerat Kewangan	Hong Chin Pheng
Penyeliaan Perbankan	Mohd Zabidi Md Nor
Penyeliaan Insurans dan Takaful	Hoo Hon Shiong
Pakar Risiko dan Penyeliaan Teknologi	Hew Ee-Lu
Pemantauan Perkhidmatan Pembayaran	Zarifa Izan Zainol Abidin
Pembangunan dan Inovasi Kewangan	Lau Chin Ching
Sistem Kewangan Islam	Nurul Izza Idris
Rangkuman Kewangan	Nor Rafidz Nazri
LINK dan Pejabat BNM	Thomas Tan Koon Peng

Operasi Pelaburan dan Pasaran Kewangan	Mohamad Ali Iqbal Abdul Khalid
Dasar Pertukaran Asing	Albert See Choon Kwang
Ekonomi	Idwan Suhardi Hakim
Dasar Monetari	Dr. Mohamad Hasni Sha'ari
Antarabangsa	Ida Harniza Johar
Pengurusan Data dan Statistik	Ong Li Ming
Ketua Pegawai Informasi	Tay Gim Soon
Teknologi Korporat	Victor Khor Eng Swee
Infrastruktur Teknologi Digital	Ahmad Affzan Mokhtar Anuar
Keselamatan Siber	Aizuddin Mohd Ghazali
Infrastruktur Pasaran Kewangan	Noor Hazama Fadhilah Abdullah
Modal Insan	Nurashikhin Md. Sharif
Mata Wang	Mohamad Zaini Ab Jabbar
Kewangan	Toh Ying Ying
Ketua Pegawai Perkhidmatan	Affendi Rashdi
Perkhidmatan Pengurusan Fasiliti	Razman Samsudin
Hospitaliti dan Muzium	Noreen Zulkepli
Pengurusan Keselamatan Organisasi	Ahmad Azaharudin Mohd Anuar
Perolehan Berpusat	—
Pentadbiran dan Perkhidmatan Korporat	Hairi Adam
Pejabat Perwakilan Beijing	Soo Woan Chin
Pejabat Perwakilan London	Shahredza Minhat
Pejabat Perwakilan New York	Ahmad Abrar Shamsuddin
Pejabat BNM Johor Bahru	Rosnani Mahamad Zain
Pejabat BNM Pulau Pinang	Panimoli Kalidass
Pejabat BNM Kuching	Mohd Irman Haji Mohd Din
Pejabat BNM Kota Kinabalu	Adlis Khairil Sazli Mohd Zaini
Pejabat BNM Kuala Terengganu	Zambre Ismail

BANK NEGARA MALAYSIA

Struktur Organisasi



Berkuat kuasa 15 Okt 2023

Jawatankuasa Berkanun

Tanggungjawab untuk membuat keputusan bagi beberapa bidang tertentu diletakkan di luar bidang kuasa pihak Lembaga Pengarah mahupun pihak Pengurusan BNM. Bidang-bidang tersebut diuruskan oleh badan-badan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang.

Jawatankuasa Dasar Monetari

Matlamat utama dasar monetari di Malaysia adalah untuk mengekalkan kestabilan harga dan pada masa yang sama memberikan perhatian yang sewajarnya terhadap perkembangan ekonomi negara. Di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 (Central Bank of Malaysia Act 2009, CBA 2009), Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) BNM bertanggungjawab merumuskan dasar monetari dan dasar berkaitan dengan cara mengendalikan operasi dasar monetari.[1] MPC menetapkan kadar faedah dasar, iaitu Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR), untuk mempengaruhi kadar faedah lain dalam ekonomi.

Dalam melaksanakan mandat ini, MPC menentukan dasar monetari berdasarkan penilaiannya terhadap imbangan risiko kepada prospek pertumbuhan inflasi dan ekonomi dalam negeri. MPC juga memantau risiko keadaan kewangan yang tidak seimbang memandangkan implikasi risiko ini terhadap prospek ekonomi. MPC bermesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun untuk membuat keputusan mengenai OPR. Selepas setiap mesyuarat diadakan, Pernyataan Dasar Monetari (Monetary Policy Statement, MPS) disiarkan untuk memberikan penjelasan mengenai keputusan yang dibuat.

Ahli-ahli MPC terdiri daripada Gabenor, Timbalan-Timbalan Gabenor, dan ahli lain yang tidak kurang daripada tiga tetapi tidak melebihi tujuh orang. Keahlian ini termasuk ahli dari luar BNM yang dilantik oleh Menteri Kewangan atas saranan Jawatankuasa Tadbir Urus Lembaga BNM. Pada masa ini, MPC mempunyai lapan orang ahli, dengan dua daripadanya adalah ahli dari luar BNM. Komposisi keahlian MPC ini bertujuan untuk menggabungkan pelbagai kepakaran dan pengalaman yang sangat penting untuk membuat keputusan mengenai dasar monetari yang tepat.

Ahli-ahli*

Abdul Rasheed Ghaffour (Pengerusi)

Jessica Chew Cheng Lian

Marzunisham Omar

Adnan Zaylani Mohamad Zahid

Dr. Norhana Endut

Fraziali Ismail

Nor Zahidi Alias *(Ahli Luar)*

Lim Chee Sing *(Ahli Luar)*

[1] Maklumat lanjut mengenai MPC dan proses membuat keputusan boleh dibaca dalam rencana bertajuk 'Di Sebalik Tabir Perumusan Dasar Monetari Bank Negara Malaysia' dalam laporan ini.

* Pada 20 Mac 2024.

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan

Jawatankuasa Eksekutif Kestabilan Kewangan (Jawatankuasa Eksekutif) ditubuhkan pada tahun 2010 mengikut Seksyen 37 Akta Bank Negara Malaysia 2009. Jawatankuasa Eksekutif ini membantu BNM dalam pelaksanaan mandat berkanunnya, iaitu memelihara kestabilan kewangan melalui kuasa yang diberikan bagi menentukan langkah-langkah dasar khusus yang boleh diambil oleh BNM untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko terhadap kestabilan kewangan.

Dalam pelaksanaan mandatnya, Jawatankuasa Eksekutif ini menyemak, menilai dan memutuskan cadangan BNM bagi:

- Mengeluarkan arahan kepada individu atau institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh BNM supaya mengambil langkah-langkah tertentu demi kepentingan kestabilan kewangan;
- Memberikan bantuan mudah tunai kepada institusi kewangan yang tidak dikawal selia oleh BNM, atau kepada operasi luar negeri institusi kewangan berlesen di Malaysia; dan
- Memberikan sokongan modal kepada institusi kewangan berlesen di Malaysia yang tidak berdaya maju atau mungkin tidak akan berdaya maju.

Langkah-langkah ini bertujuan memastikan fungsi pengantaraan kewangan yang berterusan dan berkesan, termasuk fungsi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing yang teratur, serta memelihara keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan.

Jawatankuasa Eksekutif ini terdiri daripada tujuh orang ahli, dan kebanyakannya merupakan ahli bukan eksekutif yang tidak terlibat dengan Pengurusan BNM. Ahli-ahlinya tertakluk pada Kod Etika dan Konflik Kepentingan, yang bertujuan untuk memelihara integriti keputusan Jawatankuasa Eksekutif ini. Pada tahun 2023, Jawatankuasa Eksekutif ini bermesyuarat sebanyak dua kali untuk membincangkan perkembangan dan penilaian risiko kestabilan kewangan dalam persekitaran keadaan kewangan yang semakin ketat dan tekanan inflasi yang ketara pada peringkat global.

Ahli-ahli*

Datuk Abdul Rasheed Ghaffour (Pengerusi)

Dato' Marzunisham Omar

Datuk Johan Mahmood Merican (Ahli bukan eksekutif bebas)

Dato' Seri Dr. Awang Adek Hussin (Ahli bukan eksekutif bebas)

Rafiz Azuan Abdullah (Ahli bukan eksekutif bebas)

Dato' Abdul Rauf Rashid (Ahli bukan eksekutif bebas)

Wong Chee Lin (Ahli bukan eksekutif bebas)

* Pada 20 Mac 2024.

Majlis Penasihat Shariah

Majlis Penasihat Shariah (MPS) Bank Negara Malaysia ditubuhkan pada bulan Mei 1997 sebagai badan berautoriti Syariah tertinggi bagi institusi kewangan Islam di Malaysia. Akta Bank Negara Malaysia 2009 (CBA 2009) memperkukuh peranan dan fungsi MPS sebagai badan berautoriti untuk menentukan hukum Syarak bagi perniagaan kewangan Islam yang dikawal selia oleh BNM.

MPS memegang peranan penting dalam usaha menggalakkan kepastian Syariah dan mengekalkan keyakinan orang ramai terhadap sistem kewangan Islam. Keputusan Syariah yang dibuat oleh MPS merupakan rujukan utama institusi kewangan Islam bagi memastikan pematuhan Syariah sepenuhnya dalam pelaksanaan produk kewangan Islam serta perniagaan dan aktiviti mereka. Selain itu, CBA 2009 memperuntukkan bahawa isu-isu Syariah yang dibawa ke mahkamah atau dibangkitkan dalam sebarang prosiding timbang tara hendaklah dirujuk kepada MPS untuk tujuan kejelasan dan kepastian.

MPS menyediakan asas Syariah untuk pembangunan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak Syariah yang komprehensif bagi institusi kewangan Islam di Malaysia. Dalam hal ini, MPS menentukan ciri-ciri penting kontrak dengan mengambil kira pelbagai pandangan Syariah, dapatan penyelidikan serta kebiasaan dan amalan pasaran.

Ahli-ahli MPS dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri Kewangan selepas berbincang dengan BNM. Kini, MPS mempunyai sembilan ahli yang terdiri daripada sarjana dan pengamal Syariah yang berpengalaman luas di dalam dan luar negara, terutamanya dalam bidang Syariah, undang-undang serta ekonomi dan kewangan Islam.

Pada tahun 2023, MPS bermesyuarat sebanyak lapan kali untuk mencapai kata sepakat dan mengeluarkan keputusan berhubung dengan isu-isu Syariah yang membentuk pembangunan dan peraturan bagi sistem kewangan Islam di Malaysia.

Ahli-ahli*

Prof. Dr. Ashraf Md Hashim (Pengerusi)

Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali (Timbalan Pengerusi)

Sahibus Samahah Dato' Setia Prof. Madya Dr. Haji Anhar Haji Opir

Tan Sri Mohd Zawawi Salleh

Datuk Prof. Dr. Mohamad Akram Laldin

Dr. Marjan Muhammad

Dr. Ahmad Basri Ibrahim

Burhanuddin Lukman

Zainal Abidin Jamal

* Pada 20 Mac 2024

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari

Jawatankuasa Semakan Penalti Monetari (JSPM) ialah jawatankuasa bebas yang dibentuk di bawah seksyen 238 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (Financial Services Act 2013, FSA) dan seksyen 249 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (Islamic Financial Services Act 2013, IFSA). JSPM mempertimbangkan rayuan daripada perayu (individu atau institusi) terhadap penalti monetari pentadbiran (administrative monetary penalty, AMP) atau remedi kewangan yang dikenakan oleh BNM dalam menggunakan kuasa penguatkuasaan pentadbiran di bawah FSA, IFSA, Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan Akta Mata Wang 2020 (Currency Act 2020, CA).[1]

JSPM menyediakan saluran bebas bagi pihak-pihak yang terkilan untuk membuat rayuan terhadap keputusan yang dibuat oleh BNM. JSPM boleh membuat keputusan sama ada untuk mengesahkan keputusan BNM atau menghendaki BNM mempertimbangkan semula keputusannya dan mencapai suatu keputusan mengikut dapatan JSPM. Ahli-ahli JSPM dilantik oleh Menteri Kewangan dalam kalangan Ahli Bukan Eksekutif Bebas dalam Lembaga Pengarah BNM atau individu luar lain atas saranan BNM.

Ahli-ahli*

Tan Sri Hasan Lah (Pengerusi)

Chin Suit Fang

Lillian Leong Bee Lian

[1] Bagi CA, rayuan hanya boleh dilakukan terhadap AMP yang dikenakan oleh BNM.

* Pada 20 Mac 2024.

Kewangan
Bank Negara Malaysia

Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 181

Penyata Pendapatan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 182

Nota-nota bagi Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 183

Kewangan
Bank Negara Malaysia



Kewangan Bank

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan sebuah badan berkanun yang membiayai sendiri operasi hariannya melalui pendapatan yang diperoleh daripada pelaburan BNM dalam rizab antarabangsa negara dan pasaran kewangan serta operasi am BNM yang lain. BNM menguruskan kewangannya dengan matlamat untuk memastikan adanya sumber untuk melaksanakan mandatnya dengan berkesan. Hal ini memerlukan BNM bertanggungjawab, berhemat dan berdisiplin dalam pengurusan sumbernya.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2023, BNM merekodkan keuntungan bersih selepas cukai berjumlah RM7.16 bilion (2022: RM6.99 bilion) berikutan kenaikan jumlah pendapatan sebanyak RM8.77 bilion (2022: RM8.52 bilion). Daripada jumlah ini, RM4.31 bilion (2022: RM4.24 bilion) akan dipindahkan kepada Rizab Risiko,[1] yang berjumlah RM150.06 bilion pada 31 Disember 2023 (2022: RM116.61 bilion). Memandangkan rizab antarabangsa BNM adalah dalam mata wang asing, penting bagi BNM untuk memastikan kedudukan Rizab Risikonya adalah memadai bagi menghadapi volatiliti pasaran kewangan dan turun naik dalam kadar pertukaran asing. Baki keuntungan bersih sebanyak RM2.85 bilion (2022: RM2.75 bilion) akan dibayar kepada Kerajaan sebagai dividen.

Jumlah aset meningkat sebanyak 1.97% kepada RM631.26 bilion (2022: RM619.04 bilion) pada 31 Disember 2023. Rizab antarabangsa terus menjadi sebahagian besar daripada aset BNM sebanyak 83% (2022: 81%).

Liabiliti BNM adalah terutamanya daripada deposit oleh institusi kewangan dan mata wang dalam edaran yang masing-masing berjumlah RM176.66 bilion and RM161.82 bilion pada 31 Disember 2023 (2022: RM221.89 bilion; RM162.07 bilion).

[1] Rizab Risiko ialah penampan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

Nota: Muka surat '3 hingga 25' dalam Sijil Ketua Audit Negara merujuk muka surat 181 hingga 196 dalam Laporan ini.

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
BANK NEGARA MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2023 Bank Negara Malaysia dan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 3 hingga 25.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2023 dan prestasi kewangan pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Bank Negara Malaysia dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS) dan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 setakat mana Lembaga Pengarah berpendapat wajar berbuat demikian dengan mengambil kira matlamat dan fungsinya. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Bank Negara Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;

b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Bank Negara Malaysia;

c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;

d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Bank Negara Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Bank Negara Malaysia tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Bank Negara Malaysia, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Bank Negara Malaysia berdasarkan keperluan Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

(DATUK WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
14 MAC 2024

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Abdul Rasheed Ghaffour dan Chin Suit Fang, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Bank Negara Malaysia, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat Lembaga Pengarah, penyata kewangan ini disediakan untuk memberikan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Bank Negara Malaysia pada 31 Disember 2023 dan hasil operasinya bagi tahun yang berakhir pada tarikh itu, mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Lembaga Pengarah,



ABDUL RASHEED GHAFFOUR
PENGERUSI

26 FEBRUARI 2024
KUALA LUMPUR



CHIN SUIT FANG
PENGARAH

26 FEBRUARI 2024
KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP PENGURUSAN KEWANGAN BANK NEGARA MALAYSIA

Saya, Toh Ying Ying, pegawai utama yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Bank Negara Malaysia dengan sesungguhnya dan seikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui)
oleh penama di atas di Kuala Lumpur)
pada 26 Februari 2024.)

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
W 703
MOHD FITRY ABDUL GHANI
01/01/2022 - 31/12/2024
NO. 58A, JALAN BUKIT RAJA
TAMAN SEPUTEH, 58000 KUALA LUMPUR

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2023

		2023 RM juta	2022 RM juta
ASET	**Nota**		
Emas dan Aset Kewangan Asing	3	487,960	471,957
Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa	4	6,229	6,177
Milikan Hak Pengeluaran Khas	4	26,676	25,197
Kertas Kerajaan Malaysia	5	13,009	12,822
Deposit dengan Institusi Kewangan	6	1,202	2,937
Pinjaman dan Pendahuluan	7	24,234	23,694
Tanah dan Bangunan	8	4,128	4,142
Aset-aset Lain	9	67,822	72,112
Jumlah Aset		**631,260**	**619,038**
LIABILITI DAN MODAL			
Mata Wang dalam Edaran		161,816	162,074
Deposit oleh: Institusi Kewangan		176,659	221,886
Kerajaan Persekutuan		3,526	5,220
Lain-lain	10	40,075	37,292
Kertas Bank Negara	11	29,235	6,651
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	4	29,738	28,213
Liabiliti-liabiliti Lain	12	3,268	4,399
Jumlah Liabiliti		444,317	465,735
Modal	13	100	100
Kumpulan Wang Rizab Am	14	28,888	28,888
Rizab Risiko	15	150,061	116,610
Rizab Penilaian Semula Tanah	16	708	719
Keuntungan Sebelum Agihan	17	7,186	6,986
Jumlah Modal		186,943	153,303
Jumlah Liabiliti dan Modal		**631,260**	**619,038**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

	Note	2023 RM juta	2022 RM juta
Jumlah Pendapatan	18	**8,772**	**8,515**
Tolak:			
Perbelanjaan Berulang	19	(1,441)	(1,378)
Perbelanjaan Pembangunan	20	(126)	(104)
Jumlah Perbelanjaan		**(1,567)**	**(1,482)**
Keuntungan Bersih Sebelum Cukai		**7,205**	**7,033**
Tolak: Cukai	21	(43)	(47)
Keuntungan Bersih Selepas Cukai		**7,162**	**6,986**

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

BANK NEGARA MALAYSIA

NOTA-NOTA BAGI PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

1. **Maklumat Am**

Bank Negara Malaysia (BNM) merupakan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 1958. Akta ini telah dimansuhkan oleh Akta Bank Negara Malaysia 2009. Ibu pejabat Bank terletak di Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Matlamat utama BNM adalah untuk menggalakkan kestabilan monetari dan kestabilan kewangan yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mampan. Sehubungan dengan itu, fungsi utama BNM adalah seperti yang berikut:

(a) untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari di Malaysia;

(b) untuk mengeluarkan mata wang di Malaysia;

(c) untuk mengawal selia dan menyelia institusi kewangan yang tertakluk pada undang-undang yang dikuatkuasakan oleh BNM;

(d) untuk mengawasi pasaran wang dan pasaran pertukaran asing;

(e) untuk mengawasi sistem pembayaran;

(f) untuk menggalakkan sistem kewangan yang kukuh, progresif dan inklusif;

(g) untuk memegang dan menguruskan rizab asing Malaysia;

(h) untuk menggalakkan rejim kadar pertukaran yang selaras dengan asas-asas ekonomi negara; dan

(i) untuk bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan.

2. **Dasar Perakaunan**

Dasar perakaunan utama yang digunakan dalam penyediaan penyata kewangan ini dihuraikan di bawah. Dasar perakaunan ini digunakan secara konsisten untuk kedua-dua tahun kewangan yang dikemukakan, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.1 **Asas Penyediaan Penyata Kewangan**

(a) Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (Malaysian Financial Reporting Standards, MFRS) yang berkaitan. Seksyen 10 Akta Bank Negara Malaysia 2009 memperuntukkan bahawa, dalam penyediaan penyata kewangannya, BNM hendaklah mematuhi piawaian perakaunan yang berkaitan setakat yang, pada pendapat Lembaga Pengarah, adalah wajar, dengan mengambil kira matlamat dan fungsi BNM. Dengan mengambil kira tanggungjawab BNM untuk merumuskan dan mengendalikan dasar monetari yang berkesan serta menggalakkan kestabilan pasaran kewangan, Lembaga Pengarah berpendapat bahawa penyediaan penyata kewangan ini wajar berbeza daripada piawaian perakaunan yang berkaitan dalam beberapa aspek tertentu.

BANK NEGARA MALAYSIA

(b) Penyediaan penyata kewangan ini mengikut dasar yang dinyatakan pada perenggan 2.1 (a) menghendaki pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian berdasarkan maklumat yang ada yang mungkin memberikan kesan kepada penggunaan dasar perakaunan dan jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, termasuk pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan, dan jumlah pendapatan dan perbelanjaan yang dilaporkan pada tahun kewangan itu. Walaupun anggaran ini berasaskan pengetahuan terbaik pihak pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza daripada anggaran yang dibuat.

2.2 **Asas Pengukuran dan Perakaunan**

Penyata kewangan ini disediakan pada asas akruan, menggunakan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya.

2.3 **Penukaran Mata Wang Asing**

(a) Penyata kewangan ini disediakan mengikut nilai Ringgit Malaysia, iaitu mata wang bagi persekitaran ekonomi utama tempat BNM beroperasi.

(b) Aset dan liabiliti dalam mata wang asing telah dinilai semula dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh tahun kewangan berakhir. Urus niaga dalam mata wang asing pada tahun ini telah dinilai dalam Ringgit Malaysia menggunakan kadar pertukaran semasa pada tarikh urus niaga.

(c) Semua keuntungan atau kerugian yang disebabkan oleh penilaian semula kadar pertukaran mata wang asing bagi aset dan liabiliti diiktiraf dalam Rizab Risiko, manakala keuntungan atau kerugian direalisasikan semasa tarikh penjualan bagi Aset-aset Lain dan Liabiliti-liabiliti Lain diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.4 **Penyatuan**

(a) **Syarikat Subsidiari**

Syarikat Subsidiari ialah semua entiti yang dikawal oleh BNM. BNM mempunyai kawalan terhadap sesebuah entiti apabila BNM terdedah, atau mempunyai hak terhadap, pelbagai pulangan daripada penglibatannya dengan entiti tersebut dan mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan tersebut melalui kuasanya ke atas entiti itu.

(b) **Syarikat Bersekutu**

Syarikat Bersekutu ialah semua entiti yang BNM mempunyai pengaruh yang signifikan tetapi tidak mempunyai kuasa secara amnya diiringi dengan pemegangan saham antara 20% hingga 50% daripada hak mengundi.

BNM tidak menyediakan penyata kewangan disatukan untuk syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu kerana entiti-entiti terbabit ditubuhkan bertujuan untuk pembangunan dan kestabilan industri kewangan. Pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos dan diselaraskan untuk sebarang jejas nilai yang tetap.

2.5 **Emas**

Emas direkodkan pada nilai saksama. Keuntungan atau kerugian belum direalisasikan yang disebabkan oleh perubahan nilai saksama emas diiktiraf dalam Rizab Risiko. Keuntungan atau kerugian direalisasikan daripada penjualan emas diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.6 **Sekuriti Asing**
Sekuriti asing merangkumi sekuriti pendapatan tetap dan ekuiti yang dinyatakan pada nilai saksama. Perubahan nilai saksama diiktiraf dalam Rizab Risiko atau dalam Penyata Pendapatan. Setelah penyahiktirafan, keuntungan atau kerugian direalisasikan diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

2.7 **Keuntungan Bersih**
Keuntungan bersih BNM diagihkan mengikut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009 dan hanya untung direalisasikan layak diagihkan kepada pemegang saham BNM.

2.8 **Perjanjian Belian Balik (Repo) dan Repo Berbalik**
Amaun yang dipinjam di bawah perjanjian repo dilaporkan di bawah Liabiliti-liabiliti Lain dan perbezaan antara harga jualan dengan harga belian balik diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah dalam Penyata Pendapatan. Sebaliknya, amaun yang dipinjamkan di bawah perjanjian repo berbalik dilaporkan di bawah Aset-aset Lain dan perbezaan antara harga belian dengan harga jualan balik diiktiraf sebagai pendapatan faedah dalam Penyata Pendapatan.

2.9 **Tanah dan Bangunan**

(a) BNM telah mempermodalkan semua tanahnya, manakala bangunan kekal dinyatakan pada nilai kos nominal RM10 setiap satu.

(b) Pada pengiktirafan awal, kos asal tanah yang dipermodalkan adalah termasuk harga belian berserta sebarang kos tambahan yang ditanggung untuk menjadikan tanah tersebut kepada keadaan semasa.

(c) Selepas pengiktirafan awal, tanah dinyatakan pada nilai yang dinilaikan semula. Penilaian profesional terhadap tanah milik BNM akan dilaksanakan setiap 10 tahun sekali dengan sebarang lebihan daripada penilaian semula diiktiraf terus dalam Rizab Penilaian Semula Tanah.

(d) Tanah pegangan bebas tidak disusut nilai manakala tanah pegangan pajakan dilunaskan sepanjang baki tempoh pajakan. Tanah (pegangan bebas dan pajakan) dinilaikan semula setiap 10 tahun dan nilai saksama ditentukan berasaskan bukti daripada pasaran yang dilaksanakan oleh penilai profesional yang bertauliah. Bangunan disusut nilai kepada nilai nominal pada tahun pembelian.

(e) Sebarang keuntungan atau kerugian yang direalisasikan daripada jualan tanah dikira berdasarkan perbezaan antara hasil jualan bersih dengan jumlah nilai bawaan tanah itu. Selepas tanah dijual, penilaian semula yang sebelum ini direkodkan dalam Rizab Penilaian Semula Tanah akan dipindahkan kepada Keuntungan Sebelum Agihan.

2.10 **Aset Tetap Lain**
Semua aset tetap lain direkodkan sepenuhnya sebagai perbelanjaan pada tahun pembelian.

2.11 **Kemerosotan Nilai Aset Kewangan**
Semua aset dinilai secara berkala untuk kerugian kemerosotan apabila berlaku sesuatu peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai bawaan mungkin tidak dapat diperoleh semula. Jika terdapat penunjuk sedemikian, kemerosotan nilai akan dikaji semula untuk menilai sama ada amaun bawaan aset boleh diperoleh semula sepenuhnya.

BANK NEGARA MALAYSIA

2.12 **Mata Wang dalam Edaran**

Mata wang dalam edaran ialah wang kertas dan duit syiling yang dikeluarkan oleh BNM untuk kegunaan dalam ekonomi. Wang kertas dan duit syiling diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada nilai nominal semasa dalam edaran dan dinyahiktiraf apabila dikeluarkan daripada edaran. Perbelanjaan yang ditanggung untuk pembelian dan pengeluaran wang kertas serta duit syiling diiktiraf dalam Penyata Pendapatan.

3. **Emas dan Aset Kewangan Asing**

	2023 RM juta	2022 RM juta
Emas	11,884	9,912
Sekuriti Asing	401,489	351,575
Deposit Asing	898	2,775
Baki di Bank Pusat Lain	60,634	95,988
Lain-lain	13,055	11,707
	487,960	471,957

4. **Kedudukan Rizab Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), Milikan Hak Pengeluaran Khas (SDR) dan Peruntukan Hak Pengeluaran Khas (SDR)**

Objektif IMF adalah untuk memupuk kerjasama monetari global, menjamin kestabilan kewangan, memudahkan perdagangan antarabangsa, menggalakkan lebih banyak peluang pekerjaan dan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta mengurangkan kemiskinan di seluruh dunia. IMF juga memberikan khidmat nasihat dan pembiayaan sementara kepada negara anggotanya sekiranya berlaku kesukaran imbangan pembayaran.

Kedudukan Rizab IMF

Kedudukan ini terdiri daripada bahagian rizab kuota Malaysia, pemberian pinjaman di bawah Rancangan Transaksi Kewangan (Financial Transaction Plan, FTP) dan Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB). Kuota IMF menentukan kekuatan undian sesebuah negara anggota, sumbangan kewangan kepada IMF, jumlah pembiayaan yang boleh diterima oleh negara anggota sekiranya menghadapi kesukaran imbangan pembayaran dan jumlah semua SDR yang diperuntukkan kepada negara anggota. Kedua-dua program FTP dan NAB adalah untuk memberikan pinjaman kepada negara anggota.

Milikan SDR

Milikan SDR ialah aset rizab antarabangsa yang diwujudkan oleh IMF. SDR diperuntukkan secara berkala kepada negara anggota IMF berdasarkan saiz kuota negara anggota. Negara anggota boleh menggunakan SDR untuk memperoleh rizab pertukaran asing dari negara anggota lain serta membuat pembayaran termasuk kepada IMF.

Peruntukan SDR

Peruntukan SDR ialah liabiliti kepada IMF yang merupakan amaun SDR yang telah diterima sejak penubuhannya.

BANK NEGARA MALAYSIA

	2023 RM juta	2022 RM juta
Kedudukan Rizab IMF	6,229	6,177
Milikan Hak Pengeluaran Khas	26,676	25,197
Peruntukan Hak Pengeluaran Khas	(29,738)	(28,213)
Nilai kedudukan bersih dengan IMF	3,167	3,161

5. **Kertas Kerajaan Malaysia**
Kertas Kerajaan Malaysia merujuk pemegangan instrumen hutang Kerajaan yang merupakan sebahagian daripada instrumen yang boleh digunakan dalam operasi dasar monetari Bank.

	2023 RM juta	2022 RM juta
Sekuriti Kerajaan Malaysia	11,177	11,364
Sijil Pelaburan Kerajaan Malaysia	1,832	1,458
	13,009	12,822

6. **Deposit dengan Institusi Kewangan**
Deposit dengan institusi kewangan terdiri daripada deposit yang disimpan oleh BNM dengan institusi kewangan di bawah seksyen 75(i) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

7. **Pinjaman dan Pendahuluan**
Pinjaman dan pendahuluan terdiri daripada pendahuluan yang diberikan oleh BNM kepada institusi kewangan peserta di bawah pelbagai skim yang bertujuan mencapai rangkuman kewangan yang lebih meluas, perkembangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan menyokong PKS yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Pemberian pendahuluan ini diperuntukkan di bawah seksyen 48, seksyen 49 dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

	2023 RM juta	2022 RM juta
Dana BNM untuk PKS		
Dana untuk menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan PKS	4,452	3,787
Bantuan Khas PKS yang terjejas akibat COVID-19	17,441	17,658
Pembiayaan Pelancongan PENJANA dan Automasi & Digital untuk PKS yang terjejas akibat COVID-19	1,030	941
Dana Rumah Mampu Milik	1,000	1,000
Lain-lain	311	308
	24,234	23,694

BANK NEGARA MALAYSIA

8. **Tanah dan Bangunan**

	2023 RM juta	2022 RM juta
Tanah, pada kos		
Pegangan bebas	3,318	3,318
Tanah, pada penilaian semula		
Pegangan bebas	691	694
Pajakan	119	130
	4,128	4,142

	2023 RM juta	2022 RM juta
Tanah pajakan		
Setakat 1 Januari	130	150
Tolak: Penjualan pada tahun semasa	(9)	(18)
Pelunasan Terkumpul	(2)	(2)
Setakat 31 Disember	119	130

	2023 RM	2022 RM
Bangunan, pada nilai nominal		
Pegangan bebas	1,890	2,240
Pajakan	960	1,360
	2,850	3,600

Tanah pegangan bebas dan pajakan, pada penilaian semula, telah dinilai semula oleh penilai bebas pada 1 Ogos 2014.

9. **Aset-aset Lain**

Aset-aset Lain termasuk sekuriti yang dibeli melalui perjanjian repo berbalik dan pelaburan dalam saham dan bon yang diperoleh di bawah seksyen 48(1) dan seksyen 100 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

	2023 RM juta	2022 RM juta
Perjanjian Repo Berbalik	62,149	65,511
Pelaburan dalam Saham dan Bon	4,389	4,390
Lain-lain	1,284	2,211
	67,822	72,112

BANK NEGARA MALAYSIA

	2023 RM juta	2022 RM juta
Pelaburan dalam Saham dan Bon		
Syarikat Subsidiari	4,257	4,257
Syarikat Bersekutu	37	38
Pelaburan Lain	95	95
	4,389	4,390

10. **Deposit oleh Lain-lain**
Sebahagian besar daripada deposit ini terdiri daripada deposit institusi nasional, agensi kerajaan dan pihak berkuasa awam.

11. **Kertas Bank Negara**
Kertas Bank Negara merupakan alat dasar monetari tambahan yang diterbitkan oleh BNM untuk menguruskan mudah tunai dalam pasaran wang domestik. Alat dasar ini termasuk Bil Antara Bank yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia (Bank Negara Interbank Bills, BNIB) dalam mata wang asing yang juga merupakan sebahagian daripada operasi pasaran BNM untuk menguruskan mudah tunai mata wang asing dalam pasaran wang domestik.

12. **Liabiliti-liabiliti Lain**
Liabiliti-liabiliti Lain termasuk sekuriti dijual di bawah perjanjian repo sebanyak RM1,121 juta (2022: RM2,316 juta).

	2023 RM juta	2022 RM juta
Perjanjian Repo	1,121	2,316
Akruan	1,728	1,704
Lain-lain	419	379
	3,268	4,399

13. **Modal**
Mengikut seksyen 6 Akta Bank Negara Malaysia 2009, modal BNM adalah sebanyak RM100,000,000 dan dimiliki oleh Kerajaan Malaysia.

14. **Kumpulan Wang Rizab Am**

	2023 RM juta	2022 RM juta
Setakat 1 Januari	28,888	21,092
Amaun yang diluluskan dan dipindahkan kepada Kumpulan Wang Rizab Am pada tahun semasa	-	7,796
Setakat 31 Disember	28,888	28,888

BANK NEGARA MALAYSIA

Pengagihan keuntungan bersih kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan dividen kepada Kerajaan hanya akan diiktiraf setelah mendapat kelulusan daripada Lembaga Pengarah dan Menteri seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Tiada pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

15. **Rizab Risiko**

Rizab Risiko ialah penampan kewangan yang terdiri daripada pindahan keuntungan bersih terkumpul, keuntungan atau kerugian belum direalisasikan daripada penilaian semula aset dan liabiliti mata wang asing serta perubahan nilai saksama bagi sekuriti yang direkodkan pada nilai saksama.

Rangka kerja pengukuran risiko pasaran digunakan untuk membuat anggaran penampan kewangan yang diperlukan bagi mengimbangi kesan kerugian luar jangka berikutan faktor yang di luar kawalan BNM.

	2023 RM juta	2022 RM juta
Setakat 1 Januari	116,610	152,183
Peningkatan dalam tahun semasa	33,451	(35,573)
Setakat 31 Disember	150,061	116,610

16. **Rizab Penilaian Semula Tanah**

Rizab Penilaian Semula Tanah adalah untuk lebihan tanah (pegangan bebas dan pajakan) yang belum direalisasikan apabila penilaian semula dibuat. Selepas dijual, lebihan tanah yang berkaitan dengan aset yang direalisasikan itu akan dipindahkan kepada Keuntungan Sebelum Agihan.

17. **Keuntungan Sebelum Agihan**

	2023 RM juta	2022 RM juta
Baki 1 Januari	6,986	12,796
Tolak: Pengagihan yang diluluskan pada tahun semasa		
Pindahan kepada Kumpulan Wang Rizab Am	-	(7,796)
Pindahan kepada Rizab Risiko	(4,236)	-
Dividen dibayar kepada Kerajaan	(2,750)	(5,000)
	-	-
Keuntungan sebelum agihan bagi tahun semasa	7,162	6,986
Tambah: Lebihan tanah dari Rizab Penilaian Semula Tanah	24	-
Baki 31 Disember	7,186	6,986

Menurut seksyen 7 Akta Bank Negara Malaysia 2009, pengagihan kepada Kumpulan Wang Rizab Am dan pengisytiharan dividen kepada Kerajaan adalah tertakluk pada kelulusan Lembaga Pengarah dan Menteri, dan jika diluluskan akan diiktiraf dalam tahun kewangan yang berikutnya yang berakhir pada 31 Disember 2024.

BANK NEGARA MALAYSIA

Dividen dibayar kepada Kerajaan bagi tahun berakhir 2022 berjumlah RM2.75 bilion telah diluluskan oleh Menteri pada 17 Mac 2023.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2023, Lembaga Pengarah telah meluluskan pindahan kepada Rizab Risiko sebanyak RM4.34 bilion dan mencadangkan dividen sebanyak RM2.85 bilion kepada Kerajaan.

18. **Jumlah Pendapatan**

		2023 RM juta	2022 RM juta
Pendapatan Operasi	(a)	8,472	8,303
Pendapatan Pinjaman dan Pendahuluan	(b)	34	43
Pendapatan Lain	(c)	266	169
		8,772	8,515

(a) **Pendapatan Operasi**
Pendapatan operasi terdiri daripada hasil rizab asing yang merangkumi faedah dan dividen, keuntungan atau kerugian modal yang direalisasikan dan dinyatakan pada nilai bersih setelah ditolak pelunasan/ akresi atas premium/diskaun dan kos dasar monetari.

(b) **Pendapatan Pinjaman dan Pendahuluan**

	2023 RM juta	2022 RM juta
Dana BNM untuk PKS	17	26
Dana Rumah Mampu Milik	10	10
Lain-lain	7	7
	34	43

(c) **Pendapatan Lain**
Pendapatan lain termasuk pendapatan daripada caj pemprosesan mata wang, jualan wang kertas dan duit syiling peringatan serta pendapatan tidak berulang yang lain.

19. **Perbelanjaan Berulang**

		2023 RM juta	2022 RM juta
Kos Kakitangan	(a)	(771)	(708)
Operasi Mata Wang	(b)	(175)	(223)
Teknologi Maklumat	(c)	(138)	(130)
Utiliti dan Penyelenggaraan	(d)	(122)	(108)
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(e)	(235)	(209)
		(1,441)	(1,378)

BANK NEGARA MALAYSIA

(a) **Kos Kakitangan**
Kos kakitangan termasuk gaji, elaun, kos perubatan kakitangan dan caruman berkanun majikan.

(b) **Operasi Mata Wang**
Operasi mata wang terdiri daripada perbelanjaan secara langsung dan tidak langsung dalam proses pengeluaran wang kertas dan duit syiling.

(c) **Teknologi Maklumat**
Teknologi maklumat merupakan perbelanjaan yang ditanggung untuk mengekalkan infrastruktur dan peralatan IT termasuk pembaharuan lesen dan pembelian alatan habis guna IT.

(d) **Utiliti dan Penyelenggaraan**
Utiliti dan penyelenggaraan termasuk perbelanjaan berkaitan dengan penyelengaraan bangunan pejabat BNM dan premis-premis lain.

(e) **Perbelanjaan Am dan Pentadbiran**
Perbelanjaan am dan pentadbiran merupakan perbelanjaan yang ditanggung dalam pentadbiran operasi harian BNM.

20. **Perbelanjaan Pembangunan**
Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan lain yang bukan sebahagian daripada perbelanjaan berulang yang ditanggung terutamanya bagi membiayai projek pembangunan dan projek jangka panjang yang dilaksanakan oleh BNM selaras dengan matlamat dan fungsi utama BNM.

21. **Cukai**
BNM dikecualikan daripada membayar cukai pendapatan dan cukai pendapatan tambahan seperti yang ditetapkan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 7) 1989. Perbelanjaan cukai ialah cukai pegangan tidak boleh dituntut ke atas dividen dan faedah daripada pelaburan asing serta cukai keuntungan modal ke atas penjualan pelaburan asing.

22. **Perkara Luar Jangka dan Komitmen**

22.1 **Aset Luar Jangka**
Jumlah aset luar jangka setakat 31 Disember 2023 ialah RM1,840 juta. Aset ini terdiri daripada jumlah pendanaan BNM kepada Tabung Amanah Pusat Kepimpinan Kewangan Antarabangsa (International Centre for Leadership in Finance, ICLIF) berjumlah RM1,000 juta dan Tabung Amanah Pusat Pendidikan Kewangan Islam Antarabangsa (International Centre for Education in Islamic Finance, INCEIF) berjumlah RM840 juta untuk membiayai aktiviti berkaitan dengan latihan, penyelidikan dan pembangunan sumber manusia dalam bidang perbankan dan perkhidmatan kewangan yang dikendalikan masing-masing oleh Asia School of Business (ASB) dan INCEIF. Surat Ikatan Amanah memperuntukkan bahawa jumlah pendanaan tersebut akan dikembalikan kepada BNM apabila pusat-pusat tersebut mampu berdikari pada masa hadapan.

BANK NEGARA MALAYSIA

22.2 **Komitmen**

Jumlah komitmen setakat 31 Disember 2023 terdiri daripada perkara-perkara yang berikut:

	Nota	2023 RM juta	2022 RM juta
Jumlah Komitmen			
Keanggotaan dengan International Monetary Fund	(a)		
Kuota Belum Berbayar	(i)	16,409	15,179
Pengaturan Baharu untuk Meminjam	(ii)	4,183	3,954
Perjanjian Pinjaman Dua Hala	(iii)	1,978	1,892
Pelaburan dalam Bank for International Settlements	(b)	74	71
Pengaturan Swap	(c)		
Pengaturan Swap Dua Hala dengan			
People's Bank of China	(i)(a)	76,390	76,143
Bank of Korea	(i)(b)	-	15,000
Bank Indonesia	(i)(c)	4,498	5,300
Bank of Japan	(i)(d)	13,770	13,170
Bank of Thailand	(i)(e)	13,770	-
Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai	(ii)	41,787	39,967
Perjanjian Repo dengan Ahli EMEAP	(iii)	22,950	21,950
		195,809	192,626

(a) **Keanggotaan dengan IMF**

(i) BNM mempunyai kewajipan untuk membayar IMF sebanyak SDR2,664 juta, bersamaan dengan RM16,409 juta (2022: SDR2,598 juta, bersamaan dengan RM15,179 juta) atau dalam mata wang boleh tukar lain yang merupakan bahagian belum bayar kuota Malaysia di IMF di bawah Artikel Persetujuan.

(ii) BNM telah menyertai Pengaturan Baharu untuk Meminjam (New Arrangements to Borrow, NAB), iaitu satu set pengaturan kredit antara IMF dengan negara anggotanya bagi menyediakan sumber pembiayaan tambahan kepada IMF yang bertujuan untuk memelihara kestabilan sistem monetari antarabangsa. Setakat 31 Disember 2023, jumlah kredit yang belum digunakan di bawah NAB ialah SDR679 juta, bersamaan dengan RM4,183 juta (2022: SDR677 juta, bersamaan dengan RM3,954 juta).

(iii) BNM telah menyertai Perjanjian Pinjaman Dua Hala (Bilateral Borrowing Agreement, BBA), iaitu sumbangan dua hala kepada IMF untuk tujuan luar jangkaan dan menangani krisis kewangan. BNM telah bersetuju untuk menyumbang sejumlah USD431 juta, bersamaan dengan RM1,978 juta (2022: USD431 juta, bersamaan dengan RM1,892 juta) sumbangan dua hala kepada IMF untuk tujuan awasan dan menangani krisis kewangan mulai 1 Januari 2021.

BANK NEGARA MALAYSIA

(b) **Pelaburan dalam Bank for International Settlements (BIS)**
Komitmen BNM sebanyak SDR12 juta, bersamaan dengan RM74 juta (2022: SDR12 juta, bersamaan dengan RM71 juta) merupakan bahagian belum dipanggil daripada 3,220 unit saham yang dipegang oleh BNM dalam BIS berdasarkan nilai nominal SDR5,000 setiap satu menggunakan kadar SDR pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(c) **Pengaturan Swap**

(i) **Pengaturan Swap Dua Hala (Bilateral Swap Arrangement, BSA)**

(a) Pada 12 Julai 2021, BNM memperbaharui perjanjian BSA dengan People's Bank of China (PBOC) yang bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penyelesaian perdagangan dan pelaburan langsung dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara, sokongan mudah tunai untuk bank tempatan dan imbangan pembayaran jangka pendek. Setakat 31 Disember 2023, jumlah komitmen tertunggak BNM di bawah BSA ini adalah sebanyak RM76.4 bilion (2022: RM76.1 bilion).

(b) Pada 2 Februari 2023, perjanjian BSA dengan Bank of Korea (BOK) telah tamat. Setakat 31 Disember 2023, tiada komitmen tertunggak (2022: RM15 bilion).

(c) Pada 23 September 2022, BNM telah memeterai perjanjian BSA mata wang tempatan dengan Bank Indonesia (BI) yang bertujuan untuk menggalakkan perdagangan dua hala dan memudahkan penyelesaian perdagangan dalam mata wang tempatan antara kedua-dua negara. Setakat 31 Disember 2023, jumlah komitmen tertunggak mata wang tempatan di bawah BSA ialah RM4.5 bilion (2022: RM5.3 bilion).

(d) Pada 18 September 2023, BNM telah memperbaharui perjanjian BSA dengan Bank of Japan (BOJ) yang bertujuan menyediakan imbangan pembayaran jangka pendek atau sokongan mudah tunai. Setakat 31 Disember 2023, jumlah komitmen tertunggak di bawah BSA ini ialah RM13.8 bilion (2022: RM13.2 bilion).

(e) Pada 4 Februari 2023, BNM telah memeterai perjanjian BSA dengan Bank of Thailand (BOT) yang bertujuan menyediakan sokongan mudah tunai untuk imbangan pembayaran jangka pendek dan menggalakkan perdagangan dua hala serta keperluan pelaburan langsung. Setakat 31 Disember 2023, jumlah komitmen tertunggak di bawah BSA ialah sebanyak RM13.8 bilion (2022: tiada).

(ii) **Pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai**
BNM telah menyertai pengaturan Multilateralisasi Inisiatif Chiang Mai (Chiang Mai Initiative Multilateralisation, CMIM) yang bertujuan untuk memberikan sokongan kewangan kepada negara anggota ASEAN+3 yang menghadapi kesukaran imbangan pembayaran dan mudah tunai jangka pendek melalui pengaturan swap terhadap mata wang negara masing-masing. Setakat 31 Disember 2023, jumlah komitmen terkumpul BNM adalah sebanyak RM41.8 bilion (2022: RM40 bilion).

BANK NEGARA MALAYSIA

(iii) **Perjanjian Repo dengan Bank Pusat dan Pihak Berkuasa Monetari**
BNM telah menandatangani perjanjian repo dengan beberapa bank pusat dan pihak berkuasa monetari serantau di bawah Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat Asia Timur dan Pasifik (Executives' Meeting of East Asia-Pacific Central Banks, EMEAP) untuk menyediakan bantuan mudah tunai semasa kecemasan. Setakat 31 Disember 2023, jumlah komitmen tertunggak adalah sebanyak RM23 bilion (2022: RM22 bilion).

23. **Pengurusan Risiko Kewangan**
Jawatankuasa Pengurusan Rizab memantau penilaian, pengukuran dan kawalan risiko pelaburan dalam pengurusan rizab supaya rizab berada pada paras yang sewajarnya. Hal ini bertujuan memastikan matlamat untuk melindungi modal, mudah tunai dan pulangan yang munasabah tercapai. Dalam melaksanakan fungsi ini, risiko utama pelaburan merangkumi risiko yang berikut:

(a) **Risiko Pasaran**
Risiko pasaran ialah dedahan pelaburan BNM terhadap pergerakan negatif dalam harga pasaran yang berkaitan dengan kadar pertukaran asing, kadar faedah serta harga bon dan ekuiti. Risiko pasaran dinilai dan dipantau setiap hari. Dasar tanda aras yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah mencerminkan matlamat pelaburan jangka panjang dan profil risiko-pulangan yang wajar. Pelaburan boleh dibuat dalam instrumen yang berbeza daripada instrumen tanda aras. Perbezaan dalam pelaburan ini dikawal melalui satu set had pengurusan risiko, pengaturan tadbir urus dan garis panduan pelaburan yang juga diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Analisis kepekaan dan ujian tekanan dijalankan untuk menilai risiko yang akan dihadapi dan kemungkinan kerugian yang ditaksirkan mengikut pasaran, berikutan pergerakan negatif dan volatiliti dalam pasaran serta keadaan mudah tunai.

(b) **Risiko Kredit**
Risiko kredit ialah risiko kemungkiran oleh penerbit sekuriti atau kegagalan rakan niaga untuk memenuhi kewajipan kontraktualnya kepada BNM yang menyebabkan BNM tidak memperoleh pulangan pokok dan/atau faedah, mengikut tempoh yang sepatutnya. Rangka kerja risiko kredit yang komprehensif menggariskan pelaburan yang dibenarkan dan kesanggupan BNM untuk mengambil risiko, dengan itu memastikan pelaburan dibuat dengan penerbit dan rakan niaga yang mempunyai kedudukan kredit yang baik. Rangka kerja yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah ini juga mengambil kira penunjuk kredit berasaskan pasaran seperti penarafan yang terhasil daripada harga pasaran kewangan dan penilaian kredit dalaman. Pertimbangan ini menambah baik rangka kerja risiko kredit dengan menyediakan penilaian kredit yang lebih dinamik dan berpandangan ke hadapan.

(c) **Risiko Operasi**
Risiko operasi ialah risiko kerugian kewangan akibat kegagalan proses dalaman, kawalan dan prosedur yang tidak mencukupi, atau apa-apa perkembangan dalaman atau luaran lain yang menjejaskan operasi. Risiko operasi dapat dikurangkan melalui rangka kerja tadbir urus risiko yang mantap dan pelaksanaan kawalan dan had risiko yang berkesan. Satu mekanisme pengawasan risiko operasi yang menyeluruh telah diwujudkan untuk membantu mengenal pasti risiko yang mungkin timbul dalam operasi BNM supaya tindakan boleh diambil bagi menguruskan jurang yang ada dan mengurangkan kerugian kewangan.

BANK NEGARA MALAYSIA

24. **Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) (disebut sebagai 'Akaun Dana Perubatan')**
Akaun Dana Perubatan ditubuhkan pada 21 Jun 2006 di bawah seksyen 15 (6) Akta Bank Negara Malaysia 1958 dan terus berada di bawah seksyen 83 (4) dan (5) Akta Bank Negara Malaysia 2009.

Akaun Dana Perubatan ditadbir urus di bawah Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006 dan Arahan Amanah Tambahan 2017. Objektif Akaun Dana Perubatan ini adalah untuk membantu BNM membiayai perbelanjaan perubatan para pesara BNM dan tanggungan mereka yang layak. Seperti yang ditetapkan dalam Arahan Amanah Akaun Kebajikan Kakitangan Bank Negara Malaysia (Dana Perubatan) 2006, Dana Perubatan hendaklah ditadbir oleh Jawatankuasa Dana Perubatan. Akaun Dana Perubatan disediakan secara berasingan dan hendaklah diaudit sama seperti Akaun BNM.

25. **Transaksi dan Baki Entiti Berkaitan**

Kerajaan Malaysia
BNM mempunyai hubungan dengan Kerajaan melalui pemilikan. BNM membiayai operasinya sendiri dan mengekalkan kebebasan organisasi dan fungsi daripada Kerajaan. BNM juga bertindak sebagai penasihat kewangan, jurubank dan ejen kewangan Kerajaan. Dalam menjalankan operasinya, BNM akan melakukan transaksi melibatkan entiti berkaitan. Baki signifikan entiti berkaitan dibentangkan dalam penyata kewangan ini.

Baki Signifikan Entiti Berkaitan

	2023 RM juta	2022 RM juta
Pemegang Saham		
Kerajaan Malaysia		
Pemegangan Kertas Kerajaan Malaysia	13,009	12,822
Penempatan deposit daripada Kerajaan	3,526	5,220

26. **Kelulusan Penyata Kewangan**
Lembaga Pengarah telah meluluskan penyata kewangan tahunan ini pada 26 Februari 2024.